

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

**Tarikh** : 20 NOVEMBER 2015 (JUMAAT)

**Masa** : 9.30 Pagi

**Tempat** : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Tim. Ketua Menteri I/Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
19	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
25	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26	YB. Teh Lai Heng	Komtar
27	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
30	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31	YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid	Telok Ayer Tawar
32	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Saad	Pulau Betong
33	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
34	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
35	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
39	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A  
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Hajah Aliza Binti Sulaiman	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

**TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Encik Mohd Roshidi bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

**Setiausaha:**

Ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan doa.

**Timbalan Setiausaha:**

'Doa'.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dipersilakan Y.A.B. Ketua Menteri.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

YB. Dato' Yang di-Pertua, Saya ingin memaklumkan kepada semua ada seorang rakyat Malaysia kali pertama telah diculik daripada tanah air kita dan dibawa oleh pengganas-pengganas dan militan-militan ke sebuah negara jiran dan telah menjadi orang tebusan sepanjang lebih enam bulan dan dua hari lepas rakyat Malaysia telah pun dikejutkan dengan satu cerita yang telah menggemparkan bukan satu Malaysia tetapi juga satu dunia. Iaitu orang tebusan mendiang Encik Bernard Then oleh kerana tidak dapat memenuhi syarat-syarat pengganas-pengganas telah pun dibunuh dengan begitu kejam sekali iaitu dipancung. Ini adalah satu trajedi dan malapetaka yang saya rasa bukan sahaja menyentuh rakyat Sarawak dan Sabah tetapi pun juga menyentuh rakyat Malaysia. Kejadian yang menyayat hati ini kami daripada pihak Kerajaan Negeri ingin meminta bahawa Dewan ini dapat menyampaikan ucapan takziah kepada ahli keluarganya dan pada masa yang sama mengecam sekuat-kuatnya pembunuhan yang kejam ini dan juga melahirkan harapan mereka yang bertanggung jawab dapatlah diambil tindakan.

Oleh sebab itu saya ingin memohon YB. Dato' Speaker untuk membolehkan menyampaikan takziah kepada ahli keluarga dengan bertakafur untuk satu minit. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, sila berdiri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambungkan dengan sesi soalan lisan dan ingin saya persilakan YB. Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):**

Soalan 59.

59. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk menebusguna? Jika ada, nyatakan lokasi dan keluasan yang akan ditebusguna.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

YB. Dato' Speaker dan YB. Teluk Bahang. Untuk soalan 59 yang berbunyi sama ada Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk menebusguna. Jika ada, nyatakan lokasi dan keluasan yang akan ditebusguna.

YB. Dato' Speaker, kawasan tanah laut yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk ditambah adalah seperti berikut:

- (i) Tebus guna tanah Bandar Tanjung Pinang Fasa 2, di Tanjung Tokong dan Persiaran Gurney. Projek ini adalah sambungan daripada projek tebus guna tanah Bandar Tanjung Pinang Fasa 1 yang telah siap dibangunkan ianya melibatkan keluasan 891 ekar dan akan dilaksanakan oleh Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd;
- (ii) Tebus guna tanah Bayan Mutiara oleh Topicana Ivory Sdn Bhd dengan keluasan 35 ekar;
- (iii) Tebus guna tanah Bayan Bay oleh Ideal Gim Ventures Sdn. Bhd. dengan keluasan 24.79 ekar.

Seperti mana yang telah dinyatakan dalam ucapan bajet Y.A.B. Ketua Menteri. Sekian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dipersilakan YB. Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan 60. Terima kasih.

60. Sila nyatakan adakah Kerajaan Negeri sekarang adalah merupakan Pakatan Rakyat atau Pakatan Harapan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada daripada soalan daripada ADUN Kawasan Penaga berkaitan sama ada Kerajaan Negeri sekarang adalah merupakan Pakatan Rakyat atau Pakatan Harapan. Kerajaan Negeri sekarang adalah Kerajaan Negeri Pakatan Harapan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih di atas jawapan yang diberikan. Saya ingin bertanya berkaitan kedudukan Ahli Dewan Undangan Negeri Permatang Pasir. Yang kita tahu bahawa beliau telah memegang jawatan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam yang di bawah Kerajaan Negeri iaitu Kerajaan Pakatan Harapan dan beliau juga masih, saya difahamkan masih menjadi ahli PAS. Soalan saya adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu Kerajaan Pakatan Harapan mengamalkan dasar ...(dengan izin) *double standard* atau memilih kasih dalam sekiranya beliau masih lagi dalam ataupun menjadi sebahagian Kerajaan Pakatan Harapan. Itu soalan yang pertama. Soalan saya yang kedua, jawapan yang diberikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri ialah bahawa Kerajaan Negeri sekarang adalah Kerajaan Pakatan Harapan. Jika soalan tambahan saya yang kedua, YB. Permatang Berangan masih lagi berada Kerajaan Pakatan Harapan, YB. Permatang Pasir minta maaf...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak boleh lompat.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Minta maaf. Soalan tambahan saya yang kedua, YB. Permatang Pasir sekiranya YB. Permatang Pasir masih lagi menjadi sebahagian daripada Kerajaan Pakatan Harapan, adakah beliau akan dipecat seperti ahli-ahli PAS yang telah dipecat kerana tidak menyokong dasar Kerajaan Pakatan Harapan baru-baru ini dan yang ketiga, soalan tambahan saya yang ketiga, sebenarnya saya buat persediaan tapi saya cari tak jumpa.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan ketiga pun saya izinkan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Soalan tambahan yang ketiga sekiranya YB. Permatang Pasir masih lagi berada di dalam Kerajaan Pakatan Harapan, adakah Pakatan Harapan akan mengambil tindakan memecat beliau daripada Kerajaan Pakatan Harapan atau memaksa beliau untuk.... (gangguan). Tiga (3) dan dua (2) sama. Soalan yang ketiga (3)...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang lain jangan ganggu. Kalau YB. Penaga nak tanya silakan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Seperti yang saya katakan tadi soalan yang saya nak tanya hilang. Mungkin saya beri peluang kepada kawan saya sekiranya ingin bertanya soalan yang berkaitan dengan ini.

## **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):**

Ini *passing* bola ini macam mana ni. Saya minta Kerajaan Negeri...(gangguan).

### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Duduk. Saya jawab apa yang ditanya. Ni tak mau terima bola ini. Terima kasih kepada YB. Penaga sungguh pun tadi agak keliru sedikit dengan soalan tapi kami faham ADUN Penaga seorang baik dan kami harap bahawa YB. Penaga pun boleh ada sikap yang sama ke atas dengan YB. Permatang Pasir. Tentang soalan pertama bahawa pihak Kerajaan Negeri memang tidak mengamalkan *double standard*. Sebaliknya kita mengamalkan semangat secara kekeluargaan dalam Pakatan Harapan oleh kerana YB. Permatang Pasir bersedia dan setia kepada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sungguh pun dia masih seorang PAS. Oleh itu sebabnya kita ada sikap dan semangat kekeluargaan ini dimana kita secara *inclusive*. Beliau masih dalam PAS tapi beliau sudi sokong Kerajaan Negeri Pulau Pinang sungguh pun ia adalah Kerajaan Negeri Pakatan Harapan dan juga sedia membela Kerajaan Negeri Pakatan Harapan dan juga kepimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan. Saya rasa itu penting. Sekiranya sedia membuat kenyataan terbuka seperti ini maka tidak timbul isu-isu sama ada beliau setia atau tidak. Saya rasa YB. Penaga pun bersetuju kalau menjadi sebahagian daripada keluarga Pakatan Harapan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Salah satu sifat ialah selain daripada cekap, bersih, amanah telah menunjukkan kesetiaan dengan menyokong dasar-dasar dan kepimpinan negeri termasuk saya sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang. Tidak timbul *double standard* kerana beliau telah menyatakan sokongan dan kesetiaan kepada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan dan pada masa yang sama, tidak juga timbul soalan kedua bahawa beliau harus dipecat atas alasan yang sama saya berikan tadi. Tugas-tugas yang beliau jalankan sepanjang masa ini tidak terjejas.

Ini berlainan sikit dengan keadaan JKkk yang telah ditamatkan perkhidmatan. Kita kena ingat bahawa ada 1,083 Ahli JKkk PAS di seluruh Pulau Pinang di mana 300 dihentikan atau ditamatkan perkhidmatan kerana mereka tidak bersedia untuk menyokong Kerajaan Negeri Pakatan Harapan. Macam mana boleh menjadi Ahli Kerajaan kalau tak mau sokong kerajaan sendiri. Ini tak masuk akal. Saya rasa, YB. ADUN Penaga pun tak setuju. YB. Telok Bahang pun tak setuju. Bolehkah menerima sesuatu keadaan di mana seseorang itu Ahli Kerajaan Negeri Pulau Pinang tapi tak mau sokong tak mau setia kepada Kerajaan Negeri itu dan juga kepimpinannya. Ini tak berlaku, tak boleh diterima langsung. Tentu kalau ada pandangan berlainan tak jadi masalah, tapi kesetiaan ini tidak boleh dipertikaikan langsung dan oleh itu, mereka ditamatkan perkhidmatan. Tapi ada 783 Ahli JKk lagi. Inilah keadaan di mana mereka menunjukkan bahawa mereka sedia berkhidmat. Tentang kesetiaan, itulah yang kita nak pastikan..dan saya rasa kalau Parti PAS rasa mereka adalah sebuah parti pembangkang dan mengambil keputusan berdasarkan keputusan Kerajaan Negeri iaitu memberhentikan 300 daripada 1,083 ahli JKkk daripada PAS. 30% sahaja sudah melenting macam ni.

So sekarang, inilah keputusan yang dibuat oleh PAS. Mereka mengambil keputusan untuk menjadi pembangkang di Negeri Pulau Pinang, sama dengan UMNO, satu sama lain. Kalau begitu, kita nak tanya apakah pendirian PAS tentang baki 783 Ahli

JKKK daripada PAS iaitu 70% daripada Ahli JKKK PAS. Saya rasa itulah yang mereka kena jawab, yang kena buat keputusan. Pihak Kerajaan Negeri bersikap adil dan juga bersikap tegas dalam perkara ini kerana kalau menjadi sebahagian daripada kerajaan, anda mesti berkelakuan sebagai seorang Ahli Kerajaan. Tidak boleh...(dengan izin), *have your cake and eat it*..dua-dua pun mau..tak boleh. Kalau menjadi Ahli Kerajaan, mesti. Sebagai Ahli Kerajaan tak boleh .. dalam Ahli Kerajaan lepas tu hentam dan itu menentang dan tidak setia. Perbezaan yang berlainan tak ada masalah, pandangan yang berlainan tak ada masalah. Tapi kesetiaan tidak boleh dipertikaikan. Itulah saya rasa satu prinsip yang amat penting dan oleh kerana telah melanggar prinsip ini, maka 300 daripada 1,083 Ahli JKKK PAS telah pun dihentikan perkhidmatan dan tinggal yang bakinya kita tunggu apa PAS hendak buat kemudian. Saya rasa kalau mereka berprinsip, sebuah parti yang berprinsip, mereka harus tahu apa yang mereka harus lakukan atau apakah arahan yang mereka harus keluarkan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Dari jawapan Ketua Menteri menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri walaupun Kerajaan DAP telah memutuskan hubungan di antara Pakatan Harapan dengan Parti PAS, tetapi masih lagi membenarkan Ahli PAS memegang jawatan yang penting dalam Kerajaan Negeri. Saya nak tanya sama ada sekiranya di antara EXCO di sini. Saya ambil contoh kata la YB. Batu Maung memilih untuk menyertai UMNO, adakah beliau akan terus di beri peluang untuk memegang jawatan EXCO dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu Kerajaan Negeri Pakatan Harapan? Itu soalan saya.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya ingat jangan kaitkan YB. Batu Maung dengan yang bukan-bukan. So jangan la kaitkan. Saya bagi contoh la, lebih baik kalau YB. Penaga masih seorang Ahli UMNO tapi sedia menyokong Kerajaan Negeri Pakatan Harapan, bersedia menyokong kepimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang, bersedia menyokong saya sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang, kita akan alu-alukan YB. Penaga dalam Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang. Boleh, boleh, sila, sila.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Itulah sebabnya tadi soalan saya ada kaitan dengan *double standard* atau memilih kasih. Di satu pihak dasarnya telah diputuskan hubungan di antara PAS dengan DAP dan Kerajaan Pakatan Harapan tetapi pada masa yang sama, memilih untuk membenarkan atas alasan kononnya bahawa Permatang Berangan masih lagi.....(gangguan ..Dewan ketawa)...atas alasan...(gangguan)

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey, okey, yang lain diam. Yang Berhormat Penaga, pendekkan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Isu *double standard*...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya jawab, saya jawab. Nanti boleh tanya lagi. Saya jawab. Tadi YB. Penaga belum jawab saya lagi. Kalau anda sebagai seorang Ahli UMNO, kami sedia terima YB. Penaga menyokong Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang, sedia terima Yang Berhormat sebagai Ahli Kerajaan, sudikah Yang Berhormat terima tak?

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Jawapan saya mudah saja. Saya tak akan terima.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ya, itu lah.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya tak akan terima disebabkan prinsip dan dasar Kerajaan Pakatan Harapan di Pulau Pinang dengan dasar dan prinsip Kerajaan Barisan Nasional berbeza. Itulah maksud saya. Sekarang kita dapati perhubungan telah pun diputus, terputus di antara DAP dan PAS atas prinsip-prinsip. Oleh sebab itu la saya menyoal tadi tentang dasar dan sekarang ini di jawab seolah-olah boleh pula, walaupun YB. Permatang Pasir dalam parti lain tapi disebabkan beliau boleh menunjukkan kononnya sokongan. Saya rasa ini mengelirukan rakyat Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Haedan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Bagi saya sikit...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya jawab, saya jawab.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ini sesi soalan lisan bukan perbahasan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih Dato' Speaker. Saya rasa itulah perbezaan di antara Pakatan Harapan yang terbuka, yang sedia menerima pandangan berbeza. Bukan macam Barisan Nasional semua ikut satu hala saja...(gangguan). Saya habis dulu. Itulah perbezaan dan bila Yang Berhormat sebut tadi tentang Parti PAS, kena ingat DAP tidak putus hubungan dengan Parti PAS. DAP putus hubungan dengan Presiden PAS. PAS yang putus hubungan dengan Parti DAP. Kita tidak nafikan bahawa ada pemimpin-pemimpin baik dalam PAS lagi seperti YB. Permatang Pasir. Itu sebab Kerajaan Negeri Pakatan Harapan sebagai satu keluarga besar, kami rela menerima YB. Permatang Pasir sebagai Ahli Kerajaan sungguhpun partinya sudah membelakangkan prinsip dan juga membelakangkan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan.



Saya rasa inilah prinsip sama yang kita pakai apabila kita jalankan dasar-dasar Kerajaan Negeri macam Program Warga Emas, Program Anak Emas, Program Emas. Kita tak bezakan di antara parti politik. Tak kira penyokongnya daripada UMNO, ataupun daripada MCA, GERAKAN, MIC, kita bagi juga kerana kita anggap ini sebagai satu dasar terbuka. Kita ambil sikap kekeluargaan. Saya rasa itulah perbezaan. Mungkin YB. Penaga tak faham kerana YB. Penaga terlalu terikat dengan minda *mind set* lama. Sikap ialah macam ni *if you are not for me, you are against me*. Itulah masalah dengan Parti Barisan Nasional. *If you are not for me, you are against me*, yang kita lihat ialah dari segi prinsip, prinsip setia kepada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan. Tadi YB. Penaga cakap bahawa kalau tawaran yang sama diberikan kepada YB. Penaga, YB. Penaga tak terima. Tak terima, itulah sebabnya kita tak anggap YB. Penaga sebagai Ahli Kerajaan. Faham tak?

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Tak mau jadi Ahli Kerajaan Pakatan Harapan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Itu la sebabnya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Macam saya katakan tadi prinsip..(gangguan)

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Penaga, ini sesi soalan lisan bukan perbahasan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Haedan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Tak boleh la YB. Dato' Speaker.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Air Putih sedang menjawab, yang lain.. (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Haedan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Biarkan YB. Air Putih cakap yang panjang sangat. Pasal kita pun ada program BR1M. Program BR1M pun kita tak bezakan ahli-ahli lain...(gangguan).

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Air Putih sedang menjawab soalan lisan. Yang lain jangan bercakap.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Haedan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Bagi yang syok *side* dia. Bagi la contoh BR1M, kita pun ada...(gangguan).

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang lain duduk.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Haedan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Tengok marah, ini tak adil.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Air Putih sedang menjawab, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain cuba mengganggu. Tak mau.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya sudah jawab. Kalau kita lihat dari segi kesetiaan. Kesetiaan ialah selalu pada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri di Pulau Pinang bukan satu parti, ia gabungan tiga parti, DAP, PKR dan Parti Amanah sekarang. PAS mengisytiharkan diri mereka adalah sebuah parti pembangkang. Tapi sekiranya ada pemimpin-pemimpin PAS yang rela menyatakan secara terbuka, mereka sedia setia dan juga menyokong dasar-dasar serta kepimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan, kami sedia terima. Seperti yang saya sebut tadi, ada sikap dan minda terbuka dan ini penting kalau kita nak jalankan dasar, kesetiaan tidak harus menjadi satu keraguan langsung. Saya rasa sebagai, kerana belum pernah jadi kerajaan tapi yang pernah jadi kerajaan faham tentang prinsip asas ini. So, di sini saya tidak lihat sebarang *double standard* ataupun sebarang *contradiction* yang berlaku kerana YB. Permatang Pasir masih Ahli PAS. Dia sekarang masih Ahli Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang. *Full stop*. Itu yang penting.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebelum ke soalan YB. Bagan Dalam, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran Ahli Parlimen Nibong Tebal. YB. Bagan Dalam.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Dato' Speaker, soalan saya soalan no. 61.

61. Adakah kerajaan berniat untuk membina rumah rumah kediaman di Bukit Bendera untuk menggalakkan rakyat Pulau Pinang tinggal di atas bukit yang terkenal?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Yang Berhormat Bagan Dalam untuk soalan yang berbunyi "Adakah Kerajaan berniat untuk membina rumah-rumah kediaman di Bukit Bendera untuk menggalakkan rakyat Pulau Pinang tinggal di atas bukit yang terkenal? Sebagai menjawab, Kerajaan Negeri tidak mempunyai hasrat untuk membina rumah kediaman di Bukit Bendera tapi tumpuan Kerajaan Negeri adalah kepada pembangunan Bukit Bendera sebagai pusat rekreasi dan destinasi pelancongan supaya dapat menjadi tempat tarikan pelancong. Sekian.

## **Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila YB. Machang Bubuk.

## **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Dato' Speaker, Saya soalan no. 62.

62. Mengikut liputan media massa, pemerdagangan manusia telah berlaku di mana pelarian dan warga asing dikurung dalam rumah flat atau unit kosong di kawasan perindustrian Pulau Pinang.
- (a) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membanteras pemerdagangan manusia?
  - (b) Berkenaan dengan pelarian Rohingya, apakah perkembangan terkini tentang cadangan kerajaan Persekutuan untuk mendirikan pusat perlindungan di Pulau Pinang?
  - (c) Sekiranya pusat perlindungan tersebut direalisasikan dan dibina, apakah persediaan dan persiapan Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

## **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Terima kasih. Kerajaan telah melancarkan kempen melalui poster, media massa berhubung dengan pembanteras, pemerdagangan manusia. Unit *Anti-Trafficking in Persons and Anti Smuggling of Migrant Act 1967* juga telah ditubuhkan setiap agensi penguatkuasaan dan telah diberi kursus dan latihan. Penglibatan antara agensi untuk meningkatkan kerjasama turut dijalankan seperti Polis Di-Raja Malaysia, Kastam Di-Raja Malaysia, Agensi-Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja.

Untuk makluman, setakat ini Kerajaan Persekutuan belum memaklum sebarang perancangan untuk mewujudkan penempatan pelarian Rohingya di Negeri Pulau Pinang. Semua tangkapan PATI termasuk pelarian Rohingya melalui operasi Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Imigresen Pualu Pinang ditahan di depo Imigresen Juru, Bukit Mertajam sebelum diserahkan kepada *United Nations High Commiser for Refugees* untuk tindakan selanjut. Kerajaan Negeri sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan sekiranya pusat lindungan pelarian dibina di Pulau Pinang.

## **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Soalan tambahan. Terima kasih Sungai Puyu. Saya pernah membangkitkan isu tentang pelarian Rohingya ini dalam sidang DUN yang lepas. Dan memang kita pun sedia maklum bahawa pelarian Rohingya itu telah menjadi satu isu yang agak besar di Malaysia ini. Dan saya nak tahu tentang perkembangan terkini juga tentang *task force* yang telah dicadangkan oleh banyak pertubuhan-pertubuhan NGO untuk mengumpulkan Agensi-agensi Kerajaan seperti Imigresen, PDRM dan juga UNHCR untuk sama-sama menguruskan pelarian-pelarian Rohingya yang khasnya yang ada di Pulau Pinang. Mengikut data kita sudah ada 8,000 yang daftar di Pulau Pinang. So apa perkembangan tentang penubuhan *task force* tersebut dan apa yang telah dilaksanakan dari segi menangani isu pelarian Rohingya ini.

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Berkenaan dengan NGO-NGO yang telah wujudkan *task force* itu ini tidak dirujuk kepada Kerajaan Negeri kerana ini adalah NGO-NGO dan Kerajaan Negeri memang pro-aktif ada perhubungan dengan UNHCR di mana Kerajaan Negeri minta UNHCR lebih meletakkan satu pejabat di Negeri Pulau Pinang untk urus perkara ini. Juga kita minta mereka bahawa untuk senang untuk *Enforcement Officer* untuk bila mereka jalankan siasatan, minta mereka bagi *ID Card* yang ada *micro chip*. Ini amat senang sikit. Kerana pada masa kini memang ada banyak yang menggunakan ID-ID yang palsu. Hanya UNHCR dapat semak senarai nama-nama yang telah berdaftar di sini. Di sini memang ini adalah satu perkara harus ditangani oleh Kerajaan Pusat tetapi sehingga kini kita tidak dan belum dihubungi. Cadangan-cadangan untuk menempatkan mereka telah diberitahu secara umumnya bahawa di Negeri Pulau Pinang memang ada kem. Dan seluruh Malaysia ada banyak Kem-kem Latihan Khidmat Negara. Mereka boleh diletak di sana. Tetapi sampai sekarang tugas arahan atau cadangan atau daripada Kerajaan Pusat belum dipanjangkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Walhal di sebaliknya, isu ini telah menjadi isu politik di mana mereka hendak pantau semua Pulau Pinang. Di mana ada banyak di kem-kem, di kem-kem Pusat Latihan Khidmat Negara ada. Tetapi mereka nak hantar ke Pulau Pinang. Saya tidak faham kerana kemungkinan ini ada satu politik.

### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Soalan tambahan. Minta penjelasan sikit sebab yang tentang *task force* ini sebenarnya adalah cadangan Kerajaan Negeri di mana Ahli Kawasan Perai pernah menyebutkan satu *task force* telah ditubuhkan untuk berbincang dengan Pertubuhan-pertubuhan NGO untuk menangani perkara itu. Bukan yang dikatakan oleh saya, itu memang pernah Ahli Kawasan Perai pernah menyebut perkara itu. Saya tambahkan soalan saya...(gangguan).

### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Biar saya jelaskan perkara itu. Saya mungkin tidak ingat tapi walau bagaimanapun itu mungkin merupakan satu cadangan sahaja. Kalau memang saya ada sebut itu merupakan cadangan sahaja dan bukan satu yang telah diwujudkan. Okey.

### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Cuma apa yang saya nak tegaskan di sini adalah isu tentang masalah yang dihadapi oleh pelarian Rohingya ini memang dia kita suka tak suka mereka sudah ada komuniti di sini. Saya rasa kita tidak boleh lari daripada hakikat komuniti pelarian Rohingya sudah ada di Pulau Pinang. Bukan kita nak tubuhkan penempatan untuk mereka atau tidak, tapi sudah ada di rumah-rumah kedai atas atau di tempat-tempat flat yang kos rendah itu pun ada. Tetapi apa saya rasa apa yang tindakan yang lebih pro-aktif daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang khasnya kita nampak sekarang masyarakat telah ada prejudis dan diskriminasi terhadap golongan-golongan yang *the most venerable* ini. Apakah tindakan Kerajaan dalam menangani, meleraikan keadaan dan bukannya seperti yang saya setuju tidak mempolitikkan isu pelarian Rohingya dan lihat dari segi perspektif kemanusiaan. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Ya, memang saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat daripada Machang Bubuk bahawanya bila orang pelarian *refugees* khususnya daripada *Asian Country* memang Kerajaan Pusat telah menandatangani satu perjanjian polisi *not interference*. Apabila daripada Rohingya masuk mai, semua diperangkap satu keadaan. Di satu keadaan di mana *the cost of not politic interference*. Secara rasmi tidak boleh. Apabila tadi saya mendengarkan bahawa Ahli daripada Machang Bubuk kata YB. Perai telah umumkan secara tetapi ini tidak betul. Apa yang ada di sini kerana baik pun Kerajaan Negeri baik pun Kerajaan Pusat tidak boleh secara rasmi tarik untuk bagi bantuan telah merayu kepada NGO-NGO yang tertentu untuk bagi bantuan kepada mereka.

Memang saya akui bahawa sudah jadi masalah kerana kebanyakan adalah di Parlimen Bagan dan juga di Perai. Dan NGO-NGO yang Kerajaan Negeri *indirectly* minta mereka masalah pendidikan, masalah kesihatan dan lain-lain. Kerana pelarian Rohingya yang telah berdaftar dan juga ada UNHCR punya *card* mereka pun tidak bekerja. Dan apa masalah adalah mereka terlibat dengan jadi kutu rayau, dengan *baby* mereka. Tetapi bila kami turun padang, kita ada lihat apa. Lihat adakah ini *human trading*, atau apa? Tetapi jika kita selalu bila nampak mereka meminta sedekah di sana, kalau bawa mereka balik kita juga harus serah balik kat UNHCR. Mereka memang sudah jadi-lain satu masalah. Kerana pada hari perayaan khas macam Hari Raya Puasa dan lain-lain telah nampak begitu banyak yang meminta sedekah di masjid-masjid dan lain-lain. Tetapi jika ambil tindakan tidak tunjuk hormat kepada kebudayaan, pada masa bulan puasa nak bagi apa buat kerja amal dan lain-lain. Tetapi ada pun juga mereka buat laporan mereka kata Kerajaan tidak ambil tindakan. Bila kita ambil tindakan mereka adalah pelarian. *Caught in the bad situation*. Tetapi jikanya Kerajaan Pusat, rela buat satu pendirian dan minta bahawa kem-kem pusat latihan khidmat nasional di sana, dan serah kepada UNHCR, minta UNHCR bagi kewangan di sana bagi perkhidmatan di sana dan semua kerana mereka juga manusia. Tugas ini tidak ditanggung oleh Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri, RELA, bila-bila masa bekerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk tangani masalah ini.

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Soalan tambahan. Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya ringkas. Dengan izin. *Why dumb the Rohingya in Penang*. Mengapa banyak tempat Yang Berhormat telah beritahu tadi kenapa hantar mereka ke Pulau Pinang. Sebab apa?

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Kerana mereka ada keyakinan Pulau Pinang boleh. Kerajaan Pusat tak boleh. Itulah kerana tidak mahu ambil tanggungjawab. Sebagai Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat harus bertanggungjawab terhadap masalah-masalah ini. Tetapi mereka nak sapu cuma nak tolak mai Pulau Pinang seperti kenyataan baru diihat, di sana. Pada masa itu mereka telah cadangkan nak tolak semua Rohingya mai Pulau Pinang. Saya ada bagi satu kenyataan umum *give us database*. Kalau kata ada 6,000, siapakah mereka? Jangan bagi mereka darat dulu. Minta UNHCR siap buat *surveillance* di sana. Betulkah mereka Rohingya atau yang lain-lain. Mengapa dari segi keselamatan negara. Dari segi keselamatan mereka kemungkinannya ada orang-orang tertentu nak masuk tetapi tak

dapat masuk pintu rasmi menggunakan nama pelarian masuk mai. Jika Kerajaan Pusat tidak mahu tapis dan tapisan hendak UNHCR terus masuk mai bukan keselamatan. *The security of the nations is in question*. Dan jika mereka lagi tolak macam ini, ini memang mereka tidak bertanggungjawab kepada keselamatan Malaysia dan juga tidak bertanggungjawab kepada kemanusiaan.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Permatang Berangan. Sila.

#### **Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):**

YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 63.

63. Apakah pelan tindakan sumber air di Pulau Pinang selain dari sumber Sungai Muda.
- (i) Adakah dengan menaikkan tarif air dapat menyelesaikan masalah?
  - (ii) Berapa banyak surcaj yang dikutip sepanjang tahun 2012 hingga 2015 dan di mana dibelanjakan?

#### **Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan lisan YB. Permatang Berangan. YB. Permatang Berangan menanya mengenai Pelan Tindakan Sumber Air selain daripada Sungai Muda. YB. Dato' Speaker, pelan tindakan sumber air di Pulau Pinang selain daripada sumber semasa iaitu dari Sungai Muda adalah cadangan skim pemindahan air mentah Sungai Perak. Sungai Perak *Roor Water Transfer Scheme*. Kajian bebas yang dijalankan oleh PBAPP pada tahun 2009 iaitu kajian pelan induk untuk air minum di Pulau Pinang sehingga 2050, mengunjurkan bahawa Sungai Muda hanya mampu membekalkan keperluan air untuk Pulau Pinang dan KEDA sehingga tahun 2020 sahaja. Kajian itu telah mengenal pasti Sungai Perak sebagai sumber air mentah tambahan yang berdaya maju dan sekali gus mencadangkan *Sungai Perak Roor Water Scheme*. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Perak juga pada ketika ini sedang menyiapkan laporan keperluan air bagi Negeri Perak. Oleh itu, rundingan, cadangan bekalan air melalui *Sungai Perak Raw Water Transfer Scheme* sedang diusahakan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA).

Di samping itu, KeTTHA juga menyatakan apabila projek pembesaran Empangan Mengkuang di Pulau Pinang sepatutnya disiapkan. Pada mula-mulanya kita dimaklumkan bahawa pembesaran Mengkuang Dam ini akan siap pada tahun depan Julai tetapi yang terbaru sekali adalah tahun 2017. Pulau Pinang mempunyai sumber air mentah yang mencukupi untuk masa hadapan sekiranya rakyat Pulau Pinang menggunakan air domestik per kapita ini daripada Sungai Muda. Hakikatnya walaupun pembesaran Mengkuang Dam akan mempertingkatkan kapasiti penyimpanan bekalan air mentah, tetapi sumber air mentah untuk empangan ini masih lagi di ambil daripada Sungai Muda. Pada masa ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih meneruskan usaha untuk melaksanakan *Sungai Perak Raw Water Transfer Scheme*. Di samping itu pengguna air di Pulau Pinang perlu memahami dan bersama-sama menggunakan air dengan bijak sehingga Pulau Pinang dapat menjamin bekalan air yang mencukupi sehingga tahun 2050.

Yang Berhormat ada menanya juga mengenai kenaikan tarif air. Kajian semula tarif air ini selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri hijau dan misi PBAPP untuk terus membekalkan air kepada seramai mungkin penduduk Pulau Pinang setiap hari. Pada masa yang sama Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang telah berulang kali menekankan bahawa Pulau Pinang harus mengelak daripada mengalami catuan air dengan apa cara pun. Kajian semula tarif air ini adalah merupakan salah satu inisiatif pengurusan permintaan air iaitu *water demand management*, yang penting bagi Pulau Pinang. Lebih ramai pengguna Pulau Pinang perlu ditanam sikap jimat air yang akhirnya dapat mengelakkan keperluan catuan air. Pada tahun 2014 purata penggunaan per kapita domestik Pulau Pinang ialah 293 liter per kapita hari. Ini merupakan kadar yang tertinggi sekali di negara ini. Purata kebangsaan pada tahun 2013 hanya 210 liter per kapita hari, manakala Singapura mencatatkan hanya 152 liter per kapita hari pada tahun 2013. Oleh tu jika jumlah penggunaan ini diteruskan maka Pulau Pinang menghadapi risiko catuan air ketika musim kemarau yang berlarutan kerana penggunaan air per kapita domestik yang terlalu tinggi. Oleh itu terdapat keperluan mengurangkan penggunaan bagi mengelakkan risiko pengurangan air hingga berlaku catuan air dan sebagainya.

Yang Berhormat juga menanya mengenai angka-angka kutipan *charge* yang dikutip surcaj. Jumlah surcaj penjimatan air yang dikutip mulai tahun 2012 sehingga 2015 adalah seperti berikut. Pada tahun 2012 jumlah kutipan daripada surcaj air adalah RM8,699,000.00 dan tahun 2013 RM8,536,000.00, tahun 2014 RM16,402,000.00. Setakat sekarang iaitu 2015 jumlah kutipan surcaj adalah RM11,830,000.00. Kutipan ini digunakan bagi membiayai pengurusan permintaan air di antara program-program yang dilaksanakan adalah *Public Awareness School And Water Saving Divisors*, di mana program ini dapat memberi kesedaran dan akhirnya dapat mengurangkan penggunaan air di negeri ini, sekian terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Soalan tambahan, terima kasih Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Terima kasih pada pihak Bagan Jermal yang telah bersama dengan saya masa taklimat keselamatan tentang loji yang terbesar di Malaysia ini ialah di Sungai Dua. Pada hari itu baru saya sedar bahawa klorin adalah bahan kimia yang cukup bahaya, kalau berlaku sesuatu, masyarakat sekitar 2 atau 5 kilometer akan menghadapi masalah. Apakah langkah yang akan diambil oleh pihak PBA untuk memaklumkan kepada masyarakat? Kita tak mahu maklumat secara drastik takut depa takut jadi kita perlu adakan satu pemahaman tentang taklimat keselamatan kepada pemimpin masyarakat di kawasan sekitar yang saya rasa kalau tak tahu nanti kalau berlaku sesuatu kebocoran atau sebagainya melibatkan satu *havoc* ...(dengan izin) kegemparan pada masyarakat, tak tau apa tindakan apa yang patut diambil, sekolah pun ada dekat situ, memang kawasan itu kawasan yang penduduk yang padat.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Dato' Yang di-Pertua, memang benar pada lebih kurang tiga (3) minggu yang lepas PBA bersama-sama dengan agensi-agensi lain seperti PDRM, pihak Bomba dan juga keselamatan dalam negeri, dan semua kakitangan-kakitangan PBA telah mengadakan satu latihan *drill* di loji pembersihan di Sungai Dua dan YB. Sungai Dua

bersama-sama saya telah dijemput untuk menyaksikan *drill* di loji pembersihan ini. Apa-apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sungai Dua juga betul kerana mereka membuat satu *drill* kerana sekiranya ada kebocoran klorin gas daripada loji ini apa yang perlu kita buat dan pada hari itu mereka telah buat satu *drill* di mana pada mulanya ada kebocoran apa pekerja itu perlu buat untuk langkah pertama, dan selepas itu berapa lamakah setelah dimaklum kepada pihak Bomba, berapa lama dari stesyen terdekat Bomba iaitu dari Kepala Batas datang ke Sungai Dua, berapa minit dan sama ada dalam tempoh ini apa mereka boleh buat dan segala-galanya dirancang dengan begitu rapi dan sekiranya daripada *drill* ini ada apa-apa kekurangan, apa-apa kelemahan maka pihak Bomba, pihak PDRM, pihak PBA dan semua yang terlibat akan merumuskan sekali lagi apa tindakan yang terbaik sekali boleh diambil untuk menangani kebocoran klorin ini.

Pada masa yang sama, mereka juga membuat satu *drill* sekiranya kebocoran klorin di sebelah sini dan ada terbakar sebelah sana dua-dua sekali mala petaka sekali, dan sama ada pasukan keselamatan ini boleh menangani kedua-dua kemalangan dalam satu masa yang sama. Ini adalah satu tindakan satu *drill* yang dirancang untuk menangani masalah-masalah mala petaka daripada berlaku dan dari *drill* inilah kakitangan-kakitangan PBA belajari apa yang perlu mereka buat dan apakah cara yang terbaik untuk memaklumkan kepada jiran-jiran di empangan pembersihan air ini supaya rakyat telah diberi amaran dan bagaimana mereka boleh *evacuate* dari kawasan lingkungan 2 kilometer itu, sekian sahaja.

#### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Soalan tambahan, terima kasih Yang di-Pertua. Berkenaan dengan sumber air ini, air mentah terutamanya dari Kuala Muda melalui Sungai Dua, persoalan saya adalah tentang aktiviti-aktiviti *global trade of terrorism*. Dari segi ini adakah Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah proaktif dapat membicarakan kalau ada sabotaj racun di sebelah sepanjang saluran itu boleh di *trace* kan sebelum dimasukkan ke dalam loji atau aktiviti *terrorisme*, terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Terima kasih YB. Tanjung Bunga, bukan di seberang saja di Pulau Pinang juga ada empangan air seperti di Air Itam, Tanjung Tokong dan di Batu Feringghi dan *of cause* di Sungai Dua ini adalah loji pembersihan air terbesar dalam negeri ini. Dan semua kawasan-kawasan ini telah dipagar dan juga ada *signboard* atau papan tanda di mana ini adalah *protected area* dan juga PBA ada pengawal atau *security guard* untuk mengawal kawasan empangan atau kawasan loji air ini 24 jam. Mereka perlu kawal dan juga pada waktu malam lampu telah dipasang di sekeliling ini dan ini memang satu tempat *protected area*, *security area* dan air-air sebelum di salur kepada *main pipe* PBA di pusat atau di empangan atau diloji itu mereka ada mengambil *sampling* sama ada kandungan kimia itu lebih daripada yang dihadkan atau ada apa-apa bahan-bahan yang boleh memudaratkan kesihatan pengguna-pengguna. Jadi kalau *sampling* sudah dipastikan tidak memerbahaya baharulah air ini dibenarkan dilepaskan. Kalau tak ada mereka kena mencari apakah kesalahan itu apakah kandungan itu seperti air sangat teruk, kalau sangat kotor atau *chemical* atau ada apa-apa *gems*, mereka pasti akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk menangani masalah ini, sekian terima kasih.



## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri**

Ahli-ahli Yang Berhormat soalan yang seterusnya, soalan 64 tidak akan dijawab oleh Dewan kerana ahli Yang Berhormat yang bertanya tidak ada di dalam Dewan, seterusnya soalan 65 telah pun dijawab oleh EXCO bersamaan dengan soalan 17. soalan 66 telah pun dijawab oleh bersama dengan soalan 4, seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Sungai Pinang.

### **Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB Lim Siew Khim):**

Soalan saya soalan no. 67.

67. Nyatakan secara terperinci jumlah bilangan warga OKU berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang sehingga Jun 2015 mengikut jenis kelainan upaya serta bilangan yang mendapat bantuan kehidupan bulanan. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membantu golongan OKU yang tidak berkeluarga agar lebih berdikari dari segi kehidupan harian, kesihatan dan perumahan?

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB Phee Boon Poh):**

Terima kasih atas soalan ini. JKM terdapat tujuh (7) kategori OKU - Orang Kurang Upaya yang didaftarkan oleh JKM Negeri Pulau Pinang di mana ke semua jumlah senarai 21,629 orang.

Senarai berikut merupakan OKU yang bilangan yang berdaftar:

OKU pendengaran 1,901 orang;

OKU penglihatan 2,205 orang;

OKU pertuturan 75 orang;

OKU fizikal 8,828 orang;

OKU masalah pembelajaran 6,398 orang;

OKU mental 1,442 orang;

OKU pelbagai 780 orang daripada jumlah tersebut senarai 7930 orang, OKU menerima bantuan kewangan bulanan. Berikut merupakan skim bantuan bulanan yang diterima oleh OKU serta jumlah penerima mengikut skim. Bantuan penjagaan OKU pesakit kronik terlantar melibatkan 1,178 orang. Bantuan OKU tak berupaya bekerja seramai 4,619 orang. Elaun pekerja cacat untuk seramai 2,133 orang. Bagi membantu golongan OKU yang tidak berkeluarga agak lebih berdikari daripada kehidupan seharian, Kerajaan Negeri melalui JKM turut menyediakan perkhidmatan latihan dan kemahiran pekerjaan di bengkel perlindungan dan pusat latihan pemulihan dan perindustrian. OKU serta program pekerja *job coach* dengan Jabatan Tenaga Manusia, di antara peluang pekerjaan itu berkaitan dengan penyediaan makanan, pembuatan alat *obstetric* dan juga

*auto tic* dan elektrik dan elektronik, kraf tangan dan pencantingan batik dan lain-lain, Kerajaan Negeri melalui JKM mengadakan program-program OKU bagi membolehkan mereka mendapat pemulihan latihan dan kemahiran serta melahirkan masyarakat melalui program-program komuniti. Jumlah OKU di 22 PDK di Pulau Pinang adalah seramai 846.

Manakala dari segi kesihatan, Kerajaan Negeri melalui Pusat *Dialysis* CAT turut memberi subsidi sebanyak RM30 bagi pesakit dialisi termasuk golongan OKU bagi membantu mereka mendapat rawatan dialisis. JKMPPP memberi bantuan penjagaan OKU terlantar, pesakit kronik terlantar DPT sebanyak RM300. Tujuan utama adalah membantu meringankan beban perbelanjaan penjagaan yang dihadapi oleh keluarga penjaga. Selain daripada itu, mendapat galakan yang lebih sempurna kepada kumpulan sasaran OKU dan pesakit kronik terlantar. Kerajaan Negeri melalui JKMPPP turut memberi elaun pekerja cacat iaitu EPC sebab ini insentif untuk menggalakkan OKU bekerja, hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.

Kerajaan Negeri turut menumpu perhatian kepada golongan OKU dari segi perumahan, golongan OKU adalah layak untuk diberi pertimbangan oleh Jawatankuasa SPEC di mana golongan ini di senaraikan di bawah kategori kes-kes kronik untuk ditawarkan seunit rumah kos rendah sederhana dan mampu milik.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Terima kasih. Terdapat PDK, Pusat Pemulihan dalam Komuniti yang wujud di setiap Parlimen. PDK ini diberikan kemahiran. Terima kasih banyak. Ada yang mahir dalam cendawan dan sebagainya. Cuma saya hendak tanya di sini apakah sumbangan pihak Kerajaan Negeri dalam kita memastikan aktiviti PDK ini kemahiran ekonomi ini dapat mendatangkan hasil kepada PDK dan keduanya apakah langkah-langkah susulan yang di ambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk membantu bekas-bekas pelajar PDK ini terus medapatkan kerja dengan kemahiran yang ada bagi yang mampu yang boleh kerja kerana kadang-kadang apabila mereka keluar dari PDK mereka bukan cacat minda, mereka cacat fizikal boleh bekerja tetapi apabila pergi *interview* kadang-kadang tempat kerja tidak mengambil pekerja tetapi mereka ada kemahiran *welding* dan sebagainya. Apakah langkah Kerajaan Negeri hendak bantu mereka? Buat satu pendaftaran khas dan apabila ada kerja kosong di mana-mana kita boleh masukkan dan sokong. Kadang-kadang kita sokong pun mereka tidak pakai pihak-pihak swasta, syarikat-syarikat yang hendak ambil kerja ini. Mereka tidak ambil orang-orang OKU. Kasihan kepada yang ada tanggungan emak, adik-adik dan sebagainya. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang bekerjasama dengan NGO-NGO tertentu setiap tahun ada satu, bukan bengkel tetapi satu *exhibition, job exhibition* di mana NGO-NGO dan Kerajaan Negeri telah menghubungi syarikat-syarikat supaya mereka boleh jumpa dengan mereka dan juga OKU tertentu keluarga mereka boleh bawa mereka supaya berdaftar dengan syarikat-syarikat tertentu. Kerajaan Negeri juga ada satu *CAT Centre* iaitu di KOMTAR di tingkat dua juga boleh berdaftar di sana galakkan mereka diberi peluang kerja. Dengan NGO-NGO tertentu juga Kerajaan Negeri telah meminta wujudkan pusat-pusat di mana mereka boleh bekerja seperti di KOMTAR ada satu pusat dobi di mana mereka selepas pendidikan mereka bekerja di sana. Juga minta hotel-hotel tertentu untuk menghantar mencuci di sana. Itu satu cara. Jika Ahli Yang Berhormat ingin buka pusat-pusat ini mari lah jumpa, bincang, wujudkan satu untuk kepentingan orang kampung di sana.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Tanjung Bunga.

### **Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Soalan saya soalan 68.

68. Huraikan kekuatan dengan satu contoh kejayaan dan kelemahan dengan satu kegagalan polisi, projek atau isu oleh setiap Ahli Majlis Kerajaan (EXCO termasuk KM, TKM1, TKM2). Nyatakan Strategi dan tindakan untuk mempertingkatkan kelemahan dan kegagalan tersebut.

### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih Ahli Kawasan Tanjong Bunga. Bagi memastikan pencapaian matlamat setiap polisi urus tadbir oleh Kerajaan Negeri adalah ditentukan oleh Barisan EXCO. Barisan Ahli EXCO yang mantap merangkumi pelbagai portfolio dan bekerja dalam satu pasukan iaitu *team work* bagi melaksanakan polisi atau projek yang diperkenalkan. Dalam hal ini Kerajaan Negeri meletakkan pencapaian keseluruhan dasar kerajaan mengatasi pencapaian setiap EXCO kerana kegagalan sesuatu polisi ataupun projek yang diperkenalkan akan memberikan kesan secara langsung kepada Pentadbiran Kerajaan Negeri. Sehingga kini semua polisi ataupun projek dan juga strategi yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri telah mencapai matlamatnya yang telah ditetapkan yang bukan saja menjurus kepada portfolio tertentu sahaja malahan ia berhubung kait antara satu sama lain sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Sehingga membawa kepada kejayaan di peringkat negara dan juga antarabangsa.

Kerajaan Negeri menyedari terdapat juga kelemahan di samping kejayaan yang telah di capai Kerajaan Negeri tetapi kelemahan-kelemahan tersebut sentiasa di beri keutamaan untuk diselesaikan. Saya akan lampirkan satu lampiran kepada Yang Berhormat dan ia merangkumi sebenarnya ada enam (6) aspek peningkatan pelaburan. Kedua peruntukan Kerajaan Negeri dalam pembangunan projek fizikal. Ketiga, peningkatan dalam hasil negeri. Keempat peningkatan kedatangan pelancong. Kelima

peningkatan hasil cukai taksiran dan juga ada data jumlah kutipan levi semenjak ia diperkenalkan. Itu jawabannya, terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Soalan tambahan. Terima kasih jawapan yang diberikan ringkas boleh tapi saya ada soalan tambahan. Bahawasanya *production line* mengikut ekonomi biasa naik ke satu tahap akan turun. Adakah *production line* ini ada berlaku kelemahan di dalam EXCO dan satu *sword* analisis digunakan supaya analisa kelemahan kekuatan dan *opportunity* dan *track* dalam EXCO. Kemudian, saya harap mungkin satu KPI diadakan kalau tidak ada nanti KPI diberikan saya sendiri tak sukai ramai. KPI juga telah diberikan oleh Dewan ini kepada *backbenchers* saya harap ini akan dilaksanakan.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih apa yang telah dicadangkan tadi. Sebenarnya turun naik prestasi sememangnya perkara biasa yang berlaku dalam hal ini tidak terkecuali kepada EXCO. Jadi, apa yang dinyatakan tadi adalah untuk membuat macam *sword analysis*. *Strength analysis opportunity and also track* jadi ini satu cadangan yang baik. Setakat ini sememangnya kalau kita lihat dari segi bagaimana kita menguruskan keseluruhan bajet setiap tahun kita lihat kita adalah perancangan belanjawan itu adalah defisit tetapi apabila hujung tahun tersebut kita telah berjaya untuk mengatasinya. Jadi dalam tempoh setahun itu kita menggunakan pendekatan-pendekatan menggunakan kekuatan kita untuk mengatasi kelemahan yang ada. Juga *we take opportunity* .....(dengan izin) peluang yang ada untuk kita memperbaiki *weaknesses* kita. Jadi terima kasih atas cadangan Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Soalan tambahan lagi. Kalau begitu saya mengalu-alukan tindakan yang akan diadakan. Satu lagi saya juga hendak cadangkan kalau boleh untuk membantu MMK memantau atau mendapatkan prestasi urus tadbir baik dan prinsip CAT adakah satu *ombudsman* boleh diadakan yang berkenaan boleh mempertingkatkan prestasi.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih atas cadangan boleh dipertimbangkan. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya persilakan Sungai Dua

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Soalan saya soalan 69.

69. (a) Berapa banyakkah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi program dibawah JKM sepanjang tahun 2008 hingga 2014? Senaraikan.

- (b) Berapa banyakkah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan pusat sepanjang tempoh tersebut?
- (c) Apakah bentuk program yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam membasmi kemiskinan bandar dan luar bandar sepanjang tahun 2008 hingga 2014? Senaraikan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Terima kasih. Sebelum jawab saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini. Cukai-cukai yang telah dikutip daripada warga Negeri Pulau Pinang yang salur kepada Kerajaan Pusat dan jumlah RM6.3 bilion iaitu kata adalah *third highest in whole nation*. Di sini apa kembali kepada warga Negeri Pulau Pinang tidak sampai dua peratus daripada RM6.3 bilion. Soalan ini ada ditanya berapa banyak peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi program dibawah JKM sepanjang tahun 2008 hingga 2014? Senaraikan.

Jawapan adalah peruntukan yang sedia oleh Kerajaan Negeri di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi program-program bantuan bulanan, bantuan am, bantuan pemulihan bencana serta keperluan bencana dan bantuan sekolah adalah berikut.

Tahun 2008	RM3,000,000.00
Tahun 2009	RM3,367,000.00
Tahun 2010	RM3,733,000.00
Tahun 2011	RM4,000,000.00
Tahun 2012	RM5,124,000.00
Tahun 2013	RM7,036,900.00
Tahun 2014	RM7,481,910.00

Berbanding dengan apa yang di bagi oleh Kerajaan Pusat Kerajaan Negeri setiap tahun bertambah.

Tahun 2008	RM12,612,373.00
Tahun 2009	RM36,116,612.00,
Tahun 2010	RM42,820,250.00
Tahun 2011	RM72,841,000.00
Tahun 2012	RM69,798,509.00
Tahun 2013	RM66,291,540.00
Tahun 2014	RM57,909,150.00

Untuk program yang dilaksanakan Kerajaan Negeri dalam pembasmian kemiskinan bandar dan luar bandar sepanjang 2008 adalah seperti bantuan kemiskinan melalui program AES bantuan pembinaan rumah baru untuk perbaikan rumah projek-projek khas kerajaan ekonomi telah mengedarkan peruntukan bagi program peringatan peningkatan dan pemulihan ekonomi dan memfokus kepada penjaja-penjaja kecil berpendapatan kurang daripada tiga ribu sebulan dan telah beroperasi sekurang-kurangnya setahun, bantuan peralatan kita akan sedia dan bertujuan bagi meningkatkan kapasiti dan *output* perniagaan, bantuan-bantuan Jabatan Kebajikan seperti bantuan am bantuan orang tua, bantuan kanak-kanak dan bantuan pesakit terlantar. Memandang kerja, *match making* bagi pusat kerjaya dan latihan Negeri Pulau Pinang atau Penang CAT - *Carrier And Associate Center* telah ditubuhkan pada 4 Mac 2009 dan dengan di Jabatan Tenaga Kerja.

Bantuan melalui Zakat Pulau Pinang seperti bantuan kewangan dan makanan, Tabung Usahawan Projek Titian Saksama Raya merupakan penggunaan Pinjaman Mikro Credit dalam pengusaha bantuan, bantu peniaga termasuk golongan miskin yang berniaga secara kecil-kecilan. Program Tabung Usaha Tani muda yang menyelenggara padi pinjaman Mikro Credit dan menggalakkan golongan muda terlibat dalam bidang pertanian.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Soalan Tambahan. Terima kasih di atas maklumat yang disampaikan tentang jumlah peruntukan oleh Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan dalam bantuan JKM. Apa yang kita nampak di sini Kerajaan Persekutuan juga memberikan banyak juga peruntukan RM57.0 juta bagi tahun 2014 walaupun dia menurun sedikit tapi dia masih tinggi dan apa yang saya harapkan bolehkah atau tidak semua peruntukan-peruntukan ini disalurkan kepada semua masyarakat dan diselaraskan kadang-kadang timbul bukan satu tuduhan tapi kadang-kadang timbul masalah percanggahan dari segi parti politik dan sebagainya. Ini juga kadang-kadang berlaku kalau boleh kita selaraskan betul-betul. Saya di peringkat Sungai Dua saya tak kira siapa kita bagi peruntukan bagi berapa semua kita bagi semua akan dapat tak kira parti dan sebagainya. Dan keduanya dari segi program ekonomi...(gangguan)

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Sebelum kita lanjut pada lain-lain seluruhnya. Saya ingin bahawanya Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Dua menarik balik kenyataan itu yang itu kata buat satu tuduhan liar, di mana bahawanya Kerajaan Negeri bila bagi kebajikan adalah pilih-pilih politik ini memang tidak benar. Oleh yang demikian saya merayu minta ADUN daripada Sungai Dua tarik balik kalau tak ada.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Bukan maksud saya dari segi itu, bukan kata dilaksanakan program JKM ini secara pilih parti bukan maksud yang serius macam itu.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Ini tuduhan yang lebih serius. Nak saya bagitau.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey saya tarik balik. Susah panjang-panjang ini payah.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Sungai Dua bagi soalan yang pendek.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tentang program ekonomi, kita melihat bahawa masyarakat yang susah yang miskin, dia lebih berusaha, walaupun dia ibu tunggal, anaknya lima (5) tapi dia berusaha kuat tapi dia mai pejabat saya untuk cari peruntukan sikit untuk nak beli bahan-bahan mentah nak buat kuih dan sebagainya. Apakah ada satu program diperingkat Kerajaan Negeri kita kumpulkan mereka-mereka ini yang susah ini yang buat kuih dan sebagainya kita usahakan untuk cari satu ruang pasaran saya buat di Sungai Dua, *Insyallah* tapi kita saya minta Kerajaan Negeri fikir macam itu, nak bantu depa ini selain kita bagi duit bulan-bulan nak bantu mereka ini mampu berusaha saya buat contohnya saya bagi bukan nak cerita kita panggil kilang yang buat di rumah kita bagi kat depa buat pasang *wire* apa ka bila buat macam tu kita boleh tambah, dia tak melibatkan JKM dalam bantuan bulanan, bantuan itu adakah ada Kerajaan Negeri memikirkan program yang semacam itu untuk bantu orang-orang susah di luar bandar yang mampu berdikari. Kita kena cari jalan bukan depa yang cari kita.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Memang Kerajaan Negeri pada tahun 2008 apabila Ketua Menteri, ADUN daripada Air Putih jadi Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang satu kenyataan yang tadi itu kuat dan jelas tidak ada sesiapa yang akan dipertinggalkan di mana polisi-polisi kerajaan tidak pilih bangsa agama atau kefahaman politik. Memang tak ada dan telah terbukti dengan kukuh. Oleh demikian Kerajaan Negeri berani bagi jaminan bahawa di Negeri Pulau Pinang apabila miskin tegar takrifan miskin tegar oleh Kerajaan Pusat adalah RM460 tetapi tak berani jaminan, Kerajaan Negeri berani bagi jaminan tidak boleh kurang daripada RM500 kalau kurang daripada RM500 Kerajaan Negeri akan *backing*. Memang itu tahun 2008 tetapi selepas semakan kita ada lihatnya bahawanya orang-orang keluarga-keluarga miskin dan miskin tegar kebanyakan datang daripada KADUN-KADUN UMNO. Bukti-bukti yang kukuh ada di sini, mengapa begitu keadaannya. Kerana saya percaya bahawa di KADUN-KADUN yang ADUN datang daripada UMNO tidak mahu mereka jadi kaya bila saya bagi bantuan saya nak bagi bantuan laporan polis dibuat terhadap saya. Saya dah minta persatuan-persatuan khasnya macam rumah ibadat jika ada program pemberian apa, sila bagi orang-orang kampung khasnya orang-orang kampung yang miskin. Saya siap sediakan nama daripada JKM bukan saya pilih kasih, JKM yang bagi saya serah pada mereka, mereka bagi tetapi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Soalan saya tidak dijawab.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Soalan akan saya jawab, sejak bila kebelakangan ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya dah faham dah tadi. Cukup, cukup la. Tak payah panjang isu ini.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Faham di sini sahaja. Saya nak bagi gambaran yang begitu jelas. Bahawa Kerajaan Negeri tidak pilih kasih daripada politik tetapi atas kemanusiaan kerana tidak sesiapa yang akan dipertinggalkan. Oleh yang demikian telah buat jawab adalah wakil ADUN daripada Yang Berhormat daripada UMNO buat laporan polis saya kena siasat, nak tolong orang Melayu saya kena siasat. Itu daripada UMNO. Betul.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Itu bukan soalan saya, tu soalan dia.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Soalannya oleh yang demikian kerana ada lihat dari segi bahawa AES dengan bersyarat. Bila bersyarat bahawa syarat memang saya akan bagi macam ini tetapi ada syarat kesihatan, pendidikan, produktiviti dan lain-lain. Ini memang dijalankan dan di Pejabat Daerah setiap bulan semua Pejabat Daerah ada satu mesyuarat satu jawatankuasa kemiskinan ada. Jikanya seorang yang memang bertanggungjawab bukan haknya di Dewan ini main minta atau ucap ada bulan sekali sahaja kalau saya dia ada kes-kes tertentu saya terus panjang Puan DO supaya saya masuk nama disiasat dan jika dia mereka apa kehendak telah dibagi khasnya terus masuk alatan-alatan perniagaan peluang-peluang perniagaan seperti tadi saya kata di sini macam orang OKU di KOMTAR pun boleh buka satu kedai dobi dan kita juga menggalakkan restoran-restoran, hotel-hotel hantar di sana.

Saya bercadang kalau Sungai Dua minat, Sungai Dua pergi cari satu tempat kita mahu buka satu kedai dobi. Buka satu kedai dobi dan kita akan merayu bahawa restoran-restoran dan hotel-hotel hantar untuk sana cuci supaya mereka ada niaga dan juga supaya orang OKU kita selalu menggalakkan mereka kerja dan di bawah syarikat itu dan dapat RM300 satu bulan, boleh faham. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada-ada jangan risau saya akan sambung. Seterusnya Batu Uban.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Soalan saya ialah soalan no. 70.

70. Adakah taksiran keperluan telah dilakukan ke atas projek terowong yang akan dijalankan?



## Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Batu Uban dan Yang Berhormat menanya "Adakah taksiran keperluan telah dilakukan ke atas projek terowong yang akan dijalankan?"

Yang Berhormat Dato' Speaker, kajian keperluan telah dan masih dilaksanakan ke atas projek jalan-jalan utama dan juga terowong link ketiga Pulau Pinang. Berdasarkan kepada plan induk pengangkutan Pulau Pinang yang disediakan oleh *AJC Planning and Half Pro* dinyatakan bahawa lebuh raya Negeri perlulah memiliki kemampuan untuk menyerap peningkatan jumlah trafik di masa depan. Memandangkan tiada jaringan lebuh raya yang sempurna di bahagian Pulau justeru itu terdapat keperluan terhadap jalan berkembar, *quite a long one, just be patient, thank you*, berkembar Tanjong Bunga ke Telok Bahang sebagai alternatif kepada Jalan Persekutuan sedia ada yang melalui Tanjong Bunga dan Batu Feringgi apabila jalan berkembar ini siap, jalan sedia ada tidak akan sesak dan dapat diguna dengan selesa oleh komuniti di persisiran utara Pulau Pinang.

Kedua begitu juga dengan jalan pintasan dari Lebuh Raya Dr. Tun Lim Chong Eu ke Air Itam, yang mana akan menyelesaikan masalah jalan *substandard* yang melalui kawasan penduduk berdensiti tinggi. Apabila lebuh raya ini siap kelak ianya akan membentuk satu rangkaian jalan yang strategik di dalam pulau dan jalan-jalan sedia ada dapat diturunkan kepada kategori iaitu jalan tempatan atau *local road*, ini akan memberikan *access* yang lebih baik kepada penduduk-penduduk sekitar dan boleh fasiliti serta perkhidmatan pengangkutan awam dipertingkatkan.

Selain itu berdasarkan laporan Plan Induk Pengangkutan Pulau Pinang jalan pintasan daripada Persiaran Gurney ke Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu akan melegakan kesesakan lalu lintas di dalam bandar George Town termasuk di jalan lingkaran *ad hoc* dan juga jalan-jalan kecil dengan adanya ketiga-tiga lebuh raya ini Pulau Pinang memerlukan satu lagi infrastruktur yang menghubungkan Pulau dengan Seberang Perai, justeru itu projek terowong link ketiga perlu di bina khususnya untuk menyuraikan lalu lintas dengan lebih cepat di bahagian utara pulau dan meredakan kesesakan lalu lintas di Jambatan Pulau Pinang. Meskipun Jambatan Sultan Abdul Halim Muazam Shah telah dibuka kepada lalu lintas pada tahun 2014.

Berdasarkan kepada kajian kebolehlaksanaan yang dilaksanakan oleh Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. pula beberapa aspek telah dikaji untuk meneliti *access* keperluan terhadap pelaksanaan terhadap projek-projek jalan-jalan utama dan terowong di Pulau Pinang. Setakat ini kajian dari aspek lalu lintas dan pengangkutan ekonomi, impak sosial, serta alam sekitar menunjukkan impak yang positif sekiranya projek ini diteruskan. Projek-projek ini dijangka akan membantu menjana ekonomi Negeri Pulau Pinang secara menyeluruh ini adalah kerana limpahan ekonomi dari projek ini akan terut dirasai oleh kontraktor dan pembekal tempatan yang akan beri akan diberi keutamaan mengambil bahagian dalam pelaksanaan projek sekiranya berkelayakan.

Selain itu peluang-peluang pekerjaan juga terbuka luas untuk dinikmati oleh rakyat di negeri ini. Kerajaan Negeri juga amat berharap agar projek-projek ini juga akan dapat menggalakkan perkembangan kawasan perbandaran, perumahan dan perindustrian

kerana ianya akan menghubungkan kawasan-kawasan yang strategik. Selain itu ianya akan dapat membantu mengurangkan kesesakan di jalan-jalan perbandaran dan ini akan memberi ruang dan peluang kepada perkhidmatan pengangkutan awam untuk beroperasi dengan lebih efektif di Bandar Georgetown. Bagi Seberang Perai Utara pula, projek pembinaan terowong dasar laut ini akan memberi impak kepada kepesatan pembangunan di Koridor Utara bermula daripada Butterworth ke Bagan Ajam sehingga ke Sungai Dua dan Telok Ayer Tawar dalam bentuk pembangunan bercampur. Pusat-pusat perniagaan dan kawasan perindustrian dijangka akan membangun dengan pesatnya seperti mana yang telah berlaku di kawasan Seberang Perai, Bukit Minyak, Juru dan Batu Kawan akibat daripada jaringan Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Selain itu, SPU juga akan menjadi pusat penempatan utama berikutan adanya kemudahan hubungan jalan raya dengan bahagian Pulau di negeri ini. Kapasiti kependudukan di negeri ini juga telah diambil kira dalam perancangan projek. Justeru, dalam masa yang sama Kerajaan Negeri juga telah merancang pelbagai projek infrastruktur pengangkutan seperti LRT, bas rapid transit, *skycab*, *water taxi* dan lain-lain untuk meminimalkan kemasukan kenderaan dalam bahagian Pulau. Perhatikan kepada impak positif yang akan dinikmati oleh rakyat Pulau Pinang, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa terdapat keperluan yang ketara supaya projek-projek jalan utama ini dan juga terowong di Pulau Pinang ini teruskan. Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A Thambyappa):**

Penjelasan. Soalan saya dengan *caring capacity island* kita. *Caring capacity* bolehkah dengan *increase connectivity* .....(dengan izin), *increase connectivity* bolehkah Pulau Pinang bertahan. *Caring capacity*.....(dengan izin) *can it manage to, can it shoulder the caring capacity?*

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Seperti tadi saya menyebutkan di Pulau ini memang kita ada ruang lagi untuk kita memperbaiki jajaran-jajaran lebuh raya atau jalan-jalan yang sedia ada. *You mean caring capacity* makna populasinya tidak akan menampung atau apa?

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A Thambyappa):**

Sebagai trafik dan *people*.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Yang Berhormat tengok pada masa-masa biasa sekarang ini, khasnya apabila ada hari raya berterusan, Pulau Pinang memang sesak. Jadi ada rungutan-rungutan orang tempatan atau penduduk-penduduk di Pulau ini, mereka rasa Pulau Pinang sudah jadi satu tempat yang begitu sesak. Untuk merealisasikan situasi ini, maka perlu lah perlu melaksanakan jaringan lebuh raya dan jalan-jalan yang lebih sempurna dan selesa. Justeru itu, ini adalah satu perancangan untuk masa hadapan, untuk anak cucu kita. Kalau sekarang kita tidak mahu buat, maka pada masa-masa akan datang, ia lebih rumit lagi Yang Berhormat.

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Soalan tambahan. Terima kasih YB. Bagan Jermal dan YB. Dato' Speaker. Saya *share* keraguan yang diutarakan oleh YB. Batu Uban. Tadi YB. Bagan Jermal mengatakan jalan raya-jalan raya di Pulau Pinang ini sudah sesak. Kalau kita lihat dari pengumuman yang dibuat, projek-projek pembangunan ini sedang naik macam cendawan tumbuh di pagi yang hujan. STP 1 dan STP 2, macam-macam lagi yang akan menambahkan lagi penduduk dan menambah kesesakan di jalan raya. Kita ada Pelan Induk Pengangkutan untuk jangka masa panjang, memang amat dialu-alukan, memang dinantikan dan kita berharap ianya akan dapat di *implement* kan dengan baik. Tetapi pelan induk ini, saya nak tanya soalan saya, adalah rancangan itu untuk berapa tahun ke hadapan? Kerana dengan pertambahan pembangunan sekarang pun, dalam masa empat (4), lima (5) tahun akan datang pertambahan penduduk dan seiring dengan itu akan ada lagi projek-projek baru yang akan dijalankan dan selepas siap jajaran baru dan *Transport Master Plan* ini, akan datang lagi pula banyak kenderaan pengunjung masuk ke Pulau Pinang. Soalan YB. Batu Uban tadi amat *relevant*, setakat mana kita boleh terima ini semua, adakah hadnya dan bagaimana kita hendak menghadkan kemasukan kenderaan dalam situasi kita hendak menjemput pengunjung-pengunjung datang. Bagaimana kita hendak kawal jalan raya kita dan pengunjung?

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bagan Jermal, satu minit sahaja.

### **Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Terima kasih. Satu minit sahaja, okey. Sekiranya ketiga-tiga lebuhraya ini disiapkan dan terowong dasar laut disiapkan, maka kita boleh menampung atau menanggung keperluan sehingga 2050 tambahan dengan *railway scheme* atau LRT, MRT atau *tramp* yang sedang dalam kajian. Kalau digalakkan penduduk-penduduk pulau ini menggunakan pengangkutan awam maka mereka akan mengurangkan, menggunakan kereta-kereta persendirian. Pada satu masa yang akan datang, kita ada pengalaman dengan lain-lain negara baik Singapura dan juga Kuala Lumpur, mereka telah membuat kaedah-kaedah sekatan sama ada untuk menaikkan kadar *parking fee*, sama ada melaksanakan pelbagai sekatan, masa itu anak cucu kita, bukan kita sekarang, mereka akan memikirkan sesuatu kaedah yang sesuai untuk menangani begitu banyak sekali kenderaan-kenderaan persendirian di atas lebuhraya kita ini. Sekian, terima kasih.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi soalan lisan satu setengah jam 30 minit telah pun tamat, ingin saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kali ini kita ada sejumlah 73 soalan lisan dan Dewan ini sempat untuk menjawab sehingga soalan ke 70. Saya mengucap terima kasih kepada semua tetapi juga ada sembilan (9) soalan yang tidak dapat dijawab di dalam Dewan ini kerana Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya tidak hadir pada masa ketika itu. Saya ambil kesempatan ini untuk memperingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya sesuaikan dengan Peraturan Mesyuarat yang telah pun kita gubalkan dan untuk hadir pada sesi soalan lisan dalam masa yang tepat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi soalan yang tidak sempat dijawab, saya minta Y.A.B. Ketua Menteri memberi jawapannya secara bertulis kepada ahli yang bertanya, selaras dengan Subperaturan 26(7) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan sekarang berada dalam sesi penggulungan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Sebelum penggulungan diteruskan, kebetulan rakan saya Padang Lalang hadir, saya teringat kelmarin ada perkataan disebut UMNO menghalang program Wanita di Chenaam, *roughly* macam itu. Lepas itu, bila kita pertikai Padang Lalang kata tidak sebut, saya minta *refer* kepada *hansard*, Speaker kata hari ini akan selesai. Saya hendak ambil contoh Sungai Dua, mudah, bila Sungai Puyu minta tarik balik, dengan mudah dia tarik balik. Saya hendak minta selesaikan ini dahulu, lepas ini boleh fokus dengan penggulungan. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah pun semak *hansard* yang telahpun disampaikan kepada saya dan dalam *hansard* ayat yang dikatakan oleh Padang Lalang adalah seperti berikut, ungkapan yang tersebut; "ada satu di Kampung Chenaam tetapi tidak berapa berjaya kerana *the presence of UMNO is very strong* dan mereka suruh orang-orang kampung jangan datang walaupun itu untuk program-program yang baik. Maka dengan itu saya minta Padang Lalang untuk....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dato' Speaker, sebentar, saya minta maaf, saya juga minta kalau boleh YB. Telok Ayer Tawar menarik balik kenyataan yang menyatakan orang-orang kampung tidak mahu berjumpa dengan Padang Lalang. *That is only fair*.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya cuma hendak uruskan apa yang telah ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya juga hendak minta YB. Telok Ayer Tawar juga tarik balik kenyataan yang telah disebut.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya cuma hendak uruskan dengan apa yang kita telah tangguhkan semalam. Saya juga diminta untuk semak *hansard*. Duduk Seri Delima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Itu juga tidak memahui peraturan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Untuk melancarkan perjalanan Sidang Dewan, telah beberapa kali saya menasihatkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, anda boleh memberi anggapan masing-masing tetapi selalunya bila anggapan itu bila dicabar, anda perlu membuktikan, kalau dengan itu tiada masalah, saya tiada apa-apa halangan, seperti mana Seri Delima selalu pun ada, tetapi dia datang dengan bukti-bukti yang kukuh, yang itu anggapan sedemikian itu okey. Kalau anggapan yang terlalu *general*...(dengan izin) tanpa dengan bukti-bukti ini saya hendak minta buat penjelasan. Kalau penjelasan itu tidak dapat diterima, saya telah diminta oleh Dewan untuk membuat ketetapan terhadap Peraturan Mesyuarat, saya akan buat. Saya akan minta Padang Lalang. Padang Lalang pun semalam minta saya rujuk balik *handsard*.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya rasa saya tidak mahu buang masa untuk membuktikan walaupun kalau hendak buktikan bukan susah juga. Saya menarik balik perkataan ini.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Padang Lalang kerana memberi kerjasama kepada Dewan. Sudah cukup...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dato' Speaker, saya juga minta YB. Telok Ayer Tawar untuk tarik balik kenyataan bahawa orang-orang kampung tidak mahu keluar kerana tidak mahu jumpa dengan Padang Lalang.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah, hari ini tidak sebut, sudah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Kelmarin disebutkan, kita dengar.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima sudah, bab ini sudah selesai. Saya hendak minta sesi penggulungan dimulakan. Sila Air Putih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tidak adil, Dato' Speaker, ini tidak adil.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri, saya memohon supaya masa persidangan hari ini 20 November 2015, hari Jumaat dilanjutkan sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada sokongan?

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini, 20 November 2015, hari Jumaat dilanjutkan sehingga semua urusan mesyuarat selesai. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya". Yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya".

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebulat suara dipersetujui, usul dipersetujui. Sila YB. Padang Kota.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya membuat penggulangan atas isu-isu yang dibangkitkan di bawah portfolio yang dipengerusikan oleh saya iaitu Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir. Saya percaya antara isu-isu yang dibangkitkan telah pun dapat jawapan dalam sesi soal jawab ataupun oleh EXCO-EXCO sudah memberi gubahan atas isu-isu yang berkaitan dengan portfolio masing-masing jadi saya tidak mencadang ulangi perkara-perkara yang sedemikian.

Untuk memulakan, saya ingin menjelaskan kepada apa yang didakwa oleh YB. Pulau Betong pada sesi perbahasan di mana Yang Berhormat mendakwa bahawa tender ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang tidak ambil bahagian dalam *request proposal* ataupun tender terbuka. Urus Setia diminta siasat dan mendapati lampiran yang digunakan oleh YB. Pulau Betong adalah tidak lengkap dan mustahil dan tidak benar bahawa Kerajaan Negeri akan menawarkan tender kepada syarikat yang tidak ambil bahagian dan dalam kes-kes yang disebutkan syarikat-syarikat yang ditawarkan memang mengambil bahagian dalam tender yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

YB. Telok Ayer Tawar telah membangkitkan teguran Audit Negara terhadap pengurusan perolehan di Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan menyoalkan mengapa kontraktor yang sama yang lewat menyempurnakan projek ditawarkan projek yang baru. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kontraktor yang sama bagi projek tandas awam Telok Bahang, lewat menjalankan projek di Surau Bandaraya di Lebuh Duke. Kelewatan itu adalah 15% dan kelewatan itu belum mencapai tahap projek sakit. Salah satu faktor kelewatan adalah terdapat tambahan skop kerja yang di luar jangka. Kontraktor itu juga dilantik kerana menawarkan harga terendah dan mengikut spesifikasi serta penilaian teknikal. Walau bagaimanapun, MBPP mengambil maklum akan teguran Audit berkaitan tahap pengurusan perolehan MBPP dan langkah-langkah pembaikan telah dilaksanakan seperti berikut. Satu pekeliling telah dikeluarkan pada 19 November 2014 mengenai sebarang penambahan masa atau *extension of time* yang kedua dan selanjutnya hendaklah dibentangkan di dalam Jawatankuasa Sebutharga atau Lembaga Perolehan sebelum kelulusan diberikan untuk mengelak projek mengambil masa yang lama untuk disiapkan. Kedua, *charge liquidated at certain damages* atau LLD dikenakan ke atas kontraktor-kontraktor yang lewat menyiapkan projek pun atas arahan Kerajaan Negeri ditambahkan kadarnya. Dan ketiganya, kerja-kerja pembaikan dipastikan dilaksanakan mengikut spesifikasi, kualiti dan syarat yang ditetapkan.

YB. Penanti telah membangkitkan isu kilang haram di kawasan Penanti iaitu kilang Witra Kukuh dan kilang Sodas. Untuk makluman Dewan, di antara tindakan yang telah diambil tindakan mahkamah di bawah Akta Perancang Bandar dan Desa. Tindakan di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan iaitu dengan mengeluarkan notis meruntuh pada 4 September tahun ini dan notis mengosongkan bangunan pada 17 September tahun ini bagi kilang Witra Kukuh. Manakala bagi kes kilang Sodas, MPSP juga mengeluarkan notis binaan tanpa kebenaran dan meruntuh pada 13 Mei tahun ini dan notis mengosongkan bangunan pada 1 Jun tahun ini. MPSP juga telah mengeluarkan notis kuasa memasuki tanah di kilang Witra Kukuh pada 28 Oktober tahun ini. Saya berharap MPSP akan teruskan dengan tindakan atas keperihatinan YB. Penanti.

YB. Dato' Yang di-Pertua, mengenai pemasangan sepanduk yang disentuh dalam ucapan perbahasan MBPP terima hasil daripada permit iklan sementara dan hasil penjualan pelekat permit iklan sementara adalah untuk mencukupi bagi menampung perbelanjaan untuk menurunkan sepanduk dan iklan haram. Manakala MPSP didapati ianya tidak berbaloi sebab terdapat terlalu banyak banner dan sepanduk haram di kawasan pentadbirannya. Jadi saya berharap kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan akan meningkatkan penguatkuasaan walau pun melibatkan perbelanjaan sebab sepanduk dan iklan haram ini adalah merupakan satu pencemaran alam sekitar juga dan untuk mencapai sebuah negeri yang Bersih, Hijau, Selamat Dan Sihat, itulah yang perlu dilakukan.

YB. Jawi juga membangkitkan naik taraf Kompleks Makanan Taman Sentosa di Nibong Tebal dan dalam Bajet MPSP tahun 2015, permohonan tersebut ditangguhkan. MPSP akan melaksanakan projek naik taraf tersebut sekiranya mendapat peruntukan daripada Kerajaan Negeri pada tahun 2016. Bagi kes lampu jalan, semakan dan tinjauan di tapak mendapati sebahagian Jalan Changkat dan Jalan Byram telah dipasang lampu jalan berkapasiti 150 watt dan mendapati pencahayaan adalah memadai dengan saiz jalan tersebut.

YB. Pulau Betong juga ingin tahu tentang bidang kuasa mengenai penyelenggaraan dan pembersihan pelbagai jalan termasuk jalan persekutuan, jalan negeri dan sebagainya. Sukacita dijelaskan bahawa bidang kuasa parit tersebut di parit di Balik Pulau bagi jalan persekutuan, penyelenggaraan dan pembersihannya adalah di bawah tanggungjawab JKR. Manakala jalan raya negeri, pembersihan parit konkrit adalah disenggarakan oleh MBPP. Namun bagi parit tanah, skop pembersihan masih di bawah JKR. Jadi pusing-pusing, rakyat jelata pun turut pusing juga. Hendak adukan kepada pihak mana pun menjadi satu cabaran. Agensi JKR adalah juga bertanggungjawab untuk membaiki struktur parit konkrit dan bahu jalan. Bagi jalan-jalan dalam taman perumahan termasuk lorong belakang, penyelenggaraan dan pembersihan parit pula adalah di bawah tanggungjawab masing-masing tertakluk kepada sempadan *city limit* iaitu kalau di dalam *city limit*, penyelenggaraannya adalah di bawah MBPP, pembersihan juga MBPP. Kalau di luar kawasan *city limit*, penyelenggaraan adalah JKR dan pembersihan pula adalah MBPP. Jadi ini memang jadi satu isu yang memang pernah dibincangkan dalam MMK Kerajaan Tempatan di mana Kerajaan Tempatan berhasrat kalau boleh ambil alih tugas ini di bawah JKR supaya jelas bidang kuasa dan tidak menimbulkan kekeliruan di dalam masyarakat tempatan tetapi masih menunggu satu keputusan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya hendak tanya pasal penyelenggaraan parit-parit di taman-taman perumahan dan juga di kampung seperti Kampung Sungai Lembu. Sebab kampung itu, dia agak tersusun dan ada jalan tar dan sebagainya tetapi MPSP telah beritahu yang Sungai Lembu sebab dia diiktiraf sebagai kampung, jadinya MPSP tidak akan buat *service*. Jadi saya ingin dan juga di kampung-kampung yang mempunyai nombor-nombor, rumah-rumah bernombor, yang membayar cukai pintu, bagaimana pula? Jadi saya, JKKK Sungai Lembu ada membuat cadangan, bolehkah satu kontrak pembersihan diberikan kepada JKKK sebab kalau di kampung tiada siapa hendak bersihkan, gotong-royong tidak boleh memadai sebab kadang-kadang parit-parit itu dia besar dan membahayakan. Kalau Kerajaan Negeri memperuntukkan kontrak pembersihan di kampung, diberikan kepada JKKK, mungkin boleh menggajikan orang yang, mungkin boleh. Tetapi yang pasal taman perumahan itu, saya hendak tanya, adakah disebabkan sebagai contohnya MPSP sekarang membuat semua kontrak-kontrak pembersihan secara dalaman tanpa syarikat. Dari rungutan rata-rata seperti di Taman Guar Perahu dan Taman Seri Mengkuang, mereka mengatakan yang jadual pembersihan itu macam tidak ada. Hanya bila kita buat aduan, MPSP skuad ke akan datang untuk membersihkan tetapi jadual pembersihan seperti tidak terlaksana. Walaupun saya dapat jawapan soalan bertulis kata ada tiga (3) kali tetapi *so far* dari segi penduduk tidak ada. Lagi satu untuk taman permainan atau padang lapang, saya diberitahu di Taman Guar Perahu, 4.46 ekar hanya ada dua (2) tong sampah disebabkan polisi MPSP ialah memberikan tong sampah mengikut berapa bilangan kerusi. Kerusi MPSP di situ hanya ada satu (1), jadi bagi satu (1) kerusi, dua (2) tong sampah. Tetapi saya rasa polisi ini tidak sepatutnya ditukar sebab kita kena lihat keluasan taman. Apabila tidak ada tong sampah, orang akan, semua akan membuang sampah di merata-rata. Terima kasih.



### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih YB. Penanti atas soalan yang dikemukakan. Memang benar kalau di taman perumahan, MPSP akan bertanggungjawab. Masalah yang dibangkitkan, saya percaya merupakan satu persepsi umum bahawa Majlis tidak dapat menangani kerja-kerja pembersihan awam dengan secekapnya walaupun S.O.P. diikuti oleh pekerja-pekerja MPSP tetapi namun persepsi umum mengatakan mungkin ada kelemahan. Jadi saya berharap PBT juga dapat sementara menjalankan kerja-kerja yang penting ini, usaha-usaha untuk menambahbaik persepsi umum terhadap wujudnya kelemahan ini dapat ditangani sekaligus. Kalau tidak, apa usaha yang dilakukan pun akan menimbulkan persepsi yang negatif. Kalau merasakan sepatutnya pembersihan awam atau kutipan sampah di jalan-jalan awam dikutip setiap jam atau di setiap setengah jam seperti di rumah kita sendiri. Kita lihat isu yang berlainan kalau taman-taman, jalan-jalan awam, itulah skop yang ditetapkan, tiga (3) kali seminggu. Mengenai Kampung Sungai Lembu, saya akan susuli dengan MPSP untuk melihat cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Berhubungan dengan pusat hiburan, lesen dikeluarkan di bawah Enakmen... (gangguan).

### **Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Kejadian kerap berlaku semasa hari perayaan, khususnya baru-baru ini semasa menyambut Hari Raya Aidilfitri, apa yang berlaku di Kuala Muda, didapati pada masa itu sampah melimpah dan saya hendak tahu sama ada apa langkah-langkah yang diambil.

### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Sebenarnya MPSP telah menyiasat aduan ini tapak liputan surat khabar didapati memang pungutan dibuat tetapi oleh kerana musim raya sampah-sampah yang dibuang oleh penduduk adalah melebihi setelah dikutip pun penduduk masing-masing pun masih membuang sampah dan melimpah keluar. Peranan skuad khas adalah untuk menangani isu-isu sedemikian. Kalau ada kes-kes yang spesifik yang memerlukan tindakan pantas maka pengwujudan skuad khas ini akan dapat menyelesaikan masalah-masalah, persepsi bahawa mengapa sampah tidak dikutip sedangkan dikutip 1 jam, 2 jam sebelum itu.

Mengenai pusat hiburan lesen dikeluarkan di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan. MBPP melaksanakan kawalan dengan menghadkan kawasan di mana ianya boleh diluluskan permohonan dan tidak meluluskan kalau ianya berdekatan dengan kawasan kediaman institusi pendidikan dan keagamaan. MPSP juga mengeluarkan lesen berdasarkan pertimbangan ini dan mengenai isu sama ada bilangan premis-premis hiburan ini terlalu banyak MPSP menyambut baiklah cadangan membekukan lesen ini jika didapati terlalu banyak. Mengenai isu pekerja asing yang berniaga...(gangguan)

### **Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Berdasarkan jawapan bertulis yang diberikan kepada saya soalan yang saya tanya berkaitan dengan hotel, motel, asrama berlesen dan tanpa lesen. Jawapan yang diberi sebanyak 173 hotel dan empat (4) buah motel berlesen dan tidak berlesen 186. Jawapan

tanpa lesenlah. Jadi persoalan saya adakah jika tidak ada lesen maknanya mereka tidak boleh menjalankan perniagaan dan jika mereka menjalankan perniagaan, perniagaan itu boleh dikatakan perniagaan yang haram. Jadi persoalan saya ini sama ada kutipan fi Kerajaan Tempatan dikutip daripada hotel-hotel tanpa lesen tersebut. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Kutipan fi dilakukan walaupun hotel-hotel itu beroperasi tanpa lesen atas persetujuan dan bagi hotel-hotel yang berlesen mereka menganggap mengapa cuma kutip daripada premis yang berlesen dan membiarkan hotel-hotel tanpa lesen beroperasi tanpa kutipan. Jadi walau pun pungutan levi atau fi dikutip tetapi ini tidak bermakna premis itu sah dari segi permit. Dan kebanyakan premis ini dalam monotorium yang dilaksanakan sekarang dan ekoran daripada tindakan meroboh dan menyita dan merampas peralatan daripada hotel-hotel tanpa lesen ini semakin ramai pengusaha tampil ke hadapan untuk mensahihkan operasi mereka tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya bangkitkan isu ini bukan apa dia melibatkan satu sama ada perniagaan itu dijalankan secara sah atau tidak? Yang kedua berkaitan dengan keselamatan. Apa akan jadi sekiranya berlaku kebakaran di atas premis tersebut atau hotel tersebut di mana sekiranya pelancong mendiami bilik-bilik di hotel tersebut berlakunya kebakaran maka itu akan menjadi masalah sebab yang pertama bagi saya disebabkan lesen tidak diperolehi maka peraturan-peraturan yang perlu ditetapkan ataupun yang ditetapkan oleh PBT tidak dipatuhi dari segi keselamatan dan sebagainya. Jika berlaku kebakaran di hotel yang beroperasi tanpa lesen ini boleh menjejaskan imej Negeri Pulau Pinang sebagai destinasi Negeri Pulau Pinang. Saya mahu komen daripada Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Sememangnya pertimbangan ini iaitu memastikan keselamatan premis-premis hotel dan juga untuk menjaga imej pelancongan di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri memutuskan menjalankan program pemutihan hotel-hotel yang beroperasi tanpa permit ini. Sebab kita tidak pun ingin melihat kejadian sepertimana YB. Penaga sebutkan itu berlaku di Negeri Pulau Pinang. Jadi setelah satu tahun memang saya boleh katakan sehingga 80% daripada premis yang tanpa lesen itu sudah pun tampil ke hadapan tapak lesen sementara jadi boleh dikatakan sekarang 80% daripada premis-premis yang beroperasi dibenarkan operasi kerana telah memiliki permit sementara tetapi kita tidak henti dengan itu.

Kita memerlukan mereka walau pun sudah dapat permit sementara pengusaha ini diberi satu tahun lagi dalam tempoh ini perlulah mendapat mengemukakan perlingkungan semula kalau berkaitan kemukakan Kebenaran Merancang, mengemukakan Pelan Bangunan tapak lesen penuh. Itulah hasrat dalam peralihan ini kita masih melonggarkan satu tempoh untuk mereka cari Arkitek dapat persetujuan pemilik hartanah itu untuk mereka kemukakan permohonan. Tetapi bagi golongan yang ingkar dan tidak mahu kerjasama untuk pohon permit sementara itu pun tindakan itu telah dimulakan dan akan diteruskan dan akan diperhebatkan lagi.

### **Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

YB. Dato' Speaker, berkaitan dengan lesen hiburan ini juga. sebagai contoh operasi mesin-mesin *game* ini termasuk snooker dan sebagainya, itu pun saya ingat termasuk dalam pengertian lesen hiburan. Sama ada Ahli Kawasan Padang Kota tahu atau tidak? Mengikut kenyataan rakan-rakan di luar mengatakan tempat operasi yang berlesen ini ada perjudian sebagai simbolnya tempat operasi ini ada tanda gambar-gambar kartun di luar kalau masuk di situ ada sahaja gambar-gambar kartun ada maksudnya ada perjudian berlaku. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Memang pihak Kerajaan Tempatan mengaku walau pun premis-premis *cyber cafe, internet, game* ini operasi secara permit yang sah tetapi tidak dinafikan disalahgunakan untuk kegiatan perjudian dengan menggunakan *online gambling* dan sebagainya. Baru dua (2) hari yang lalu wakil JKKK Machang Bubuk pun serahkan satu memorandum kepada saya untuk *highlight* isu ini di kawasan Machang Bubuk saya percaya di lain-lain kawasan. Satu cadangan...(gangguan)

### **Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Termasuk Taman Pekaka.

### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Saya kata tak khusus kepada Machang Bubuk sahaja dipercayai di lain-lain kawasan juga jadi satu cadangan adalah untuk membekukan pengeluaran dan pembaharuan lesen itu boleh dipertimbangkan. Tetapi kita tahu bahawa pengusaha lebih pintar daripada pihak berkuasa. Mereka akan mencari ikhtiar memastikan mereka terus berusaha mengusahakan premis itu *with or without* permit mereka akan terus melakukannya kalau dibekukan maksudnya dipaksa untuk pergi ke bawah tanah, *go under ground* untuk teruskan operasi itu. Kita berharap penguatkuasaan yang bersepadu yang memang diadakan boleh diteruskan bersama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti PDRM Imigresen, Anti Dadah dan sebagainya.

Bagi pekerja asing yang berniaga memang Pihak Berkuasa Tempatan melakukan penguatkuasaan dan adanya pekerja asing yang bekerja tanpa mengambil vaksin tindakan yang diambil adalah dengan mengeluarkan kompaun dibawah Undang-undang Kecil Bayaran Lesen dan dibawah Undang-undang Kecil Pengendali Makanan kerana tidak mendapat suntikan imunasi yang diperlukan. Di samping itu Pihak Berkuasa Tempatan juga menasihatkan pemilik peniagaan supaya mendaftarkan pekerja tersebut untuk mendapat Kursus Pengendalian Makanan dan Suntikan. Pemeriksaan semula akan dilakukan dan memastikan kursus dan suntikan yang diambil oleh pekerja tersebut.

Manakala Unit Pendidikan Kesihatan dan Persekitaran akan memberi taklimat kepada semua pengendali makanan berkaitan kebersihan dan keselamatan makanan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya ingin bertanya sebab kita dapati restoran-restoran tom yam ini selalunya beroperasi di sebelah petang malam dan sebagainya kadang-kadang pekerja boleh katakan pekerjaanya datang daripada negara jiran. Mereka mungkin datang pun sekejap sahaja dan balik ke negara jiran. Masalahnya saya nak tanya dalam di Pulau Pinang ini kita pun dapati banyak restoran-restoran tom yam saya katakan tadi beroperasi sebelah malam. Saya nak tanya bagaimana PBT khususnya MPSP mengambil langkah-langkah untuk memastikan pekerja-pekerja yang bekerja di restoran-restoran tom yam itu mendapat *vaccination* ataupun perlu vaksinkan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih YB. Penaga dan saya percaya Yang Berhormat pun sedar bahawa isu yang berlaku di negara kita berlaku sebab kurangnya atau tidak berkesan penguatkuasaan dari segi imigresen dan masuk untuk kerja tanpa permit yang sah dan sebagainya sehingga tapak mencari kerja di tempat-tempat makanan ini memang menjadi satu isu untuk ditangani oleh semua pihak. Jadi pihak berkuasa yang bertanggungjawab atas kesihatan persekitaran ini memang tidak kurangnya penguatkuasaan perlu dilakukan dengan lebih rapi lagi. Dan kalau boleh ada kuasa-kuasa tertentu termasuk menutupkan premis itu jika didapati melanggar banyak syarat kesihatan dan kebersihan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya nak tanya seperti yang saya katakan tadi kebanyakan restoran beroperasi sebelah malam. Persoalannya sama ada penguatkuasaan MPSP menjalankan tugas sebelah malam atau tidak untuk memeriksa premis-premis restoran makanan sebelah malam terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Bisa di atur. Berhubung dengan keprihatinan Yang Berhormat berhubung dengan kemudahan mesra umat Islam. Kerajaan Negeri memang mengambil maklum dan tindakan yang sewajarnya akan di ambil untuk mengenakan syarat penyediaan kemudahan mesra umat Islam semasa permohonan hotel baru. Manakala, bagi hotel sedia ada pihak Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan menyarankan dan menggalakkan persediaan kemudahan tersebut sebab itu pun untuk kebaikan hotel sendiri.

Mengenai pemutihan menara telekomunikasi yang dibangkitkan oleh YB. Sungai Aceh memang Kerajaan Negeri sedang melaksanakan Program Monotorium. Sekarang sudah masuk fasa yang kedua. Bagi meneliti semula struktur telekomunikasi yang sedia ada. Program ini akan tamat pada 31 Disember ini dan semua struktur yang tidak diluluskan oleh BPT dalam Program Monotorium ini akan dirobuhkan pada tahun 2016. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua struktur akan diteliti dan dipertimbangkan kelulusan hanya setelah pematuhan semua syarat yang diperuntukkan dalam *procedure* dan garis panduan dalam pembinaan menara dan struktur pemancar telekomunikasi di negeri Pulau Pinang yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2015 dan untuk pembaharuan

struktur-struktur yang ada lesen pun diperlukan pengesahan daripada jurutera bertauliah untuk memastikan struktur-struktur yang kekal itu walau pun ada lesen untuk dibaharukan, perlu juga disertakan pengakuan daripada jurutera supaya menjamin keselamatan struktur-struktur ini. Isu ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih Padang Kota. Maksudnya pemutihan ini sedang dalam proses dan kita akan mengikut peraturan yang telah ada. Maksud saya termasuklah untuk mendapatkan pandangan dan ulasan jiran-jiran sekitar.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Monotorium pengecualian diberikan dari memohon kebenaran merancang tetapi pelan bangunan diperlukan untuk *roof stock structure* tetapi memandangkan bukan senang sebab melibatkan perlingkungan syarikat telekomunikasi menyewa satu tapak yang kecil. Sebab apa yang diperlukan mungkin 200, 300 kaki sahaja dalam sebidang tanah yang mungkin tiga ekar. Kalau memerlukan perlingkungan semula, tak mungkin tuan tanah membenarkanlah sebab melibatkan perlingkungan yang tidak semestinya diluluskan tetapi oleh kerana kita lihat betapa pentingnya telekomunikasi perkhidmatan telekomunikasi ini jadi kita garis panduan melonggarkan syarat-syarat tertentu tetapi kalau atas isu teknikal walaupun dikecuali kan kebenaran merancang tetapi anjukkan betapa tingginya struktur itu ikutlah spesifikasi teknikal walaupun tidak dirujuk sebab tidak melibatkan kebenaran merancang jadi tidak dirujuk kepada lot-lot jiran tetapi yang lain syarat-syarat untuk keselamatan struktur itu perlu diikuti lah. Itu syarat yang ditetapkan di mana kalau ada bantahan daripada penduduk setempat maka Pihak Berkuasa Tempatan berhak untuk tarik balik lesen yang diluluskan itu juga.

Isu tebus guna laut untuk membiayai *Transport Master Plan* telah pun dijelaskan... (gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Sebelum pergi ke topik baharu, boleh? Saya mahu meminta penjelasan ataupun soalan tambahan berkenaan dengan kelulusan untuk kilang-kilang ataupun kilang-kilang yang mencemarkan sungai, bau dan udara sebab sebagai contohnya, Kilang Lee Rubber memang sudah lama di Penanti tetapi apa yang saya diberitahu ialah operasi di pulau dipindahkan ke semuanya ke Penanti disebabkan oleh pencemaran di Sungai Dongdong dan Sungai Pinang. Saya telah berbincang dengan pihak kilang dan pihak kilang iaitu salah satu syarikat *Singapore* telah mendapat maklum balas dari JKKK dan mereka bersetuju untuk pindah keluar daripada Penanti disebabkan oleh kerosakan jalan, disebabkan oleh *latex* getah dan asid getah dan juga pencemaran bau dan pencemaran sungai yang telah berlaku di Penanti. Jadi saya amat berharap supaya Kerajaan Negeri tidak pindahkan, tidak meluluskan, pindah kilang-kilang industri yang mencemarkan. Maknanya kalau di pulau itu tidak selamat ataupun di kawasan tak selamat, tak diluluskan jangan pindahkan ke kawasan seperti Penanti. Sebab kalau dia tidak bagus untuk rakyat di penduduk di pulau atau di tempat lain, ia juga tidak bagus untuk penduduk di Penanti. Sama juga dengan kilang *Sodas Activated Carbon*. Apa yang saya diberitahu oleh EXCO bersama mesyuarat bersama MPSP bahawa kilang itu sebenarnya

di tempat lain tetapi di pindahkan kepada Penanti tetapi masih tidak diluluskan sebab dia tidak ada tidak dapat lesen selama 10 tahun dan tidak ada Bio-E Standard untuk pencemaran dan Pejabat Kesihatan juga telah....(gangguan)

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Penanti, pendekkan apa penjelasan dengan lengkap.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Maknanya bila kilang-kilang seperti ini sebagai contoh kuari kah, renew dia punya lesen. Saya sebagai ADUN saya selalu menghantar ulasan tidak setuju disebabkan penduduk dah bantah tapi selalunya di *overall*, maknanya ulasan saya tidak di guna pakai. Jadi saya amat berharap seperti apa yang berlaku kalau *it's not good for* penduduk di kawasan lain *and its not good for our* kawasan. Yang kilang *Activated Carbon* yang SODAS itu. Itu telah menyebabkan empat...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Penanti, sekarang dalam penggulungan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya *just* nak cakap yang impak dia itu kepada penduduk dan Jabatan Kesihatan juga telah membuat siasatan pada 14 mangsa yang kena kanser. Jadi saya harap ini di ambil perhatian serius apabila meluluskan pelan-pelan merancang atau pindah-pindah kilang-kilang di kawasan lain ataupun untuk pemutihan kilang-kilang haram yang sedia ada. Mengambil kira faktor pencemaran dan kesihatan penduduk. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih YB. Penanti. Saya akan cuba lembut menjawab isu yang dibangkitkan. Tadi saya apabila menjawab soalan YB. Penaga menyatakan kebanyakan yang isu kita hadapi adalah kurangnya dan tidak berkesannya penguatkuasaan tetapi sebelum penguatkuasaan diperlukan sebenarnya satu isu yang lebih besar wujud iaitu ketidakpematuhan orang bina rumah, orang bina kilang, orang menjalankan perniagaan apa-apa sahaja tanpa mengikuti *procedure* undang-undang untuk mendapat lesen sebelum operasi. Jadi setelah saya jadi EXCO Kerajaan Tempatan saya makin putihnya sebab perlu menjalankan banyak program pemutihan di Negeri Pulau Pinang sebab sebelum itu memang isu-isu ketidakpematuhan kurangnya penguatkuasaan ataupun tidak cukup berkesan berklaku dan berlarutan sehingga sekarang. Satu generasi demi satu generasi. Tapi kalau saya diamanahkan tanggungjawab ini pun mengambil sikap yang sama maka EXCO KT yang akan datang juga perlu menghadapi masalah dan isu yang sama.

Jadi kilang-kilang yang tidak ada berlesen di Seberang Perai juga satu isu yang sedang ditangani oleh MPSP, satu garis panduan baru di cadangkan untuk diluluskan di Jawatankuasa Perancang Negeri untuk melihat macam mana kita boleh memutihkan setengah-setengah kilang ini yang walau pun pada peringkat ini tidak dapat lesen kalau

ikut syarat-syarat yang ditetapkan mungkin boleh diberikan lesen. Kalau terletak dalam zon perindustrian yang ditetapkan di bawah rancangan struktur ataupun draf rancangan tempatan dan sebagainya. Jadi untuk menangani isu yang dibangkitkan oleh YB. Penanti berhubung *Lee Rubber*. Saya tidak ada maklumat di sini sebab ada isu baru yang dibangkitkan semasa pengguguran saya namun saya akan mengarah MPSP assign satu pegawai *Desk Officer* untuk menangani isu ini bersama dengan Penanti dan juga agensi lain seperti Jabatan Alam Sekitar. Saya percaya tadi kilang SODAS itu pun saya sudah jawab sebelum YB. masuk.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Berkaitan dengan kilang-kilang yang beroperasi tanpa lesen di seluruh Pulau Pinang. Jawapan yang saya terima, jawapan bertulis bukan sikit, banyak. Sebanyak 371 buah iaitu 371 buah di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan 295 di kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Jumlah yang besar dan saya amat simpatilah dengan Yang Berhormat kerana perlu mengatasi masalah ini dan bagi saya bukan setakat dari segi faktor kesihatan yang dibangkitkan oleh YB. Penanti tadi, saya lihat jika dibiarkan kilang-kilang tanpa lesen beroperasi. Pihak MPSP pun akan kerugian pungutan cukai, lesen dan sebagainya dan ini tak baik lah untuk MPSP dan MBPP. Jadi cabaran itu amat besar, saya faham tapi bagaimana pun saya harap Yang Berhormat teruskanlah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih selagi lagi daripada YB. Penaga. Saya rasa YB. Penaga layak untuk menjadi Menteri Kerajaan Tempatan kerana peka dengan isu-isu yang Kerajaan Tempatan. Menteri dulu tak apa. EXCO biar saya teruskan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Tadi dibangkitkan tentang isu kilang haram, saya juga telah melawat bersama-sama dengan Jabatan Alam Sekitar dan lain-lain jabatan tapi tak termasuk MPSP. Kawasan di industri makanan dan industri berat di kawasan perumahan kalau boleh dimasukkan dalam tindakan pihak MPSP. Industri makanan ini dia mencemarkan kawasan longkang dan sungai. Industri berat ini industri yang *heavy duty ... (dengan izin)* tapi dia buat dikawasan perumahan yang ada perumahan orang di kawasan Desa Murni. Dan satu lagi soalan yang mungkin saya terlepas tadi berkaitan dengan kos pengutip sampah. Sekarang ini telah dilaksanakan secara oleh pihak MPSP sendiri, *in house*. Dulu ditenderkan, misalnya melantik kontraktor dan boleh tak saya tahu dari segi kos sama ada kos jumlah perbelanjaan diuruskan sendiri ini lebih rendah ataupun lebih tinggi daripada kita beri kepada kontraktor untuk kerja-kerja pembersihan dan kerja pungutan sampah kerana kita nampak pungutan sampah melalui kontraktor lebih kesan daripada yang dilaksanakan sekarang. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Menjawab perbelanjaan Sungai Dua, perbelanjaan lebih banyak sekarang berbanding dengan penswastan pada masa lampau sebab sejak tahun 2006 semua PBT terima arahan untuk tidak menambahkan peralatan kekalkan kontrak yang sedia ada, lanjut bulan demi bulan sahaja maka perbelanjaan itu dibekukan untuk beberapa tahun. Sedangkan mungkin perbelanjaan sebenar itu tidak dapt dikirakan, jadi setelah diambil alih, didapati lebih tinggi, sebahagian besar sebabnya pelaburan, *investment* untuk membeli peralatan dan jentera baru yang perlu ditanggung tetapi kalau mengurangkan perbelanjaan serupa ini, pun didapati lebih tinggi daripada keadaan sebelum itu. Berhubung dengan kilang-kilang sebenarnya tadi saya pun tidak jawab Penaga. Kita pun sedar, selain daripada itu, itu kilang hasil itu, *secondary, primary* kilang-kilang itu menjadi satu sumber peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan walaupun kilang tidak berlesen pun, dia sebuah kilang yang menghasilkan produk, memerlukan pekerja dan sebagainya, merancakkan ekonomi setempat. Yang lemah, yang permasalahan itu kurangnya satu permit yang mungkin dapat kita memastikan pematuhan alam sekitar dan sebagainya. *Discharge* dan sebagainya. Kalau mereka boleh melakukan piawaian ini tanpa ada satu lesen, itu pun kita galakkan.

Walaupun tiada lesen, dia ikut keperluan alam sekitar tetapi semua ini akan ditangani oleh MPSP apabila garis panduan diluluskan oleh SPC nanti untuk melihat sebanyak boleh kita dapat memberi lesen penuh. Oleh masa yang terhad saya bercadang untuk meneruskan kepada isu letak kenderaan yang dibangkitkan oleh Pengkalan Kota, Pulau Tikus dan KOMTAR. Memang isu ini menjadi isu yang rumit khususnya musim cuti persekolahan dan perayaan dan Kerajaan Negeri memang prihatin terhadap isu ini dan antara tindakan-tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah mengenalpasti tanah di beberapa lokasi supaya pembinaan tempat letak kenderaan bertingkat boleh dilakukan. Saya pernah menerangkan bahawa Majlis Bandaraya mengutip caruman letak kereta *in lieu of provision*. Wang ini adalah diletakkan dalam tabung untuk tujuan ini. Dan 3 tempat letak kereta bertingkat sudah pun di bina. Jalan Hatin, Lebu Union, Lebu Victoria dan sekarang di belakang Pasar Chowrasta dan Majlis sedang mengenalpasti tanah-tanah yang bersesuaian untuk tujuan ini.

Mengenai cadangan supaya satu kutipan yang seragam dilaksanakan di kedua-dua PBT iaitu kupon untuk kutip fi letak kereta akan dibincangkan dan ditelitikan oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan....(gangguan).

### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Yang Berhormat boleh minta laluan, terima kasih. Tetapi tempat letak kereta ini, apakah pandangan Yang Berhormat tentang pelaksanaan had masa serta kadar letak kereta berdasarkan *demand* dan keperluan di jalan-jalan tertentu? Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

YB. Bagan Jermal telah mendahului soalan ini dengan jawapan tadi. Sampai masanya kita perlu melihat pendekatan ini. Setelah kita sediakan *option* pengangkutan awam, rangkaian jalan yang sempurna maka tindakan-tindakan selanjutnya adalah untuk melihat yuran meletak kereta *and fee charge* dan sebagainya. Itulah di antara option-option yang ada pada perancang lalu lintas selalunya. Tetapi apakah sesuai dilaksanakan



sekarang? Kita tahu bahawa belum sesuai lagi sebab rakyat jelata atau pengguna tidak ada alternatif yang mampan untuk mereka menggunakan pengangkutan awam. Isu penguatkuasaan bersepadu terhadap jentera-jentera berat yang di letak di taman-taman perumahan atau di tepi-tepi jalan yang dibangkitkan oleh Jawi dan sebelum itu oleh Paya Terubong pun sedang ditangani oleh Bahagian KT dan bersama dengan PDRM, JPJ, SPAD dan dalam dua (2), tiga (3) bulan kebelakangan ini, dua (2), tiga (3) mesyuarat dan lawatan sudahpun dilakukan. Dan walau pun Pihak Berkuasa Tempatan adanya bidang kuasa yang terhad namun kita akan lihat dan menyemak tempat-tempat yang dikatakan depo apabila pengusaha ini pohon lesen, dia letak tempat-tempat ini sebagai depo mereka tetapi kita tahu bahawa itu untuk tujuan mendapat lesen sahaja. Tetapi setelah dapat lesen, tempat-tempat yang dinyatakan sebagai depo ini, sebenarnya bukan milikan ataupun disewa oleh pengusaha dan mereka akan letak kenderaan ini di tepi jalan. Jadi kita hendak memastikan kalau didapati sememangnya butiran yang palsu digunakan untuk permohonan setelah kita semak, kita akan panjangkan kepada SPAD bahawa pengusaha bas kilang ini menggunakan maklumat yang palsu untuk mendapat lesen. Jadi SPAD dan JPJ diharapkan menarik balik lesen-lesen yang sedemikian.

Laluan pejalan kaki dan laluan basikal yang dibangkitkan oleh Tanjong Bunga dan Seri Delima, Kerajaan Negeri memang komited khususnya Y.A.B. Ketua Menteri sendiri untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang *cycling state*. Jadi mengikut perancangan MBPP akan melaksanakan projek naik taraf dan penyelenggaraan bahu jalan di Jalan Gurdwara, Lebuh Tye Sin sehingga Lebuh Katz, pada 2016. Tambahan lagi MBPP akan memastikan laluan pejalan kaki ini bebas halangan dan mengikut *universal design and accessibility, in built environment, code of practice*, di mana YB. Pulau Tikus sendiri menjadi Pengerusi Pasukan Khas ini dan saya ucapkan terima kasihlah atas usaha ini tetapi tidak cukup *compliance* adalah penting, memang kalau ada *code-code* yang sudah pun diwujudkan tetapi kalau kita tidak menguatkuasakan ianya tidak akan mewujudkan satu suasana yang baik untuk pejalan kaki dan untuk laluan basikal.

Kerajaan Negeri kini sedang mengkaji cadangan pelaksanaan *dedicated bicycle lane* memandangkan bilangan penunggang basikal kian bertambah. Sehubungan dengan itu sebuah jabatan telah pun dibina merentangi Sungai Pinang khas untuk penunggang basikal dan pejalan kaki. Hari ini hari Jumaat, sepatutnya ada *bicycle ride* dari Queensbay ke KOMTAR yang selalu ambil bahagian oleh YB. Timbalan Ketua Menteri I, YB. Sungai Pinang dan lain-lain, tidak termasuk saya lagi. Jadi ini satu usaha untuk menggalakkan lebih ramai orang menggunakan basikal bukan sekadar sebagai rekreasi tetapi kalau boleh sebagai satu *mode of public transport*. Kerajaan Negeri melalui MBPP juga akan melaksanakan laluan basikal dari Straits Quay, Tanjong Tokong ke Lapangan Terbang Antarabangsa serta Jabatan Sungai Abdul Halim Muazam Shah sepanjang 32 kilometer. Cadangan ini melibatkan laluan basikal baru, menaikkan taraf laluan sedia ada, menyediakan pencahayaan, serta pembinaan sebuah jejantas merentangi Lebuh Raya Tun Dr. Lee Chong Yew, di depan Queensbay Mall yang akan dilengkapi dengan menara pemandangan, dua (2) buah jambatan merentangi Sungai Kluang dan Sungai Nibong dan kerja-kerja ini dijangka boleh mula pada suku kedua tahun 2016. Saya percaya tender boleh dipanggil pada penghujung tahun ini ataupun pada Januari tahun akan datang. Projek ini dianggarkan sebanyak RM10.0 juta.

Pengangkutan awam berhubung dengan Rapid Penang, Kerajaan Negeri senantiasa kerjasama rapat dengan *operator* Rapid Penang untuk memastikan perkhidmatan pengangkutan bas yang terbaik dapat diberi kepada rakyat. Mengikut data yang diperolehi sebanyak 400 buah bas dibekalkan bagi tujuan kegunaan di Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, bilangan ini masih boleh ditambahkan apabila keperluan perkhidmatan bertambah. YB. Penaga juga membangkitkan isu kutipan bayaran untuk Best KOMTAR. Sebenarnya sebelum kita menetapkan bayaran ini, satu kajian sudah dilakukan di kalangan penjawat awam dan sebenarnya penjawat awam sendiri yang mencadangkan bayaran RM100 sebab perkhidmatan ini memang membolehkan mereka menggunakan bas ini tanpa perlu menggunakan kenderaan sendiri yang akan jimat bayaran tol, minyak, penyelenggaraan sehingga RM300 - RM500 sebulan. Jadi mereka sanggup bayar RM100 tetapi setelah teliti Kerajaan Negeri merasakan kita hendak menggalakkan *public transport*, jadi satu *nominal sum* sahaja, RM25 dikenakan ke atas penjawat awam di KOMTAR dan memang keperluan itu dan kita akan cadang menambahkan bas sebab memang ada *que* untuk menunggu sebab satu bas bilangan penumpang terhad. tiga (3) bas pun terhad. Jadi masih ada senarai menunggu. Kalau boleh kita akan menambahkan lebih laluan sebab laluan baru dan tambahan bas pun sudah dilakukan.

Berhubung dengan pandangan Tanjong Bunga membandingkan MRT dengan LRT. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan kajian keperluan dan unjuran kadar penumpang yang telah dijalankan oleh Project Delivery Partners, didapati perkhidmatan LRT lebih sesuai berbanding dengan MRT. Ini kerana unjuran keperluan penumpang menunjukkan perkhidmatan LRT adalah memadai bagi menampung kepadatan penduduk dan pembangunan di Negeri Pulau Pinang sehingga tahun 2050. Pembinaan bawah tanah juga tidak sesuai kerana kos pembinaan adalah dua (2) kali ganda lebih berbanding dengan pembinaan LRT di atas tanah. Berhubung dengan pengasingan sisa di punca, saya pun sudah menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri memang bercadang melaksanakan dasar ini pada 1 Jun nanti dan terima kasih kepada Yang Berhormat Paya Terubong, Tanjong Bunga yang memang prihatin dan saya berharap semua akan dapat bekerjasama.

Wakil rakyat boleh menggembelengkan masyarakat setempat di kawasan masing-masing sama ada melalui JMP, MC, Rukun Tetangga, JKKK supaya memperkenalkan program ini kepada masyarakat dan sama-sama menjayakan dasar ini. Sungai Pinang menyoalkan perbezaan angka saman yang dikeluarkan terhadap *Little Bugs* adalah didapati bahawa jawapan pada penggal yang lepas merupakan angka bagi semua kategori kesalahan tetapi bagi penggal ini cuma tertumpu kepada kesalahan pembuangan sampah di tempat awam dan kaki lima sahaja. Jadi, berlaku perbezaan. Saya akan meneruskan sedikit dalam perkara Tebatan Banjir sebelum memberi jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sukacita saya menyatakan ini satu cabaran lagi bagi Kerajaan Negeri dan juga kepada saya khususnya untuk menangani banjir di Negeri Pulau Pinang ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pembangunan di Pulau Pinang semakin meningkat dari tahun ke setahun dengan pembangunan yang kita saksikan dengan kadar pembangunan dan kesan kepada fenomena perubahan awam juga menyebabkan Pulau Pinang menghadapi masalah banjir. Ini kerana kesan daripada peningkatan kadar air dari permukaan kerana kurangnya kadar penyusupan air ke dalam tanah dan menyebabkan air hujan secara terus masuk ke dalam sistem perparitan. Masalah ini secara tidak langsung

menyebabkan Kerajaan Negeri terpaksa membelanjakan kos yang tinggi. Kerajaan Pusat juga untuk membiayai projek-projek naik taraf perparitan dan projek-projek tebatan banjir untuk menangani masalah ini. Banjir merupakan bencana alam yang sering menimpa Pulau Pinang. Namun begitu, sejak kebelakangan ini, YB. Dato' Speaker amat *familiar*, sejak kebelakangan fenomena banjir menjadi semakin kritikal. Kejadian banjir kilat atau *flash flood* semakin berleluasa diakibatkan oleh ketidakmampuan sistem saliran dan perparitan dalam menampung kapasiti air larian yang meningkat secara mendadak akibat daripada hujan yang lebat. Di Pulau Pinang YB. Dato' Yang di-Pertua, hanya terdapat tiga jenis banjir iaitu banjir hujan, kilat *conventional*. Kedua banjir hujan *sycron*. Ketiga banjir yang disebabkan oleh air pasang tinggi. Antara punca-punca utama boleh dikenal pasti kesan pembangunan, kekurangan kawasan tanah lapang, kelemahan sistem perparitan, aras tanah yang rendah, peningkatan air pasang disebabkan oleh pemanasan global. Banjir yang lebih buruk boleh berlaku jika gabungan faktor-faktor ini. Kalau secara berasingan mungkin tak berapa serius. Tetapi kalau dalam satu kejadian semua faktor ini terlibat maka kita akan dapat kesannya yang buruk.

Mengikut Laporan Penilaian Perubahan Iklim Keempat oleh panel antara kerajaan mengenai perubahan iklim yang dikeluarkan pada tahun 2007, paras air laut dunia meningkat beransur-ansur. Itupun akan *impact* masalah banjir di negara kita sebab apabila paras air naik, kawasan-kawasan rendah akan menghadapi masalah. Institut Penyelidik Hidrolik Kebangsaan juga menyatakan bahawa kesan pemanasan global akan menyebabkan fenomena peningkatan aras laut di persisiran pantai Malaysia. Menurut kadar kenaikan aras laut purata di sepanjang pantai Malaysia dikira dari satelit altimeter dari tahun 1993 sehingga 2010 adalah di antara 2.7 hingga 7.0 mililiter setahun. Kajian Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang dikeluarkan pada tahun 2011 menyatakan kenaikan aras air laut meningkat puratanya 10 sentimeter setiap tahun. Saya nak bangkitkan ini supaya kita dapat lihat satu gambaran yang lebih luas dan kalau berlaku kenaikan paras laut ini, dan tidak ada langkah pencegahan yang dirangka dari awal, antara kawasan-kawasan berisiko tinggi ditenggelam pada 2020 ialah Batu Pahat, Melaka, Miri, Klang, Pekan, kawasan Perdana Menteri pun tak terlepas dan juga Negeri Pulau Pinang.....(gangguan). Persisiran pantai. Tak kan nak naik Bukit Relau, tak bolehlah.

Mengikut Profesor Dr. Fredolin Tangang, Pakar Klimatologi dan Oseanografi dari UKM, faktor pemanasan global juga akan menyebabkan elemen iklim tropika. Patutlah baru-baru ini banyak angin yang kencang. Ini disebabkan oleh perubahan yang dibawa oleh pemanasan global. Fenomena ini dipanggil Madden-Julien Oscillation (MJO) yang semakin aktif dan meningkat 40% kepada 50%. Sehubungan ini, banjir dijangka berulang dengan lebih kerap dan lebih buruk lagi akibat daripada elemen iklim tropika yang melintasi kawasan Malaysia dijangka meningkat bilangannya setahun dari empat kali kepada enam kali setahun. Fenomena ini merupakan antara faktor hujan lebat luar biasa yang membasahi Malaysia kebelakangan ini. Namun, fenomena ini masih menjadi satu perkara yang kurang difahami dalam iklim tropika ini. Jadi kita perlu saintis-saintis untuk bantu kaji la. Mungkin YB. Pulau Tikus boleh bantu. Akibat itu MPSP dan JPS kenal pasti di Seberang Perai ada 75 kawasan dikenal pasti sebagai kawasan yang boleh menghadapi banjir apabila berlakunya hujan lebat dan air laut pasang tinggi.

Oleh itu, baru-baru ini kita pun melihat sama ada perlunya kita ada pakar hidrolis, kejuruteraan hidrolis di Kerajaan Negeri supaya kita dapat membantu menafsirkan data hidrolik ini, buat penyiasatan dan buat lebih penting ramalan banjir. Jadi, Kerajaan Negeri akan menimbang sama ada kepakaran Jurutera Hidrolik ini dapat membantu kita membuat rancangan yang lebih rapi. Cadangan YB. Machang Bubuk berhubung dengan pengecualian cukai tafsiran bagi mangsa-mangsa yang terlibat dalam banjir, saya tak menghampakan Yang Berhormat sebab pengecualian cukai tafsiran untuk mangsa banjir tidak dinyatakan di mana-mana peruntukan akta. Kalau di Akta Kerajaan Tempatan pun walaupun adanya pengecualian tetapi bukan untuk kategori sedemikian. Bagi tindakan susulan RTB di Sungai Junjong sepertimana diterangkan JPS sebenarnya ada pohon di bawah Rancangan Pemulihan Koridor Sungai Jawi RM40 juta, RTB Sungai Junjong RM191 juta kepada Kerajaan Persekutuan tetapi ianya tidak diluluskan. Namun, Y.A.B. Ketua Menteri melalui JPS sedang sediakan satu surat rayuan kepada Menteri sendiri supaya dapat meluluskan projek-projek tebatan banjir di Pulau Pinang termasuk Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa 2 pun. Kita tidak terima berita baik lagi walau pun sejak Dato' menjadi EXCO Tebatan Banjir, sudah mula usahakan pemindahan setinggian dalam RTB Sungai Pinang dan disambung oleh saya sehingga berjaya menempatkan semua setinggian atau penduduk di sepanjang jajaran RTB Sungai Pinang Fasa Dua. Namun, sekarang menunggu kelulusan dan Y.A.B. Ketua Menteri sendiri akan bertemu dengan Menteri supaya dapat meyakinkan Menteri dan Kementerian bahawa projek ini amat penting untuk menangani banjir di kawasan bandaraya George Town ini. Cadangan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

YB. Dato' Speaker. Minta laluan YB. Padang Kota. Saya ingin minta penjelasan sebagai ADUN Datok Keramat. Sebelum ini apabila YB. Dato Speaker memegang *portfolio* EXCO JPS memang kita sudah dalam proses menempatkan semula penduduk-penduduk di tebing Sungai Pinang dan sepertimana YB. Padang Kota baru maklum dan umumkan tadi kita telah selesaikan proses itu. Wang yang diperuntukkan untuk Fasa 2 Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang sebenarnya termaktub dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan dibawa ke hadapan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Saya begitu hampa sekali apabila dengar YB. Padang Kota kata bahawasanya tiada berita baik kerana perjanjian *gentleman arrangement* antara Pulau Pinang dan Kerajaan Pusat. Pulau Pinang sebagai Kerajaan Negeri memegang tanggungjawab untuk menempatkan semula. Selepas itu, wang akan disalurkan. Walau pun ada berita tak baik, saya rasa ini adalah satu penipuan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang saya harap akan teruskan permintaan tuntutan janji daripada Kerajaan Pusat agar wang disalurkan itu ditepati. Sekian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Padang Kota, banyak lagikah?

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

5, 10 minit lagi.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dalam 5 miniti, so, okeylah.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):**

Masih belum jawab soalan saya iaitu tebatan banjir di Balik Pulau.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Cadangan YB. Machang Bubuk untuk menjadikan kolam tadahan sebagai tempat rekreasi akan diambil maklum. Sebenarnya dibawah syarat-syarat sekarang, adanya tempat-tempat permainan berfungsi sebagai kolam tadahan juga. Kalau direka bentuk mengikut *Masma second edition* maka ianya bolehlah dilakukan. YB. KOMTAR telah bangkitkan dan saya percaya beliau sebagai Ahli MMK Tebatan Banjir sudah dapat jawapan bahawa kajian akan dimulakan di kawasan KOMTAR. YB. Penanti, untuk menghabiskan dalam satu dua minit, saya ingin meyakinkan Yang Berhormat bahawa projek yang disebut itu sudah pun dilantik *consultant*, tidak dikeluarkan. Masih aku janji saya melaksanakan lima projek besar-besaran di daerah SPT termasuk di Tanah Liat Taman Gurun, Sungai Permatang Rawa di Padang Lalang, Kampung Permatang Rawa di Parit Empat Bukit Tengah, Taman Desa Damai Jalan Medan Tembikai, di Parit Lima Taman Mangga Jalan Juru dan juga satu kolam tadahan di Alma. Ini melibatkan perbelanjaan melebihi RM50 lebih juta akan dilaksanakan setelah kajian siap dan tender atau kontrak boleh mula akhir tahun 2016.

Jadi kita pun tak berapa setuju sebab Yang Berhormat mengadu bahawa tak dapat projek, sebenarnya Yang Berhormat sendiri sebagai Ahli MMK Tebatan Banjir memang sedar banyak projek diluluskan untuk Penanti sehingga cemburunya lain-lain ADUN-ADUN...(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Air Itam cemburu, amat-amat cemburu.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Minta penjelasan. Saya tak tau apa yang dibacakan sebab saya pun tak tengok apa lagi. YB. Padang Kota *refer to paper* tu saya tak tau. Tapi saya hanya nak beritahu yang dalam perbahasan saya selama ini saya memang *acknowledge* yang YB. Padang Kota membantu. Saya hanya tanya pasal *collector drain*. Sebab dalam buku bajet disebutkan jambatan. Jadi, saya *just* tanya jambatan tu di mana sebab *all the previously collector drain* semua tu tak disebut dan Sungai Permatang Rawa ditukar kepada Kampung Permatang Rawa. Kampung Permatang Rawa terletak di Seberang Jaya sebab tu saya tanya. Bukan saya mempertikaikan, saya tidak mempertikaikan apa yang jasa, YB. Padang Kota telah membantu untuk memberi peruntukan untuk membina parit-parit kampung. Itu saya tidak pertikaikan dan saya banyak kali dalam perbahasan saya sejak hari pertama *acknowledge* dan berterima kasih kepada YB. Padang Kota. Saya hanya nak tahu sebab dalam buku ucapan bajet tiba-tiba benda itu hilang. Itu saya tanya.

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey, Dewan ambil maklum.

## **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Saya rasa buku bajet itu bukan segala-galanya sebab sumber peruntukan datang dari pelbagai sumber. Kalau projek Persekutuan kita sememangnya tak dapat cari dari buku bajet ini, Bayan Lepas pun jangan risau sebab walau pun tak ada dalam buku bajet sebab sumber pembiayaan itu datang dari caruman perparitan, jadi bukan datang dari bajet ini. Projek *pam house* di Teluk Kumbar memang berjalan dan konsultan pun sudah dilantik untuk dua kawasan lagi di Bayan Lepas. Jadi itulah jawapan kepada YB. Penanti walaupun YB. Penanti selalu puji saya, saya pun takut tapi saya rasa di Kerajaan Negeri bukan saya saja yang perihatin, saya percaya seluruh barisan EXCO semua agensi, pun ambil maklum tentang masalah Penanti dan lain-lain kawasan, mungkin kalau Yang Berhormat perhatikan memang lain-lain EXCO amat prihatin dan nak membantu juga. Saya tak kisah sangat kalau Yang Berhormat kritik DAP, DAP *suppose be a social democratic party that listen*, tak apalah kita rakan, tak ambil hati lah. Sebab ini DAP memang sebuah parti *social democratic* yang *listen*. Sejak kita menjadi pembangkang kita *listen* setelah menjadi kerajaan kita *listen* kita buat juga, kita *walk the top*, kita *action* kena *action*...(gangguan). Tak boleh sehingga *finish* jawab Pulau Betong....(gangguan).

Sebelum Pulau Betong, Bertam juga Kampung Datuk sebenarnya semalam berlakunya banjir kilat disebabkan sistem saluran kampung yang rendah dari longkang yang ditepi jalan, turut *side rain* JKR sama cerita juga sudah pohon di bawah RMKe-11, RM17.0 juta namun kita masih menunggu berita baik, kalau YB. Bertam dapat sama-sama memperjuangkan kita percaya boleh dilaksanakan apabila dapat peruntukan RM17.0 juta ini. Mana lari Pulau Betong punya jawapan, namun akan bagi jawapan bertulis dan memang ada rancangan untuk menangani isu ini, jadi kalau tak sempat memberi jawapan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya pastikan jawapan bertulis akan sampai kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, dengan ini saya menyokong Usul Bajet 2016.

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri**

Terima kasih Yang Berhormat Padang Kota, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 3.00 petang nanti.

***Dewan ditangguhkan pada jam 12.45 tengah hari.***

***Dewan disambung semula pada jam 3.00 petang.***

## **Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Yang Berhormat Dewan disambung semula dengan sesi penggulungan. Sila Air Putih.

### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih, YB. Dato' Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana turut serta mengambil bahagian dalam sesi Perbahasan Bajet Negeri 2016 dengan hati dan minda yang terbuka. Saya akan cuba menjawab tentang isu-isu utama yang telah dibangkitkan. Saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya dalam barisan EXCO yang telah pun memberi jawapan yang lengkap dan juga menyeluruh serta sumbangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Kerajaan yang telah pun melahirkan beberapa pandangan yang tentu akan dipertimbangkan. Saya hendak mula ucapan dengan Ketua Pembangkang, YB. Telok Ayer Tawar yang telah meluahkan perasaan tidak puas hati ke atas kenyataan saya di luar Dewan iaitu Barisan Nasional telah mati di Pulau Pinang kerana kegagalan urus tadbir kelulusan *accountability* dan ketidak cekapan dalam urusan Kerajaan Negeri. Saya mengakui bahawa saya ada menyebut bahawa Barisan Nasional mati di Pulau Pinang tapi saya tidak pernah merujuk bahawa UMNO mati di Pulau Pinang kerana UMNO memang masih hidup di Pulau Pinang. Sebab itu saya harap boleh lebih *precis*, tepat sikit bahawa saya tidak pernah sebut UMNO, saya hanya sebut Barisan Nasional.

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

YB. Air Putih, UMNO kan sebahagian daripada Barisan Nasional. Jadi kalau UMNO sepuluh orang masih ada di sini bermakna Barisan Nasional masih hidup lah. Tak tepat kalau kata sudah mati.

### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Barisan Nasional mana ada. Ahli UMNO sahaja. Mana ada BN. Itulah perbezaan, saya tidak pernah sebut UMNO. Saya memang setuju...(gangguan).

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

YB. Air Putih kita bertanding hari itu atas lambang Barisan Nasional. Kita tidak bertanding atas parti-parti berasing-asing macam Pakatan.

### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tetapi tinggal saja UMNO.

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

UMNO mewakili Barisan Nasional itu lah hakikatnya.

## Y.A.B. Ketua Menteri:

Hakikatnya ialah UMNO hidup, saya tidak pernah sebut UMNO mati di Pulau Pinang. Saya hanya sebut Barisan Nasional mati di Pulau Pinang. Malah Pengerusi Barisan Nasional pun tidak ada di sini. Saya rasa itulah pendirian dan pandangan pihak kami dan tentu Yang Berhormat tapi sekurang-kurangnya saya setuju UMNO tidak mati di Pulau Pinang. Itulah saya harap kita boleh *stick to the facts* ini penting sekiranya tidak nanti jadi isu pulak. Jadi di sini skandal-skandal dan mengapa Barisan Nasional mati di Pulau Pinang kerana skandal-skandal kewangan seperti 1MDB ini telah menghantui rakyat dan masih terus membelenggu masa depan anak-anak kita. Malah skandal 1MDB ini mungkin menular ke Pulau Pinang sebab itu sebabnya bila ada YB. ADUN daripada UMNO yang menyatakan bahawa perlu ada sesi soal jawab dengan Encik Arul Kanda, Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1MDB saya rasa adalah kurang sesuai untuk memanggil Encik Arul kerana beliau perlu jawab satu soalan penting berkaitan dengan urusan tanah di Pulau Pinang yang agak mengejutkan dan juga tidak kepentingan rakyat yang melibatkan 1MDB. Semua tahu bahawa dalam pilihan raya 2013, 1MDB telah beli tanah seluas 234 ekar yang bernilai RM1.08 bilion tapi apa yang kita perhatikan selepas dua (2) tahun kami terkejut apabila mendapati bahawa sungguhpun wang ini telah diumumkan tetapi mereka tidak memiliki 100%.

YB. Ketua Pembangkang tahu, kalau kita beli tanah biasanya kita nak pegangan *equity* 100%. Sekiranya tidak ada pegangan *equity* 100% pembangunan tidak boleh dijalankan. Pembangunan tidak boleh diluluskan dan jarang sekali ada pihak-pihak yang akan beli tanah dimana mereka tidak memegang kuasa ataupun milikan 100%. Inilah yang kita perhatikan untuk 1MDB. Saya tidak tahu sama ada YB. Ketua Pembangkang sedar tidak sedar. Inilah sesuatu yang kita dapati apabila kita periksa tanah yang dibeli oleh 1MDB.

Sebagai contoh kita dapat kesan tiga keping tanah yang dimiliki oleh 1MDB dimana kita perhatikan mereka tidak memiliki 100% tapi hanya sebahagian sahaja sebab itu kalau hendak sebahagian sahaja dalam soal sesi jawab sesi soal jawab 1MDB Encik Arul Kanda tidak sesuai. Kerana beliau kena jawab perkara penting yang berlaku di Penang. Lebih baik minta orang atasan lebih atas daripada Encik Arul untuk dijemput untuk menghadiri sesi soal jawab. Saya nak sebut tentang bukti saya. Sekejap, sekejap nanti saya akan beri. Semakan Kerajaan Negeri mendapati 1MDB sememangnya memiliki tanah seluas 23.47 ekar. Bukan 243 ekar yang telah diwar-warkan. 23.47 ekar mungkin ada tanah-tanah dekat lain saya tidak tahu. Tetapi bila saya meminta Pejabat Daerah dan pentadbir tanah untuk buat semakan dan pemeriksaan itu kita dapat kesan. 23.47 ekar di Pulau Pinang yang didaftarkan diatas nama 1MDB, Rare Air Itam Sdn. Bhd. Iaitu berkaitan dengan Air Itam yang menjadi saya rasa pemilik tanah RM10.00. Butir-butir adalah seperti berikut: Satu perempat bukan 100%, satu perempat bahagian *twenty five percent* dipegang dibawah geran 43187 Lot 1561 Seksyen 3 Bandar Air Itam Daerah Timur Laut, Pulau Pinang yang berkeluasan lima belas ekar dimiliki pada 6 Mac 2014. Kita tak pertikaikan mengapa ambil masa begitu lama. Biasalah, YB. Teluk Ayer Tawar seorang *lawyer* kita boleh terima satu tahun kemudian selepas diumumkan. Tanah yang kedua pun satu perempat, bukan 100%. Di bawah geran 53264 Lot 1584 Mukim 13 Daerah Timur Laut Pulau Pinang berkeluasan 3.87 ekar. Pindah milik juga 6 Mac 2014. Dan petak tanah ketiga hanya lebih sikit 10%, *eleven out of hundred* bahagian tanah yang dipegang di bawah geran 4661 Lot 1457 Mukim 13 Daerah Timur Laut Pulau



Pinang berkeluasan 4.51 ekar yang dipindah milik pada 6 Mac 2014. Bermakna kalau 4.51 ekar ini hanya sebahagian sahaja, bukan keseluruhannya dan ke semua sekali 23.47 ekar tanah yang bukan 100%.

Itulah sebabnya saya berasa itu amat mengejutkan kerana sekiranya kita beli tanah belanjakan RM1.08 bilion untuk tanah yang kita tidak kuasai 100%. Saya tidak tahu sama ada itu 85% ka, 90%ka, 95%ka ataupun 99%, Sekiranya 1MDB dimiliki 99.99 % tanah, tanpa persetujuan 0.0001 % pemilik tanah pun tidak boleh membangunkan tapak itu. Betul tak Yang Berhormat? Betul. Ini *law* kita bukan cakap politik sekarang, kita cakap *law* kerana kita perlu semua pemilik tanah untuk setuju. Macam mana kita boleh beli tanah bila kita tak dapat pegangan 100%. Orang yang tidak berpendidikan tinggi pun tahu yang selalu beli tanah seperti YB. Teluk Bahang pun tahu, tapi macam mana 1MDB tidak tahu. Ini lah saya rasa satu perkara yang amat serius kerana sekiranya RM1.08 bilion telah belanjakan, belanjakan untuk membeli tanah yang dia tidak pegang 100% saya harap ini tidak benarlah. Kalau inilah keadaan sebenarnya nak beli baki-baki tanah yang tidak dikuasai oleh 1MDB. Saya rasa kalau Yang Berhormat seorang pembeli tanah, harga ini boleh naik melambung tinggi. Kerana 1MDB tidak ada pilihan. Dia kena beli habis, nak jual siapa nak beli bukan 100%. 85, 90, 95 % ini perkara serius. Macam mana perkara ini boleh berlaku.

Itulah sebabnya kita telah tulis surat pada 13 Julai tahun ini kepada Encik Arul Kanda minta mereka datang untuk jumpa dengan Pegawai Daerah Tanah, bukan saya. Ini urusan tanah, urusan pentadbiran tanah kena jawab. Kena jawab apakah keadaan sebenarnya adakah pemilik 100%, kalau ya dimana tanah yang dibeli ataupun dipindah milik. Mana, tapi beliau tidak jawab tapi hanya telefon balik Pejabat Tanah hanya cakap saya kena saman CM dan sebagainya. Saya tak kena dia kata kena, saya pun tidak faham. Nak jumpa untuk jelaskan tapi sehingga sekarang tidak ada tindakan susulan. Saya harap beliau boleh jumpa pegawai tanah saya. Supaya dapat jelaskan perkara ini. Ini adalah satu perkara pentadbiran yang penting kerana menaikkan perbelanjaan wang awam, dana awam untuk membeli tanah di mana saya rasa tidak berkepentingan awam kerana membeli tanah yang tidak dikuasai 100% oleh 1MDB.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, terima kasih Air Putih. Isu pembelian tanah 1MDB di Pulau Pinang ini pertama kali kita semua tahu dalam Dewan ini kita dimaklumkan 1MDB tanpa perincian transaksinya tidak kita ketahui, kalau hanya memiliki sebahagian daripada tiga lot yang disebut kita pun tidak tahu sebenarnya perundingan yang dibuat dengan pemilik-pemilik bahagian yang lain. Yang Amat Berhormat mengatakan bahawa 1MDB menggunakan dana awam. 1MDB adalah sebuah syarikat dan saya rasa tidaklah menggunakan dana awam. Dana awam hanya pada permulaan sahaja *launching grant* sebanyak RM1.0 juta. Itu dalam pengetahuan kita. Yang lain-lain ini adalah kewangan syarikat. Saya setuju kalau dipanggil Encik Arul Kanda datang bukan sahaja untuk bertemu Pegawai Daerah, kita nak dia menjelaskan kita seluruh rakyat Pulau Pinang mendapat penjelasan bukan sahaja Kerajaan Negeri semua termasuk Pembangkang pun nak tahu. Kita tidak mahu cerita-cerita yang macam ini yang kita tidak senang dengar. Terima kasih.

## Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih kepada YB. Ketua Pembangkang. Saya tidak persalahkan YB. Ketua Pembangkang dan saya pun tahu Yang Berhormat tidak tahu. Itulah yang kita kesan tapi saya nak jelaskan mengapa bila YB. Teluk Bahang cadangkan satu sesi soal jawab, saya cakap dia bukan orang yang sesuai. Saya tak mau jawab masa itu kerana beliau akan terlibat dalam menjawab satu soal periksa yang akan dijalankan oleh Pegawai Tanah. Saya ingat YB. Telok Ayer Tawar pun tahu kita ada proses perundangan. So ini kena uruskan dulu lah. Lepas ini kita lihat macam mana. Tapi untuk itu saya rasa Yang Berhormat pun akui. That is the *statutory process*. Tetapi kalau kita nak tahu tentang perkara-perkara lain tentang 1MDB seperti yang disebut YB. Telok Bahang bahawa punca kerugian dan juga sebabnya nilai mata wang ringgit jatuh kerana 1MDB, saya rasa nak jemput orang yang lebih atas lagi bukan Arul Kanda kerana beliau kena jawab perkara ini, mungkin Pengerusi atau sebagainya.

Saya ingin menarik perhatian YB. Telok Ayer Tawar, bahawa *launching grant* RM1.0 juta tapi jaminan Kerajaan Pusat yang diakui oleh Menteri Kewangan RM5.0 billion, itu fakta dan sekiranya 1MDB bankrap, lihat keadaan sekarang, nyata dan ketara sekali dia menghadapi keadaan muflis. Siapa kena bayar? Akhirnya Kerajaan Pusat kena bayar. Jaminan RM5.0 billion dan jangan lupa dari segi kita punya kredibiliti dan kita punya reputasi 1MDB adalah dimiliki oleh Kerajaan Malaysia. Secara langsung atau secara tidak langsung, kita tak boleh lari langsung daripada tanggungjawab ini. Semua *lawyer* ada sini, baik YB. Seri Delima, baik YB. Bertam, minta maaf, kawan baik saya. Dia *lawyer*, saya hormat dia sebagai *lawyer*. Dia pun tahu, mana ada orang beli tanah yang tak dapat kuasai 100%. Ada tak? Tak ada. Sebagai *lawyer* kita akan nasihatkan jangan beli. Sekiranya beli tanpa milikan 100% boleh buat apa? Apa pun tak boleh buat. Saya tidak tahu sama ada ini keadaan sebenarnya tapi itulah yang kita kesan apabila kita periksa.

Di sini, kita dengar banyak khabar angin, keadaan sebenarnya pembelian dan kita tahu bahawa ia berlaku semasa pilihan raya besar yang melibatkan personaliti-personaliti yang agak termahsyur. Bukan sahaja orang bankrap macam Goh Choon Lye, kawan baik kepada Barisan Nasional. Tapi juga Jho Low. Jho Low sendiri berkempen lawan saya di Air Putih. Berkempen bukannya jadi calon. Datang dengan kereta besar-besar. Dia bukannya nyanyi, saya yang nyanyi. Dia mana nyanyi. Tapi dia datang dengan dia punya *wildfire*. Bukan main *terror* lah masa pilihan raya. Kalah juga. Sungguhpun wang berlambak-lambak tapi keputusan rakyat saya rasa amat jelas sekali. Tapi itu masa pilhanraya, gunakan wang untuk cuba kalahkan Ketua Menteri dalam kawasannya. Tak pernah berlaku dalam skala sedemikian dalam peringkat besar sedemikian. Itu dah lepas. Tapi sekarang jangan lupa inilah isu di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri datang. Jho Low pun ada. Dia sendiri datang umumkan akan bina 9999 unit rumah di kawasan itu. Tapi sekarang tanah pun tak jelas kedudukannya. Kita pun tak tau apakah sebenarnya kedudukan status tanah itu. Itulah sebabnya kita nak dapat pencerahan tentang statusnya sekarang. Sekarang Pegawai Daerah ataupun Pegawai Tanah, saya masih tunggu itu Arul Kanda. Sama ada beliau ada atau tidak ada maklumat atau sedia ada atau sedia untuk jumpa dengan Pegawai Tanah.

Dato' Yang di-Pertua, berbalik kepada teguran yang dibuat berkaitan dengan pelaburan atau pelabur-pelabur yang kononnya nak berhijrah daripada Pulau Pinang. Ada yang sebut tentang Blaupunkt yang telahpun bankrap. Itu biasa, bankrap. Tapi saya ada maklumat terkini pada 13 November 2015, Premium Sounds Solutions (PSS) yang beribu pejabat di Belgium, Dendermonde, yang juga terkenal sebagai peneraju pembekal kelengkapan alatan audio yang telah beroperasi 45 tahun di persada industri pengeluaran perkakasan asli atau OEM (Original Equipment Manufacturer) mengumumkan untuk membeli dan mengambil alih Blaupunkt Malaysia yang dalam proses pembubaran ataupun penerimaan. Ini jelas menunjukkan bahawa sungguhpun Blaupunkt dalam proses *liquidation* tapi syarikat ini telah pun dibeli dan dengan transaksi ini jelas sekali bahawa perniagaan, pelanggan, tenaga kerja dan pemegang saham masih berada di Pulau Pinang. Jadi sebab itu saya rasa di sini kita kena lihat ia adalah proses semulajadi dalam sektor perindustrian.

Saya bagi satu contoh, Fairchild. Bila Fairchild membuat keputusan untuk tutup kilangnya bukan sahaja di Pulau Pinang, di seluruh dunia kerana dia punya hala tuju telah berubah. Dengan begitu cepat sekali, ada syarikat lain yang nak ambil pekerja mereka, dan juga kilang dan tapak mereka. Saya rasa telah dimuktamadkan dan biarlah ia diumumkan oleh syarikat yang telah membelinya. Jelas sekali bahawa bila berdepan dengan perubahan, khususnya dalam satu industri yang selalu berubah, saya rasa kita kena lihat adakah ini baik dari segi jangka masa panjang. Dalam industri elektronik kalau tidak ada perubahan, ia bukan satu petanda baik kerana hanya bila sesebuah syarikat dapat menghadapi atau menangani perubahan, baru ia boleh hidup dalam satu pasaran yang begitu berdaya saing. Saya harap, janganlah lihat dalam satu aspek sahaja. Tentu Kerajaan Negeri akan berasa bimbang sekiranya ia adalah sesuatu yang serius tapi bila kita membandingkan keadaan sekarang dengan keadaan yang berlaku sebelum ini, saya rasa ia bukanlah sesuatu keadaan yang kritikal sebaliknya ia mungkin seperti yang saya sebut tadi, ia mungkin adalah satu perkembangan yang positif kerana dapat melihat suntikan teknologi baru dan juga dana kewangan yang baru. Jadi itulah dalam keadaan sektor pembuatan dan sektor perindustrian.

Berkaitan dengan Yang Berhormat tanya tentang *office* yang meningkat ini. Saya rasa ini satu perbelanjaan biasa. Saya boleh berikan senarai kepada Yang Berhormat, panjang kalau nak baca, sampai hampir 15 butir tentang *office*. Saya rasa tak perlulah. Saya bagi *writing* tentang Pejabat Daerah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan. Jumlah pun bukan besar, RM1.9 juta sahaja yang melibatkan 14 pejabat. Saya rasa ia bukanlah suatu perkara yang besar sangat. Saya akan berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat Pulau Betong.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga nak merujuk kepada apa yang dibangkitkan oleh beberapa Adun dekat Permatang Pauh di mana Kerajaan Negeri telah pun memperuntukkan jumlah sebanyak RM32.37 juta untuk pelbagai projek pembangunan dan juga projek infrastruktur. Saya ingin jelaskan di sini bahawa Kerajaan Negeri tidak ada sebarang niat untuk meminggirkan mana-mana kawasan tapi kita pun kena menghadapi realiti bahawa kerana kekangan kewangan dan juga kekurangan sumber-sumber yang sedia ada, maka sukar untuk memenuhi semua permintaan. Tapi Kerajaan Negeri tentu akan berusaha sedaya upaya untuk sekurang-kurangnya memastikan setiap kawasan ada projek-projek tersebut.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Saad):**

Penjelasan, Air Putih. Saya tertarik dengan ucapan Air Putih dan juga merujuk kepada ucapan Batu Maung apabila dia mengangkat Buku Bajet mengatakan dalam Buku Bajet ini hanya Permatang Pauh sahaja diberikan tumpuan. Bukan Parlimen-Parlimen lain jadi saya nak penjelasan Air Putih, disebutkan, disebutkan, mungkin Air Putih boleh memberi penjelasan terhadap persoalan yang ditimbulkan oleh Batu Maung tadi.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Mungkin kerana saya sinis sikitlah. Tapi di sini, saya rasa bahawa kita cuba penuhi permintaan yang kita terima. Saya rasa Yang Berhormat pun faham kita terima banyak permohonan tapi untuk Permatang Pauh memang ia dekat dalam hati kita. Itulah sebabnya kita memang mengambil berat tentang pembangunan di kawasan itu. Saya tak mau pergi secara *detail* tapi tentu saya mengambil kira beberapa pandangan yang telah diberikan bahawa sungguhpun penekanan diberikan kepada kawasan Parlimen Permatang Pauh kalau berbanding kawasan Parlimen lain. Tapi kita mesti juga pastikan bahawa ia dapat dilaksanakan supaya semua kawasan dapat menerima faedah. Ini saya terima dan saya telah meminta bahawa pegawai saya memberikan pecahan mengikut KADUN dan kita akan membuat penelitian dengan lebih lanjut. Tentulah kita harap bahawa boleh ada komunikasi dan interaksi yang lebih rapat dalam kerajaan dan juga di antara ADUN dan juga di antara pentadbir-pentadbir. Sila.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Air Putih, saya rasa Air Putih terpaksa memberi perhatian lebih kepada Permatang Pauh sebab sayang lebih ke Permatang Pauh tapi saya rasa lebih kerana Air Putih dah banyak membuat janji-janji semasa pilihan raya yang lepas.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya sayang tak salah la. Itu betul la. Sayang tak salah la. Janji apa? Sayang tak salah la, yang kita berikan tumpuan memang kita akan laksanakan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

...(gangguan). Okey, Okey. Saya nak ucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Air Putih kerana memberi tumpuan kepada Permatang Pauh. Jadi saya telah berbincang dengan beliau, kita akan memperincikan peruntukan-peruntukan dan juga sokongan kepada, maknanya perincian dari segi KADUN sebab sebagai contohnya Seberang Jaya dia dapat macam-macam tempat tu dah *urban* kan. Ya la saya rasa yang apa berlaku semalam adalah...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB., pendekkan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Pendek sahaja. Saya hanya nak nyatakan pendirian saya melihat perbahasan saya adalah melihat kepada perincian dalam bajet dalam ucapan bajet. Jadi apabila saya bahaskan sesuatu itu yang saya tumpukan kepada isu, sebab saya kena jaga kawasan saya. Saya bukan jaga seluruh Permatang Pauh, jadinya saya mengalu-alukan... (gangguan). Tak, sebagai kawasan ADUN di kawasan Penanti saya mesti memperjuangkan rakyat di kawasan saya. Jadi saya sangat mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih kepada Air Putih kerana *Insyallah* akan *go through* dengan saya untuk membantu tempat-tempat yang kita boleh pertambahkan. *Insyallah*. Terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

...(gangguan). Nanti saya bagi. Saya jawab dulu. Terima kasih. Saya rasa ini tidak menjadi masalah. Seperti yang saya sebut tadi Dewan ini pun saya bincang dengan Dato'...(gangguan) itupun tak dimasukkan. Dan saya nak *confirm* yang mulia ini bahawa Dewan Guar Perahu memang akan dbina. Saya tak mahu berikan secara *detail* kerana ini kita bukan kita nak bincangkan tapi yang penting ialah keluarga pakatan harapan dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kita saya rasa mengambil sikap terbuka dan saya sebagai Ketua Menteri tentu bersedia berbincang dengan mana-mana ADUN saya. Tapi dalam kes seperti ini tentu saya rasa Dato' Rashid sebagai Timbalan Ketua Menteri I pun mengambil keprihatinan yang amat sangat ke atas perkembangan dekat Permatang Pauh bersama Yang Berhormat daripada Batu Maung dan juga daripada Seberang Jaya. So saya ingin cadangkan kita bincang dan bincang termasuk dengan Yang Berhormat daripada Pantai Jerjak, Batu Maung dan juga Seberang Jaya supaya kita sebagai satu keluarga jangan hanya Ketua Menteri sahaja.

Tapi sebagai satu keluarga saya rasa kita ambil sikap kekeluargaan. Tentu ada pandangan yang berbeza ini tak jadi masalah kerana kalau saya boleh sabar dengan apa-apa pandangan yang berlainan termasuk dengan Tanjong Bunga, saya rasa saya pun boleh sabar. Tidak jadi hal sama sekali. Kerana kita mengamalkan prinsip demokrasi. Kita sedia mendengar pandangan berlainan. Sungguh pun mungkin tidak bersetuju tidak menjadi dasar Kerajaan Negeri tapi kita sedia dengar pandangan berlainan. Saya amat tersentuh dengan kenyataan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi kerana seperti yang saya sebut kami anggap beliau adalah ahli keluarga kita semua. Bukan macam parti lawan dekat sanalah. Nanti, nanti ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Mohamad Farid Bin Haji Saad):**

Parti lawan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Nanti, nanti, saya bagi Permatang Pasir dulu...(gangguan).

### **Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Berkenaan dengan apa yang telah dibentangkan, laporkan tadi khusus berkenaan dengan bajet di kawasan Parlimen Permatang Pauh. Sebab bila saya tengok di dalam pembentangan tu termasuk Masjid To'Kun Atas. Masjid To'Kun Atas ini kali kedua diangkat dalam laporan bajet, saya rasa tahun 2010 kot tak silap saya. Dalam pembentangan itu dan To'Kun Atas ini termasuk di dalam kawasan Parlimen Bukit Mertajam, jadi makna bukan setakat Permatang Pauh, Bukit Mertajam pun terlibat sama. Bahkan di kawasan ADUN Machang Bubuk jadi saya cuma mengharapkan juga selain daripada apa yang telah dibawa dikemukakan. Yang paling penting bukan setakat tanah perkuburan tapi pembinaan semula masjid itu yang saya bawa dulu ni. Jadi untuk makluman. Sekian.

### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ahli keluarga dari sebahagian daripada Kerajaan Pakatan Harapan. Saya ingat apa yang diminta oleh YB. Permatang Pasir tentu akan dipertimbangkan dengan seriusnya. Saya rasa Yang Berhormat sendiri yang membuat cadangan tentang Cherok To'Kun, masjid dilaksana dan juga tapak perkuburan di samping itu saya rasa Yang Berhormat yang minta bahawa Dewan Orang Ramai Permatang Pasir dibina itu. Itu pun dah diluluskan tentu kita akan mengambil berat cadangan yang dibuat oleh ahli-ahli keluarga. Yang bukan ahli keluarga, sila.

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya pun tidak berhasrat untuk menjadi ahli keluarga Air Putih. Langsung tak terlintas langsung. Kerana saya tengok dalam keluarga Air Putih ini ada anak tiri seperti Tanjong Bunga, seperti Berapit, ada anak emas seperti Penanti, ada anak yang ditelan pahit dibuang sayang seperti Permatang Pasir. So saya tak mau jadi keluarga Air Putih. Tak mau. Cuma yang penting, kami tak *jealous* tetapi apa yang paling penting berlaku adil kepada semua rakyat Pulau Pinang termasuk lah kawasan-kawasan yang kami wakili. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Saya ambil warna Permatang Pasir, Permatang Pasir ambil warna saya. Begitu intimnya kami. Okey. YB. Dato' Speaker, berkali-kali pihak EXCO Kerajaan Negeri bercakap semua pemberian peruntukan akan diberi secara saksama atas slogan Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Cuma lebih sayang kepada Permatang Pauh kerana... (gangguan). Oh tak termasuk Permatang Pasirlah...(gangguan), kerana janji pilihan raya. Bagaimana pula YB. Dato' Speaker, Parlimen Nibong Tebal juga diwakili oleh PKR, bekas pembantu kesayangan Air Putih mengapa hendak dianaktirikan...(gangguan). Amboi. Sabarlah.

Jadi Dato' Speaker, peruntukan yang saya nak minta ini di bawah Bajet P01 Objek 01, Pejabat Ketua Menteri dan SUK. Pengambilan tanah yang dalam bajet tulis, token. Saya nak minta jasa baik Ketua Menteri supaya ambil tanah ini. Saya tunjuk gambar hari tu tak tunjuk. Ini merupakan pembinaan ban dibawah peruntukan Kerajaan Negeri yang menghimpitkan sebuah rumah warga emas, yang rumah ambil 70 tahun. Siapa-siapa

silap tak payah kira, yang penting ban ini dibuat dipersetujui tuan rumah kerana difahamkan pengambilan tanah itu termasuk rumah tiba-tiba tidak berlaku sedemikian. Jadi saya mintalah jasa baik Ketua Menteri yang kata saksama, CAT kepada rakyat kerana Nibong Tebal juga merupakan pembayar cukai yang setia, yang tiada tunggakan yang telah berkurang, tanyalah DO. Jadi mintalah Lot 1797, Mukim 9, KADUN Sungai Aceh, Parlimen Nibong Tebal, terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Sikit saja. Sikit saja. Boleh cakap sikit sahaja. Sebab tadi pagi saya dengar ucapan Yang Berhormat pasal Parti PAS yang terputus hubungan. Tapi kerana YB. Permatang Pasir tidak ada dalam Dewan maka saya pun tak tau saolan dekat Yang Berhormat. Saya nak ambil kesempatan ini tumpang YB. Permatang Pasir ada di sini, mengikut takrifan Yang Berhormat, mereka yang lebih taat ataupun ikhlas bekerja dengan Kerajaan Negeri itu dikira macam ahli keluarga. Rumusan dia begitu. Hari ini saya tanya pada Permatang Pasir...(gangguan). Tanya sini pi sana. Macam main *billiards*...(gangguan). Habis...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tak boleh tanya dia, tanya saya tak boleh tanya Permatang Pasir.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Okey. Okey. Apa masalah...(gangguan) kacau semua. Saya belum bangun lagi. Pada andaianlah Air putih, yang mana satu Permatang Pasir akan pilih samada Presiden dia kah parti ke yang dia sayang atas arahan ataupun Ketua Menteri. Atas alasan manakah yang dia akan lebih taat untuk kita dapat kepastian. Dia arahan mana yang dia nak ambil daripada Ketua Menteri ke Presiden parti dia?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih YB. Telok Bahang. Telok Bahang ini suka main politik. Kalau saya nak main politik saya pun boleh tanya Telok Bahang, mana anda pilih Presiden UMNO atau Timbalan Presiden Umno...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Presiden, Presiden.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya tak mau...(gangguan) wah cepat-cepat sebutlah. Tak apa. Ini saya akan sampaikan kepada Perdana Menteri. Sokongan setia dekat sini. So di sini janganlah kita main politik. Kita sebut tentang bajet. Bajet semua pun Yang Berhormat Pulau Betong cakap bahawa YB. Penanti anak emas saya. Saya nak tegaskan di sini semua ahli-ahli keluarga sama, kita akan jaga bukan seorang tapi juga barisan EXCO saya. Saya rasa itulah tugas yang kita akan jalankan secara amanah. Dan kalau kita sebut jangan sebut bahawa parti lawan kita pun tak pandang-pandang. Tadi Pinang Tunggul ada pandang tak pandang...(gangguan). Sila. Sila.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Terima kasih. Tadi bila Yang Berhormat Air Putih kata jaga semua saya bersama-sama kawan-kawan...(gangguan) saya cakap pandang dan pandang...(gangguan) tapi saya nak sebut yang lain dulu. Saya nak sebut kawan-kawan dalam Dewan kelmarin sangat terharu dengan Penanti. Y.A.B. Air Putih tiada. Luahan perasaan seorang wakil rakyat di pihak kerajaan...(gangguan). Takpalah yang jawab, jawab la. Saya tak...(gangguan) maksudnya Kerajaan yang sebelum ini Pakatan Rakyat. Hari ini Pakatan Harapan. Tak bagi sepenuh harapan kepada wakil rakyat di pihak sana. Amat mengecewakan. Kami amat simpati pagi petang siang malam subuh senja kami akan pastikan Penanti terbela kalau bersama-sama kami.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah. Habis dah. Ini ceramah ke...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa YB. Pinang Tunggal sudah ketinggalan. Tadi Yang Berhormat...(gangguan) ya, ya, ya...(gangguan). Tadi YB. Pulau Betong sudah cakap. Janganlah kira Penanti anak emas saya sahaja. Kerana semua kena jaga...(gangguan). Ahli keluarga semua setuju. So sudah ketinggalan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Sikit lagi. Sikit lagi boleh. Kami akan pastikan juga tak boleh kiri ,kanan, tak boleh kanan, atas, tak boleh atas bawah, tak boleh bawah kami nak buat terowong. Pastikan Penanti terpelihara juga. Terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa tadi Yang Berhormat tak datang, tak dengar. Bacalah *hansard* balik. Kalau tidak nanti pula sudah lupa daratan. Jangan. Tapi tadi yang saya tanya sama ada Pinang Tunggal saya ada pandang tak pandang, tak jawab. Ada pandang tak. Tak jawab. Ada pandang tak. Tak apa kalau *you* tak mau jawab tak apa. Saya tanya saja. Kalau tak cakap tak mau jawab tak apa.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya akan meneliti perkembangan-perkembangan ini kemudian saya gulung baliklah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kita tau semua tau tak payah cerita macam ini...(gangguan) YB. Pinang Tunggal saya rasa kita...(gangguan) tau sama taulah.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya minta Yang Amat Berhormat Air Putih tarik balik yang itu. Nanti kawan-kawan saya apa-apa dengan saya tak tahu...(gangguan). Kalau semua tau...(gangguan).



### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Itulah dia. Saya nak balik kepada bajet. YB. ADUN Telok Ayer Tawar juga telah membangkitkan mengenai teguran audit berkaitan kelemahan urus tadbir Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang dan saya ingin sebut di sini bahawa sememangnya pihak Kerajaan Negeri mengambil perhatian serius tentang teguran-teguran oleh audit dan akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya. Kalau kita meneliti teguran yang dibuat bukanlah serius yang menyebabkan salah laku kewangan atau sebagainya tapi dari segi pengurusan dari segi prosedur dan sememangnya saya rasa kalau kita lihat perkembangan yang berlaku dekat Perbadanan Bukit Bendera kita boleh rasa bangga kerana ia telah menjadi minat dan tarikan pelancong bukan saja dalam negeri tapi juga luar negeri. Sehingga ada syarikat perfileman, *scrip film* telah menjadikan Perbadanan Bukit Bendera sebagai satu tapak perfileman dalam dua (2) musim dan akan datang musim ketiga. Saya rasa ini satu perkembangan yang baik oleh Kerajaan Negeri... (gangguan).

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Air Putih. Berkenaan dengan Bukit Bendera, saya juga memberikan soalan. Ada satu rungutan apabila saya bersembang dengan skrip filem penggambaran di Balik Pulau. Semasa sembang dengan mereka bahawa saya dulu kita naik keretapi Bukit Bendera dia lama, sekarang dia pendek sangat maknanya pelancong tak dapat merasai menikmati keindahan Bukit Bendera itu, kerana terlalu laju sangat dalam 10 minit tak salah saya, jadi kalau boleh elok dipertimbangkan kalau diperlahankan semula balik pada asal kerana tujuan Bukit Bendera untuk pelancongan bukan sebagai *public transport*.

### **Y.A.B. Ketua Menteri**

Tapi itu ada pandangan berbeza, untuk orang tua macam kita mungkin mahu lebih lambat sikit tapi untuk orang muda citarasa lain sikit, (gangguan) pelancong pun ada muda ada tua, kalau ikut kita punya umur saya rasa saya lebih setuju, tapi pada masa yang sama Perbadanan Bukit Bendera ialah jumlah pelancongan pelawat bilangannya begitu besar kalau tak dipercepatkan dia punya *queue* begitu panjang dan saya rasa itulah sebabnya kita teroaksa untuk buat singkat supaya kita dapat mengangkat lebih ramai orang ke atas Bukit Bendera, kalau sekiranya bilangan orang tak ramai, memang ia akan dilambatkan, tapi sekiranya macam cuti sekolah tak mungkin sungguhpun kita buat seberapa cepat pun *in queue* akan panjang sekarang kita kena lihat bahawa jumlah pelawat mencecah 1.4 juta orang itu satu bilangan yang agak ramai tapi tentu saya akan sampaikan.

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Adakah disebabkan ramai pengunjung yang mahu naik ke Bukit Bendera adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk buat *alternative road* dengan menggunakan atas di jalan sedia ada dengan pacuan 4 roda untuk mengangkat pelancong dari bawah naik ke atas, itu juga adalah sebahagian daripada tarikan pelancongan sebenarnya.

## **Y.A.B. Ketua Menteri**

Salah satu cadangan ialah nak buat kereta kabel yang telah pun saya umumkan sebelum ini, tengok YB. Pinang Tunggal pun mengangguk kepala dia pun tahu kita nak buat kereta kabel dan kita pihak Kerajaan Negeri sedang tunggu kelulusan daripada pihak Kementerian Pelancongan untuk usaha seperti ini. Kita harap mungkin ada berita baik pada keesokan hari. Saya pun tak tahu sama ada siapa akan menghadiri *Costavitarial* yang akan diadakan pukul 11 pagi so saya rasa kalau saya tak silap surat jemputan sudah pun dihantar kepada semua adun-adun, so sekiranya nak hadir sila sahkan. Oh ya, nak pergi Eropah, okey tak apa selamat berjalan lah.

YB. Paya Terubong mencadangkan bahawa kita ada sesi latihan perbahasan DUN bagi meningkatkan kualiti perbahasan. Ini adalah satu cadangan yang baik saya serah kepada Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan mungkin ketua *backbencher* untuk menimbang perkara ini. Tentang bangunan Dewan Undangan Negeri yang baru saya rasa ia terikat tertakluk kepada kekangan kewangan dan oleh itu sungguhpun kita harap dapat dilaksanakan mungkin perlu makan masa lebih panjang tapi saya memang bersetuju dengan pandangan yang telah diutarakan sebelum ini, bahawa sekiranya kita berpindah tempat ini boleh dipertimbangkan untuk menjadi sebuah muzium memang itu satu cadangan yang baik yang boleh dipertimbangkan. YB. Telok Bahang pula sebut tentang *turnover* tenaga kerja kakitangan yang tinggi mulai 2013 hingga 2015. Saya rasa ini mencerminkan kaliber dan kualiti tenaga kerja dekat PDC atas usaha....(gangguan).

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Telok Bahang ka Pulau Betong?

## **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Telok Bahang.. (gangguan) Pulau Betong bukan Telok Bahang....Pulau Betong mungkin saya terlalu....(gangguan).

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Sayang...(ketawa).

### **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat tarik balik... (ketawa).

## **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ia gaduh dekat tempat saya, so minta maaf, Pulau Betong. Saya ingin mencerminkan kualiti dan kaliber tenaga kerja PDC kerana kebelakangan ini atas usaha latihan semula dan juga *change management* pengurusan perubahan yang dilaksanakan oleh pihak PDC ia menunjukkan bahawa kaliber staf-staf di PDC boleh dipertingkatkan dan itulah sebabnya mereka sekarang menjadi sasaran syarikat swasta. Dalam keadaan syarikat swasta yang berkembang mereka perlu tenaga tenaga mahir tentu jawatan kerajaan menjadi salah satu target mereka, nak tanya lagi?

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Nak tanya lagi, itu adalah sebab bercanggah dengan apa yang saya tahu ada yang terpaksa berhenti kerja dan sebagainya kerana mereka sukar mendapat pekerjaan Y.A.B. Ketua Menteri kata *upgrading process* untuk pemantapan mereka sepatutnya mereka diberi peluang bekerja di PDC untuk terus mengukuhkan PDC bukan keluar daripada PDC, saya rasa YAB Ketua Menteri membina insan dalam organisasi kita, kita sepatutnya beri peluang untuk naik pangkat lagi, bukan untuk keluar ke tempat lain, itu dah bercanggah.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Apabila mereka pergi ke tempat lain mereka dapat tawaran yang lebih tinggi tapi sekiranya ada tak dapat cari kerja tentu mereka boleh pergi pusat CAT, di mana kita ada satu pusat untuk menjodohkan pekerjaan dengan pekerja. So saya rasa ini tidak menjadi masalah Pulau Pinang kekurangan pekerja 20 ribu orang saya sebut, so saya rasa kalau tak terlalu memilih memang takada masalah untuk mencari pekerjaan. Berhubung dengan langkah dan pertimbangan Kerajaan Negeri dan usaha mengekalkan tapak warisan dunia George Town pewartaan rancangan khas tapak warisan Georgetown dapatlah menyegerakan dan melicinkan proses ini. Pihak Kerajaan Negeri baru sahaja menandatangani memorandum persefahaman MOU *trust for culture* untuk membangunkan dan juga mempromosikan serta megekalkan ciri-ciri warisan di tapak warisan dunia George Town kami harap dengan penglibatan ini dapat juga menempa nama George town dan malaysia dipersada antarabangsa.

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Y.A.B. Air Putih, penjelasan, *heritage* George Town Pulau Pinang hari ini melalui Majlis Pulau Pinang merangkumi keseluruhan pulau ini tapi saya dapati diberi penekanan kepada George Town sahaja. Bila agaknya akan dimasukkan supaya keseluruhan Pulau Pinang sebagai zon pelancongan *heritage* kerana ada banyak tapak tapak *heritage* diluar daripada George Town. Jadi saya rasa mungkin Y.A.B. Air Putih boleh bagi penjelasan tentang ini.

### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya memang setuju bahawa itu hasrat kita uhntuk menubuhkan tapak warisan yang merangkumi seluruh negeri tapi tapak warisan di GTWHI ditubuhkan untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh UNESCO itulah yang menjadi fungsi dan juga peranan utama ini, sekiranya tak dilaksanakan maka mungkin kita punya status ditarik balik kerana ini adalah komitmen Kerajaan Negeri berikan kepada UNESCO apabila kita memohon untuk menjadikan tapak warisan dunia tapi untuk jangka masa panjang tentu pihak Kerajaan Negeri mahu bahawa tugas dan peranannya diperluaskan di seluruh negeri tapi dari segi kewangan dan juga kepakaran, bukan sahaja kewangan tapi kepakaran bukan mudah untuk dicari inilah sebab kita selalu nak kerjasama dengan pihak kerajaan supaya kita dapat kongsikan sumber-sumber dan maklumat dan pengetahuan proses ini telah pun dipertingkatkan apabila pihak kementerian telah bersetuju semasa saya di Dewan Rakyat membawa isu ini bersetuju untuk meneliti Pusat Arkeologi Guar Kepah dan pihak Kerajaan Pusat pusat bersetuju untuk melihat macam mana mereka boleh bantu dalam usaha ini.

Saya rasa ialah proses pertama proses kedua ialah status Jabatan Botani Pulau Pinang, Kebun Bunga. Saya rasa seperti yang dimaklumkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Singapura telah pun disenaraikan sebagai satu tapak warisan UNESCO dan sekiranya Singapura boleh disenaraikan mengapa tidak di Pulau Pinang. Sedangkan Pulau Pinang adalah lebih tua lebih lama daripada Singapura dan pada sidang yang sama dekat Dewan Rakyat bila saya bawa perkara ini ke perhatian YB. Menteri, beliau baru sedar bahawa Pulau Pinang lebih tua, daripada Singapura yang bersetuju membantu melihat macam mana kita boleh buat satu inventori dan dibentangkan kepada UNESCO untuk dipohon disenaraikan di masa depan sama seperti yang dianugerahkan diberikan kepada Singapura, so saya rasa saya nak mulakan proses ini. Ini akan makan masa yang panjang tapi dengan sokongan dan kerjasama dengan pihak kementerian saya rasa ini mungkin buka satu lagi peluang kepada pihak Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Sementara menunggu tempoh yang lama itu saya minta Kerajaan Negeri melakukan inventori kepada semua bangunan *heritage* yang ada di Pulau Pinang, itu dulu dan saya minta kalau boleh jangan dirobuhkan sepertimana yang berlaku perobohan pasar di Balik Pulau itu cukup menyedihkan kalau kita serius kita nak buat walaupun dalam masa yang panjang tapi kita harus menginventorikan semua bangunan-bangunan ini supaya tidak dirobah dan sebagainya.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya rasa kita akan cuba untuk perluaskan peranan yang dimainkan oleh Pertubuhan Warisan tapi kita kena juga sedar bahawa tentang bangunan warisan bukanlah satu perkara yang murah atau sesuatu yang tidak memerlukan belanja yang besar. Warisan adalah suatu perkara yang amat mahal sekali. Iya, kerana ia tak ternilai itu sebab ia mahal, oleh kerana ia tak ternilai dan dalam keadaan ekonomi yang lembab sekarang kita menghadapi banyak keperluan kewangan untuk aspek-aspek lain, so saya rasa kita kena menilai apa yang perlu didahulukan. So saya harap kita boleh sabar dengan perkara ini sepertimana kita boleh sabar apabila kita membuat permohonan yang serupa kepada pihak Persekutuan.

Untuk isu tebus tanah, tebus guna Tanjung Tokong yang telah dibawa dan diwar-warkan oleh beberapa ADUN. Khususnya ada pencanggahan di antara perjanjian awal oleh Kerajaan Barisan Nasional yang telah menandatangani pada tahun 1992 berbanding dengan apa yang telah pun dibenarkan sekarang. Saya rasa secara ringkas kita tahu bahawa ia diluluskan oleh Barisan Nasional. Apabila pihak Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dan kemudian Pakatan Harapan mengambil alih tampok pemerintahan pada 2008, kita terikat kerana kita hormati apa yang ditandatangani oleh kerajaan yang lama dan Kerajaan Negeri tak boleh batalkan kontrak itu sungguhpun ada beberapa kawan-kawan pihak parti lawan yang menyatakan bahawa kita harus batalkan kontrak itu saja, saya rasa itulah sumber tidak bertanggungjawab kerana sekiranya kita buat demikian kita kena buat pampasan yang tinggi. Apa yang kita dapat daripada syarikat konsensi tersebut ialah untuk memperbesarkan ataupun memperbesarkan sumbangan yang dia boleh berikan kepada Kerajaan Negeri kalau sebelum ini fasa pertama telah habis 240 ekar. Sekarang ialah 740 ekar yang sekarang timbul persoalan mana

datangnya 151 ekar kerana yang ditandatangani oleh pihak Kerajaan BN 740 ekar. Sekarang yang kita luluskan 891 ekar yang 151 ekar ini semua sumbangan kepada Kerajaan Negeri. Saya rasa ini bagi kepada Kerajaan Negeri. Itu tidak menjadi... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya rasa isunya adalah asal Kerajaan BN 980 ekar. Asalnya...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

740 Fasa 2. Fasa 1 telah habis.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tidak. Campur dua sekali jadi 980. Difahamkan 891 kemudian tambah lagi 131 bila kelulusan ini diberikan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tambah 151.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Bila kelulusan ini diberikan. Bila 151 campur lagi Bayan Baru, Bayan Bay dan Bayan Mutiara 60 so berapa lebih..(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

151 diberikan kepada Kerajaan Negeri. Itu kelulusan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kelulusan untuk menampung tanah itu?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tapi ini diberikan kepada Kerajaan Negeri. Ini tanah awam bukan diusahakan oleh swasta sama seperti 1,120 ekar. Saya tidak masuk dalam senarai tanah tebus guna yang diluluskan oleh Kerajaan BN. Saya tak masuk sana kerana 1,120 ekar tanah yang ditebus guna ialah untuk tujuan industri, perumahan dan sebagainya, tujuan awam. Itu sebab saya tidak masukkan tapi yang ini saya masukkan. Kalau saya hendak ambil kira 1,120 ekar tanah tebus guna di mana ada industri seperti dan sebagainya sekarang ada syarikat saya ada sebut saya rasa lagi banyak tapi saya tidak ambil kira kerana ia untuk tujuan awam. Sama seperti 151 ekar diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Silakan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Tadi Air Putih mengumumkan hanya meluluskan 60 ekar. Sebenarnya dah diluluskan ialah 151 ekar. Itu jumlah tanah yang akan ditebus guna. Apa tujuannya itu tidak kira lagi sebab dalam 151 ada komponen-komponennya. Dalam apa-apa pembangunan pun dia ada...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ia diserahkan kepada Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Tapi...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

151 ekar dibagi kepada Kerajaan Negeri. Macam saya sebut tadi dalam senarai asal saya 1,120 ekar yang ditebus guna oleh PDC. Saya tak masuk dalam ucapan bajet saya kerana ia juga untuk tujuan awam.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Itu semua sudah dilaksanakan...(gangguan)

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kalau 1,120 ekar saya tidak ambil kira tak kan 151 ekar untuk tujuan awam yang diserahkan kepada Kerajaan Negeri hendak diperkotak-katikkan

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Ia masih berbentuk tebus guna, *reclamation* maknanya rakyat perlu tahu banyak mana akhirnya kawasan pantai kita ini akan ditebus guna. Itu pokoknya.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Okey macam ini kita *balance* lah bahawa saya hendak disebutkan di sini bahwa 151 ekar diluluskan oleh Kerajaan Negeri sekarang yang akan diberikan kepada Kerajaan Negeri bukan oleh pihak swasta dan ditebus guna secara percuma, diberikan secara percuma kepada Kerajaan Negeri sedangkan saya kena ambil kira serah 1,120 ekar tanah yang diluluskan oleh pihak BN yang saya tidak masuk dalam senarai bajet sebelum ini supaya kita adil.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Okey, kita nak *recap* balik. Kita mempersoalkan berapakah jumlah yang telah pun ditambah ataupun diberi kelulusan Kerajaan Negeri Yang Amat Berhormat kata 60 ekar sahaja tapi kita lihat ada lagi 151 ekar ini bermakna jumlah keseluruhan penambahan

tanah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah 215 ekar bukan 60 ekar semata-mata. Betul?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Maksud saya kerana bila saya biar....(gangguan). Sekarang hendak penjelasan, dengar lah. Dalam bajet saya saya tidak masuk 1,120 ekar yang ditebus guna oleh PDC kerana ia bertujuan awam. Itu pun prinsip yang sama kita tidak masuk 151 ekar yang kita paksa E&O untuk bagi kepada Kerajaan Negeri secara percuma kerana ia diberikan kepada Kerajaan Negeri. Itu prinsip yang sama tapi kalau Yang Berhormat hendak puaskan hati yang terhormat hendak masuk, masuk tapi 1,120 ekar yang diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri pun kena masuk itu saja.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Y.A.B. Air Putih, berapakah jumlah reclamation yang diberi kebenaran Kerajaan Negeri. Itu soalnya. Berapakah jumlah reclamation? 80 campur lagi satu...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tujuannya 60 ekar ialah untuk tujuan komersial....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tidak kira tujuan apa pun....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tujuan kena kira.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Berapakah jumlah *reclamation* dibenarkan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tujuan penting kalau hendak sebut semua tujuan termasuk untuk tujuan awam so kita ambil kira itu 151 ekar tapi kita pun kena ambil kira 1,120 ekar yang telah pun ditebus guna oleh PDC di zaman BN untuk tujuan awam. *Okay fair and square*. Terima kasih so jelas sekarang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Kerajaan Negeri saya hendak pergi kepada kita punya dasar tukang masak tempatan. Kerajaan Negeri cukup prihatin dengan senario yang berlaku di negara ini khususnya di Negeri Pulau Pinang berkenaan lambakan warga asing yang membuat pelbagai pekerjaan termasuk tukang masak dan untuk memastikan kualiti dan mutu makanan tempatan di Pulau Pinang dapat dipelihara dan dikekalkan. Maka Kerajaan Negeri telah mencadangkan bahawa semua penjaja di jalan raya mesti dimasak oleh orang tempatan tidak boleh mengambil pekerja-pekerja asing. Bila kita umumkan dasar ini kita berikan satu tempoh peralihan sepanjang setahun

dan pada tahun depan Kerajaan Negeri akan memastikan menerusi MBPP dan MPSP. Mana-mana penjaja yang tidak bergantung kepada tukang masak tempatan MBPP dan MPSP mempunyai pilihan untuk mengambil tindakan penguatkuasaan termasuk membatalkan lesen kalau perlu, nak tanya lagi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Definisi penjaja saya hendak *clear* sikit. Penjaja yang dimaksudkan Air Putih tadi.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Penjaja ialah macam dekat kedai kopi ada penjaja macam dekat penjaja jalan raya ataupun bukan restoran, hotel tidak termasuk.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya ulang sekali lagi ini bermakna mereka yang menjual masakan di atas jalan raya, kereta tolak, kedai kopi yang ada bangunan, penjaja juga? Restoran tak sama?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ada gerai, sewa gerai, dia pun penjaja. Dia pun ada makanan lazat kerana saya rasa Yang Berhormat setuju macam dekat Balik Pulau ada banyak gerai besar dia ada sewa gerai yang ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Itu yang saya hendak tahu. Ada gerai besar seperti di Air Itam ada restoran besar seperti jual air saja, gerai, gerai-gerai. Ini penjaja? Termasuk juga?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Termasuk kerana mereka adalah penjaja jalan raya yang menjadikan Pulau Pinang mahsyur. Menjadi Pulau Pinang dari segi makanannya berjenama dan ia adalah tarikan utama mengapa begitu ramai pelancong datang ke Pulau Pinang. Saya rasa semua setuju bahawa tarikan utama pelawat-pelawat dan pelancong-pelancong adalah makanan kita. Kita harus kekalkan. Kita tidak mahu dimasak oleh warga asing yang kemudian akan balik ke negara asal mereka dan kita akan kehilangan kepakaran yang mereka ada. Oleh sebab itu, demi memastikan bahawa rasa dan kelazatan makanan Pulau Pinang masih dapat dikekalkan diabadikan kalau boleh maka Kerajaan Negeri mencadangkan untuk mengambil langkah sedemikian. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada YB. Chow yang telah pun menjalankan kerja seperti ini yang bukan mudah tapi saya rasa telah pun di terima secara am dan di sokong oleh rakyat Pulau Pinang secara amnya.

Semenjak Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri selalu menjalankan usaha untuk memberikan tumpuan ke atas inisiatif merakyatkan ekonomi dan di antara langkah-langkah yang diambil ialah untuk menaik taraf kompleks penjaja. Saya hanya hendak ambil tiga (3) contoh kompleks



penjaja yang berjaya Kompleks Bukit Gedong, kompleks dekat Esplanade Park dan yang baru-baru ini kompleks makanan Padang Brown. Kompleks makan Bukit Gedong telah dibelanjakan kos penaiktarafan adalah sebanyak RM1.55 juta dibiayai oleh MBPP. Kompleks makan Padang Brown RM2.9 juta juga oleh MBPP. Pasar Awam Chowrasta RM12.19 juta juga oleh MBPP. Saya rasa simbol yang amat jelas mungkin Yang Berhormat yang hanya datang ke Padang Kota Lama semasa menghadiri sidang Dewan Undangan Negeri Esplanade Park dulu namanya Padang Kota tapak asal Padang Kota Lama sekarang di tukar nama dapat berjenama baru iaitu Esplanade Park dan sekarang ia dipermodenkan dengan begitu cantik dan bersih. Saya rasa sudah menjadi ikon kepada pelawat-pelawat. Saya rasa kalau berbanding dulu dan sekarang. Bayan Lepas, Jawi, Bertam tidak pergikah kita makan mi sotong, sekarang dalam keadaan yang sungguh selesa dan ini adalah projek usahasama pihak swasta yang telah membelanjakan RM500,000.

Inilah yang kita hendak lakukan supaya kompleks penjaja dapat dinaiktarafkan memberikan peluang kepada penjaja-penjaja kita yang masak makanan yang lazat macam Bukit Gedong. Malik, Bukit Gedong. Kompleks penjaja yang tercantik roti John roti burger.....(ketawa).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

YB. Air Putih, saya hendak tanya saya hendak dapatkan jawapan tentang satu lagi kompleks penjaja di Padang Kota Lama juga yang selalu saya kunjungi cuma saya dapati keadaan di kompleks situ masih dalam keadaan yang tidak terurus. Masih ada gelandangan satu dua yang menumpang tidur dan keadaan yang pernah saya bawa masuk dalam ucapan saya sebelum ini di mana selain daripada dapur kita juga kena pastikan tempat-tempat mencuci tangan kena bersih, kadang-kadang kita cuma melihat kepada dapur tetapi tempat cuci tangan, tempat berkumur amat menjijikkan dan begitu juga saya minta dipastikan meja-meja kalau sudah rosak harus diganti dengan yang lebih elok sebab kunjungan pelancong begitu ramai. Sebentar tadi pun masuk ke Dewan sempat ke sana pun saya dapati keadaan yang tidak berapa selesa.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Slim Park tidak pergi?

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Slim Park petang tapi kalau hari Jumaat itu tempat saya cari lai chi kang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Masalah sana kita kena dapat kerjasama dengan semua penjaja. Saya memang akui bahawa ia adalah satu masalah yang harus diuruskan bukan sahaja dari segi kebersihan yang disebutkan Yang Berhormat yang membuat tentang kebersihan tetapi juga masalah tikus. Saya rasa kita akan minta MBPP untuk berbincang dengan pihak penjaja sana lihat macam mana kebersihan dapat dipastikan so ini bukan perkara baru tetapi dari segi pelaksanaan saya rasa memang saya setuju ia harus pertingkatkan.

Itu sebab saya sebut di sini kerana saya anggap bahawa kompleks-kompleks penjaja baru ini adalah satu simbol baru di mana bukan saja kita melaburkan wang dan usaha dalam projek-projek yang mungkin bernilai tinggi tapi juga peringkat bawah sekali. Komplek penjaja. Dato Malik YB. Batu Maung dia mahu sebut sikit tentang kejayaan Bukit Gedong yang mendapat Anugerah Kebersihan Kebangsaan, kedua bersih, dua kali bersih saya rasa satu usaha yang mencerminkan kejayaan daripada pihak MBPP dan juga tentu juga MPSP di peringkat Seberang. Tentulah kita kena ucapkan terima kasih kepada ADUN tempatan yang telah sedikit sebanyak berusaha untuk memastikan kebersihan di tempat itu.

Dato' Yang di-Pertua, berkenaan dengan mengambil kira keadaan ekonomi semasa yang lembab dan bagi mengurangkan beban dan meringankan beban pemilik rumah kos rendah sederhana rendah serta juga termasuk pemilik rumah kampung Kerajaan Negeri melalui kedua-dua pihak berkuasa tempatan pihak MBPP dan MPSP telah bersetuju untuk mengecualikan bayaran cukai kadar pintu bagi tahun 2016 ia akan melibatkan hasil sejumlah 11.7 juta ringgit yang akan dikecualikan dan bermakna ia kurang dikutip oleh kedua-dua PBT ini. Ini adalah satu usaha untuk meringankan beban kepada golongan yang tidak berada dan juga golongan luar bandar. Kerajaan Negeri telah menunjukkan keprihatinan kerana sebelum ini kita hanya sebut rumah kos rendah dan rumah kos sederhana dan ia diperluaskan rumah-rumah kampung khususnya di kawasan seberang, pun dikecualikan daripada pembayaran cukai pintu. Adalah... (gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Sikit saja. Adakah ini bermakna rumah-rumah kampung tak perlu lagi bayar cukai pintu, MPSP akan meluaskan servis dia ke kampung?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Satu tahun. Untuk tahun depan sahaja. Rumah kos rendah, rumah sederhana hanya untuk tahun depan sahaja. Tapi pihak MBPP, MPSP akan terus memberikan perkhidmatan seperti biasa. Tapi ini adalah satu usaha untuk mengurangkan beban golongan berpendapatan rendah dan juga secara tidak langsung membantu mereka menampung cukai GST yang dikenakan oleh Kerajaan Pusat. Seperti yang saya umumkan dalam bajet sebelum ini bahawa Kerajaan Negeri telah pun mengecualikan pembayaran GST ke atas mereka yang mendapat perkhidmatan daripada MBPP dan MPSP.

Kerajaan Negeri Pakatan Harapan akan meluluskan usaha menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai Negeri Keusahawanan, *Entrepreneur State* yang pertama di Malaysia selain daripada Negeri berkebijakan. Dasar Kerajaan Negeri sememangnya diketahui umum di mana Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM287 juta dalam tempoh enam tahun ini untuk bantuan kewangan secara langsung. Tapi untuk mengorak langkah ke masa depan, Kerajaan Negeri harus menjadi Negeri Keusahawanan yang dapat memperkasakan keyakinan dan jati diri untuk berdaya saing bukan sahaja di pentas kebangsaan tetapi di persada antarabangsa. Untuk melaksanakannya Kerajaan Negeri bersedia untuk membuat pelaburan dalam tiga (3) aspek utama. Satu pelaburan ke atas infrastruktur, membina dan memperkukuhkan infrastruktur termasuk komunikasi

digital. Melabur ke atas sektor pendidikan termasuklah latihan vokasional dan akhirnya melabur menjadi Pulau Pinang mempunyai atau memiliki kluster berpengetahuan atau *knowledge clusters* yang boleh mencetuskan kreativiti dan inovasi. Penganjuran *Penang International Science Fair 2015* baru-baru ini yang dibanjiri oleh lebih 60 ribu orang di Spice adalah satu petanda baik bahawa Pulau Pinang menuju ke arah pusat kecemerlangan sains dan teknologi. Kerajaan Negeri akan terus berusaha menangani masa depan dengan pelaburan ke atas tiga aspek kritikal di atas. Marilah kita bersama-sama bersatu padu melawan keganasan dan ekstremisme demi kemakmuran dan keamanan untuk kita semua, ucapkan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat yang telah memberikan perkhidmatan kepada rakyat Pulau Pinang. Sekian, terima kasih kepada semua. Saya mohon menyokong.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Tak dan habis, banyak soalan yang kita tanya belum dijawab.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Bertam. Sila YB. Perai.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Tadi saya lambat 2 minit dan telah diambil oleh.....(gangguan). jadi saya marah juga.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Lain kali jangan lewat.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, saya akan jawabkan beberapa soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan ini tapi saya rasa soalan juga ada sebahagian soalan telah dijawab semasa perbincangan ataupun perbahasan. Saya terus pergi kepada YB. Penanti berkenaan dengan pusat *stamp* yang dibangkitkan oleh YB. Penanti. Sehingga kini dua pusat stamp telah dibina iaitu *Penang Science Cafe*, *Point Bayan Baru*, *Karpal Singh Learning Centre* di Gelugor. *Karpal Singh Learning Centre* telah dibangunkan dengan kira-kira RM4.0 juta yang telah diperuntukkan oleh ACM Foundation di atas tanah sebidang tanah berkeluasan 2.63 ekar melalui model perkongsian awam swasta, *Public Private Partnership*. Selain daripada itu satu lagi pusat stamp akan dibuka pada 5 Disember tahun ini di Wisma Yeap Chor Ee, George Town. Kerajaan Negeri masih dalam perancangan untuk membina Pusat STAMP yang pertamanya di kawasan berhampiran luar bandar.

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Machang Bubuk berkenaan dengan sekolah pendidikan khas bilangan sekolah pendidikan khas di Pulau Pinang adalah seperti berikut, bagi Sekolah Pendidikan Khas Persekutuan, SKPK di bawah urus tadbir Kementerian Pendidikan Malaysia, ada tiga (3) buah sekolah khas rendah, satu Sekolah Pendidikan Khas Persekutuan di Jalan Hutton, Sekolah Pendidikan Khas

Persekutuan Rendah, Tanjong Bungah, Sekolah Pendidikan Khas Persekutuan Alma, dua (2) buah sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan. Bagi Program Pendidikan Khas Intergrasi, PPAI, kelas pendidikan khas yang terdapat di sekolah biasa atau aliran perdana adalah sekolah rendah 39 buah, sekolah menengah 20 buah jumlah keseluruhan sekolah rendah pendidikan khas di Pulau Pinang ada sebanyak 42 buah sekolah manakala sekolah menengah pendidikan khas adalah sebanyak 21 buah.

Untuk makluman, semua sekolah pendidikan khas baru juga akan dibina di Bumbung Lima Seberang Perai Utara Pulau Pinang di bawah RMKe-10. Kerajaan Negeri melalui Bon Association telah memberi peruntukan kewangan dari Jawatankuasa MMK Pendidikan untuk membantu Bon menjalankan program intervensi yang amat diperlukan oleh kanak-kanak keperluan khas. Dengan bantuan kewangan dari MMK Pendidikan program bantuan intervensi telah membawa faedah Bon kepada ratusan kanak-kanak keperluan khas setiap tahun. Peruntukan MMK Pendidikan telah digunakan untuk dua program-program intervensi sejak 2011 iaitu fokus diliterasi dan bermain belajar berkembang bersama program fokus literasi ini bantu kanak-kanak yang menghadapi masalah belajar membaca. Program ini berasaskan prinsip intervensi awal yang membantu kanak-kanak pra-sekolah dan darjah satu atau dua supaya mereka dapat membaca dengan tepat dan fasih sesuai dengan peringkat umur mereka. Program bermain belajar berkembang bersama pula bertujuan merangsangkan perkembangan kemahiran sosial dan komunikasi bagi membantu kanak-kanak yang mempunyai keperluan khas akibat kelambatan atau gangguan perkembangan.

Selain daripada itu program Bon, program-program lain turut dijalankan oleh badan-badan kreativiti *and art dan centre creative art therapy* program-program yang dijalankan di bawah peruntukkan MMK Pendidikan adalah secara *informal* dan dijalankan dengan kerjasama dari pelbagai pihak.....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Perai, saya nak minta ataupun mungkin dalam makluman pengetahuan Perai bahawasanya sekolah pendidikan khas di peringkat rendah banyak tapi di peringkat menengah kurang, *30 and above*, kurang dan saya juga telah menghantar surat pada pihak Jabatan Pelajaran Negeri supaya contohnya setahu saya mengadakan sekolah menengah pendidikan khas di Balik Pulau ini kerana keperluan sebab terlampau ramai sangat sekolah rendah, menengah tak ada sekolah. Jadi mungkin Perai boleh minta kerjasama Perai dan juga Kerajaan Pusat untuk menambahkan lagi sekolah menengah pendidikan khas di peringkat menengah.

#### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya rasa tak ada masalah menulis surat ataupun melalui hubungan yang lain tapi masalah yang saya rasa Pulau Betong sedarlah masalah ini hubungan kita pun mungkin bukan sahaja tidak baik mungkin ada hubungan sebenarnya. Jadi surat saya boleh tulis, saya tulis beberapa surat kepada Kementerian Pelajaran dalam beberapa hal ada yang mereka jawab ada yang mereka tak jawab, bukan ini sahaja, banyak aspek tapi kita ini cadangan baik ini begitu jelas bahawa dari segi sekolah rendah ini tapi sangat kurang di peringkat menengah, kita ambil perhatian.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Perai, kalau YB. Perai boleh mendapat jumlah sekolah pendidikan ini dari Jabatan saya rasa maknanya ada kerjasama hubungan itu mungkin dipanjangkan lagi yang kita perlukan peringkat menengah.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih, bagi menjawab soalan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat. Sedikit sahaja. Bercakap mengenai pendidikan saya ada dua perkara yang saya ingin minta penjelasan, pertama kita mengetahui bahawa *standard* ...(dengan izin) Bahasa Inggeris, penguasaan Bahasa Inggeris ini makin lama makin teruk. Dan baru-baru ini juga kita lihat pendedahan seorang guru di sekolah yang mengatakan bahawa selepas sekolah menengah walaupun selepas sekolah menengah seseorang murid tidak dapat menguasai penggunaan Bahasa Inggeris, dan selepas itu beberapa hari selepas itu kita dapati juga terdapat pendedahan bahawa dikalangan doktor mereka juga walaupun mereka merupakan graduan dan telah memperolehi ijazah dan masih mempunyai masalah dengan menguasai Bahasa Inggeris dan baru-baru ini kita telah lihat tindakan Kerajaan di Sarawak yang telah mengumumkan bahawa mereka akan juga menggalakkan penggunaan Bahasa Inggeris dengan juga menerima pakai penggunaan Bahasa Inggeris dalam semua urusan-urusan rasmi Kerajaan. Adakah apa-apa tindakan yang sama yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Inggeris dan memastikan penguasaan Bahasa Inggeris lebih luas dikalangan pelajar? Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih, Seri Delima. Saya rasa ini masalah ini ialah kekurangan kemahiran Bahasa Inggeris ini satu saya rasa memang diakui lah ini bukan sekarang tapi mungkin dalam satu atau dua dekad. Saya tidak perlu mengulangi tapi masalah yang kita dapat di sini di Pulau Pinang khususnya di bawah portfolio saya kita sekadar kita ada telah mulakan program dikalangan murid-murid di sekolah-sekolah ataupun di tempat lain supaya kita untuk menanamkan semangat ataupun minat tentang Bahasa Inggeris ini dijalankan oleh *Penang PEC, Penang Education Council* jadi program ini adalah *English Learning English For Fun* saya rasa kita sudah buat di SPS, kita sudah buat di SPT dan juga kita juga sudah buat di SPS. Ini memang menarik minat pelajar-pelajar terutama mereka rasa datang daripada keluarga yang kurang mampu dan sebagainya. Jadi ini memang satu program yang saya rasa telah menarik perhatian bukan sahaja guru-guru dan juga pelatih-pelatih dan juga ibu bapa supaya mereka rasa apabila mereka belajar Inggeris ini bukan dalam konteks kelas formal ataupun di sekolah mereka dapat lebih minat tentang Bahasa Inggeris. Jadi inilah satu dalam kapasiti kita kita buat ini, ini memang satu program saya rasa sangat-sangat kita rasa penting di samping itu kita juga ada *story telling*, walaupun bukan sahaja Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Bahasa Tamil, Bahasa Cina, di mana program ini walaupun bajet ini begitu kecil dan sangat-sangat popular di Pulau Pinang. *Where story telling* di mana kita dapat juga penyertaan daripada luar negeri, guru-guru datang supaya dia menceritakan kepada kanak-kanak. Ini

adalah merupakan satu program *informal* dan juga dapat menarik perhatian guru-guru dan juga ibu-bapa....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Penjelasan.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya habiskan. Saya rasa inilah kapasiti Kerajaan Negeri di mana bajet pun saya rasa begitu kurang, ada sekatan dan sebagainya, tetapi kita tetap mahu menanamkan semangat. Selain daripada itu tanggungjawab pendidikan adalah di bawah Kerajaan Pusat dan bagaimana Bahasa Inggeris dapat diuruskan di sekolah-sekolah ini. Walaupun saya rasa dari semasa ke semasa terdapat pihak tertentu khususnya pihak menteri dan sebagainya perlu sedar betapa pentingnya Bahasa Inggeris. Saya pun merasa hairan bahawa graduan-graduan dalam perubatan, mungkin tidak kekal lama oleh kerana penguasaan Bahasa Inggeris. Saya tidak tahu apa kaitan antara kepakaran dalam perubatan dan kepakaran dalam Bahasa Inggeris. Ada juga banyak doktor tidak mahir dalam Bahasa Inggeris tetapi boleh menjadi doktor yang baik sekali. Saya rasa tidak begitu jelas mengenai perkara itu. Silakan.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Yang Berhormat, saya tertarik dengan apa Yang Berhormat maklumkan tentang pelaksanaan program iaitu *Penang Education oleh Penang Education Council* berkenaan dengan Program Bahasa Inggeris tadi dan juga dimaklumkan telah pun diadakan di beberapa tempat di sekitar Pulau Pinang dan Seberang Perai. Cuma saya hendak tahu sama ada program ini dilaksanakan di sekolah ataupun di pusat-pusat tertentu dan kekerapan program ini dilaksanakan dan juga sama ada pelajar sekolah rendah atau sekolah menengah.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Ahli Bertam, terima kasih kepada soalan. Ini dijalankan bukan dalam premis sekolah, saya rasa mungkin tidak dapat kebenaran tetapi penglibatan pelajar-pelajar terutama bukan untuk kelas menengah tetapi kelas rendah, dapat sambutan yang baik. *Penang Education Council* akan menghubungi Guru Besar atau Pengetua sekolah-sekolah rendah dan mungkin juga akan menghubungi ibu-bapa sebab kita jalankan di mana-mana pusat khidmat dan bukan dijalankan di sekolah, sebab ini dijalankan mungkin pada hari minggu atau pada hari cuti. Ini merupakan satu program yang dapat kita jalankan walaupun dengan bajet yang tidak begitu besar tetapi kita dapat juga banyak sukarelawan yang datang membantu kita. ...(dengan izin) so *this is a very popular programme* di peringkat luar bandar...(gangguan)

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Penjelasan. Berkenaan dengan sekolah menengah, lanjutan dari apa yang ditanya oleh Pulau Betong, saya merujuk kepada Sekolah Menengah Tamil sekarang. Kita mengetahui bahawa selepas 2008 Sekolah-sekolah Rendah Tamil telah mendapat nafas

baru di mana sekolah-sekolah yang usang dan terlalu sempit telah pun diberi nafas baru dan bangunan-bangunan baru telah dibina. Saya ucapkan terima kasih. Di antara sekolah yang telah dibina ialah Sekolah Menengah Subramanian Bharathi di kawasan saya, Sekolah Rendah Tamil Azad dan juga Sekolah Rendah Tamil Rajaji di kawasan Ayer Itam. Saya merakamkan di sini ucapan ribuan terima kasih kepada YB. Perai sendiri dan Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Kerajaan Negeri di atas usaha yang telah diambil di mana tanah yang begitu luas dan selesa telah pun diagih bagi pembinaan sekolah-sekolah dengan bayaran RM1.00, *nominal fee*.

Persoalan saya sekarang ialah apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk merealisasikan impian untuk Sekolah Menengah Tamil. Adakah apa-apa halangan daripada Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan Sekolah Menengah Tamil atau untuk merealisasikan impian ini. Terima kasih!

### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Seri Delima. Satu masa ketika saya rasa ada juga hujah-hujah supaya kerajaan menutup sekolah-sekolah Tamil sebab saya rasa prestasi mereka ini kurang. Saya rasa hujah-hujah ini tidak relevan lagi. Sekarang saya rasa prestasi sekolah Tamil bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi juga di negeri-negeri lain mungkin telah mencapai satu status yang setanding dengan sekolah kebangsaan, sebaik dengan sekolah Cina dan sebagainya. Baru-baru ini kita dengar juga tiga (3) pelajar daripada Sekolah Ramakrishna telah memenangi hadiah Sains tempat pertama di satu pertandingan Sains di Beijing. Kita juga dengar ada pelajar-pelajar yang menang pertandingan di Seoul, Korea.

Baru-baru ini kita telah membantu tiga (3) pelajar pergi ke luar negeri untuk pertandingan Sains. Jadi prestasi sekolah Tamil ini sudah begitu baik sekarang apatah lagi di Pulau Pinang apabila kita mengambil kuasa dan pada tahun 2008. Kita memberi dana kepada Sekolah Tamil, Sekolah Cina, Sekolah Mubaligh dan juga Sekolah Agama, saya rasa prestasi mereka terus meningkat. Saya rasa kita memang selepas dua (2) sesi ini, kita sudah sampai ke tahap di mana Ketua Menteri sendiri mencadangkan semasa perbincangan saya dengan Ketua Menteri, cadangkan bahawa kita perlu buat satu sekolah menengah Tamil. Jadi Ketua Menteri ini telah *follow up* dia telah menulis dua surat kepada Menteri Pendidikan tetapi jawapan adalah bahawa tidak ada *education acts*, akta pendidikan tidak ada peruntukan untuk sekolah menengah. Dua (2) surat dia dapat dan Ketua Menteri telah pun membuat satu pengumuman. Kita ada tanah, tanah tidak ada masalah kita boleh sediakan tanah tetapi cuma masalahnya ialah sama ada Kerajaan Pusat ini mahu memberi lesen atau permit supaya kita boleh mulakan Sekolah Menengah Tamil. Apakah hujah-hujah kita supaya memulakan Sekolah Tamil ialah kerana sekarang pelajar-pelajar ini belajar Tamil dari darjah 1 hingga darjah 6, selepas itu dia masuk Sekolah Kebangsaan. Maka saya rasa bahawa kualiti Bahasa Tamil mungkin kurang, kalau ada sekolah kebangsaan tamil atau jenis kebangsaan tamil maka di mana kita akan menggunakan format atau *syllabus* seperti mana sekolah-sekolah kebangsaan yang lain. Saya rasa sebelum kita boleh fikirkan tentang apa itu *syllabus*, apakah kandungan mata pelajaran sebagainya, saya rasa kita perlu mendapat permit dahulu.

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih YB. Perai di atas penjelasan yang begitu teliti yang diberikan. Saya percaya kebajikan sekolah-sekolah Tamil sentiasa dibela oleh YB. Perai dan EXCO Kerajaan Negeri. Persoalan saya adakah apa-apa bantuan dihulur oleh Timbalan Menteri Pendidikan, P. Kalamathan yang juga merangkap ahli MIC di dalam memastikan bahawa nasib Sekolah-sekolah Tamil secara amnya di Pulau Pinang dibela, dan adakah apa-apa bantuan yang dihulur oleh beliau untuk merealisasikan impian Sekolah Menengah Tamil di Pulau Pinang. Terima kasih.

### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Seri Delima. Saya rasa tanggungjawab sekolah tamil ini dari segi tanah, adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri tetapi dari segi pembangunan bangunan adalah Kerajaan Persekutuan, kita tidak boleh nafikan. Sebab itu saya selalu minta kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan supaya kita dapat membina sekolah Tamil seperti kita bina di Azad, kita bagi tanah kemudian Kerajaan Persekutuan telah membina Sekolah Azad. Begitu juga dengan Sekolah Menengah Subramanian Bharathi juga, kita bagi tanah secara percuma kepada sekolah, Kerajaan Pusat yang bina sebab kita tidak boleh bina sekolah, itu bukan hak kita. Begitu juga di Batu Kawan, Kerajaan Persekutuan yang bina sekolah dan sekarang di Valdor, saya rasa Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan saya ingat lebih kurang RM7.0 juta untuk sekolah Tamil dan baru hari ini saya dapat khabar daripada MPSP telah meluluskan pelan perancangan untuk Sekolah Valdor, hari ini saya dengar. Jadi saya rasa kerjasama antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri amat-amat perlu kalau kita mahu melihat pembangunan sekolah Tamil.

Isu Kalamathan, Timbalan Menteri Pendidikan, apakah sumbangan dia, memang saya rasa saya tidak pasti lah, sebab saya rasa memang dia buat pengumuman kemudian saya rasa kadang-kadang bukan dia yang buat pengumuman, kadang-kadang Menteri yang buat pengumuman, pegawai kerajaan juga buat pengumuman. Jadi saya tidak mahu komen apa-apa mengenai mengenai dia, sebab dia pun bukan parti kita, parti lain.

### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya ucap terima kasih kepada Perai di atas penjelasan yang baik terutama komen terhadap Timbalan Menteri yang berbangsa India. Semua kita kena faham dia adalah seorang Timbalan Menteri dan tertakluk kepada dasar-dasar Kementerian. Cuma saya hendak tanya kepada YB. Perai di Pulau Pinang, di peringkat sekolah rendah, ada berapa orang pelajar yang berbangsa India, yang boleh kita bahagi daripada darjah 1 hingga darjah 6, berapakah untuk tahun 2015 ini yang bersekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan dan yang bersekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Terima kasih.

### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih. YB. Bertam, saya rasa angka itu ada tetapi saya tidak ada sekarang. Kita kena tanya apakah *trend* sekarang, kemasukan pelajar-pelajar India di sekolah Tamil sudah meningkat. Saya ingat sudah sampai lebih 60%, satu masa ketika mungkin ada



lebih kurang 40%, tetapi kini sudah meningkat. Kenapa meningkat, saya rasa mungkin kita perlu bincang kenapa meningkat. Saya rasa ada lah juga, saya biasa nampak ada pelajar-pelajar Melayu di sekolah Tamil, tidak ramai seperti ramai pelajar-pelajar Melayu di sekolah Cina, tetapi saya nampak ada. Saya sendiri pernah *interview* di PDC, saya memang berbincang dengan seorang graduan Melayu, saya tengok dia fasih dalam bahasa Tamil, apabila tanya dia beritahu dulu dia sekolah Tamil, itu satu contoh, ada banyak contoh lagi. Saya rasa *trend* ini meningkat dan sebab itu saya rasa suatu masa ketika banyak sekolah Tamil ini mengalami masalah kekurangan pelajar tetapi di Pulau Pinang tidak ada. Saya tidak tahu tentang negeri-negeri lain di mana mungkin ada sekolah yang kena tutup kerana tidak ada pelajar, tetapi tidak di alami di Pulau Pinang. Itu yang saya boleh beritahu Bertam.

Bagi menjawab soalan Y.B. Penaga, berkenaan peruntukan RM1.75 juta untuk sekolah agama, peruntukan adalah termasuk sekolah pondok, tadika Islam dan tahfiz. Perincian bagi setiap sekolah telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya pergi kepada soalan daripada YB. Jawi, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh YB. Jawi berkenaan jumlah koleksi bahan bacaan, peratusan keseluruhan pembelian daripada tahun 1998 ke 2013 bagi bahasa Cina dan bahasa Tamil adalah 5% daripada peruntukan. Walau bagaimanapun peratus pembelian dipertingkatkan kepada 10% bagi kedua-dua kategori di bawah bermula 2014. Jadi saya boleh bagi sedikit statistik, ini statistik pembelian koleksi buku antara tahun 2008 hingga 2015, antara tahun 2008 hingga 2013 peratusan statistik koleksi pembelian buku, peratusan buku Melayu 60%, Inggeris 30%, Cina 5% dan Tamil 5%. 2014 ke 2015, mungkin akhir 2014, Melayu ada 50%, Inggeris ada 30%, Cina 10% dan Tamil 10%.

Statistik pembelian buku pada tahun katakan 2013, peratus buku dalam Bahasa Melayu adalah 61%, peratus dalam Bahasa Inggeris adalah 28%, Bahasa Cina 70%, Bahasa Tamil 4%. 2014 adalah Bahasa Melayu 54%, Bahasa Inggeris 22%, Bahasa Cina 15%, Bahasa Tamil 8%. Tahun 2015, Bahasa Melayu 50%, Bahasa Inggeris 25%, Bahasa Cina 17% dan Bahasa Tamil 8%. Jadi saya rasa, apabila Lembaga Perbadanan Pulau Pinang menubuhkan Jawatankuasa Pemilihan Hapuskira Dan Sebutarga Perbadanan Pulau Pinang, saya rasa YB. Jawi pun ahli, saya ingat YB. daripada Air Itam, YB. daripada Bagan Dalam memang ahli dalam Jawatankuasa Pemilihan. Saya rasa ini telah membantu proses pembelian buku Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan juga Bahasa Tamil. Jadi saya rasa, mungkin saya rasa Yang Berhormat boleh meningkatkanlah bagaimana menasihatkan Lembaga bagaimana dan kita pun rasa dari masa ke masa kita akan lebih ataupun dapat lebih peruntukan untuk membeli buku.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Yang Berhormat saya nak minta jasa baik Yang Berhormat, untuk membekalkan kepada saya jawapan kepada soalan saya tadi berkenaan dengan jumlah bilangan pelajar India, yang bersekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih. Saya akan bekalkan maklumat itu. Terima kasih. Kepada YB. Bertam, telah mencadangkan agar anak-anak Pulau Pinang ditempatkan di sekolah satu

aliran daripada Sekolah Vadakular. Jadi saya tidak mahu sentuh perkara inilah, sebab rasa ini memang *controversial* walaupun saya rasa secara *debates* saya tak ada masalah, kita boleh tukar fikiran, walaupun kita ada perbezaan. *I'm open on this issue*. Tapi saya rasa ada oleh kerana ada president ada juga undang-undang, ada juga dulu Mark Kording kena *charged* dalam mahkamah itu isu sebab kita ada *immunity* dalam Dewan ini jadi saya benarkan saya supaya saya tidak sentuh perkara inilah walaupun kita boleh *have a lots of different opinions of this* lah okey. Terima kasih.

Seri Delima, merujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh YB. Seri Delima berkenaan peranan Pusat CAT dalam membantu pekerja Malaysia Airlines System yang dihentikan. Pusat CAT telah dan akan terus memberi bantuan kepada semua pemohon kerja termasuk pekerja MAS. Sehingga kini seramai 27 orang MAS yang telah diberhentikan, telah mendaftar sebagai pemohon kerja di Pusat CAT mengikut kesesuaian latar belakang, pengalaman dan pendidikan. Sebanyak 105 pepadanan kerja terdiri daripada 75 jawatan kosong dari 11 syarikat dan 3 hotel telah dilaksanakan untuk mereka. Pusat CAT akan terus memberi bantuan kepada semua yang cari pekerjaan di Pulau Pinang dan yang mendaftar di Pejabat CAT. Inilah soalan daripada YB. Sungai Dua, berkenaan tentang langkah Kerajaan bagi melebarkan graduan dalam sektor keusahawanan. Ini adalah mungkin bidang TKM 1, macam mana saya jawab atau TKM I akan jawab.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

You jawab terus.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program baru yang dinamakan *Penang Accelerator For Creative Analytic And Technology - CAT* juga. Program ini telah dilancarkan bagi golongan yang ingin menceburi bidang perniagaan sebagai perintis pemula niaga ataupun program ini bertujuan untuk membantu usahawan kecil yang terlibat dalam bidang kreatif, animasi, *analysis* dan *technology* ataupun yang terlibat dalam sektor internet. Kerajaan Negeri melalui PDC juga telah melaksanakan Projek-Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Pengerusi adalah TKM I. Pulau Pinang yang merupakan program *micro credit* yang memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil untuk membantu usahawan tempatan yang mewujudkan untuk membantu usahawan kecil dan menggalakkan golongan rakyat berpendapatan rendah untuk menceburi bidang perniagaan dan juga sebagai usaha membasmi kemiskinan. Kerajaan Negeri melalui Invest Penang juga telah merangka beberapa strategi pelaburan dan pertumbuhan ekonomi termasuk penubuhan Pusat Penasihat, Pasaran, Sumber dan Latihan (IKS) SME, *Market Advisory Resources And Planning*, *SMART Center*. Pusat Smart ini membantu golongan keciciran dan juga graduan dengan memberi khidmat nasihat dari segi informasi perniagaan yang berguna dan terkini. Oleh itu, golongan ini bukan memajukan perniagaan mereka melalui penyenaikan syarikat dalam direktori *SMART* atau talian *SMART*, menyertai bengkel pembangunan keupayaan yang dianjurkan oleh *SMART. Smart Capacity Building Workshop* dan turut serta dalam pepadanan perniagaan atau *Business Matching* yang dijalankan dari masa ke masa.

Seri Delima, berkenaan isu kad pengenalan kepada pendatang asing di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri tidak dapat mengawal pemberian kad pengenalan kepada pendatang asing. Ini kerana, ia tertakluk dibawah Peraturan dan Dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dibawah Kementerian Dalam Negeri, maka Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengawal pemberian kad pengenalan kepada pendatang asing di Pulau Pinang. Berkenaan isu Rohingya, saya rasa, dalam sesi yang lepas itu kita bincang isu Rohingya dan saya rasa Machang Bubuk pun bincang isu Rohingya, dan saya ingat Seri Delima pun Rohingya. Dan saya rasa secara *simple*, saya menyatakan bahawa, pertama kita mesti menerima hakikat tidak ada dasar *refugees* di Malaysia. Tidak ada dasar *refugees* dan status sebagai *refugees* ini dibagi oleh UNHCR sahaja itupun bukan status *refugees* sebab status *refugees* ini mesti datang daripada Kerajaan Malaysia. Jadi, UNHCR ini memberi kad sahaja supaya mereka tidak diusir atau mereka tidak diganggu. Kad itu tidak bermakna, mereka boleh bekerja ataupun hantar anak-anak mereka ke sekolah. Isu Rohingya, pelarian di Malaysia ini bukan Rohingya sahaja. Baru-baru Rohingya, ada juga daripada Aceh, dulu ada juga daripada Myanmar, ada juga daripada Sri Lanka (Tamil). Tapi isu sekarang adalah, Rohingya walaupun dapat juga mungkin 6,000, 8,000 atau 7,000 dikawasan Perai, Butterworth dan sebagainya. Tapi masalah Rohingya, adalah masalah mereka walaupun saya rasa Kerajaan Persekutuan tidak memberi perlindungan kepada mereka tapi saya rasa mereka bukanlah *refugees* dalam erti katanya. *Because there is no refugee policy in Malaysia ...*(dengan izin).

Jadi, walaupun mereka ada, walaupun ada juga kemasukan yang baru-baru ini, tapi di Pulau Pinang ini adalah mereka yang datang awal. Tapi, sekarang selepas wujudnya masalah pelarian Rohingya ini, saya rasa saya tidak tahu mana mereka telah ditempatkan. Saya rasa dalam hal ini, Kerajaan Negeri ini adalah input. Kerajaan Negeri adalah langsung tiada, sebab Kerajaan Pusat tidak berunding dengan Kerajaan Negeri dan cuma ini saya rasa beberapa NGO ini memang ia memainkan satu peranan yang baiklah supaya untuk mengurangkan beban, supaya Kerajaan Persekutuan mengadakan satu dasar yang lebih berperikemanusiaan terhadap Rohingya dan sebagainya. Dulu, kita ambil kes Aceh, banyak adalah bukan *refugees*, ia adalah pelarian politik dulu. Saya rasa mereka tidak ambil tindakan, mereka akan masuk, mereka akan keluar dan sebagainya. Masalah Rohingya ini masalah adalah mereka sebab Myanmar sendiri telah mengatakan mereka bukan rakyat Myanmar. Ada juga Bangladesh yang datang sebagai Rohingya. Sebab saya rasa tidak ada beza banyak antara Rohingya dengan penduduk-penduduk Bangladesh. Tapi, walau bagaimanapun, saya sudah tekankan dahulu bahawa kita mesti ada satu dasar terhadap pelarian sama ada pelarian politik atau pelarian sebagainya kita tidak ada. Cuma Kerajaan Malaysia ini, sebab kebanyakan mereka yang datang khususnya macam pelarian daripada Sri Langka, pelarian Sri Lanka ini bukan dia mahu duduk di Malaysia. Dia mahu pergi ke tempat-tempat lain, so jadi ini merupakan satu landasan, datang sini kemudian dia mahu pergi ke Europe, Amerika Syarikat.

Kebanyakan pelarian Sri Langka yang datang di sini, tidak mahu duduk di Malaysia, saya sendiri macam beberapa tahun mungkin ini tiga empat tahun, ada juga pelarian, bot pelarian daripada Sri Langka yang datang kemudian ditahan oleh Polis Marin dan dibawa ke kawasan Pulau Jerejak kan, *Marine Police*. So, masa itu saya telah minta CPO pada masa itu supaya mungkin saya boleh bantu pihak Polis supaya kita, saya dengar bahawa ada banyak kanak-kanak dalam bot, ada wanita dalam bot dan

sebagainya. Tapi pihak polis, ini nak bekerjasama dengan saya CPO masa itu, walaupun dia kata okey, Prof. saya boleh beritahu sama *you* bila dia orang kita tahan bot bawa bot ke pengkalan dan akhir sekali dia tidak memberi maklumat tapi saya pergi. Tanpa kebenaran saya masuk dalam Pengkalan Marin itu, dan kemudian nampak bahawa ada bot penuh dengan pelarian daripada Sri Lanka (Tamil) pelarian. Masa itu CPO ada, saya minta CPO bolehkah saya ucap dalam Bahasa Tamil. Kemudian dia benarkan saya ucap dalam Bahasa Tamil, dan minta mereka. Mereka kata dia mahu pergi ke Australia, dia tidak mahu datang ke Malaysia. Kalau dia tidak dibenarkan pergi Australia, dia mahu mati dalam laut. Tapi akhir sekali saya bagi ucapan dalam Bahasa Tamil, minta mereka mendarat supaya mereka bolehlah mungkin mereka akan ditahan dalam pusat tahanan dan selepas itu mereka boleh dibebaskan akhir sekali mereka mendarat. Kemudian mereka kena tahan, beri makanan dan air dan sebagainya. Saya ingat kebanyakan mereka ditahan dua minggu di Juru. Kemudian saya rasa saya dengar baru-baru ini mereka semua terus pergi luar negeri.

Jadi peranan kita, adalah sangat-sangat terhad untuk menguruskan isu pelarian tapi kita boleh melalui NGO dan sebagainya. Jadi ini juga, merujuk kepada persoalan yang dibangkit oleh Machang Bubuk. So, jadi inilah isu Rohingya ataupun pelarian mana-manalah. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih. Sebab saya bangkitkan isu berkenaan pelarian Rohingya ini adalah kerisauan saya yang menyuarakan kerisauan rakyat di Pulau Pinang. Sebelum kedatangan Rohingya ini, kita juga telah pun mengalami kemasukan warganegara asing. Dan Pulau Pinang boleh dikatakan terdapat angka yang begitu tinggi warganegara asing, tak kiralah orang Bangladesh, Pakistan, Myanmar, warganegara India dan sebagainya. Dan baru-baru ini, selepas pengumuman oleh Ketua Polis Negara yang mengatakan akan menempatkan warganegara Myanmar pelarian ini, terdapat satu lagi pengumuman tentang kemasukan pelarian daripada Syria, di mana menurut Menteri Dalam Negeri yang juga Merangkap Timbalan Perdana Menteri mengatakan satu Kad Pengenalan Khas akan diberikan kepada mereka. Perkara ini merisaukan, kita maklum tentang pergolakan yang berlaku di Syria dengan kemasukan pelarian-pelarian daripada Syria ini akan mungkin menggugat keselamatan Negara Malaysia dan khususnya Pulau Pinang. Persoalan saya adalah, bukankah perkara-perkara ini sepatutnya dibincangkan didalam Majlis Keselamatan Negeri. Dan adakah Kerajaan Negeri diberi apa-apa kelonggaran untuk menyatakan pandangan mereka sebelum perkara-perkara ini diputuskan.

Itu adalah perkara wajib dan wajar. Saya lihat bila pengumuman dibuat oleh Ketua Polis Negara kita menghantar warganegara pelarian Myanmar ke Pulau Pinang Ketua Menteri telah menyatakan bantahan dan saya percaya Ketua Polis Negara telah membalas suka atau tidak kita tetap akan hantar juga ke Pulau Pinang. Mengapa tidak ada persefahaman di dalam perkara ini di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan? Terima kasih.

## **Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Ahli Kawasan Seri Delima. Saya rasa masalah yang serius ini ialah peningkatan pekerja-pekerja asing di Malaysia dan sepertimana yang saya katakan meningkat lebih daripada 30%. Kalau bilangan pekerja di Malaysia separuh daripada kependudukan adalah 15 juta saya ingat 30% levi adalah pekerja mereka memegang dokumen *and documented* kerja mereka ada yang datang secara sah ada yang datang secara haram dan sebagainya. Ini menjadi masalah pokok dan kita perlu tangani perbincangan kita dalam Majlis Keselamatan Negeri dari segi mereka yang boleh menjawab soalan adalah mereka lihat dari *law and order problem*.

Ini adalah pihak Polis, pihak Imigresen dan pihak Kastam. Jadi tidak ada satu perbincangan mengenai isu pelarian-pelarian sama ada dari Rohingya ataupun daripada Myanmar ataupun mana-mana sebab mereka lihat ini sebagai *law and order problem* dan saya rasa tak silap dan saya tak salahkan pihak Polis kerana *they look at it from law and order perspective, do you have the document* atau tidak dan sebagainya. Kerajaan Negeri pun peranan kita sangat-sangat terhad. Apabila semasa isu Rohingya ini mencetus, Ketua Menteri sendiri telah minta bahawa Kerajaan Pusat atau pihak Polis supaya mereka runding dengan Kerajaan Negeri supaya kalau ada rancangan untuk menempatkan Rohingya di Pulau Pinang saya rasa masa itu tidak ada apa respon daripada Ketua Polis tak kisah pandangan Kerajaan Negeri kita akan menempatkan sebab itu dalam satu kawalan kita.

Ini saya rasa suatu yang sukar nak terima apa-apa sahaja bukan kita menolak Rohingya saya rasa bukan kita mahu menolak tetapi kalaulah kita mahu tempatkan Rohingya siapa-siapa mungkin Kerajaan Negeri boleh bantu dari segi mengenal pasti tahap di mana kawasan dan sebagainya. Jadi kalau Kerajaan Pusat tidak mahu mengambil kira pandangan Kerajaan Negeri apa yang boleh kita buat. Jadi isu ini sangat penting sebab isu ini secara keseluruhan bahawa meningkat pekerja asing ini Kesatuan Sekerja di Malaysia memang mereka sudah bising sebab memandangkan kalau pelajar kemahiran kita adalah purata kemahiran di Malaysia adalah 30% sahaja mungkin sektor pekerja-pekerja yang memerlukan buruh yang murah dan so apabila ini wujud saya rasa mereka lebih rela untuk mengambil tenaga kerja daripada pekerja asing mereka bukan sahaja murah tetapi juga kawalan ini mungkin lebih senang dan mudah. Jadi itulah masalah saya rasa kita memang tidak ada peranan kalau kita ada pun kita mahu main peranan tetapi kita tidak ada itu mungkin kapasiti ataupun ini mungkin diletak di bawah Kerajaan Pusat.

## **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Netahaji Rayer A/L Rajaji):**

Sikit sahaja Yang Berhormat. Bercakap tentang tenaga pekerja ini YB. Machang Bubuk beri saya habiskan. Saya ingin tanya adakah setelah membangkitkan perkara ini kita lihat di merata tempat di stesen minyak petrol di Pulau Pinang dan di tempat lain. Kebanyakan pekerja-pekerja di stesen minyak itu adalah warga asing. Dan baru-baru ini saya telah mengulangi perkara ini beberapa kali. Sangat menyakitkan hati saya sebagai warganegara Malaysia bila seorang Timbalan Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan bahawa lebih baik kita menggaji warganegara Bangladesh kerana mereka ini lebih setia dan boleh dipercayai.

Jadi walaupun keadaan hakikatnya sekarang warganegara Malaysia telah hilang peluang untuk bekerja masuk KFC pun kita lihat semuanya warganegara Bangladesh. Di stesen minyak petrol pun warganegara asing. Saya merasa dulu selepas SPM bekerja di stesen minyak petrol, semasa menunggu keputusan peperiksaan selepas itu bekerja di KFC tetapi peluang-peluang sebegitu untuk kanak-kanak kita, murid-murid sekolah dan juga mahasiswa-mahasiswa di universiti dirampas. Apabila semua kakitangan atau majikan lebih rela untuk menggaji warganegara asing kerana boleh bayar RM600 hingga RM700 minta mereka bekerja lebih kurang 18 jam 19 jam tanpa memberi cuti. Soalan saya adakah perkara ini juga menafikan rakyat Pulau Pinang peluang pekerjaan dengan kemasukan warganegara asing? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih YB. Perai. Saya rasa ada dua (2) perkara yang saya nak bangkitkan di sini. Satu adalah berkenaan dengan pekerja asing. Saya rasa kita kena tahu kenapa rakyat atau majikan nak upah pekerja-pekerja asing dan kenapa pekerja-pekerja tempatan tidak mahu mengambil kerja-kerja itu. Adakah Ahli Kawasan Perai setuju bahawa kerana gaji itu rendah ini adalah satu eksploitasi kepada pekerja-pekerja yang menyebabkan orang tempatan tak mahu kerja itu. Jika majikan-majikan boleh guna RM600 untuk upah kerja di stesen petrol, siapa orang Malaysia yang nak kerja di stesen minyak dan beri gaji RM600 sahaja? Maka kerajaan perlu adakan gaji minima untuk melindungi pekerja-pekerja itu. Setujukah masalah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Nanti, masalah-masalah ini adalah disebabkan oleh gaji yang sangat rendah. Dan menyebabkan pekerja asing yang datang kerana sekarang jika kita tidak mahu beri pekerja asing datang siapa yang akan keluar protes. Saya rasa majikan yang akan protes. Pekerja asing kita boleh *stop* panggil Imigresen tutup tidak mahu macam di Paris tidak beri masuk. Boleh tetapi kenapa kita perlukan pekerja asing dan pekerja asing itu telah secara tidak langsung akan menurunkan gaji kita.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya jawab ini saya rasa saya bukan tidak setuju tetapi perkiraan saya pertama adalah kita melihat struktur ekonomi kita macam mana struktur ekonomi kita ini seperti mana saya kata 30% sahaja yang ada pekerja-pekerja mahir. Oleh kerana ini memang kita sifatkan sebagai *the middle income track* jadi apabila *you* ada struktur ekonomi tidak berubah selama lebih dua (2) dekad ini apabila wujudnya sektor ataupun kilang-kilang yang memerlukan tenaga buruh yang murah yang patuh saya rasa ini memang akan wujud.

Oleh kerana itu oleh kerana ada peningkatan dari segi perindustrian dari segi sektor swasta dan sebagainya di mana kemahiran kita ini dapat meningkat atau

melambung, akhir sekali Malaysia boleh kurangkan pekerja asing tetapi sekarang ini adalah pilihan majikan terutama kes LADA saya ingat majoriti adalah pekerja asing kenapa mahu ambil pekerja asing. Bukan pekerja sahaja pekerja tempatan tak boleh kerja seperti mana saudara kata tadi pekerja-pekerja dalaman memerlukan gaji yang lebih sebab mereka sebagai warganegara Malaysia memang mereka ada hak mereka boleh masuk dan jadi Ahli Kesatuan Sekerja dan sebagainya. Tetapi apabila *you* ambil pekerja asing bukan sahaja dia gaji yang rendah tetapi pekerja yang patuh. Dia perlukan *docility* bukan sahaja dari kenapa digaji yang murah sebab ada *docility* ini memang satu perkiraan pihak pemilik-pemilik kilang dan sebagainya. Jadi di Pulau Pinang satu negeri memang yang lebih kemajuan ini mungkin lebih dari negeri lain *just* bayangkan juga ada banyak kilang-kilang yang memerlukan pekerja asing sebab saya rasa kepakaran industri mungkin begitu rendah sekali. So apabila rendah sekali pihak kerajaan pun saya rasa tidak mengambil isu ini sebagai serius sepertimana mereka katakan bahawa akan bawa lagi pekerja asing seperti Bangladesh dan sebagainya. Jadi ini satu segi *structure of economy*. Aspek kedua ialah peranan yang dimainkan oleh pihak majikan sendiri dan peranan yang ketiga kerajaan, kerajaan secara rela benarkan majikan untuk membawa pekerja asing. Sebab mereka rasa andaian ialah pekerja tempatan adalah malas.

Bukan dia malas tetapi dia tidak akan kerja untuk gaji yang mereka beri. Mereka tidak mahu satu kedudukan siapa pekerja. Kita rasa kita salahkan pekerja tempatan. Dia mahu kerja 8 jam mungkin *overtime* mana ada pekerja tempatan mahu kerja 15 jam hingga 20 jam. Kita lihat restoran-restoran pekerja-pekerja kerja 20 jam. Mana boleh kita tidak tidur. Jadi inilah isunya saya rasa di sini Kerajaan Pusat mesti ada satu pendirian tetapi sekarang pendirian itu tidak ini mungkin membawa pekerja asing lagi seperti yang dikatakan oleh Ahli Kawasan Seri Delima ada sebab mereka rasa pekerja Bangladesh adalah lebih setia dan sebagainya.

#### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Minta laluan. Yang Berhormat saya rasa dalam soal pekerja asing ini dari segi realiti. Tadi dalam penggulangan oleh Air Putih, Y.A.B Ketua Menteri memaklumkan ke dalam Dewan, di Pulau Pinang pun masih ada kekosongan kerja 20,000 tetapi kalaulah mereka tidak pilih kerja mereka bolehlah mengisi pekerjaan ini. Itu ayat 20,000 tapi kalaulah mereka tidak memilih pekerjaan bolehlah isi. 20,000 ini bukanlah pekerjaan berkolar putih tetapi maksudnya bekerja kolar biru juga dan berbagai-bagai kerja, itu satu. Kemudian saya memetik ucapan dari EXCO sendiri Ahli Kawasan Perai yang mengatakan bahawa pekerja luar orang asing ini lebih patuh. Ayat tadi lebih patuh.

Jadi kalau kita nak merujuk kepada apa yang disebut oleh Timbalan Perdana Menteri, ia lebih kurang sama apa yang diungkapkan oleh Ahli Kawasan Perai. Ingin saya nyatakan di sini Ahli Kawasan Machang Bubuk kita mempunyai dasar gaji minima itu lama dah lama kita buat sebelum ini kita naikkan kepada RM900 dan akan dinaikkan kepada RM1,200 dan kepada pekerja-pekerja tempatan ini adalah gaji mereka. Kalau mereka bekerja di syarikat stesen minyak gaji permulaan mereka tentulah tidak boleh kurang daripada RM900 tetapi yang menjadi masalah hari ini anak-anak muda kita berada dalam suasana senang sudikah membuat kerja-kerja seperti yang disebut oleh Ahli Kawasan Perai kerja-kerja yang memerlukan kerja yang cukup tenaga, masa, tak cukup tidur dan sebagainya.

Sebagai contoh kalau nak bekerja di restoran sanggup sampai 6.00 pagi. Bekerja sanggup atau tidak mengadap pinggan mangkuk sampai ke petang. Tidak sanggup. Saya bercakap tentang dari segi pengalaman Yang Berhormat sebab ini rungutan daripada banyak majikan tetapi andai kata di kalangan kita anak-anak muda kita sepertimana yang disebut oleh Ahli Kawasan Air Putih *Insyallah* kita tidak memerlukan orang asing. Di Pulau Pinang sahaja saya dimaklumkan oleh Jabatan Tenaga Kerja kalau saya silap saya mohon diperbetulkan di Pulau Pinang kita masih ada statistik penduduk di Pulau Pinang yang berada di tahap susah yang keluarga miskin seramai dalam 23,000 yang masih menerima bantuan daripada Kerajaan Pusat dan sebagainya tetapi jumlah pekerja asing yang bekerja, pekerja Indonesia yang bekerja di kilang-kilang iaitu sektor perkilangan di Pulau Pinang adalah seramai 200,000 orang. 215,000 orang menunjukkan kalaulah 23,000 orang ini sanggup bekerja di sektor perkilangan di Pulau Pinang sebagai operator bangun pagi tinggal anak-anak, tinggal suami dan sebagainya dan balik hingga petang. *Insyallah*....(gangguan)

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Boleh bagi soalan? Saya mahu teruskan, saya tak ada masa.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Nanti, nanti saya nak teruskan sebab Seri Delima juga memberi pandangan, Machang Bubuk juga memberi pandangan. Izinkan saya juga memberi pandangan sebab saya tidak sebagai sebuah negara yang membangun, kita tidak boleh menolak. Semua negara membangun Malaysia, malah Dubai yang kaya raya, Doha, Qatar memerlukan pekerja-pekerja asing untuk pembangunan negara cuma bagaimana kita mengangani, bagaimana *how do we manage this foreign worker* tu yang sepatutnya kita persoalkan. Bukan kata *we are not, we do not welcome them* saya rasa itu satu sikap yang salah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya nak minta statistik sikit saja. Yang Berhormat, saya minta kita buat satu kajian sebab yang saya tahu. Ini statistik-statistik stesen-stesen minyak, kita ada kawasan-kawasan *running* stesen minyak. Banyak daripada mereka yang pakai pekerja-pekerja Malaysia. Itu macam isteri saya sendiri, semua ada orang Malaysia sampai 20 orang. Kita tak ada masalah dan sebelah itu ada *Mc Donalds* lagi pakai pekerja Malaysia. Hanya di sini saya minta supaya kita betul-betul dapatkan statistik supaya kita boleh buat tindakan, *conclusion* berasaskan statistik. Sekarang kalau kita tanya Yang Berhormat stesen minyak atas Pulau Pinang dan kita ada Caltex, Petronas berapa banyak ada dan berapa banyak pekerja asing. So, kalau kita dapat *statistic* barulah kita dapat merumus sebenar-benarnya isu ini. Yang daripada lima kedai saya tengok boleh kata ke semua *local people*, ...(dengan izin).

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Teluk Bahang. Saya ingat statistik-statistik ini penting tapi tanpa *statistic* kita boleh rumuskan lah. Kebanyakkan tempat ini ada pekerja asing. Saya tidak menolak pekerja asing seperti mana yang saya tidak tolak. Cuma saya kata apakah



dasar-dasar untuk melindungi pekerja kita? Saya rasa dalam zaman ini, dalam era globalisasi kita susah mahu sekat itu saya faham dari segi ekonomi, sosial dan sebagainya. Cuma pandangan saya adalah, apabila kita ada 15 juta pekerja Malaysia di sini. Apabila kita bawa ramai-ramai pekerja daripada luar melalui agensi-agensi tertentu yang saya rasa terlibat secara bertungkus-lumus untuk membawa pekerja asing, saya rasa ini adalah untuk ini perniagaan mereka dan sebagainya. Saya cuma mencerminkan hasrat pekerja-pekerja terutama Kesatuan Pekerja yang sangat lemah untuk memberi bantahan. Bukan dia menolak 100% pekerja asing tapi sudah tentu tapi di sini saya rasa mereka sudah menceburi pula semua sektor tapi saya rasa semua pencapaian lemah sebab isu ini adalah mungkin sedikit kompleks sebab saya rasa kita cuma tidak perlu risau itu dari segi *demand*, *supply* dan pihak yang tertentu dan sebagainya itu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sedikit sahaja Yang Berhormat. Satu isu nya. Kalau yang YB. Perai boleh menyediakan statistik suri rumah yang kalau boleh memberilah sekarang, kalau tak ada, tak ada masalah. Yang telah dinafikan hak untuk bekerja di kedai-kedai, gerai-gerai makan. Tahukah YB. Bertam bahawa banyak suri rumah, single mothers selepas menghantar anak-anak mereka ke sekolah dan pergi ke kedai-kedai dan menjalankan kerja-kerja mencuci pinggan. Sebagai pendapatan. Hak ini juga telah dinafikan. Hak untuk bekerja partime. Kita sekarang bekerja terpaksa kerja dua (2) kali. Juga dinafikan disebabkan oleh pengambilan, disebabkan oleh, saya akan habiskan. Yang Berhormat kata tadi, YB. Bertam kata tadi bahawa kerja-kerja ini tidak digalakkan. Tidak menjadi pilihan orang-orang Malaysia. Bagi pandangan saya, memang menjadi pilihan tetapi dengan kewujudan warga asing yang sanggup bekerja. Hak ini juga dinafikan oleh kehadiran pekerja-pekerja asing untuk makluman. Terima kasih YB. Perai.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya minta untuk habiskan hari ini..(gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya minta Seri Delima bekalkan statistik suri rumah, ibu tunggal yang bekerja sebagai pencuci pinggan. Saya mohon. Bekalkan dan juga restoran yang terlibat tapi mereka tak dapat. Tolong bagi dekat saya statistik berapa ramai. Saya nak tahu. Sebab saya pilih, saya rasa ibu tunggal yang rajin basuh pinggan tu saya ingat tak lama itu. Takkan jadi ibu tunggal lama tu sebab rajin tu.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Okey YB. Bertam. Bagi menjawab YB. Telok Bahang. Berkenaan dengan jumlah yang telah dihentikan. Saya ini sudah jawabkan oleh Ketua Menteri. Penanti, berkenaan dengan kilang baru yang telah diwujudkan di perindustrian Batu Kawan. Saya rasa peluang kepada belia yang tidak mempunyai kepakaran dan kelulusan untuk mendapatkan pekerjaan yang di bangkitkan YB. Penanti. Sebanyak 1,032 hektar tanah telah diperuntukkan untuk perindustrian Batu Kawan di mana sebanyak 599 hektar telah dijual kepada 100 buah kilang yang berteraskan elektrik dan elektronik. Pelaburan keseluruhan di kilang-kilang tersebut adalah dianggarkan berjumlah RM7.5 billion dengan peluang pekerjaan yang ditawarkan adalah dijangka melebihi 35,000 orang. Kilang-kilang baru yang diwujudkan bagi tahun 2015 di kawasan perindustrian Batu Kawan pula akan

menawarkan sebanyak 3,849 peluang pekerjaan daripada pelbagai bidang dan ini sudah melibatkan *front end analog design* malah melibatkan juga kegunaan tenaga kerja dalam pelbagai bidang kemahiran dan disiplin. Peluang pekerjaan tersebut adalah untuk semua peringkat dan lapisan bagi pekerja mahir, separuh mahir dan pekerja am di samping industri. Sampingan seperti industri makanan, *food* dan *beverage*, pengangkutan, *transport* dan *logistic*, pembekal, *supply* yang wujud juga dijangka dapat memberi peluang untuk pekerjaan sampingan kepada pelbagai peringkat pekerja tanpa mengira tahap kelulusan. YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Seterusnya YB. Pantai Jerejak.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, Timbalan Speaker. *Alhamdulillah* syukur kita kepada Allah kerana untuk kita bertemu dan kita berkumpul dalam dewan yang mulia ini bagi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri yang ke-13 bagi menunaikan amanah dan harapan rakyat Pulau Pinang. Ucapan sedikit, tahniah kepada rakan kepada Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang yang berjaya memimpin Kerajaan Negeri khususnya sehingga merekodkan lebih bajet setiap tahun dalam mengekalkan sistem pengurusan kewangan dengan baik. Sebagai salah seorang barisan EXCO Ketua Menteri, saya juga melahirkan rasa bangga apabila Kerajaan Negeri sekali lagi berjaya mencatatkan lebih belanjawan. Sesungguhnya lebih belanjawan setiap tahun sejak tahun 2008 sehingga kini secara tidak langsung berjaya meningkatkan keyakinan dan sokongan padu rakyat dan kakitangan awam kepada kepimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan di bawah kepimpinan Y.A.B. Ketua Menteri berdasarkan prinsip 'Cekap, Akauntabiliti dan Telus' menjadi nadi urus tadbir Kerajaan Negeri.

Saya suka memetik ucapan Y.A.B. Perdana Menteri sempena ucapan penggulungan Persidangan UMNO, Persidangan Agong UMNO pada 2014. Melaksanakan pelaksanaan GST oleh 160 negara. Menurut Y.A.B. Perdana Menteri, sekiranya GST dilaksanakan ia akan menambahkan pendapatan Negara dan bakal mengurangkan hutang Negara. Namun pada hari ini, kita masih dihantui dengan isu GST yang mana menjadi kalanya terus hidup sengsara dan tertekan dengan kenaikan kos sara hidup yang sangat tinggi. Rakyat terpaksa mengikat perut demi memenuhi tuntutan kerajaan melaksanakan GST...(gangguan).

**Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Penjelasan. Yang Berhormat. Kita ada kategori rakyat kan. Contoh rakyat yang berpendapatan sekian, kerajaan laksanakan GST dia telah bagi penaikkan BRIM untuk dia menghadapi GST dan kita ada *stages*, *stages* semua. So, Yang Berhormat bagi tahu saya rakyat mana secara langsung terkesan dengan GST. Golongan mana?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta lalu sikit. Untuk BR1M, orang sasaran mahu dapat tambah RM50.00 satu tahun. Sedarkah bahawa dia cuma naik RM50 sahaja. Iaitu kata jikanya ambil kira naik, kutipan naik sampai RM3.9 billion bermakna setiap keluarga satu bulan akan menanggung RM19.00. Jikanya ambil kira RM50.00 satu tahun bermaksud satu hari

RM0.14 sahaja. Harap di maklumkan.

**Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):**

Yang Berhormat saya ingat buat kajian. Buat statistik. Ambil golongan nelayan, ambil golongan petani, ambil golongan guru. Ambil statistik betul-betul Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak boleh main selit di sini. Kalau seseorang itu tiap-tiap hari dia dinaikkan BR1M RM350 untuk menghadapi GST bersamaan sebulan, kalau RM35.00 dan kalau satu orang berapa banyak yang dia kena. Tak sampai pun sebab kita tidak pernah buat kajian, kita selalu *pick up* sahaja. Saya tanya Yang Berhormat sekarang, Yang Berhormat, nelayan. Sebulan berapakah yang dia kena? Bagi saya statistik itu. Yang Berhormat kena buat kajian. Jangan cakap sahaja.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Jikanya terpaksa ada GST, banyak boleh bayar BR1M. Jangan bayar. Jangan bayar, jika ada GST baru boleh bayar. Itu tak patut. BR1M adalah kalau nak ikut negeri Pulau Pinang, *copy in...*(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri :**

Sila teruskan mukadimah. Baru mukadimah.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Mukadimah saya sekarang ini, mukadimah saya adalah sekarang ini isu apabila GST diperkenalkan pada bulan April yang lalu. Bila kita campur dengan rakyat, kita pergi ke kawasan gerai-gerai, di kawasan astaka. Kita juga menemuduga dengan mereka tentang isu kenaikan harga dan juga khususnya GST, harga barang yang memang kalau kedai gerai minuman itu. Ini pengalaman saya sendiri sewaktu saya mukadimahkan begitu yang mana mereka merasa tertekan. Kalau beli buah-buahan, beli daripada lebih sekilo mungkin apa RM200 boleh jadi *double* RM400. Jadi saya, ya.

**Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):**

Sebab itu Yang Berhormat kena main peranan kena mendidik peniaga. Sebenarnya GST ini kita nak buat *cage* peniaga yang lari cukai. Sebagai rakyat kita adalah satu *main* yang digunakan kerajaan untuk mendapati keupayaan satu-satu syarikat. Saya nak tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat nak sokong rakyat kah nak sokong peniaga kah?

**Timbalan Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Mari kita dengar pengulungan dulu. Sila dulu.

**Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):**

Kita tidak boleh main selit. Menderita rakyat. Saya terasa.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Dengar dulu. Dengar dengan baik dulu.

### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Mukadimah mengenai kepentingan bahawa kita kena jaga rakyat. Rakyat Pulau Pinang amat beruntung kerana mempunyai Kerajaan Negeri yang begitu baik. Bagi saya habiskan. Bagi saya habiskan dulu.

### **Ahli Kawasan Teluk Ayer Tawar (YB. Dato Hajah Jahara Binti Hamid):**

Sekejap sahaja. Sikit sahaja. Mengatakah buah RM200 naik RM400 ini keterlaluan la. Ini rekaan yang...(gangguan).

### **Timbalan Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Sila teruskan.

### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Rakyat Pulau Pinang beruntung kerana mempunyai Kerajaan Negeri yang begitu menjaga kebajikan dan memahami kesengsaraan rakyat. Baik. Setiap tahun program-program kebajikan i-Sejahtera memakan belanja yang besar kepada Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, ia tidak memberi kesan terhadap penambahan hutang daripada Kerajaan Negeri ini. Ini kerana perbelanjaan ini adalah hasil daripada jimat cermat yang telah diamalkan oleh Kerajaan Negeri. Lebihan hasil pendapatan diagihkan dan dipulangkan semula kepada rakyat. Rakyat selalu memilih pemimpin yang bersih, cekap dan amanah dalam mentadbir sesebuah kerajaan. Izinkan saya mengambil kesempatan untuk merakam ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam mentadbir sesebuah kerajaan.

Izinkan saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2016, yang turut melibatkan Portfolio Pembangunan, Industri, Perdagangan Antarabangsa, Koperasi, Perhubungan Masyarakat dan Keusahawanan yang diamanahkan kepada saya. Oleh yang demikian, setiap cadangan, kritikan, pengiktirafan dan pujian yang diberikan seharusnya diterima dengan hati yang terbuka dan pertimbangan yang sewajarnya akan diberi oleh Kerajaan Negeri demi memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat terpelihara.

Jawatankuasa MMK Perhubungan Masyarakat. Dalam Portfolio Perhubungan Masyarakat, saya ingin mengajak semua rakyat bersatu padu tanpa ada perselisihan fahaman tidak mengira pangkat, darjat, keturunan, bangsa, agama mahupun fahaman politik. Di sini saya ingin menyeru, agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk diri saya sendiri supaya tidak membangkitkan isu-isu perkauman demi menjaga kesejahteraan, keharmonian dan perpaduan masyarakat yang berbilang kaum di Negeri Pulau Pinang. Saya selalu kod ayat daripada ayat suci Al-Quran daripada surah Al-Gujerat ayat yang ke-13 yang bermaksud "*Wahai manusia,aku jadikan kamu lelaki dan wanita, bersuku-suku, berbangsa-bangsa agar kamu kenal mengenal di antara satu sama lain*".

Berkaitan dengan persoalan bagaimana Badan Peronda Sukarela hendak berfungsi sedangkan JKKK tidak berfungsi dibangkitkan oleh YB. ADUN Penaga. Saya ingin tekankan bahawa, keseluruhan Jawatankuasa Keselamatan Kemajuan Komuniti yang tidak berfungsi hanyalah 1.36% kerana pada setiap suku tahun kita menilai prestasi-prestasi daripada 293 JKKK daripada setiap daerah, maka kita dapati bahawa ada daerah-daerah yang tidak diaktifkan lagi kerana dikalangan mereka keaktifan mereka tidak melalui JKKK, tetapi melalui badan-badan lain selain daripada JKKK.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, BPS ini akan ditubuhkan dibawah KADUN masing-masing. Setiap ADUN diminta menubuhkan lima (5) hingga 10 BPS di dalam KADUN masing-masing. JKKK merupakan suatu badan yang diiktiraf, sebab itu di dalam JKKK kita telah memecahkan, kita telah membahagikan di dalamnya ada enam (6) Off Biro-Biro dimana salah satu Biro, Biro Keselamatan kita akan meletakkan Badan Peronda Sukarela dibawah Biro Keselamatan. Begitu juga dengan, contohnya Biro Kesihatan maka kita meletakkan isu-isu yang berkaitan dengan kesihatan dibawah Biro Kesihatan yang setiap Biro ini diterajui oleh EXCO yang berkaitan. Begitu juga dengan Biro Wanita dan Belia yang mana ia dijaga secara langsung oleh EXCO Belia dan Wanita di mana Briged Wanita diletakkan dibawahnya. Jadi, di sini Perhubungan Masyarakat memastikan bahawa JKKK amat berfungsi di kawasan akar umbi rakyat. Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh ...(gangguan)

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Ulasan, tentang JKKK. Dua hari yang lepas Ahli Pantai Jerejak mengumumkan telah memecat 300 Ahli JKKK di Negeri Pulau Pinang. Ini dimaklumkan peringkat pertama, ada peringkat kedua, ketiga bermaknanya ada perancangan dan pihak Kerajaan Negeri yang akan memecat lebih ramai lagi JKKK dari kalangan Ahli PAS yang bukan Ahli JKKK dari Ahli PAS. Jadi di sini, adakah ini satu bentuk bukan *athlete cleansing*, *political cleansing* dikalangan JKKK dan adakah mereka ini akan diganti semua oleh Amanah atau sebagainya sebab mereka perlu mendapat Ahli-ahli Amanah yang berdaftar.

#### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih di atas soalan tersebut. Sememangnya dalam dua tiga hari ini, isu ini telah ditimbulkan. Sebenarnya, apabila isu ini telah bermula apabila kita telah jadikan Kerajaan Negeri sebagai Pakatan Harapan bulan Julai dulu dah. Tapi, kita telah merancang iaitu bagaimana kita nak memastikan bahawa di akar umbi khususnya JKKK dapat berfungsi dengan baik, bagaimana kita nak menempatkan penyokong-penyokong daripada Parti Amanah ini untuk bersama dengan kita. Maka, kita telah kenalpasti bila sebut saya kata tadi ada berfasa, kita lihat dikawasan-kawasan yang ditandingi ataupun yang dipertandingkan dibawah ADUN PAS itu fasa yang peringkat awal itu antara yang paling majoritilah. Ada juga untuk fasa kedua yang mana di bawah PKR iaitu tidak seramai yang dibawah PAS. Jadi di peringkat awal bulan Julai seawal Julai dan Ogos, maka kita telah kenalpasti bahawa boleh katakan majoritinya memang keanggotaan dalam JKKK itu dianggotai oleh Ahli-ahli PAS. Maka, apabila kita lihat bagaimana mereka telah berubah kepada Parti Amanah, maka waktu itu kita tahu kita bagaimana perlukan Amanah untuk bersama dengan JKKK yang mana boleh menyokong dasar-dasar

Pakatan Harapan ini. Jadi, daripada jumlah keseluruhan ada 1,083 yang mana ahli-ahli PAS dalam JKKK keseluruhan ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

1,083 ya.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

1,083. Jadi daripada 293 keseluruhan JKKK, secara purata kali dengan 15, kita ada 4,000 lebih. Jadi 1,083 itu merupakan kouta daripada PAS, tapi ingat dalam kouta tersebut ia juga di *overlapped* dengan satu-satu JKKK tidak semua PAS tetapi dalam sana ada juga PKR dan ada juga DAP. Jadi, kita sebab setiap borang itu kita akan minta dia *declared* daripada parti mana mereka itu, jadi apabila mereka yang dapat mengisi jawatan-jawatan itu, mungkin daripada Parti Amanah maka yang mereka tidak dapat bersama masih nak kekal dengan PAS begitulah maka, pihak Kerajaan Negeri telah menghantar surat. SUK telah menghantar surat, kita tak guna perkataan memecat kita menamatkan perkhidmatan mereka dan sebab itu mereka seolah ...(dengan izin) surat untuk mereka tidak meneruskan di dalam JKKK kerana kita dapati bahawa mereka yang masih dengan PAS, mereka tidak dapat nak bersama dalam Pakatan Harapan malah pada peringkat awal ada satu JKKK yang keseluruhannya daripada PAS telah pun *declared* dah, *I think two days after* ...(dengan izin) dua hari selepas *declaration* tersebut ada dah memang keseluruhan JKKK itu telah meletakkan dalam bulan Ogos pada ketika itu. Jadi daripada 1,083, bermakna yang kita *served the notice* itu adalah 300 yang lain itu adalah mereka yang kita serapkan balik di dalam JKKK yang sedia ada.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Ulasan Pantai Jerejak. Terima kasih diatas penerangan panjang lebar daripada Pantai Jerejak. So, ini bermakna saya nak kalau salah tolong betulkan. Ini bermakna di peringkat bawahan, bagi Ahli-ahli PAS yang tidak menyokong Kerajaan Negeri, mereka dihantar surat untuk dipanggil surat untuk menamatkan perkhidmatan itu. Kesemua Ahli PAS yang berada, dan fasa pertama adalah mereka-mereka digelar kawasan yang ditandingi oleh PAS, betul? Kalau begitu dibuat kepada semua Ahli-ahli PAS yang tidak lagi bersama Pakatan Harapan, kenapa ADUN mereka yang mereka sokong nak beri tarikh masih bersama. Kenapa tindakan yang sama tidak diambil, untuk mengarahkan ADUN mereka untuk juga turut melepaskan jawatan. Ini baru nampak daripada atas pun sama sampai ke bawah semua sama *standard*.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Soalan yang sama, sikit sahaja. Bukankah falsafah ataupun tujuan asas Parti PAS kena mengikut Amel. Amel Mukminin bukan kena ikut Amel ka?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Kedua-dua pertanyaan tadi sebenarnya penjelasan tadi itu telah pun dijawab secara umum. Maknanya, kepada mereka yang ingin terus bersama dengan Kerajaan Pakatan, kita boleh terima mereka *we are using the same..* (gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Walaupun mereka kata mereka Ahli PAS..(gangguan)

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Ya, betul....(gangguan)

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Oh, bermakna Ahli Pas yang menyukai Kerajaan Negeri boleh berada dalam JKKK..(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya bagi satu contoh, ada satu lagi fasa di mana ada juga dalam kawasan ADUN-ADUN dalam ada JKKK dalam itu juga ada kombinasi daripada Parti PAS dan juga ada daripada Amanah. Maka, kita serahkan kepada ADUN-ADUN untuk memastikan dasar mereka bagi yang mana fikir nak menyokong kepada Pakatan Harapan.. (gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih. Saya rasa Permatang Pasir dah jelas, dengar apa yang dikatakan oleh Pantai Jerejak, malam ini balik, tidur, fikir betul-betul. Esok pagi buat keputusan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):**

Tengah fikir la ni, baik teruskan, teruskan.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya juga nak menyatakan bahawa, kita nak teruskan dengan usaha nak memastikan bahawa JKKK ini dapat berfungsi dengan baik malahan dalam kalau saya nak katakan ke mulut yang ada ini pun, dia ada satu pertandingan JKKK Terbaik. Saya cuba telah menyebutkan sebelum ini, kita nak terus menghadapi suasana dengan lebih baik bahawa kita nak memanfaatkan kepada rakyat. Jadi akan ada program, program telahpun berjalan iaitu pertandingan JKKK Terbaik di Peringkat Daerah. Dan saya ingat, pada waktu ini telah adapun di peringkat terakhir untuk memastikan bahawa JKKK yang dapat terus bersama dengan Kerajaan Pakatan Harapan ini, untuk kita iktiraf mereka dihujung tahun ini.

Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh YB. ADUN Machang Bubuk, berkaitan syor supaya Kerajaan Negeri mewujudkan Balai Polis di kawasan Machang Bubuk kerana peningkatan penduduk dan isu keselamatan komuniti. Ia merupakan cadangan yang baik daripada YB. yang prihatin. Walau bagaimanapun, ianya diluar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Namun begitu, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan pelancaran BPS yang secara spesifik ditubuhkan bagi membantu menjalankan

aktiviti pencegahan jenayah. BPS juga akan turut membantu Pasukan PDRM, yang akan melakukan rondaan dan mencegah jenayah. Jadi Kerajaan Negeri, akan memanjangkan perkara ini kepada Kementerian Dalam Negeri untuk makluman selanjutnya. ...*(dengan izin) while at the same time* mencadangkan untuk Balai Polis tersebut, tapi kita juga Kerajaan Negeri terus akan memastikan bahawa Badan Sukarela ini dapat ditubuhkan oleh YB. sendiri minimum 5 hingga 10 pasukan dalam setiap ADUN.

#### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih YB. Pantai Jerejak. Saya cuma ada satu cadangan untuk kepada Kerajaan Negeri sama ada boleh membangkitkan perkara ini dan membuat cadangan supaya menubuhkan satu Balai Polis dalam Mesyuarat Majlis Keselamatan Negeri yang akan di Pengerusikan oleh Ketua Menteri sendiri supaya ia dapat diambil dengan serius tentang cadangan ini. Terima kasih.

#### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya mengambil maklum tentang cadangan tersebut. Merujuk kepada soalan yang dikemukakan oleh YB. ADUN Permatang Berangan mengenai cadangan penambahbaikan Dewan JKKK Tasek Gelugor. Saya suka maklumkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah pun mengambil tindakan menaik taraf Dewan JKKK Tasek Gelugor yang berpusat di Dewan Muhammad Haji Muhammad Taib Tasek Gelugor yang turut dijadikan sebagai Pejabat bagi Penghulu bagi KADUN Permatang Berangan. Kini kerja-kerja penyelenggaraan bagi Dewan Muhammad Haji Muhammad Taib dalam pelaksanaan dengan kos sebanyak RM50,000 status kerja semasa adalah 87%.

YB. ADUN Sungai Dua telah membangkitkan isu ketiadaan Penghulu di Pejabat Penghulu Kawasan Sungai Dua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Pejabat Daerah Seberang Perai Utara Pulau Pinang mempunyai sembilan (9) orang Penghulu, di mana setiap Penghulu akan menjaga dan menyelia kawasan mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri yang ditetapkan oleh Pentadbiran Pejabat Daerah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat tujuh (7) daripada sembilan (9) kawasan seliaan Penghulu mempunyai pejabat di Mukim. Untuk maklumat juga, selain bertugas di Pejabat kawasan, semua Penghulu dikehendaki hadir bertugas di Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara pada setiap hari Isnin. Maknanya penghulu ini dia kena *cover* kedua-dua tempat selain dari tugas harian di kawasan, penghulu juga bertanggungjawab mengikut bidang portfolio MMK yang telah ditetapkan, mengambil kira kenyataan bahawa Penghulu tidak mempunyai kakitangan di pejabat Penghulu dan kerja-kerja Penghulu yang melibatkan banyak tugas dan tanggungjawab diluar pejabat, pihak Pejabat Daerah Dan Tanah SPU telah meletakkan papan tanda yang mudah untuk dilihat oleh orang ramai di pejabat Penghulu dengan memasukkan nombor telefon Penghulu untuk dihubungi bagi kemudahan orang ramai. Selain daripada itu, sebagai alternatif terdapat kenyataan meminta orang ramai yang ingin berurusan dengan Penghulu terus hadir ke Pejabat Daerah sekiranya Penghulu berkenaan bertugas di Pejabat Daerah ataupun mempunyai tugas di luar pejabat kawasan.



Jadi, ini semua adalah *standard* yang sama di mana-mana kawasan yang mana Penghulu itu perlu berada di dalam kawasan mereka masing-masing. Berhubung dengan cadangan YB. Penanti supaya diberikan hadiah kepada JKKK dan AJK serta elaun kepada Briged Wanita sejajar dengan pemberian bonus kepada kakitangan awam. Kerajaan Negeri mengambil prihatin tentang isu ini dan akan memberikan pertimbangan sewajarnya walaupun dalam jawapan bertulis saya kita telah pun menambahkan elaun AJK JKKK daripada RM30.00 ke RM40.00 pada 2014. Dalam belanjawan 2016 juga, saya difahamkan bahawa untuk Briged Wanita diberikan peruntukan untuk 2016 sebagaimana untuk BPS yang juga diberi peruntukan untuk mereka disenggarakan melalui Pejabat-pejabat ADUN.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya nak tanya, BPS dapat RM1.2 juta untuk keseluruhan Pulau Pinang. Jadi RM30,000 untuk per KADUN. Briged Wanita sama juga ke?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya tidak ada jumlahnya tetapi kita memang tidak bagi pada 2015 tapi dia boleh mengambil pertimbangan yang sewajarnya di atas keaktifan Briged Wanita.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

2016. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Merujuk kepada soalan yang dikemukakan oleh YB. Sungai Aceh, berkaitan isu perbezaan dalam pengagihan peruntukan JKKK di Seberang Perai Selatan, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Negeri telah pun mengagihkan peruntukan. Setiap Yang Berhormat dan juga Penyelaras-Penyelaras KADUN di mana tempat-tempat yang tidak ada yang YB. Pakatan Harapan kita ada memberikan peruntukan kepada mereka bagi tujuan pembangunan projek bukan *physical* dan juga *physical*.

Untuk makluman semua, jawapan bertulis telah pun kita berikan kepada YB. Sungai Aceh dan dia boleh rujuk daripada pendetailan daripada peruntukan yang telah diberikan kepada setiap ADUN, Penyelaras KADUN dan sebagainya. Bagi kawasan yang dimenangi oleh YB.-YB. Pakatan Harapan, kawasan tersebut akan diberikan peruntukan RM300,000 manakala bagi kawasan yang dimenangi oleh Parti Pembangkang peruntukan sebanyak RM100,000 akan disalurkan kepada Penyelaras ADUN. Dengan juga harapan bahawa YB.-YB. Pembangkang juga mempunyai peruntukan yang juga boleh membantu rakyat di kawasan-kawasan Pembangkang. Ahli Parlimen pula akan menerima sebanyak peruntukan RM200,000. Jadi, bagi kawasan DUN Sungai Aceh peruntukan sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi jadi Penyelaras DUN Sungai Aceh juga akan mendapat peruntukan yang disalurkan kepada Penyelaras KADUN tersebut. Berkenaan pemutihan JKKK sedang dilaksanakan terutamanya di kalangan Ahli PAS saya telah jawab tadi. Justeru, JKKK pemutihan ini telah dilakukan penilaian semula bergantung kepada prestasi JKKK tersebut. Maknanya, walaupun bukan ada isu yang

ada pun kita masih lagi memastikan bahawa JKKK di setiap ADUN dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik.

Saya telah menyatakan bahawa mana JKKK yang tidak membuat aktiviti ataupun tidak menyalurkan laporan mereka kepada Pejabat kami, maka kita akan memberikan mereka tunjuk sebab dan kalau tiga bulan berturut-turut maka kita ada sebab untuk mereka diganti oleh ahli-ahli yang lain.

Perindustrian dan Pelaburan. Berkaitan dengan bilangan kilang baru yang melibatkan *front end analog design* yang diwujudkan di kawasan perindustrian Batu Kawan yang dibangkitkan oleh YB. Penanti, saya ingat tadi telah dijawab oleh YB. Perai. Ahli ahli Yang Berhormat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Syarikat apa yang sebenarnya datang ke sini, ke Batu Kawan?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Baik. Kilang-kilang baru seperti DAT, Scan Disk dan juga HP ataupun Hewlett Packet yang diwujudkan dalam tahun ini dalam kawasan Batu Kawan yang menawarkan 3,849 jumlah ni telah disebutkan oleh YB Perai tadi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa dalam usaha membangunkan industri Pulau Pinang. Fokus Kerajaan Negeri adalah untuk mempromosikan industri berteknologi tinggi dalam bidang-bidang dalam elektrik dan elektronik, peralatan, perubatan, solar dan kejuruteraan yang jitu. Kawasan perindustrian Batu Kawan menyediakan pelbagai jenis peluang pekerjaan termasuk *front end analog design*, pembuatan, kawalan kualiti, sumber manusia, penyelidikan dan pembangunan sumber (R&D) pengurusan dan perancangan dan lain lain. Berhubung dengan maklumat terperinci jumlah pelaburan yang telah diluluskan oleh MIDA yang ditanya oleh YB. Permatang Berangan pula saya suka memaklumkan jumlah pelaburan daripada bulan Januari hingga bulan Jun setakat ini 2015 adalah sebanyak RM4.33 billion dengan sektor elektronik dan elektrik sebagai penyumbang peratusan yang paling besar iaitu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Soalan je. Dalam *Penang Science Cluster* selain daripada YB. Yap Soo Huey, YB. Pulau Tikus, siapakah lagi ADUN lain yang berada dalam *Penang Science Cluster* yang terdiri daripada syarikat-syarikat *multinasional*.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya tidak ada data waktu ini. Saya akan rujuk dan berikan siapa dia ahli Ahli-ahli Yang Berhormat dalam *Penang Science Cluster*. Saya akan berikan pada Yang Berhormat. Pendetailan kepada pertanyaan oleh YB. Permatang Berangan tadi elektrik dan juga elektronik diikuti oleh sektor *nonmetallic mineral products* sebanyak 22.36% sektor peralatan dan mesin sebanyak 3.8% dan sektor berasaskan besi sebanyak 3.65%. Bagi pelaburan asing pula, Amerika Syarikat merupakan negara yang paling banyak melabur di Pulau Pinang dengan jumlah pelaburan RM2.08 billion diikuti dengan Negara

China dengan pelaburan sebanyak RM364 juta, Netherland sebanyak RM68 juta dan Singapura sebanyak RM37 juta. Keempat-empat negara ini telah menyumbang hampir 99% pelaburan asing bagi setengah tahun pertama 2015.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat penutupan kilang bukan saja dari faktor luaran tetapi juga dipengaruhi faktor dalaman seperti ketidakstabilan polisi negara dan krisis kepimpinan yang menyebabkan ketidakpercayaan pelabur luar untuk kekal di Malaysia. Kerajaan Negeri amat memahami dan peka dengan perkembangan situasi semasa yang mempengaruhi persekitaran perindustrian. Keperluan pelabur yang sentiasa berubah dalam menyesuaikan perkembangan situasi ekonomi semasa adalah asas pembentukan polisi dan tindakan pembangunan perindustrian. Antara langkah-langkah yang telah diambil ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan pelabur adalah mewujudkan persekitaran yang menyokong dan meningkatkan pelaburan perindustrian termasuk pembangunan infrastruktur yang mampan dan sistematik, pembangunan dan perkembangan industri kecil dan sederhana, pengekalan daya saing melalui pembanguan dan kompetitif yang memenuhi kehendak pasaran dan pembentukan jaringan komunikasi yang efektif dan memenuhi keperluan pelabur. Kerajaan Negeri juga menekankan aspek pembangunan bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai satu destinasi untuk kehidupan, *life* dan juga *learning*, belajar, bekerja dan beriadah yang mampu untuk menarik pelaburan secara keseluruhan dan tidak hanya tertumpu kepada pembangunan fizikal semata-mata. Tapi juga melibatkan pembangunan insaniah dan kerohanian. Kehidupan belajar, bekerja dan beriadah ...(dengan izin) *live, learn walk and play*. Jadi, ini adalah empat perkara yang mana kita nak memastikan bahawa syarikat-syarikat *multinational* ini berada di Negeri Pulau Pinang ini.

Invest-Penang juga dipertanggungjawabkan untuk mempromosikan dan meyakinkan serta membawa masuk para pelabur ke Pulau Pinang. Antara usaha-usaha tersebut, mendinamikkan daya saing negeri, mempelbagaikan promosi pelaburan dan sektor perkhidmatan, merancang dan memadamkan keperluan indsutri dengan tenaga mahir sedia ada dan menambahkan bekalan tenaga mahir bagi memastikan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan dan kerjasama dengan MIDA dan agensi-agensi kerajaan berkaitan yang lain. Menurut laporan MIDA pada 22 Oktober 2015 buat syarikat daripada Negara China, JA Solar Holding akan menubuhkan kilangnya di *Bayan Lepas Free Trade Zone*. Dia telah melabur sebanyak RM300 juta untuk membina 400 megawatt fasiliti yang mewujudkan lebih 700 peluang pekerjaan. Tentang Master Cooperation Berhad membuat pelaburan tambahan sebanyak RM20 juta untuk fasiliti baru di kawasan perindustrian Batu Kawan. Berdasarkan perkembangan semasa ini saya yakin hanya syarikat-syarikat antarabangsa yang akan melabur di Pulau Pinang dalam masa di masa hadapan. Berkenaan dengan satu soalan yang dibangkitkan oleh YB. Telok Bahang menyatakan HGST iaitu Hitachi Global Storage Technology yang akan berpindah ke Negeri Johor.

Selepas siasatan dijalankan Pengarah Invest-Penang telah mengesahkan bahawa perkara ini tidak benar. Beliau telah membuat semakan dengan syarikat HGST dan diberitahu syarikat tiada niat untuk menamatkan perniagaan mereka di Bayan Lepas pada masa ini. Semua keputusan Multinsional Corporation yang beroperasi di Malaysia akan dibuat oleh Ibu Pejabat di negara mereka masing-masing yang terletak berjauhan daripada Pulau Pinang di mana Pulau Pinang hanya merupakan salah satu pejabat operasi di seluruh dunia. Ahli-ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa MMK Pembangunan Keusahawanan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui

MMK Pembangunan Keusahawanan akan terus membantu usahawan-usahawan Pulau Pinang dalam usaha memperluaskan jaringan perniagaan dan akan memberikan galakan untuk mempelbagaikan lagi aktiviti keusahawanan yang dijalankan. Y.A.B. Ketua Menteri memperkenalkan Negeri Keusahawan dalam ucapan bajet beliau di mana istilah Negeri Keusahawan yang dikaitkan Profesor Mariana Mazokato menjelaskan bahawa penjana kekayaan adalah berdasarkan kepada kolaborasi antara pencipta kekayaan. *The wealth creator* ...(dengan izin) yang melibatkan bukan saja *stakeholder* perniagaan tapi juga pekerja, institusi awam dan pertubuhan masyarakat sivil. Profesor juga mengemukakan satu cadangan yang begitu baik bahawa kerajaan boleh melalui pelaburan-pelaburan di sektor-sektor berisiko terutamanya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, inovasi serta latihan semula dan meningkatkan kemahiran yang tidak diceburi oleh sektor swasta.

Kerajaan Negeri melalui pelaksanaan yang selalu kita sebut iaitu projek PTSR projek mikrokredit mampu menyediakan kemudahan pinjaman kepada usahawan dalam memastikan mereka kekal berdaya saing. PTSR merupakan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan penjaja dan peniaga kecil. Pemberian kemudahan pinjaman mikro ini meliputi semua golongan peniaga berdasarkan perniagaan masing-masing. Peniaga peniaga kecil dapat menikmati peluang ekonomi hasil daripada pembangunan negeri. Sejak...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Berkenaan dengan, dalam soalan saya, saya ada tanya mengenai keusahawanan wanita. Tapi, saya nak tanya peranan Briget Wanita salah satunya membantu wanita mendapatkan mikrokredit. Tetapi saya diberitahu oleh Briget Wanita saya yang baru-baru ini PDC telah menukar polisi iaitu sekarang ini mesti ada premis perniagaan. Apa yang sebelum ini syarat itu tidak dikenakan. Lagi satu, yang ditanya ialah syarat umur maknanya mesti 60 tahun ke bawah. Tapi di kampung-kampung ramai wanita yang terpaksa berniaga kecil-kecilan di rumah ataupun depan rumah untuk menampung kehidupan *especially* ibu-ibu tunggal. Saya nak minta penjelasan sama ada polisi ini telah dikuatkuasakan ataupun tidak.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih Yang Berhormat di atas permohonan penjelasan tersebut. Kriteria sememangnya premis sejak daripada dahulu lagi, jadi ia kita tidak akan meluluskan permohonan yang tidak ada premis, so, premis memang adalah salah satu syarat. Untuk umur sememangnya kita meletakkan umur 60 tahun ke bawah, walaupun sebenarnya majoritinya di bawah 40 yang dikatakan usahawan muda tersebut, tetapi sekiranya mereka yang 60 tahun ke atas ataupun mungkin kita sebut warga emas, sebenarnya ada satu lagi bentuk iaitu di mana kita menyalurkan sumbangan berbentuk peralatan yang mana boleh disalurkan melalui pejabat-pejabat daerah. Jadi ini adalah satu (1) lagi ruang untuk mereka mendapat bantuan, mungkin secara usahawan berniaga secara kecil-kecilan di rumah atau di premis mereka.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Minta laluan, tetapi bantuan peralatan itu ada syarat-syarat yang untuk betul-betul miskin tegar macam itu dan dia selalu bagi kalau 1 KADUN 3 orang sahaja yang mendapat peralatan itu, tetapi saya nak tanya sebab semasa perjumpaan dengan PDC, yang saya tahu mikro kredit itu tidak mempunyai syarat premis perniagaan, sebab kalau tidak brigid-brigid wanita adalah wanita-wanita di kampung di JKKK dan mereka salah satu fungsi mereka ialah untuk membantu wanita-wanita di kampung untuk mendapatkan mikro kredit. Apa yang mereka katakan kalau mereka memerlukan premis perniagaan mereka nak kena sewa, itu macam tidak *profit the purpose* nak bantu wanita-wanita di kampung. Kalau syarat itu yang dikenakan.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Jika jumlah mereka yang memohon ini tidak luas ataupun tidak besar, kita bersedia untuk melihat mereka, kalau mereka gagal daripada tidak mematuhi PTSR ini, kita boleh cuba berbincang dengan cara lain bagaimana membantu, antaranya adalah mungkin ia boleh menjadi ahli kepada koperasi, itu juga mungkin salah satu daripada jalan keluar untuk kita melihat bagaimana mereka tidak disisihkan daripada peluang mendapatkan bantuan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ya, teruskan.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Sejak PTSR diwujudkan 2008 2015, sebanyak RM11 juta telah diperuntukkan telah disalurkan daripada Kerajaan Negeri kepada usahawan melalui PDC. Sehingga Oktober 2015 peruntukan sebanyak RM9 juta telah dibelanjakan untuk membantu 2119 usahawan kecil. Daripada jumlah tersebut 84% adalah daripada peminjam Melayu, 8.1% peminjam berbangsa Cina dan 7.9% berbangsa India dan daripada jumlah kewangan tersebut lebih daripada RM6.0 juta telah dapat kita kutip balik untuk kita janakan semula dalam peminjaman PTSR ini. Seterusnya pada tahun 2014 Kerajaan Negeri telah meluaskan pinjaman skim Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) berjumlah RM5,000.00 seorang kepada bakal-bakal usahawan tani muda. Sehingga Oktober 2015 seramai 24 usahawan tani muda telah menikmati kemudahan ini. Sebanyak RM250,000.00 diperuntukkan telah disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui PDC. Tawaran pinjaman ini diberikan dengan syarat tempoh bayaran balik dua (2) tahun tanpa faedah. Ini diuruskan secara langsung melalui EXCO Pertanian.

Mengenai soalan Y.B. ADUN Sungai Dua, yang bertanyakan sama ada Kerajaan Negeri boleh menyediakan lot perniagaan yang sesuai untuk membolehkan belia berniaga. Saya juga telah menjawab ini di kawasan Seberang Perai Utara, mungkin tidak ada gerai yang spesifik tetapi untuk kompleks gerai makan Bukit Tengah dan Bukit Minyak telah pun disediakan dan disewakan kepada usahawan-usahawan kecil di Pulau Pinang termasuklah belia-belia bagi menjalankan perniagaan kecil-kecilan bagi menimba pengalaman sebelum melangkah ke perniagaan yang lebih besar.

Selain itu Pihak Berkuasa PBT juga turut membantu peniaga belia dalam bidang perniagaan dengan menawarkan gerai-gerai di pasar-pasar awam dan juga kompleks penjaja melalui proses temu duga terbuka, melesenkan penjaja-penjaja yang beroperasi tanpa kebenaran mengikut dasar-dasar yang sedia ada. PBT mengeluarkan permit penjaja sementara sedia ada kepada peniaga yang meniaga secara bermusim ataupun secara sementara di kawasan yang dibenarkan. Menyediakan tambahan petak niaga di pasar-pasar awam kompleks makanan majlis yang masih mempunyai ruang bersesuaian dan mensyaratkan kepada pemaju dan pembangunan mereka untuk menyediakan ruang niaga iaitu ruang-ruang premis perniagaan yang Kerajaan Negeri sediakan.

Mengenai soalan Yang Berhormat Sungai Dua mengenai langkah yang telah diambil ataupun yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi melibatkan graduan dalam sektor keusahawanan selain yang dibuat oleh Kerajaan Pusat dalam usaha mengurangkan pengangguran dikalangan graduan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa bersikap yang proaktif dalam memberikan peluang perniagaan kepada para graduan yang ingin memulakan perniagaan melalui skim PTSR ataupun TUTM. Terima kasih, saya telah menjawab soalan ini semasa soalan lisan. Bagi memastikan tiada berlakunya pertindihan bantuan yang diterima oleh seorang belia yang dibangkitkan oleh juga daripada Yang Berhormat ADUN Penaga, saya telah jawab bahawa misalnya ada Jawatankuasa yang memilih mereka, khususnya daripada PDC sebagai penyelaras bagi semua permohonan-permohonan usahawan belia yang ingin menyertai program-program seperti PTSR ataupun TUTM.

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Kerajaan Negeri juga tidak lupa pembangunan koperasi di negeri ini. Baru-baru ini Jawatankuasa MMK Pembangunan, Koperasi telah mengadakan beberapa siri lawatan di Ibu Pejabat Angkasa dan Koperasi Berjaya di Negeri Pahang dan juga Selangor bersama beberapa koperasi bagi menambahkan pengetahuan tentang pengurusan koperasi mereka. Selain daripada itu Program Karnival Koperasi juga diadakan bagi mempromosikan koperasi-koperasi yang sedia ada. Bagi memperkasakan industri koperasi ini, Jawatankuasa telah mengadakan Program Jati Diri Ahli Lembaga Koperasi Asas di Teluk Batik pada bulan Oktober lepas. Selain daripada itu koperasi-koperasi lain seperti Koperasi Wanita dan Koperasi Kariah Masjid telah mencatatkan pencapaian yang cemerlang terutamanya koperasi Masjid Bertam Indah telah menerima tempat ketiga Anugerah Masjid Bandar Terbaik Peringkat Kebangsaan. Ini sebagai sebahagian daripada kejayaan itu adalah kerana mereka aktif dan baik pengurusan Koperasi Kariah masjid mereka. Untuk memperbanyakkan koperasi, Kerajaan Negeri menggalakkan setiap masjid menubuhkan koperasi qariah masjid dan negeri juga menggalakkan setiap JKKK menubuhkan koperasi dengan slogan 1 JKKK 1 Koperasi.

Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang melibatkan diri dalam perbahasan dan memberikan buah fikiran. Mudah-mudahan kita dapat bersama-sama berkhidmat demi rakyat dengan penuh tanggungjawab dan juga amanah. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua jabatan, agensi Kerajaan Negeri yang telah bertungkus-lumus bagi memastikan sidang Dewan pada kali ini berjalan dengan lancar. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang telah berkerjasama dalam memastikan Karnival Keusahawanan dan Program Fiesta Santai Rakyat yang

berlangsung di setiap daerah mendapat sambutan yang menggalakkan. Contohnya esok, Daerah Barat Daya akan mengadakan Program Fiesta Karnival Santai Rakyat dan ini merupakan program tahunan yang pejabat saya lakukan. Saya menyeru kepada semua supaya bersama-sama membantu meningkatkan ekonomi penduduk setempat dan menjana peluang pekerjaan kepada mereka. Dengan ucapan itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan dengan itu saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Pantai Jerejak. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi penggulungan telah pun tamat, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli EXCO Kerajaan Negeri yang telah pun membuat penggulungan yang telah pun mengambil masa selama 15 jam 30 minit untuk kesemua penggulungan. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2016 dibacakan bagi kali yang kedua. Ahli-ahli yang bersetuju, katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

"Ya" lebih banyak.

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2016 dan bagi memperuntukan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Rang Undang-undang telah dibaca bagi kali yang kedua. Rang Undang-undang ini sekarang akan dipertimbangkan di dalam Jawatankuasa Perbekalan.

**Setiausaha:**

Jadual.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.01 - Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan RM146,310,056.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang sebanyak RM146,310,056.00 untuk Kepala B.01, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.02 - Pejabat Tanah dan Galian RM9,547,990.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang sebanyak RM9,547,990.00 sahaja untuk Kepala B.02, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.03 - Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut RM7,451,490.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang sebanyak RM7,451,490.00 untuk Kepala B.03, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.04 - Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya RM6,784,928.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang sebanyak RM6,784,928.00, untuk Kepala B.04, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.05 - Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara RM8,677,230.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang sebanyak RM8,677,230.00, untuk Kepala B.05, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"



**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.06 - Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah RM7,642,190.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang sebanyak RM7,642,190.00, untuk Kepala B.06, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.07 - Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan, RM6,362,890.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang sebanyak RM6,362,890.00 sahaja untuk Kepala B.07, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.08 - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) RM37,894,299.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang RM37,894,299.00 sahaja untuk kepala B.08, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.09 - Jabatan Perhutanan RM3,771,820.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang sebanyak RM3,771,820 sahaja untuk kepala B.09, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.10 - Jabatan Taman Botani RM4,917,160.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang sebanyak RM4,917,160.00 sahaja untuk kepala B.10, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.12 - Jabatan Kerja Raya (JKR) RM38,025,930.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang sebanyak RM38,025,930.00 sahaja untuk kepala B.12, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.13 - Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEAIP) RM19,819,990.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang RM19,819,990.00 sahaja untuk kepala B.13, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.14 - Jabatan Kebajikan Masyarakat RM10,484,290.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang sebanyak RM10,484,290.00 sahaja untuk kepala B.14, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.15 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) RM4,980,780.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang sebanyak RM4,980,780.00 sahaja untuk kepala B.15, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.16 - Jabatan Kewangan Negeri RM614,502,630.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang sebanyak RM614,502,630.00 sahaja untuk kepala B.16, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.17 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar RM6,481,650.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang sebanyak RM6,481,650.00 sahaja untuk kepala B.17, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.18 - Jabatan Pertanian RM8,909,160.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang sebanyak RM8,909,160.00 sahaja untuk kepala B.18, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.19 - Jabatan Mufti RM3,019,740.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang sebanyak RM3,019,740.00 sahaja untuk kepala B.19, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepala B.20 - Jabatan Kehakiman Syariah RM7,136,500.00 sahaja.

"Bahawanya jumlah wang sebanyak RM7,136,500.00 sahaja untuk kepala B.20, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

"Fasal 1"

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

"Fasal 1, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

"Fasal 2."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

"Fasal 2, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2016 dan bagi memperuntukan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

"Tajuk penuh dan fasal yang mengundang adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dewan bersidang semula

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2016 telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal daripada Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-Undang dibaca bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Ahli-ahli yang bersetuju, katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya"

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebulat suara.

**Setiausaha:**

Enakmen Perbekalan Tahun 2016. Maka dengan ini adalah diperundangan oleh kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang telah dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang berbunyi:

“Bahawanya Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak RM346,123,190.00 sahaja, yang tertera di dalam Anggaran Pembangunan pada tahun 2016, yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Bilangan 5 Tahun 2015 dan menetapkan bahawanya jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2016 itu”.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”. Yang tidak bersetuju katakan “Tidak.”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebulat suara dipersetujui, usul dipersetujui. Sidang bersidang semula

**Setiausaha:**

Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) Tahun 2015.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980 dibaca kali yang pertama.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang bernama “Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), 1980”.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Rang Undang-undang telah dibaca bagi kali yang pertama.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, mengikut Peraturan 59, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang ini diteruskan dengan serta merta.

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan), Tahun 2015 bacaan kali yang kedua.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), 1980" dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri, Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), Tahun 1980 mulai berkuatkuasa pada 1 Julai 1980 dan Enakmen ini telah menetapkan peruntukan mengenai Saraan Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri dan perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

Tujuan Rang Undang-undang ini diadakan adalah bagi meminda Enakmen iaitu Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), 1980.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan iaitu berkuatkuasa pada 1 Januari 2016;

Fasal 2 Yang Berhormat Dato' Speaker untuk membuat pindaan kepada Seksyen 3 dalam Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), 1980 iaitu menaikkan saraan bulanan bagi Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dari RM6,000.00 sebulan kepada RM11,250.00 sebulan;

Fasal 3, untuk membuat pindaan kepada Seksyen 3 (a), dalam Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), 1980 iaitu menaikkan elaun bulanan bagi Ketua Pembangkang daripada RM2,000.00 kepada RM3,000.00;

Fasal 4, untuk membuat pindaan kepada sub-seksyen 4(e) dalam Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), 1980 iaitu untuk menaikkan saraan bulanan bagi Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dari RM6,100.29 kepada RM12,109.29; dan

Fasal 5 untuk membuat pindaan kepada Perenggan 6 (1) (b) dalam Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), 1980 iaitu menaikkan saraan bulanan bagi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dari RM6,109.29 kepada RM12,109.29.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semakan terakhir saraan dan elaun Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah pada 1 Januari 2004 dan elaun bulanan Ketua Pembangkang adalah pada 1 Jun 2013 dan saraan Ahli Dewan Undangan Negeri adalah pada 1 Jun 2013. Di dalam

Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), 1980 yang dibentangkan pada hari ini, saraan bulanan bagi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tidak akan dinaikkan dan akan dikekalkan atas kadar lama iaitu RM14,175.15 sahaja sebulan. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 9 September 2015 telah memutuskan untuk mengkaji semula gaji dan elaun tersebut dengan mengambil kira kenaikan gaji dan elaun di negeri-negeri lain di Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan ini, berikut adalah perbandingan gaji atau elaun antara Negeri Pulau Pinang dan negeri-negeri lain di Malaysia mengambil kira gaji dan elaun yang sedia ada. Ketua Menteri Pulau Pinang RM14,175.15, Perlis RM17,000.00, Kedah RM22,000.00, Perak RM20,000.00, Selangor RM25,000.00, Negeri Sembilan RM19,175.00, Melaka RM15,000.00, Johor RM14,907.20, Pahang RM30,000.00, Terengganu RM30,000.00, Kelantan RM15,000.00, *higher than Penang*, Sabah RM23,625.00 dan Sarawak RM39,000.00, ini untuk Ketua Menteri dan Menteri Besar.

Speaker. Dato' Speaker, Pulau Pinang RM6,109.29, Perlis RM8,000.00, Kedah RM14,000.00, Perak RM10,000.00, Selangor RM15,000.00, Negeri Sembilan RM10,888.00, Melaka RM9,000.00, Johor RM6,109.29 sama dengan Pulau Pinang, Pahang RM14,000.00, Terengganu RM14,000.00, Kelantan RM10,200.00, Sabah RM16,335.00, Sarawak RM30,000.00. Kita yang terendah bersama dengan Johor, untuk Speaker.

Ketua Menteri kita terendah dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Pulau Pinang RM6,129.29, Perlis RM8,000.00, Kedah RM14,000.00, Perak RM10,000.00, Selangor RM15,000.00, Negeri Sembilan RM10,888.00, Melaka RM7,000.00, Johor RM6,500.00, Pahang RM14,000.00, Terengganu RM14,000.00, Kelantan RM10,200.00, Sabah RM16,335.00, Sarawak RM27,000.00. Kita yang terendah.

Ahli Dewan Undangan Negeri YB. Dato' Speaker. Pulau Pinang 6,000.00, Perlis RM6,000.00, Kedah RM11,000.00, Perak RM8,000.00, Selangor RM11,250.00, Negeri Sembilan RM8,954.00, Melaka RM9,000.00, Johor RM9,900.00, Pahang RM11,000.00, Terengganu RM11,000.00, Kelantan RM8,000.00, Sabah RM7,950.00, Sarawak RM15,000.00. Jadi kita yang terendah sekali bersama-sama dengan Perlis untuk ADUN.

Itu adalah perbandingan gaji dan elaun yang saya sebut tadi YB. Dato' Speaker. Daripada perbandingan tersebut ini adalah jelas bahawa gaji dan elaun Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah antara yang paling rendah di seluruh Malaysia. Ada dua (2) kategori yang terendah sekali dan dua (2) kategori yang lain rendah sekali tapi dengan satu (1) negeri yang lain, *so actually* semua kita rendah sekali, bukan amat antara yang paling terendah.

Pertimbangan juga telah dibuat YB. Dato' Speaker kepada perlunya semakan gaji dan elaun ini dibuat untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan wakil-wakil rakyat dan anggota pentadbiran, di mana mereka terpaksa berkhidmat kepada semua waktu demi kepentingan rakyat. Malahan berkenaan ini faktor bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersidang pada setiap minggu di Pulau Pinang, iaitu jauh lebih kerap secara amnya berbanding dengan negeri-negeri lain dan mengambil kira faktor bahawa secara



kususnya lebih daripada 1,000 kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan dibentangkan setiap tahun, di mana Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga diambil kira di mana butirannya adalah seperti berikut:-

Persidangan MMK 2008 Tahun yang pertama 637

2009	-	890
2010	-	1,292
2011	-	1,111
2012	-	1,411
2013	-	1,389
2014	-	1,244

Setakat November 2015 – 1,015

Malah untuk makluman YB. Dato' Speaker, semua mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sejak 2008 telah diadakan di KOMTAR, Pulau Pinang dan tidak pernah diadakan di luar Pulau Pinang untuk menjimatkan kos berbanding dengan beberapa negeri yang lain.

YB. Dato' Speaker, selanjutnya di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bersikap "Cekap, Akauntabiliti dan Telus" juga perlu diambil kira kemantapan pengurusan kewangan yang telah diterapkan meningkatkan kutipan dan pengurangan tunggakan hasil. Amalan perbelanjaan yang berhemah serta pelaksanaan pengurusan nilai di dalam pengurusan projek pembangunan di samping amalan tender terbuka, maka Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dapat mengakhiri setiap tahun kewangan dengan lebihan ataupun surplus, sepertimana diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di dalam ucapan Bajet 2016 Pulau Pinang. Lebihan yang terkumpul selama tujuh (7) tahun telah dapat meningkatkan jumlah rezab kerajaan daripada RM373.59 juta pada akhir Tahun 2007 kepada 880.75 juta pada akhir 2014 iaitu satu peningkatan sebanyak RM507.16 juta ataupun bersamaan satu (1) kenaikan 135.75%.

Di mana ini bermakna YB. Dato' Speaker prestasi kewangan dalam tempoh tujuh (7) iaitu dari 2008 hingga 2014 dan lebihan bajet sebanyak RM507 juta adalah lebih baik berbanding tempoh 50 tahun sebelum ini iaitu dari Tahun 1957 hingga 2007 yang mana hanya RM373 juta sahaja.

YB. Dato' Speaker, mengambil kira semua faktor-faktor ini, maka cadangan semakan gaji dan elaun telah dibuat di mana gaji Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tidak akan dinaikan dan akan dikekalkan atas kadar lama. iaitu RM14,174.15. Gaji Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dinaikan daripada RM6,109.29 kepada RM12,109.29. Elaun Ketua Pembangkang dinaikan daripada RM2,000.00 sebulan kepada RM3,000.00 dan elaun Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang akan dinaikan daripada RM6,000.00 kepada RM11,250 sebulan.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini melibatkan saraan sebenar kepada Ahli Dewan Undangan Negeri iaitu kenaikan sebanyak RM5,250.00 sebulan bagi 40 Ahli Dewan Undangan Negeri yang melibatkan perbelanjaan tambahan kepada Kerajaan Negeri sebanyak RM210,000.00 sebulan. Bagi Ketua Pembangkang kenaikan elaun yang melibatkan pebelanjaan sebanyak RM1,000.00 sebulan sementara kenaikan

saraan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM6,000.00 sebulan yang melibatkan perbelanjaan tambahan bagi 11 ahli berjumlah RM66,000.00 sebulan. Jumlah keseluruhan perbelanjaan tambahan ialah RM277,000.00.

Mengikut perbandingan sepertimana yang saya nyatakan tadi kadar saraan bagi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri adalah yang terendah di seluruh Malaysia.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, pindaan-pindaan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Pindaan) (Saraan), 1980 ini tidak akan melibatkan kenaikan pencen kepada mantan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang berkhidmat sebelum ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker saya percaya dengan kenaikan saraan dan elaun ini ia akan meningkat lagi semangat dan usaha Ahli Dewan Undangan Negeri untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik pada rakyat dan Negeri Pulau Pinang. Secara keseluruhannya kenaikan yang dicadangkan ini mengambil kira tugas dan perkhidmatan yang perlu diberikan yang telah bertambah dengan harapan yang tinggi daripada rakyat Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) (Saraan), 2015 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon mencadangkan.

#### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya ucapkan terima kasih kerana untuk, kali ini saya diberi peluang untuk menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980. Ahli Dewan Yang Berhormat sekalian Kerajaan Negeri Pulau Pinang semenjak 2008 Pakatan Rakyat telah melakukan apa yang dipanggil refomasi kepada sistem dan amanat Kerajaan Negeri. Mandat yang telah diberikan oleh rakyat kepada Pakatan Rakyat adalah untuk membawa satu perubahan kepada institusi Kerajaan Negeri daripada amalan-amalan yang tidak baik, korup dan laeh yang diamalkan Kerajaan Negeri sebelum itu.

Dengan slogan CAT "Cekap, Akauntabiliti dan Telus" Pakatan Rakyat memperkenalkan banyak refomasi di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Pakatan Rakyat telah membuktikan bahawa dengan tata kelola baik, prinsip anti rasuah, amalan perbelanjaan berhemah, sistem tender terbuka, menjunjung kebebasan dan mendaulatkan undang-undang Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri telah berjaya memastikan khazanah negeri terus bertambah dan belanjawan negeri yang terus berimbang dan meletakkan dan mencatatkan lebih sepanjang tujuh (7) tahun berturut-turut. Rakyat bersetuju dan menyokong Pakatan Rakyat dengan 62% undi popular pada

tahun 2013 tertinggi dalam sejarah Negeri ini sejak merdeka.

Keputusan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri Pindaan (Saraan), 1980 untuk menaikkan gaji bagi Ahli Dewan Undangan Negeri, (EXCO) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Speaker adalah satu keputusan yang wajar melihatkan kepada prestasi setiap Ahli Dewan Yang Berhormat dan Kerajaan Negeri sepanjang tujuh tahun ini. Keputusan Ketua Menteri untuk tidak menaikkan gaji beliau adalah satu usaha murni dan saya percaya sebagai satu langkah untuk menghormati Perdana Menteri yang turut tidak menaikkan gaji beliau pada baru-baru ini.

Saya menyeru supaya semua Ahli Dewan untuk terus mendokong amanah kita ini sebaik-baiknya, memastikan permasalahan rakyat terus didengari dan diselesaikan dan pastinya kita semua terus komited untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang bersih, hijau, sihat dan selamat sebagai sebuah negeri bertaraf antarabangsa yang terulung di Malaysia dan juga di Asia Tenggara.

Saya ingin akhiri ucapan saya ini dengan kata-kata, bukan pantun. Saya sering kali ditanya oleh teman-teman kerjaya apakah yang lebih mulia di mata rakyat, penjawat awam atau ahli politik. Jawab saya kedua-dua profesion ini adalah mulia dan terhormat asal saja kita tidak kianat dan berlaku zalim. Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat kita berada dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan), 2015. Ahli-ahli Yang Berhormat sesiapa yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan. Silakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat memandangkan tiada perbahasan saya meminta bahawa Ahli Yang Berhormat Datok Keramat untuk membuat penggulungan.

#### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan tiada perbahasan saya ingin merujuk sekali lagi kepada apa yang saya nyatakan tadi iaitu dua (2) faktor utama yang saya bangkitkan iaitu:

1) Penyelarasan antara negeri-negeri lain dengan Pulau Pinang di mana sekian lama ini kita di peringkat yang bawah sekali untuk semua kategori yang saya nyatakan tadi. Itu satu faktor yang pertama.

2) Juga apa yang telah kita berjaya lakukan di dalam tempoh tujuh (7) ini yang menunjukkan satu peningkatan surplus lebih RM500 juta dan dengan kata-kata itu saya mohon mencadangkan YB. Dato' Speaker.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapai sekarang ialah suatu Rang

Undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2015 dibacakan bagi kali yang kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebulat suara.

"Tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

"Fasal 1."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

"Fasal 1 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

"Fasal 2."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

"Fasal 2 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

"Fasal 3."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

"Fasal 3 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

"Fasal 4."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

"Fasal 4 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

"Fasal 5."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

"Fasal 5 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk meminta Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), 1980.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

"Tajuk penuh dan fasal yang mengundang adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dewan bersidang semula.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. "Saya mohon

melaporkan Rang Undang-undang Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan), 2015 telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang dibacakan bagi kali Yang Ketiga serta diluluskan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali Yang Ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak berstuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebulat suara diterima.

**Setiausaha:**

Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan), 2015. Maka dengan ini adalah diperundangkan oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali Yang Ketiga dan diluluskan.

**Setiausaha:**

Usul daripada YB. Ahli Datok Keramat.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Yang Berhormat Dato' Speaker.

Bahawa Dewan ini bersetuju untuk membuat suatu ketetapan selaras dengan Fasal (3) Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:-

- (a) Pemberian kuasa Eksekutif kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan persetujuan Kerajaan Negeri untuk melantik Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Anggota, Setiausaha, Pegawai dan Kakitangan Tribunal Pengurusan Strata di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan Menteri hendaklah menamakan sekurang-kurangnya dua (2) orang calon yang disyorkan oleh Kerajaan Negeri sebagai anggota Tribunal Pengurusan Strata.
- (b) Satu mekanisme diwujudkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi memastikan bahawa Kerajaan

Negeri dirundingi terlebih dahulu sebelum pelantikan anggota Tribunal Pengurusan Strata dibuat.

Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan Dewan yang mulia ini membuat ketetapan akan dua (2) perkara yang saya nyatakan tersebut:

Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012 telah diluluskan oleh Parlimen pada 19 Disember 2012 bertujuan menambah baik Pengurusan Bangunan Strata di bawah Akta Bangunan dan Akta Bersama Penyenggaraan dan Pengurusan 2007 iaitu Akta Undang-undang III yang sedang berkuat kuasa. Penggubalan undang-undang ini adalah selaras dengan Fasal 4 Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan yang memberikan kuasa eksekutif pada Parlimen untuk membuat undang-undang bagi maksud memastikan keseragaman undang-undang dan dasar antaranya mengenai Kerajaan Tempatan.

Manakala Fasal 4 Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan pula menetapkan bahawa sesuatu undang-undang yang dibuat di bawah Fasal 4 Perkara 76 tersebut hendaklah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri melalui suatu ketetapan terlebih dahulu, sebelum undang-undang itu boleh berkuat kuasa di mana-mana negeri.

Secara kronologi YB. Dato' Speaker Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012 telah mendapat perkenaan di Raja pada 5 Februari 2013 dan diwartakan sebagai Akta Pengurusan Strata 2013 iaitu Akta 757 pada 8 Februari 2013. Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan seterusnya dan telah melalui Warta Kerajaan PUB 248 bertarikh 11 Jun 2015 menetapkan 12 Jun sebagai tarikh permulaan kuat kuasa Akta 757 bagi Negeri Pulau Pinang.

Dato' Yang di-Pertua, satu (1) Tribunal Pengurusan Strata hendaklah ditubuhkan apabila Akta 757 berkuat kuasa, yang mana keanggotaan-keanggotaan ini terdiri daripada:

- a) Seorang Pengerusi dan seorang Timbalan Pengerusi, dia hendaklah dilantik daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, dan
- b) Tidak kurang daripada 20 orang anggota lain hendaklah dilantik daripada di kalangan:
  - i) Orang yang merupakan anggota ataupun yang pernah memegang dalam jawatan perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, atau
  - ii) Orang yang diterima masuk sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara di bawah Akta Profesyen Undang-undang 1976 Akta 166 Ordinan Peguam Bela Sabah, Sabab Bab 2 atau Ordinan Peguam Bela Sarawak, Sarawak Bab 110 yang telah menjalankan amalan tidak kurang daripada tujuh (7) tahun.

YB. Dato' Speaker, Tribunal ini adalah berperanan untuk mendengar dan mengendalikan pertikaian atau aduan mengenai segala perkara yang berkaitan dengan Akta 757 atau perundangan subsidiari yang dibuatnya serta memberikan *award* menurut kuasa yang diberikan kepada Tribunal Pengurusan Strata di bawah akta tersebut.

Pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan dan Anggota Tribunal Pengurusan Strata berdasarkan Akta 757 adalah di bawah kuasa Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Selain dari itu Menteri juga turut bertanggungjawab melantik Setiausaha, Pegawai dan Kakitangan Tribunal Pengurusan Strata sebagaimana digariskan oleh subseksyen 104 (1) Akta 757. Pelantikan tersebut perlu dibuat bagi ia memastikan pengurusan pendengaran kes-kes dapat berjalan dengan sempurna selain daripada urusan harian pentadbiran dan kewangan tribunal YB. Dato' Speaker.

Dato' Yang di-Pertua, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam mesyuarat bilangan 17/2015 pada 27 Mei 2015 tahun ini telah menimbang dan bersetuju untuk menerima pakai Akta 757 dan memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan dalam perkara pelantikan yang dinyatakan tadi oleh Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui ketetapan yang dikemukakan kepada Dewan Undangan Negeri. Mesyuarat yang sama turut bersetuju supaya Menteri menamakan dua (2) calon yang disyorkan oleh Kerajaan Negeri sebagai Anggota Tribunal Pengurusan Strata supaya Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan mewujudkan satu mekanisme bagi memastikan Kerajaan Negeri dirundingi terlebih dahulu sebelum pelantikan Anggota Tribunal Pengurusan Strata dibuat.

Dato' Yang di-Pertua. Oleh yang demikian keputusan-keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ini saya bantangkan ke Dewan yang mulia ini untuk dipertimbangkan dan dijadikan ketetapan sebelum Akta Pengurusan Strata 2013 Akta 757 dikuat kuasa di Pulau Pinang.

Dato' Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Adakah usul ini ada sokongan.

#### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dato' Afif Bin Bahardin):**

Yang Berhormat, Yang di-Pertua Dewan saya menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Datok Keramat. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah atas ucapan usul yang dibangkitkan oleh YB. Datok Keramat sebentar tadi berkenaan cadangan penambahbaikan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Komitmen Kerajaan Negeri untuk menerima Akta Pengurusan Strata ini adalah satu bukti bahawa Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh untuk memastikan pengurusan strata di Pulau Pinang berjalan dengan lancar dan komprehensif. Sebagai sebuah negeri yang sebagai hampir lebih 62% rakyat yang tinggal di kediaman dan bangunan berstrata sehingga kini terdapat 1,844 skim strata melibatkan 227,454 petak dan jika dilihat dari *ranking* Pulau Pinang adalah negeri ketiga sebanyak selepas Selangor dan juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di KADUN Seberang Jaya sendiri terdapat lebih 19 skim strata dengan



2,615 petak.

Yang Berhormat Ahli Dewan sekalian penubuhan Tribunal Pengurusan Strata akan memainkan peranan penting sebagai satu sistem Perundangan yang cekap dan seragam seperti yang dinyatakan di bahagian 1 Jadual Keempat Akta 757, diharap tribunal ini nanti dapat berfungsi untuk menyelesaikan apa saja masalah atau pertikaian strata dengan lebih cekap, telus dan pantas.

Bagi justifikasi-justifikasi di atas, bagi memastikan dasar perumahan ini teru selari dengan Akta Pengurusan Strata 2013 dan demi menyuntik roh, cekap, akauntabiliti dan telus kepada anggota dan Pengurusan Tribunal Strata yang bakal ditubuhkan kelak. Saya dengan ini ingin menyatakan akan kepentingan untuk masukan cadangan yang dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri ke dalam cadangan penambahbaikan Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2013 iaitu Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang diberi kuasa bagi pelantikan Anggota Tribunal Pengurusan Strata mempertimbangkan dua (2) calon yang disyorkan oleh Kerajaan Negeri sebagai Anggota Tribunal Pengurusan Strata. Dan kedua satu mekanisme diwujudkan Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi memastikan kaedah tembung-tembung atau *engagement* Kerajaan Negeri dirundingi terlebih dahulu sebelum pelantikan anggota tribunal Pengurusan Strata dibuat.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan justifikasi-justifikasi yang diberikan atas dasar Kerajaan Negeri dan kaedah menang-menang terus dititikberatkan. Saya yakin peranan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berdasarkan kepada Akta Pengurusan Strata 2013 ini akan memudahkan penduduk dan rakyat di mana lebih perkhidmatan dan tumpuan melalui bantuan khidmat nasihat dan pemantauan pendidikan komuniti strata, pendawaan, pengauditan serta perkhidmatan teknikal dapat dijalankan. Dengan akhir itu saya mohon menyokong.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul daripada YB. Ahli Kawasan Datok Keramat dipersilakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat memandangkan tiada perbahasan saya mempersilakan YB. Ahli Kawasan Datok Keramat untuk membuat penggulungan.

#### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

YB. Dato' Speaker, saya ingin menerima pakai dan ulangi apa yang saya nyatakan tadi dan mengesyorkan agar pemberian kuasa eksekutif kepada Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan persetujuan Kerajaan Negeri untuk melantik Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, Anggota, Setiausaha, Pegawai dan kakitangan Tribunal Pengurusan Strata di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 dan Menteri hendaklah menamakan sekurang-kurangnya dua (2) orang calon yang disyorkan oleh Kerajaan Negeri sebagai Anggota Tribunal Pengurusan dan juga sepertimana yang saya nyatakan tadi satu (1) mekanisme diwujudkan oleh Kementerian agar memastikan bahawasanya Kerajaan Negeri dapat

dirundingi terlebih dahulu sebelum pelantikan seseorang anggota tribunal yang tersebut.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi ialah usul daripada YB. Ahli Kawasan Datok Keramat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan yang mulia ini bersetuju untuk membuat suatu ketetapan selaras dengan Fasal (3) Perkara 80, Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:”

- (a) Pemberian kuasa Eksekutif kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan persetujuan Kerajaan Negeri untuk melantik Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Anggota, Setiausaha, Pegawai dan Kakitangan Tribunal Pengurusan Strata di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan Menteri hendaklah menamakan sekurang-kurangnya dua (2) orang calon yang disyorkan oleh Kerajaan Negeri sebagai anggota Tribunal Pengurusan Strata.
- (b) Satu mekanisme diwujudkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi memastikan bahawa Kerajaan Negeri dirundingi terlebih dahulu sebelum perlantikan anggota Tribunal Pengurusan Strata dibuat.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri**

Sebulat suara usul diterima.

**Setiausaha:**

Usul daripada YB. Ahli Kawasan Machang Bubuk.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Dato' Yang di-Pertua saya ingin mengambil bahagian dalam menyampai satu usul. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini untuk meluluskan satu usul iaitu mendesak Kerajaan Persekutuan untuk membenarkan Mantan Ketua Pembangkang, Dato' Seri Anwar Ibrahim, tahanan politik yang mengalami kesakitan yang serius perlu diberi rawatan perubatan dengan segera agar kesihatan beliau tidak tergadai.

Dato' Yang di-Pertua, hari ini adalah hari yang ke-284 Dato' Seri Anwar Ibrahim dipenjarakan sebagai tahanan politik. Beliau adalah seorang mangsa penganiayaan politik. Baru-baru ini *United Nation Working Group on Arbitrary Detention...* (dengan izin), UNWGAD telah mengutuk pemenjaraan Anwar Ibrahim dan dengan sebulat suaranya mendapati bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim telah dipenjara secara haram dan melanggar undang-undang antarabangsa. Kumpulan kerja ini berpendapat bahawa

Anwar Ibrahim perlu dibebaskan dengan segera agar memastikan hak asasi dan hak politik beliau dikembalikan.

Pada sidang DUN yang lepas, usul yang dibawa oleh saya dan telah diluluskan iaitu bahawa Dewan yang mulia ini mengutuk pendakwaan bermotif politik Dato' Seri Anwar Ibrahim, Mantan Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen Permatang Pauh kerana tindakan tersebut adalah zalim dan tidak berasaskan kepada prinsip demokrasi dan keadilan. Saya berharap usul yang diluluskan itu akan dihantar ke Parlimen supaya untuk diwartakan, supaya pendirian DUN yang mulia ini dapat direkodkan. Semasa usul tersebut dibawa, Pihak Pembangkang enggan mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut. Saya berharap semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang di sini boleh membuat satu keputusan serta penilaian berdasarkan *political cautiousness* yang masing-masing.

Saya ingin juga menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang keadaan kesihatan Anwar Ibrahim sekarang. Sejak penahanan Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 10 Februari awal tahun ini keadaan kesihatan beliau semakin merosot seperti yang dimaklumkan secara lisan oleh doktor yang merawat. Tekanan darah beliau tidak normal. Terdapat ketumbuhan di atas buah pinggang, ligamen yang koyak pada bahu, artritis yang kronik dan berat badannya menyusut sekurang-kurangnya 6 kilogram. Kemerosotan kesihatan Anwar Ibrahim adalah serius dan perlu dirawat segera. Walaupun beliau memerlukan perhatian dan rawatan perubatan dengan segera, malangnya Dato' Dr. Jeyaindran Sinnadurai yang merupakan doktor yang dilantik oleh Kementerian Dalam Negeri untuk memantau kesihatan Dato' Seri Anwar Ibrahim berulang kali menafikan rawatan yang perlu diberikan kepada beliau. Yang paling kritikal adalah rekemendasi menjalani rawatan fisioterapi secara intensif setiap minggu yang telah dicadangkan semenjak bulan Mac lagi oleh doktor ortopedik yang akan mengurangkan kesakitan dan mengekalkan mobiliti dan kekuatan otot tetapi telah kerap kali ditangguhkan atas arahan Dr. Jeyaindran. Yang lebih kejam lagi adalah kecederaan dan kesakitan yang dialami oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim telah meningkat dan Dr. Jeyaindran hanya memberikan ubat tahan sakit dan bukannya memastikan fisioterapi intensif di hospital.

Dato' Yang di-Pertua, disebabkan campur tangan politik dan gangguan tidak profesional Dr. Jeyaindran, Dato' Seri Anwar masih tidak diberi rawatan yang sepatutnya iaitu rawatan pembedahan. Memburukkannya lagi keadaan masalah kesihatan beliau adalah tempat kurungan bersendirian dalam satu sel kosong dengan baldi untuk mandi, tandas cangkung dan dalam keadaan panas dan lembab dengan pengudaraan yang minimum.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Muhamad mengatakan bahawa Dato' Seri Anwar menerima rawatan istimewa yang tidak diberi kepada banduan yang lain. Ini adalah tidak berasas sama sekali kerana keadaan kesihatan Dato' Seri Anwar tidak bertambah baik tetapi semakin merosot. Bagi Datuk Nur Jazlan, fisioterapi sebanyak 10 kali di penjara dalam tempoh 9 bulan sudah dianggap istimewa sedangkan hakikatnya rawatan berkenaan sangat sedikit berbanding dua (2) hingga tiga (3) kali seminggu seperti yang telah disarankan oleh doktor. Tambahan pula rawatan tersebut dijalankan dalam keadaan tanpa kelengkapan yang sempurna seperti di hospital. Hanya dua (2) kali rawatan di hospital iaitu pada bulan Jun dan Julai selama lima (5) hari

setiapnya. Inilah sahaja rawatan fisioterapi yang memadai di hospital yang telah diberikan. Yang dituntut dan diminta bukan rawatan istimewa tetapi hak rawatan sempurna untuk kesakitan saraf pada bahu kanannya dan mungkin pada tengkuknya.

Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Zahid Hamidi pula mengatakan bahawa mesin-mesin khas akan dibawa masuk ke penjara untuk merawat Dato' Seri Anwar namun sehingga kini, saya berdiri di sini, masa kita bersidang, maklumat yang saya terima masih tidak ada sebarang mesin atau peralatan dibawa masuk seperti *shock wave machine* atau *ice machine*. Oleh kerana Dato' Seri Anwar tidak menerima rawatan yang sempurna, pihak keluarga dan peguam telah memohon supaya beliau dibenarkan untuk mendapat rawatan di luar negara namun dukacitanya permohonan tersebut ditolak oleh Kementerian Dalam Negeri. Timbalan Pengarah Jabatan Penjara yang bertanggungjawab ke atas polisi penjara iaitu Supri Hashim yang mengatakan bahawa Seksyen 37(1) Akta Penjara 1995 dengan jelas mengatakan seorang banduan hanya boleh terima rawatan di hospital kerajaan bukan di hospital swasta apatah lagi di luar negara.

Namun Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, apakah yang sebenarnya yang dinyatakan di dalam Seksyen 37(1) Akta Penjara 1995, menurut Seksyen 37(1) berkaitan penyakit banduan menyatakan bahawa dalam hal di mana seseorang banduan yang dikurung dalam penjara mengalami sakit yang serius, yang penjara itu tidak mempunyai kemudahan yang mencukupi bagi rawatan banduan itu, pegawai yang menjaga atau semasa ketiadaannya pegawai penjara terkanan selepasnya yang bertugas boleh atas perakuan seorang pegawai perubatan membuat satu perintah bagi peralihan banduan itu ke sesuatu hospital kerajaan. Dalam seksyen tersebut, langsung tidak sebut tentang hospital swasta atau luar negara. Langsung tidak sebut bahawa seseorang banduan tidak boleh diberi rawatan di hospital swasta atau di luar negara.

Dengan itu, saya mengusul dan mengajak Dewan yang mulia ini mendesak supaya Dato' Seri Anwar diberi rawatan perubatan mengikut pilihannya iaitu bebas daripada sebarang campur tangan politik yang akan menghalang penjagaan sebelum dan pasca pembedahan dan memberi kesan negatif ke atas kualiti hidup beliau. Dato' Seri Anwar mesti dibebaskan segera selaras dengan desakan Kumpulan Kerja Penahanan Arbitrary, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kerajaan Malaysia perlu membenarkan Dato' Seri Anwar mendapatkan rawatan yang sewajarnya dengan segera. Sebarang penangguhan hanya sekali lagi kezaliman yang UMNO, BN menganiayai bekas Timbalan Perdana Menteri dan Mantan Ketua Pembangkang. Sebarang penangguhan akan hanya memudaratkan lagi kesihatan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang kian merosot. Sebelum saya akhiri usul ini, saya ingin menegaskan bahawa pemenjaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim sekali lagi menunjukkan beliau memilih untuk berada di Malaysia serta berdepan dengan semua akibatnya. So jangan risau bila diberi rawatan di luar negara, dia tidak akan balik kerana beliau telah memilih untuk berjuang bersama-sama dengan rakyat di Malaysia ini. Semangat perjuangan beliau tidak pernah luntur dan pengorbanan serta istiqomah beliau untuk menegakkan keadilan untuk semua rakyat perlu diingati oleh kita semua. Dengan ini saya memohon mencadang. Sekian.

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri**

Ahli-ahli Yang Berhormat, usul ini ada sokongan?

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya, dengan izin Dato' Speaker, saya ingin menyokong dan mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya ingin di sini merakamkan permintaan saya dalam Dewan yang mulia ini, supaya di atas dasar peri kemanusiaan dan juga menyeru pada masa yang sama, rakan-rakan saya daripada seberang sana, juga di atas dasar peri kemanusiaan untuk menggesa Kerajaan Persekutuan supaya membenarkan Dato' Seri Anwar Ibrahim menerima rawatan yang diperlukan pada saat-saat kritikal sekarang. Kita juga sedia maklum sebelum keputusan perbicaraan di Mahkamah, beliau banyak kali telah ke luar negara. Malahan seminggu dua (2) sebelum keputusan mahkamah, beliau telah dipelawa untuk memberi syarahan, saya percaya di Amerika Syarikat dan selepas menyelesaikan tugas beliau, beliau telah balik ke Malaysia. Saya masih lagi ingat salah satu petikan temubual yang diadakan di Amerika Syarikat, di mana beliau telah ditanya apakah beliau tidak risau balik ke tanah air di Malaysia kerana kemungkinan akan didapati bersalah dan dipenjarakan dan beliau telah menyatakan bahawa beliau rela bersama-sama dengan rakyat Malaysia, balik ke Malaysia dan menerima dengan tabah hati apa sahaja keputusan yang diberikan oleh mahkamah di sini. Menyusul daripada apa yang telah dikatakan oleh YB. Machang Bubuk, saya percaya jika pun Dato' Seri Anwar Ibrahim dibenarkan untuk menerima rawatan di luar negara, beliau selepas selesai rawatan itu akan balik ke Malaysia dan meneruskan dengan tempoh penjara yang terpaksa beliau lalui.

Di sini saya juga mendesak Kerajaan Persekutuan Perdana Menteri, Menteri di dalam Negeri supaya di atas dasar perikemanusiaan membenarkan insan yang mulia ini insan yang sedang menjalani tempoh pemenjaraan ini yang pada saat-saat ini memerlukan rawatan kesihatan untuk keluar dari penjara dan menerima rawatan. Jikalau pun beliau tidak dibenar keluar Negara, saya menyeru supaya beliau dibenarkan dirawat di hospital sehingga beliau selesai sembuh kembali dan disahkan telah pun sembuh daripada semua masalah-masalah kesihatan yang dialami oleh beliau. Berdasarkan kepada perkara-perkara yang saya nyatakan saya di sini mohon menyokong.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubuk. Ahli-ahli Yang Berhormat saya minta.

### **Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Dato' Speaker saya seorang doktor kesihatan. Saya tahu keadaan kesihatan Datuk Seri amat bimbang. Dia kena rawati dengan *physiotherapy* yang intensif yang gunakan alat-alat macam *short wave*, *diathermy* dan sebagainya. Oleh itu saya minta dia dapat rawatan *intensif physiotherapy* dan dia boleh dapat bilik di mana dia dapat rawatan macam itu. Dengan ini saya sokong usul ini.

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Yang Berhormat, siapa lagi yang ingin mengambil bahagian?

## **Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih Yang Berhormat, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini untuk menarik perhatian Ahli Dewan tentang satu kenyataan terbaru yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika pada hari ini oleh Timbalan Penasihat Security Negara mereka Ben Rhodes di Manila Filipina ....(dengan izin) YB. Speaker saya akan bacakan petikan daripada kenyataan beliau itu.

*“In March 2014, opposition leader's Anwar Ibrahim was convicted of politically motivated sodomy charges live it again in 2018 a Federal Court re-affirmed the conviction is February on this year, raised serious concerns regarding rule of law and tradition Independence, Anwar remain imprisoned today effectively removing him from politics. We frequently engaged Malaysian Government Official at the higher level about the most significant human rights problems especially government reception on freedom of expression and the continue imprisonment of Anwar. Secretary Kerry raised these concerns directly with Prime Minister Najib in August and again with Deputy Prime Minister Zahid in October. Our Ambassador and Embassy personnel are in regular contact with Anwar's family and senior Malaysian officials to ensure Anwar receives probably treatment and to reinforce our ongoing opposition to his politically motivated imprisonment.”*

Saya kongsi petikan ini kerana saya nak menunjukkan kepada semua Ahli Dewan bahawa pemencaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah satu konspirasi politik di peringkat tertinggi dalam Malaysia ini dan kezaliman ini terus berlaku di depan mata kita semua sehingga hari ini. Kita tahu kerosakan sistem yang berlaku dalam negara, kita tahu bahawa tidak siapa pun boleh terselamat daripada kezaliman ini. Nyatakan saja ketidakpersetujuan rasuah 1MDB dengan rasuah RM2.6 billion apa yang berlaku pemecatan dikeluarkan daripada jawatan, disingkirkan daripada jawatan. Kezaliman ini tidak mengenal siapa diri kita sekarang. Dua (2) Timbalan Perdana Menteri telah dipecat kerana grobrognya sistem yang ada. Sebab itu saya menyeru kepada semua Ahli Dewan agar kita menyokong sistem ini sebagai satu (1) simbol bahawa perjuangan untuk menegakkan hak asasi manusia, menegakkan sistem berpelembagaan, menegakkan keadilan untuk rakyat Malaysia harus dilakukan kepada semua bermula dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan memastikan beliau mendapat rawatan kesihatan yang selayaknya seperti yang telah termaktub dalam hak beliau sebagai seorang banduan, lebih-lebih lagi sebagai seorang tahanan politik seperti yang telah dipersetujui oleh Jabatan Luar Amerika dan juga oleh Amnesty International, saya dengan ini menyokong usul ini.

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tanjong Bunga.

### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya ingin mengambil sedikit masa untuk menyokong usul ini bahawa memang semua alasan-alasan telah diberikan oleh pencadang dan rakan-rakan saya. Saya juga mahu bangkitkan satu aspek di mana hak asasi harus dipertahankan melalui sokongan dari UNESCO *Freedom of Expression* dan mempertahankan atau memperjuangkan sistem bersih di Malaysia dan memperbetulkan politik kezaliman dan saya harap kes seperti President Chen Shui Bian, tidak akan berulang di sini di mana Chen Shui Bian juga diberi hak *basis* asasi supaya dirawat beri perubahan yang sempurna. Saya harap Anwar Ibrahim juga boleh diberikan perubahan yang sewajar yang dibawa hak asasi manusia dan menyokong.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa lagi ingin mengambil bahagian. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berada dalam sesi penggulungan, dipersilakan Ahli Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubuk untuk membuat penggulungan.

### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Seri Delima, Batu Uban, Seberang Jaya, Tanjung Bunga yang telah memberi sokongan ke atas usul yang telah dicadangkan. Saya hanya ingin menegaskan sekali lagi bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah tahanan politik dan beliau yang sekarang sedang memerlukan rawatan atas kesakitan yang serius pada beliau. So saya sekali lagi ingin memohon kepada semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri ini untuk menyokong usul ini agar beliau dapat diberi rawatan dengan segera dan dibebaskan dengan segera untuk menamatkan kezaliman dan kekejaman berlaku ke atas beliau. Dengan ini saya berharap semua akan menyokong usul ini. Sekian.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi adalah usul daripada Ahli Yang Berhormat Kawasan Machang Bubuk yang berbunyi:

“Bahawasanya Dewan yang mulia ini mendesak Kerajaan Persekutuan untuk membenarkan Mantan Ketua Pembangkang Dato' Seri Anwar Ibrahim tahanan politik yang mengalami kesakitan yang serius perlu diberi rawatan perubahan dengan segera agar kesihatan beliau tidak tergadai. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya.” Yang tidak bersetuju. Katakan “Tidak.”

### **Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

### **Ahli-ahli Pembangkang:**

“Tidak.”

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Ya” lebih banyak. Usul diterima.

## **Setiausaha:**

Usul daripada Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Pulau Betong.

## **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Saad):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya ingin membawa satu usul untuk dipertimbangkan dalam mesyuarat kali ini usul saya berbunyi begini,

“Bahawa Dewan yang mulia ini membuat satu ketetapan untuk mengarahkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

- (a) Selaras dengan nilai Pentadbiran Kerajaan Negeri yang menekankan cekap, akauntabiliti dan telus maka semua projek dan atau konsensi yang melibatkan penambakkan laut untuk mewujudkan tanah tebus guna bagi tujuan pembangunan sebagai gantian atau pertukaran bagi menampung kos projek-projek di bawah infrastruktur asas atau projek pengangkutan awam atau apa-apa tujuan pembangunan hendaklah dibentangkan untuk pendengaran awam terlebih dahulu sebelum dimuktamadkan.
- (b) Menangguh semua rancangan penambakkan laut baru bagi mewujudkan tanah tebus guna sehingga satu kajian terperinci serta kajian impak alam sekitar supaya kajian impak sosial akibat daripada cadangan penambakkan laut di seluruh Negeri Pulau Pinang dibuat dan membatalkan semua rancangan tersebut sekiranya memberi kesan yang negatif.

YB. Dato' Speaker, usul ini penting memandangkan terdapat kerisauan yang amat sangat, rungutan yang berpanjangan dan ketidak puashatian yang disuarakan oleh warga Pulau Pinang termasuklah NGO-NGO dan nelayan tentang kesan dan masa depan Pulau Pinang yang tak menentu dan kesan pencemaran alam sekitar ekoran daripada kerja penambakan laut. Para nelayan yang bakal mengalami kesan secara langsung juga telah menyuarakan kerisauan mereka. Saya ingin mencadangkan supaya semua kajian EIA dan DEIA dilaksanakan terlebih dahulu sebelum surat-surat niat atau surat tawaran dikeluarkan. Kajian ini hendaklah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri supaya terjamin ketelusan laporan.

Laporan ini hendaklah dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan dimaklumkan kepada masyarakat semua dan saya menganjurkan supaya sebuah AJK atau Jawatankuasa ditubuhkan yang diberi nama Jawatankuasa Khas ditubuhkan yang bertindak sebagai Pihak Berkuasa Tambakan Laut sebagai koodinasi perlu diwujudkan ianya hendaklah dipengerusikan oleh Ahli daripada ataupun daripada Pejabat daripada Pegawai Setiausaha Kerajaan Negeri yang melibatkan pegawai-pegawai Kerajaan daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia,



Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perikanan, Jabatan Laut Malaysia, MBPP dan MPSP, NGO-NGO terpilih dan pakar-pakar daripada Universiti. Ianya perlu dilaksanakan kerana terdapat kesan alam sekitar secara *direct* hasil daripada penambakan laut.

YB. Dato' Speaker, keadaan utama dengan penambakan laut adalah dengan menyedut keluar pasir dasar laut. Pasir merupakan bahan yang lebih pejal berbanding dengan sisa lumpur yang dibuang semula ke dalam laut. Hasil ini menyebabkan pencemaran dan mendapat selut di sepanjang tambakan. Hasil yang teruk ini akan berlaku kerana keadaan ombak yang bertambah. Hasil ini akan membentuk perlompokan baru yang selari dengan kelajuan alam sekitar yang dilakukan. Lapisan terakhir tambakan laut pula akan menggunakan tanah-tanah merah dan batu-batuan yang mana melibatkan kepada pemotongan bukit-bukit disekitar Pulau Pinang sekurang-kurangnya atau diambil daripada kawasan-kawasan lain.

YB. Dato' Speaker, semasa proses penambakan laut akan terdapat kehilangan ekosistem semula jadi, contoh kawasan paya bakau, kawasan menangkap ikan dan sebagainya. Akan terdapat peningkatan jumlah selut mendapat lumpur yang menyebabkan pencemaran laut yang ketara rumput tiada rumput rumpai dan karang yang terus membiak. Dan selepas penambakan laut ianya akan mengubah aliran laut sekarang dan arus ombak air laut dan akan mendapat mendapan dan hakisan di beberapa kawasan berbeza tidak sekata di sepanjang di kawasan pantai dan tentunya ianya akan menyebabkan kepada kesesakan aliran trafik apabila ianya dibangunkan dan kesan visual dan asetik.

YB. Dato' Speaker, isu ini adalah isu panas yang diperkatakan oleh masyarakat dan saya minta supaya mesyuarat kali ini mempertimbangkan isu ini untuk dilaksanakan dengan kadar segera. Saya mohon mencadang.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada sokongan?

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

YB. Dato' Speaker. Pulau Pinang memang pesat membangun. Memang dahulu-dahulu sehingga kita mencatat pembangunan 12% setahun apabila sampai ke satu tahap ekonomi meleset barulah kepesatan pembangunan Pulau Pinang itu menurun dan sekarang pembangunan telah meningkat semula dan kita boleh melihat bahawa begitu banyak sekali perancangan projek-projek mega telah dirancang dan sedang rancak dilaksanakan termasuk STP1 yang telah pun melibatkan 240 ekar tanah yang telah ditebus guna dan sekarang STP2 yang mana melibatkan 1,000 ekar tanah yang akan ditebus guna termasuk 131 ekar lagi yang ditambah untuk ditebus guna sepanjang Gurney Drive kita juga dapati di sebelah Batu Maung sedang dirancang untuk membiayai pembangunan ataupun perancangan *Penang Transport Master Plan* dan ini semua kita dapati setiap penambakan laut akan menyebabkan banyak perubahan kepada kawasan pantai, seperti mana yang telah disebut oleh rakan saya tadi ekosistem dan selain daripada itu juga berlaku kepada aliran laut yang natural yang dahulunya telah terpaksa

berubah oleh kerana pantai dah berubah dan ini menyebabkan perubahan ini setengah-setengah pantai yang tidak terkena dengan penambakan dihakis pula, laluan air laut ini telah berubah, contohnya kawasan saya sendiri, bila kita buat pendalaman NBCT, penambakan di sebelah Tanjong Tokong, air laut begitu deras sekali menghakis kawasan pantai dari Kuala Muda sampai ke kawasan Ahli Yang Amat Berhormat sendiri. Jadi kita perlu berhati-hati di dalam usaha kita untuk membangun itu supaya kita tidak menjejaskan keindahan, kemurnian alam sekitar dan juga menjejaskan masa depan anak cucu kita dari segi kehidupan laut sendiri. Kita dapati bahawa kehidupan laut seperti ikan, cengkerang telah banyak pupus oleh kerana keadaan semula jadi telah berubah kawasan mainan ikan telah banyak berkurangan dan oleh sebab itu hasil tangkapan laut telah berkurangan dan menjejaskan keselamatan makanan ataupun ...(dengan izin) *food security* untuk Negeri Pulau Pinang.

Oleh sebab itu, haruslah dibuat kajian terlebih dahulu bukan setelah di *award*, diberi tawaran kontrak kepada sesuatu syarikat disyaratkan mereka mengadakan kajian impak alam sekitar dan kita dapati ianya disangsikan kerana dijalankan oleh syarikat yang akan diberi kontrak itu sendiri. Oleh sebab itu, cadangan kita adalah supaya Kerajaan Negeri sendiri mengadakan kajian impak itu supaya ianya betul-betul telus dan berkecuali dan sekiranya ia tidak menjejaskan alam sekitar maka projek itu bolehlah diteruskan. Bukan kita nak menahan pembangunan tetapi kita mahu supaya pembangunan itu tidak memberi kesan-kesan yang negatif kepada keadaan kehidupan kita, keadaan ekologi dan alam sekitar dan masa depan anak cucu kita di masa hadapan. Terima kasih. Dengan itu saya mohon menyokong.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat kita dalam sesi perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin menyertai sesi perbahasan dipersilakan. Sila YB. Air Itam.

#### **Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Saya membaca usul oleh YB. Pulau Betong dan mendengar ucapan Pulau Betong dan juga Telok Ayer Tawar. Saya dapati usul ini walaupun ada dua (2) paragraph tetapi sebenarnya, saya dapati bahawa penambakan laut mempunyai satu legal mekanisme yang dikawal selia oleh Undang-undang Persekutuan. Di bawah pelbagai Undang-undang Persekutuan, di bawah kelulusan Majlis Fizikal Negara dipengerusikan oleh Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri sendiri. Di bawah *DEIA Report*, di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar, di bawah agensi Persekutuan.

Saya masih ingat apabila projek penambakan laut, STP2, Sri Tanjung Pinang 2, saya pergi sendiri baca ada iklan dalam surat khabar, surat khabar utama iklan tentang *DEIA Report Exhibition* di KOMTAR yang diuruskan oleh Jabatan Alam Sekitar dibuat *exhibition*. Buku-buku itu yang tebal dengan pelbagai graf, *report* dan sebagainya. *DEIA Report*, saya sendiri baca, daftar nama, baca report itu kemudian ada *hearing* pula dengan dihadiri dan disiarkan dalam surat khabar dan sebagainya. Terdapat ada satu mekanisme di bawah Kerajaan Persekutuan yang mengawal selia terhadap penambakan laut. Kenapa pula saya dengar hari ini Ahli-ahli Dewan yang *senior* yang sepatutnya tahu tentang legal mekanisme ini. Hari ini pula mengemukakan satu usul yang sepatutnya usul sebegini mengulangi apa yang telah ada dalam mekanisme, telah ada satu mekanisme.

Butiran-butiran sebegini semua ini, saya rasa sudah ada dalam undang-undang alam sekitar kita, sudah ada dalam kawal selia Majlis Fizikal Negara, sudah ada dalam DEIA Report dan sebagainya.

Saya rasa usaha untuk mengemukakan satu usul ini sepatutnya tidak dibuat dan kajian-kajian DEIA *Report* untuk semua penambakan STP2 ada. Oleh itu saya menyatakan bahawa usul ini saya sepatutnya ditolak dan saya tidak menyokong usul ini. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Padang Kota. YB. Seri Delima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih Dato' Speaker, saya di sini juga turut mengambil bahagian dan mengatakan pada prinsipnya tidak menyokong usul ini. Di atas dua (2) alasan. Ketika YB. Telok Ayer Tawar menjadi EXCO pada satu masa yang lalu, banyak juga projek-projek penambakan laut diluluskan. Salah satunya di kawasan saya iaitu di mana projek *The Light* sedang berlangsung sekarang. Kita lihat bahawa projek ini juga memberi kesan secara tidak langsung kepada nelayan di kawasan saya. Kita juga lihat bahawa pada masa yang sama terdapat banyak juga masalah-masalah alam sekitar yang telah memberi secara tidak langsung, secara langsung kesan kepada penduduk-penduduk di kawasan itu.

Di samping itu, ada banyak lagi masalah yang dihadapi oleh masyarakat, oleh rakyat di Pulau Pinang. Saya berfikir usul ini dibawa sengaja oleh pihak Pembangkang untuk mempolitikkan usaha-usaha murni dan tindakan-tindakan murni yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi kemajuan yang pada akhirnya akan memberi kesan positif kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang. Banyak lagi masalah yang dihadapi, banyak lagi masalah yang sedang main di minda rakyat. Isu 1MDB, isu penerimaan dana RM2.6 billion, isu masalah kemasukan warganegara asing ke Pulau Pinang. Semua perkara-perkara ini tidak diberi perhatian. Walaupun semasa persidangan Dewan perkara-perkara ini dibahaskan tidak ada dari mana-mana Ahli Pembangkang yang memberi apa-apa cadangan positif berkenaan perkara-perkara yang lebih meruncing, masalah-masalah yang lebih serius. Tetapi hanya menggunakan usul ini untuk cuba mengalihkan perhatian.

Isu APDL yang dibangkitkan oleh YB. Datok Keramat yang menyebabkan banyak lagi projek perumahan tidak diluluskan. Projek perumahan yang memberi manfaat kepada rakyat miskin tidak diluluskan. Mengapa tidak membuat apa-apa usul berkenaan perkara tersebut untuk mendesak Kerajaan Persekutuan untuk mengeluarkan APDL dan sebagainya. Saya dengan izin ingin meringkaskan bahawa usul ini adalah usul yang tidak berkepentingan. Tidak memberi apa-apa manfaat kepada rakyat, tetapi terdapat udang di sebalik batu. Sengaja digunakan oleh pihak Pembangkang untuk mempolitikkan niat dan usaha murni Kerajaan Pulau Pinang. Saya mohon membantah.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Padang Kota.

## Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Sukacita saya ambil bahagian dalam membahaskan usul yang dibentangkan oleh YB. Pulau Betong dan disokong oleh YB. Telok Ayer Tawar. Dalam mengambil bahagian dalam usul ini kedua-dua Ahli Pembangkang menimbulkan perhatian dan kerisauan rakyat jelata terhadap kesan alam sekitar daripada impak penambakan laut dan YB. Telok Ayer Tawar telah menyatakan sebenarnya kalau dapat kelulusan dan mengikut semua piawaian yang ditentukan. Yang Berhormat sendiri dan parti yang diwakili bukan membantah pembangunan tetapi kalau boleh mendapat persetujuan dan kelulusan projek-projek penambakan laut boleh dilakukan.

Sebenarnya isu penambakan laut bukan perkara yang baru di Negeri Pulau Pinang. Sejak Francis Light datang ke Fort Cornwallis mulanya usaha-usaha penambakan laut. Dulu laut sampai ke Lebu Pantai. Mengapa Lebu Pantai dinamakan Lebu Pantai, sebab sebelah sana sudah jadi laut tetapi setelah desakan pembangunan pada masa itu mulanya penambakan laut pertama di Pulau Pinang dan Weld Quay diwujudkan setelah itu Macallum Street diwujudkan. Boleh dikatakan sepanjang pantai timur Pulau Pinang dari Weld Quay sehingga Batu Maung merupakan kawasan yang ditambah dan dijadikan tanah berguna untuk pelbagai tujuan. Dari pusat-pusat komersial, kediaman, lebu raya, industri terutamanya *Free Trade Zone* Bayan Lepas adalah hasil dari penambakan laut di Negeri Pulau Pinang yang mempunyai sejarah yang amat panjang, sejarah penambakan laut di Negeri Pulau Pinang.

Oleh itu memang menjadi dasar Kerajaan Negeri di mana sebelum ada (RSN) Rancangan Struktur Negeri pun sudah ada dasar-dasar yang mengawal penambakan laut di Negeri Pulau Pinang. Lebih-lebih lagi setelah Rancangan Struktur Negeri digubalkan lokasi-lokasi pun sudah dikenal pasti yang mempunyai potensi untuk menjalankan penambakan laut untuk mewujudkan tanah-tanah yang berguna untuk pelbagai tujuan. Dan sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional pun meluluskan banyak tempat-tempat atau projek-projek sepertimana yang diujulkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sehingga 5,000 ekar sepanjang sejarah ini.

Sepertimana YB. Ahli Air Itam menyatakan memang bukan sahaja di Negeri Pulau Pinang di Malaysia pun ada satu *legal* mekanisme dan dasar penambakan laut di negara ini. Sebab penambakan laut bukan berlaku di Negeri Pulau Pinang sahaja, di Melaka, di Johor di mana kita menyaksikan kawasan-kawasan yang luar ditambahkan untuk menjadi tanah bagi kegunaan pelbagai tujuan. Apa yang disebut oleh YB. Air Itam memang tepat pada tempatnya sebab sebelum apa-apa kerja boleh dimulakan kelulusan daripada agensi Persekutuan perlu diperolehi.

Saya percaya usul ini dibangkitkan bukan pada masa lepas, bukan pada masa yang depan tetapi betul-betul dibentangkan sekarang adalah kerana berhubung dengan pelaksanaan *Penang Transport Master Plan* di mana konsortium yang dipilih telah mengemukakan satu *financial architecture* yang melibatkan tebus guna tanah untuk tukar projek-projek yang akan dilaksanakan. Projek pengangkutan awam, projek-projek jalan raya dan sebagainya. Untuk mendapat kelulusan, perkara ini seperti mana disebutkan perlu mendapat kelulusan dari *National Physical Planning Council* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebab kawasan yang dicadangkan

memerlukan kelulusan sedemikian. Kalaulah Kerajaan Pusat setelah meneliti permohonan dari projek *Delivery Partners* yang dilantik iaitu *SRS Consortium* memberi kelulusan, saya pasti memang disertai dengan syarat-syarat yang amat ketat dan bukan begitu sahaja. Satu rancangan pembangunan yang melibatkan penambakkan laut ini akan diluluskan lebih-lebih lagi kita kata kita pun parti berlainan yang mengawal Pusat dan Negeri. Itupun satu halangan juga, kita pun tak pasti kita buat pelbagai rancangan tetapi oleh kerana ini Negeri Pulau Pinang mungkin tidak akan dipertimbangkan. Itupun jadi kalau begitu memang tiadalah projek-projek tambakan laut.

Lepas itu memang disyaratkan DEIA diperlukan, diwajibkan tidak boleh dilepaskan tidak boleh dikecualikan langsung. Apa yang kita lihat dari sejarah Projek Tanjung Sri Pinang pada masa itu pada tahun 80-an ianya diluluskan. Pada masa itu cuma *preliminary* PEIA diperlukan tetapi pada hari ini bukan PEIA diperlukan, tetapi *detail* DEIA diperlukan yang melibatkan lebih banyak syarat-syarat yang ketat, kajian-kajian yang lebih menyeluruh perlu dilakukan oleh *SRS Consortium* melalui Juru Perunding kepakaran yang mereka lantik kelak. Sebenarnya isu penambakkan laut pun dapat perhatian saya sejak tahun 2011 lagi dalam *Local Government Constitution Forum*, kita memilih isu ini untuk diperbincangkan pada masa itu 2011 December 12. Kita ada satu forum umum untuk meneliti isu ini dan pada masa itu memang input-input dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa, dari PDC, dari JPS dan DOE telah pun menggariskan segala *requirement* terhadap DEIA untuk penambakkan laut itu. Itulah kita sedar akan tanggungjawab yang kita perlu pikul apabila kita mengambil langkah untuk masuk ke penambakkan laut ini.

Sejajar dengan CAT maka belajar dari apa yang tak betul pada pemerintahan yang lalu. Kita memang sedar apa-apa kelemahan yang perlu dielakkan. Apakah kekuatan yang kita perlu tegaskan apabila kita hendak menjalankan usaha ini. Bukan dalam perbahasan ini tetapi semasa perbahasan bajet Ahli-ahli Barisan Nasional pun iaitu Telok Bahang saya rasa begitu bangga dengan adanya tebus guna yang menjadikan tanah-tanah industri, menjana pembangunan, menjana hasil. Yang Berhormat amat bangga sebab dia pun harap Pakatan Harapan sedar akan hakikat betapa gunanya kalau boleh mewujudkan tanah-tanah daripada laut, untuk tujuan-tujuan yang bagus seperti *industrial zone*, perumahan, *commercial*, *green area open space* dan sebagainya. Itulah menunjukkan pendekatan dan sikap ahli-ahli pembangkang yang memang tak boleh nafikan apa yang sudah berlakulah.

Dasar penambakkan laut, penawaran projek-projek penambakan laut dan sebagainya. Termasuk Lebuhraya Jelutong Expressway pada masa itu Tanjung Tokong, PDC KGM, UEM dan sebagainya. Memang banyak dilakukan oleh pentadbiran yang lalu. Jadi memang tak menjadi soalan pendekatan penambakkan laut untuk menghasilkan tanah bagi tujuan-tujuan pembangunan. Cuma apa yang menjadi prihatin bukan pihak Pembangkang sahaja, sememangnya menjadi prihatin pihak kerajaan. Apakah impak ke atas alam sekitar, sama-sama kita setuju kalaunya mana-mana projek penambakkan laut ini dijalankan, isu-isu alam sekitar akan timbul. Mengikut satu kajian, apakah potensi *land reclamation* di Negeri Pulau Pinang. Sebenarnya mengikut kajian ini, oleh kerana *the cape of our water*, berdasarkan kriteria ini sahaja. Dalamnya air...(ganguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Padang Kota, memandang Yang Berhormat-Yang Berhormat beragama Islam ada yang antara kita kena pergi sembahyang Maghrib, saya rasa selewat-lewatnya pukul 8.00 beri peluang kepada mereka untuk menunaikan sembahyang Maghrib. Saya minta pendekkan. Sila

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Sehingga habis sebelum 8.00.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kalau boleh sambung, saya sambung selepas...(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Sapa yang putuskan Yang Berhormat Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bukan. Itu untuk memudahkan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Nanti rehat pada pukul 8.00 tiada masalah, sekarang pun boleh henti...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kalau panjang saya hentilah. Okey. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan dan mesyuarat akan sambung bersidang semula jam 8.30 malam.

***Dewan ditangguhkan pada jam 7.45 petang.***

***Dewan disambung semula pada jam 8.30 malam.***

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula dan persilakan YB. Padang Kota untuk sambungkan perbahasan.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua Dewan. Saya cuma akan menyambung selama 10 hingga 13 minit lebih kurang.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

13 minit pun boleh kira. Okey, sila.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Bila kita menanggung Dewan, saya menyentuh tentang potensi. Apakah sebenarnya potensi penambakkan laut di Negeri Pulau Pinang. Mengikut kajian kalau menjalankan kajian-kajian sebelum ini *every mile tick chart* dan *bathymetry study* menunjukkan sebenarnya Negeri Pulau Pinang memang berpotensi sebagai tapak-tapak penambakkan laut sehingga berpuluh-puluh ribu ekar tetapi kita rasa ini akan membawa impak yang amat besar. Kita tidak lihat berpuluh-puluh ribu ekar, kita cuma lihat apa yang diperlukan untuk membiayai projek pengangkutan Negeri Pulau Pinang.

YB. Telok Bahang mahu kerajaan baru ini belajar apa yang baik dari kerajaan yang lepas. Saya setuju sangat apa yang baik kita lihat, sama ada kita boleh mencontohi atau meniru atau ciplak pun tak apalah. *Copycat* tapi *copy it right*. Apakah sebenarnya tujuan kita nak menambakkan laut? Sebenarnya ini adalah daripada cadangan daripada *project delivery partners* yang dilantik, sebab enam (6) buah syarikat telah kemukakan cadangan-cadangan teknikal, cadangan-cadangan kewangan, *financial architecture* dan sebagainya bagaimana membiayai *Penang Transport Master Plan* dan kita merasakan konsortium ini dipilih sebab cadangan mereka telah memberi kita satu keyakinan bahawa cadangan itu bukan semata-mata *transport solution*. Apa yang kita lihat melalui kaedah pembiayaan melalui penambakkan laut untuk menyempurnakan projek-projek lalu lintas dan pengangkutan awam tetapi tanah yang ditambah itu membolehkan kita mengadakan pembangunan bagi jangka masa sederhana dan panjang sehingga 2050.

Kita akan rasakan *airport expansion*, *Bayan Lepas Free Trade Zone expansion* adalah perkara-perkara yang harus kita fikirkan, sebab negeri Pulau Pinang adalah sebuah ekonomi yang terdedah kepada faktor-faktor luaran. Kita bergantung kepada industri dan tanah-tanah industri di Bayan Lepas pun sudah tak ada. Jadi apakah tanah-tanah yang ditebus guna ini boleh digunakan untuk tujuan ini. Selain daripada itu, kita rasa ini satu *green field development*, satu lapangan yang baru, bukan masuk ke tempat warisan kekangan begitu banyak, tetapi dengan *green field development* ini kita boleh menggunakan dan mematuhi piawaian hijau, teknologi yang canggih dan sebagainya untuk mewujudkan satu *smart and intelligent city* hasil daripada tambakan laut ini. Itulah yang apa menarik kita, cadangan ini menarik kita sebab ianya bukan satu *solution* pengangkutan tetapi satu *solution* bagi pembangunan masa depan Negeri Pulau Pinang yang akan lihat munculnya satu *smart and intelligent city* daripada tambakan laut ini.

Pihak Pembangkang juga menyentuh tentang isu ketulusan bagaimana ianya dilaksanakan. Walaupun pada masa pentadbiran Barisan Nasional memang isu ketulusan berhubung dengan tambakan laut ini menjadi isu yang besar. RM1.00 kaki persegi ditawarkan kepada *concession company* pada masa itu. Di JE Express Way pun

sekadar satu lebuhraya RM300 juta, apa yang diberikan konsensi itu tanah nilai dia berbillion-billion ringgit...(gangguan). Jadi itulah isu ketuluan pada masa lepas. Telok Bahang itu kita tak mahu belajar. Kita tak mahu belajar kekurangannya. Ketuluan apabila Barisan Nasional menanganai tawaran konsensi-konsensi tebus guna laut ini.

Apa yang kita pastikan *project delivery partners* setelah kalau diberi kelulusan lah, semua yang kita cakap hari ini bergantung sangat kepada kelulusan. Kalau tak ada kelulusan pusat, kita tinggal cakap saja. Jadi kalau diberi kelulusan laut ditambah, tanah dihasilkan ianya akan dijalankan *open tender* pada masa itu. Apabila siapnya kita tak dapat tentukan harga pada masa kini. Kalau tanah itu siap dalam tiga tahun, adakan open tender. Kalau 100 ekar disiapkan *open tender beat for the highest price* seperti Hong Kong, kita akan dapat hasil yang tertinggi sekali. Kita tidak dapat tentukan RM100.00 kah, RM200.00 persegi pada hari ini sebab keadaan tiga (3) tahun, lima (5) tahun, sepuluh (10) tahun ke hadapan kita tak tahu. Sebaik sahaja fasa-fasa tanah disiapkan kita akan buat *open tender*. 100 ekar kah fasa 1, 100 ekar fasa 2 dan sebagainya. Jadi ini akan jamin akan ketuluan dan jamin hasil yang tertinggi kepada pihak Kerajaan Negeri.

Memang saya setuju apa yang kita katakan tadi, Pembangkang dan Kerajaan sama-sama NGO dan masyarakat tempatan bukan membangkang pembangunan tetapi apakah sebenarnya kesan alam sekitar. Sebab kita lihat pun projek di Tanjung Tokong pada masa itu tahun 80-an cuma *preliminary EIA* diperlukan. Jadi setelah ditambah kesan-kesan alam sekitar dapat kita lihat di Gurney Drive. Jadi dengan perubahan syarat DEIA sekarang dikenakan. Saya percaya Gamuda Consortium Bhd. yang memimpin SRS Consortium ini mempunyai cukup pengalaman dari segi ini. Sebagai kumpulan pembinaan yang terbesar hampir terbesar di negara ini melakukan projek MRT, LRT, *smart tunnel* dan sebagainya. Mereka akan perlu, wajib mematuhi segala syarat-syarat DEIA kelak. Itulah kita boleh jamin dan impak kepada nelayan memang mana-mana projek penambakkan laut nelayan dan persekitaran pantai akan terjejas. Tetapi kita pun yakin dengan formula yang selama ini yang diguna pakai oleh pentadbiran yang lama tetapi ditambahbaikkan oleh pentadbiran ini, apabila berlakunya keperluan untuk menempatkan semula. Bukan sekadar pampasan sahaja, tetapi kalau boleh diwujudkan tempat-tempat baru di kawasan tebus guna itu untuk menjadi kesinambungan kepada pihak nelayan di kawasan-kawasan yang terlibat. Itu lah kita akan memastikan, kita ambil kira perancangan ini dengan teliti. Jadi itu saya rasa mengapa kita rasakan seperti YB. Air Itam berkata usul ini dikemukakan nampaknya tak perlu sangat, tetapi tak apa sudah pun dibentangkan. Kita pun tahu syarat-syarat yang perlu kita perlu patuhi ada persamaan wujud daripada usul ini.

Kita menumpu kepada persamaan iaitu keprihatinan alam sekitar. Sebenarnya seperti apa yang saya katakan tempoh hari, *Project Penang Transport Master Plan* membabitkan perbelanjaan lebih kurang RM20 juta bilion. Kalaulah Kerajaan Pusat nak membiayai sepenuhnya tak perlulah kita susah payah cari kawasan-kawasan untuk menjalankan tebus guna. Kita pun menawar kalau pihak Persekutuan mungkin nak ambil bahagian 50/50 dengan pihak kerajaan kita pun merasakan kita terima dan kita menawarkan. Kita percaya SRS Consortium pun sekarang telah mulakan *engagement* dengan agensi-agensinya Pusat untuk memastikan apakah syarat yang dikenakan akan dipatuhi.



Jangan ingat satu *up-cycle* yang amat besar adalah *up-cycle* atau halangan politik sebab kita lihat banyak permohonan untuk peruntukan di bawah RMKe-11 pun tidak dapat diluluskan sama ada kekangan wang di Pusat ataupun unsur politik itu kita cuma boleh agak-agak sahaja. Tetapi bagi kebaikan Negeri Pulau Pinang, masa depan Pulau Pinang ini bukan sekadar satu *solution* pengangkutan lalu lintas sahaja. Tetapi satu *solution* untuk pembangunan masa depan Negeri Pulau Pinang kalau lapangan terbang boleh diperbesarkan, *free trade zone* kita boleh diperbesarkan satu *smart and intelligent city* boleh diwujudkan dan juga suara-suara bagaimana kepentingan golongan pendapatan rendah dijaga. Kita akan memastikan segala *planning rules, density rules, zoning rules* akan dipakai di tanah-tanah ini.

Jadi mereka masih diwajibkan untuk membina perumahan kos rendah dan sederhana dan menyediakan segala kemudahan sosial yang perlu seperti mana-mana projek dan hasil daripada itu kalau tanah ditebus guna lebih dari apa yang diperlukan untuk membiayai projek maka dana tanah itu akan menjadi sumber yang amat berguna kepada kerajaan pada masa itu. Kita pun tak tahu Pakatan Harapan akan kekal pada tahun 2040 mungkin Barisan akan balik pada masa itu. Itu bukan atas pertimbangan politik tetapi atas pertimbangan masa depan Negeri Pulau Pinang. Sekian terima kasih.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Tanjung Bunga.

### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih Yang di-Pertua memberi peluang saya untuk membahas usul yang dibentangkan oleh YB. Pulau Betong mengenai dua (2) bahagian iaitu selaras dengan nilai Pentadbiran Kerajaan Negeri yang menekankan Cekap, Akauntabiliti dan Telus, maka semua projek konsesi yang melibatkan penambakkan laut untuk mewujudkan tanah tebus guna bagi tujuan pembangunan sebagai gantian atau pertukaran bagi menyambung kos projek pembangunan infrastruktur asas atau projek pengangkutan awam atau apa-apa tujuan pembangunan hendaklah dibentang untuk pendengaran awam terlebih dahulu sebelum dimuktamad. Menangguh semua rancangan penambakkan laut baru bagi mewujudkan tanah tebus guna sehingga satu kajian terperinci dan *oceanic* serta kajian impak alam sekitar serta kajian impak sosial akibat daripada cadangan penambakkan laut di seluruh Negeri Pulau Pinang dibuat dan membatalkan semua rancangan tersebut yang baru itu sekiranya ia memberi kesan yang negatif.

Yang di-Pertua, memang kesilapan atau ketidaksempurnaan dan ketidaksesuaian diluluskan atau diwartakan kawasan tanah tebus guna dalam Pelan Struktur Pulau Pinang 2007. Yang ini mesti perakui oleh pihak Pembangkang dan adalah pada masa ini menginsafi dan sedar bahawa pembetulan harus dilakukan dengan kaji semula Pelan Struktur Pulau Pinang dengan serta merta. Kawasan tersebut terutamanya yang selalu saya membangkitkan untuk memperjuangkan *middle bank* dan gazebo satu kawasan bereko sistem *sea grass bed* dikeluarkan daripada pelan tersebut dan diwartakan semula dan dikekalkan sebagai satu tapak eko sistem laut. Beberapa kali melawat kawasan tersebut oleh NGO dan juga USM bahawa tapak tersebut memang adalah satu tapak yang penting untuk eko sistem laut dan satu-satunya di Malaysia sekarang yang terbesar sekali tinggalnya eko sistem ini.

Kesilapan tersebut harus diperbetulkan ia memang sudah silap dibenarkan atas sebab-sebab yang tidak diketahui tetapi ia memang silap diputuskan maka semua pihak memang insafi kesilapan ini dan diharap Kerajaan Pakatan Harapan tidak mengulangi langkah yang silap ini dan betulkan pewartaan yang salah itu. Kerajaan Harapan Pulau Pinang yang selalu mensasarkan dasar *Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang* menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang *secure political will* untuk mengkaji semula Pelan Struktur Pulau Pinang ini yang telah membawa kesejahteraan adalah perlu. Pendekatan saya masih kekal hingga hari ini bahawa kawasan tersebut mesti dikekalkan dan kaji semula untuk menjadikan satu kawasan eko sistem di mana kalau dia boleh juga dipohon sebagai tapak geografi eko sistem laut dengan UNESCO menempatkan satu kawasan lagi alam sekitar supaya ia dikekalkan untuk generasi baru.

Saya telah beberapa kali juga cadangkan dalam Dewan agar satu Rancangan Kawasan Khas (RKK) tanah tebus guna yang terperinci diwartakan supaya tanah tebus guna atau bila nak tebus guna tanah akan memperhaluskan keperluan tujuan kegunaan dan pengurusan pengawalan tanah tebus guna dengan terperinci dari segi ekonomi, keperluan sosial, aktiviti dan sebagainya.

Saya berdiri di sini untuk mempertahankan alam sekitar demi kepentingan awam dan inilah satu kepentingan perlu kita sama-sama mempertahankan tidak kira mana-mana pihak supaya *public interest* dapat dikekalkan terutamanya hak pendengaran awam dapat diadakan sebelum projek itu diluluskan sebagai satu *investment* memantau kelemahan yang mungkin berlaku lagi. Walaupun ada mekanisme untuk semua ini yang dibangkitkan seperti DEIA. DEIA ini selalunya dibuat oleh pihak ketiga iaitu pemaju, dengan itu adakah ia lebih adil bila membuat DEIA itu? Saya fikir....(gangguan).

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Habis?

#### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya juga mahu bangkitkan bahawa isu ini telah menunjukkan kalau kita boleh mengadakan satu sistem yang lebih boleh memantau bersama-sama dengan sistem yang sedia ada dan akan lebih lagi memprotectkan hak asasi kita *as a state holder* di sebelah Pulau Pinang. Justeru perbahasan saya berdasarkan fakta-faktor di atas untuk menyokong usul ini tidak boleh menganggapkan membelakangkan harapan Kerajaan Negeri. Sebolehnya saya berniat baik dan benar-benar ikhlas dan menasihatkan Kerajaan Negeri terutama eksekutif mempertimbangkan semula dan berhati-hati demi kepentingan awam dan alam sekitar semasa menjalankan projek tebus guna tanah demi pembangunan manpan dan jadikan satu negeri hijau.

Isu alam sekitar terlibat eko sistem dan kepentingan awam ini adalah wajib semua pihak dan ia perlu diperjuangkan demi seperti Dewan ini kita perjuangkan public interest dengan *separation of power and check of balance* dari pekerja politik mesti berperinsip maka saya menyokong ini case by case dengan prinsip kebenaran yang mana bawa pendekatan tidak berubah bah kata bekas *chairman* DAP Karpal Singh bahawa *The is no enemy or friend for ever but the principle stay so* kata-kata ini saya harap usul ini boleh

dipertimbangkan untuk satu sistem yang lebih ketat supaya pembangunan terutamanya projek penambakan laut ini boleh diadakan satu pandangan atau *referendum* dari rakyat supaya pandangan lebih luar yang melibatkan kehidupan atau alam sekitar kita untuk *generation* baru dan ini perlulah kita mempertahankan alam sekitar kita dengan langkah-langkah yang lebih berjiwa dan hati-hati dengan itu sokong.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sedikit pembetulan Dato' Speaker, saya ingin memperbetulkan apa yang diucap tadi oleh YB. Tanjung Bunga. Ungkapan perinsip yang dikatakan oleh Yang Berhormat mendiang Karpal Singh tak betul, tersilap. *The are no permanent friends, no permanent enemies but they must be permanent principle*. Saya minta Tanjung Bunga perbetulkan. Prinsip mestilah sama, taat setia, *No permanent friends, no permanent enemies but they must be permanent principle*.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan YB. Batu Maung.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

*Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabaruhkatuh*, saya tak panjang kerana Pulau Betong bagi signal kat saya jangan panjang-panjang. Okey, saya nak sentuh prospektif politik. Tadi banyak disentuh prospektif *environment* dan sebagainya. Prospektif politik ini kalau kita lihat saya kata, saya tak tuduh Pulau Betong, saya tak tuduh belah sana, tapi besar kemungkinan ini mempunyai motif politik sebab kalau kita ingat 2008 apabila kerajaan masa itu Pakatan Rakyat mengambil alih Pulau Pinang. Y.A.B. Ketua Menteri kata 3C, kita menghadapi masalah 3C, *Congestion, Cleanliness And Crime*. Kalau kita ingat dan dua ini sudah hampir-hampir selesai. Bila kita tubuh PPS *crime rate* kita *drop* terima kasih kepada pihak Polis, PDRM. Yang kedua, *cleanliness* apabila pihak MBPP dan MPSP telah mempertingkatkan usahanya dan yang ketiga *congestion*. Inilah yang sedang kita perjuangkan. Kalau kita dapat selesaikan *congestion problem* dengan *transport master plan* maka maaf Barisan Nasional susah nak mimpi untuk mengambilalih. Inilah yang apa saya kata besar kemungkinan political *motif*.

Yang kedua, bagaimanakah kita hendak menyelesaikan masalah *congestion* kita, *transport master plan*. Tapi *transport master plan* mana nak datang wang. Seperti mana kata Padang Kota tadi, kalau pihak CAP keluarkan kenyataan dalam surat khabar, *reporter* tanya saya, saya kata *if everybody can arrange RM27 billion to solve the congestion problem, probably* kita tak perlu ada *reclamation*, okey itu perkara pertama. Perkara kedua yang Barisan Nasional takut ialah apabila kalau *reclamation* itu ada maka *the economic return...*(dengan izin) Dato' Yang di-Pertua melibat ganda kerana satu (1), kita dapat tanah. Dua (2), kita dapat *employment*. Tiga (3), kita dapat *quit rent assessment*. Dia punya orang kata, *economic return* dia punya apa dipanggil itu *multi flying effect* nya, *masya-Allah* dia punya *effect* cukup besar. Sebab itulah projek ini akan mendapat *two in one*, iaitu satu kita *solve* kita punya "C" iaitu *congestion*, dua kita akan dapat *economic return*. Tetapi YB. Pulau Betong jangan susah hati kerana negara kita ini ada peraturan undang-undang.

Saya masih ingat lagi Strait Quay, sorry di Tanjong Tokong *reclamation*, di Sri Tanjong Pinang dan juga di Lebuhraya Lim Chong Eu punya *reclamation*. Kita ada prosesnya, proses DEIA nya semua ini bawah Kementerian *Environment*. Kita tidak ada kuasa dan iaitu apabila kalau DEIA *approve*, dia punya *study site* akan juga sementara waktu akan ada *public hearing*. Saya masih ingat kalau tadi YB. Air Itam dan juga YB. Seri Delima kata, *public hearing* nya ada tidak ada masalah. Kalau kata nelayan, tadi kita sedang bincang dengan YB. Bagan Jermal. Dulu apabila *Penang Bridge, first bridge*, jambatan pertama, jambatan kedua nelayan dapat pampasan. Tapi sekarang ini dia punya *multi flaying*, dia punya tangkapan dia, ikan dia banyak lagi kerana ada pillar-pillarnya. Banyak lagi menjadi dipanggil *breaking ground*....(gangguan).

Saya cakap, bagilah peluang saya cakap, okey kerana saya ADUN Batu Maung setakat ini sehingga 2018, *Insyah-Allah*. Nelayan-nelayan daripada Teluk Kumbar sampai ke Teluk Tempoyak, so saya punya saranan ialah kita mesti meneruskan projek ini oleh sebab kita akan dapat dua (2), *two in one*, dan jangan susah hati kalau kata *deference* dia, saya ingat lagi 2013 bila Ketua Menteri cakap kempen pilihan raya kata kalau kita nak kan terowong dan tiga (3) *highways* itu undilah Pakatan Rakyat dan *Alhamdulillah the reference* dia in 2013 *prove that*, peningkatan undi popular kita. Saya takut apabila Ketua Menteri kata macam itu, saya takut, betul ke ini? Kerana masa hari tu dulu kita dengar semua NGO-NGO cerita pasal terowong dan tiga (3) *highways* itu. Tapi *the rakyat, the silence majority* yang memerlukan pembangunan ini. Maka *referendum* itu sudah selesai. 2013 rakyat sudah bagi mandat kepada kita untuk kita teruskan. Kalau kita ingat *the transport master plan* bukan sekarang sudah siap sebelum 2013, betul? YB. Padang Kota *confirm* yang kita buat *the international tender* untuk kita bawa masuk *international consultant* untuk buat *transport master plan* dan sebelum 2013 *transport master plan* sudah selesai dan rakyat tahu usaha kita untuk kita *sove the 3C* yang kita ambil alih daripada Barisan Nasional. Dato' Yang di-Pertua, saya tak sokong usul itu. Terima kasih.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. YB. Bayan Lepas.

#### **Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Terima kasih. Saya tertarik dengan YB. Tanjung Bunga. Pada awal saya dah ceritakan bahawa apakah terjadi dengan adanya tambakan laut. Sekarang ini kita nampak bahawa kita mengejar kekayaan kerana kita tahu kita dapat satu imbuhan dalam tambakan laut. Kalau dulu kita rasa tak betul, hari ini kita teruskan kerana itulah yang betulnya tambakan laut dan tadi telah diterangkan bahawa kita banyak bukan dekat puluhan ekar malahan ribuan ekar lagi kita boleh tambakan laut. Tetapi dari segi yang pertama. Apakah sudah ada di kawasan *middle bank*, kemudian di kawasan selatan Pulau Pinang akan ditambak. Apabila tambakan-tambakan yang berterusan keadaan *environment* Pulau sudah tak menjadi teluknya dan sebagainya menyebabkan aliran arus akan berubah, akan berubah dan ini akan menyebabkan kita kehilangan, kita kaya dari segi keuntungan, kita kaya dari segi pendapatan tapi kita akan kekurangan daripada keindahan yang terutamanya untuk tarik pelancong kita tak akan dapat bagaimana kita akan bina hotel-hotel hanya semata-mata untuk buat penginapan tetapi dari segi untuk menarik dari *environment* nya kita tak ada.

Kemudian dari segi tangkapan laut hari ini kita telah terang-terang dimana lagi nelayan-nelayan yang sekarang nelayan ni nelayan daripada Perak datang menangkap ikan di Pulau Pinang kerana di Perak telah pun habis ikan kerana masalah pukut buayanya. Begitu juga ia akan mengakibatkan arus aliran. Hari ini sudah tak ada ikan lagi di kawasan Tanjung Bunga. Mereka terpaksa pergi ke kawasan Kuala Muda. Jadi sekarang kita mempertahankan supaya kita mendapat satu (1) kaedah yang banyak dengan kita tambakan laut tetapi dari segi hal-hal begini kita tak mengambil pusing, kita tak mengambil hal. Maka akhirnya kita akan hanya mendapat keuntungan dari segi untuk nak menunjukkan bahawa kita maju dari segi pembangunan tetapi kita tidak rasa bahawa kita perlu mempertahankan dari segi keindahan dari segi pendapatan-pendapatan orang lain kerana kita mampu bayar, nelayan nak berapa? Macam jambatan kedua, *you* nak berapa? *You* nak RM1.0 juta, RM2.0 juta? Sebab kita ada duit, bila-bila kita boleh bagi sebab kita sudah ada duit. Jadi kita sudah mengaburi mata orang miskin ini dengan duit. Tetapi kita hilang nilai diri kita sebagai sebagai orang yang menjaga kepentingan yang baik itu.

Jadi inilah kita harap supaya benda yang ada benda yang berlaku tetapi kawasan yang akan ditambah harus diambil kira perkara ini supaya kita tidak akan, tidak semua orang suka. Mereka yang duduk cari makan berpuluh-puluh tahun akan hilang pendapatan, akan hilang. Apakah kita bersedia untuk menyediakan satu bentuk pekerjaan yang lain selain daripada nelayan. Mereka ada kemahiran yang itu. Apakah kita akan bagi mereka satu kemahiran yang lain untuk menggantikan yang ikan tidak ada. Sekarang ini memang ikan sangat berkurangan, sangat-sangat berkurangan. Saya tak tahulah, kalau ada nelayan yang sekarang boleh jadi kaya dengan pendapatan dia, hebatlah.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Minta laluan YB. Bayan Lepas, tentang ikan...(gangguan)

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Tak apa, tak apa, *you* duduk, sekarang kita nak mempertahankan supaya benda ini bahawa masalah dia, tak apa duduk, duduk dulu, saya tak bagi laluan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Tapi rekod yang kita tengok jumlah pendaratan ikan tiap-tiap tahun di Pulau Pinang meningkat, itu saya nak beritahu ikut tan meningkat tiap-tiap tahun...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seberang Jaya.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Tak apa, tak apa. Patutnya *you* terang dalam *you* punya penerangan yang masa itu. *You* tak payah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Sekarang kita bahas usul ini...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Bayan Lepas sila sambung.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Ini masalahnya. Sekarang kita masalah kekayaan semua orang tahu, untuk mendapat hasil daripada tambakan, semua orang tahu. Sebab itu, sekarang ini kalau kita betul-betul benar, kata kita ikhlas kita terangkan daripada sekarang. Persatuan Pengguna tanya berapa lama tak dijawab? Untuk apa, di mana kawasannya? Sekarang daripada Pulau Kendi sampai ke Pulau Rimau sedang giat kerja-kerja pengukuran itu. Masyarakat tidak tahu, jadi ceritakan kepada rakyat bahawa ini adalah kawasan-kawasan yang akan ditambah. Ini kawasan-kawasan yang akan kita gunakan untuk pembangunan. Dapatkan *feed back* daripada sekarang, jangan tunggu sampai projek dah tambun dan sebagainya. Sebab itu saya kata MMK Pertanian harus panggil Jabatan Pertanian supaya mereka ini sebab Persatuan Nelayan kita panggil pun dia tak tahu, saya tak tahu. Jadi benda-benda ini dari sekarang terangkan kepada masyarakat supaya masyarakat tahu supaya tidak ada gundah gulannya. Tak apa lah dah kita dah buat keputusan nak buat, kita nak tambakkan, tambak lah. Tetapi apa hasilnya, kesannya pada masa dan jangka masa dan masyarakat yang miskin pada nelayan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Pulau Tikus.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa setiap Yang Berhormat pun tahu saya pernah memberi hujah ataupun ulasan tentang tambakan laut. Jadi saya rasa adalah sesuai bahawa saya harus menjelaskan persepsi saya ke atas cadangan yang diberi.

Yang Berhormat pernah dengar hujah saya di sini, tapi mungkin kadang kala di luar apabila orang ramai datang ke pejabat saya atau siapa-siapa yang datang melawat dan Yang Berhormat tak ada dan tak tahu biasanya jawapan saya kepada orang awam. Jawapan saya kepada orang awam biasanya adalah bahawa saya percaya ke atas parti saya, saya percaya ke atas kerajaan saya, saya percaya ke atas saudara-saudara saya. Saya rasa kepercayaan dan kesetiaan saya kepada Kerajaan Negeri telah dibuktikan berkali-kali dalam Dewan Undangan Negeri ini kerana setiap kali saya bertanya soalan ataupun mencadangkan sesuatu proses ataupun membangkitkan apa-apa pertimbangan, kerisauan saya akhirnya ada saya rasa ada tindakan dibuat. Maka saya rasa ketelusan Kerajaan Negeri pernah berkali-kali dibuktikan.

Namun demikian, dalam sesi ini persidangan ini telah saya bangkitkan kerisauan saya tentang kajian kebolehlaksanaan yang dijalankan oleh Zenith dan telah dijawab bahawa ia boleh dihalusi dan ditelitikan melalui PAC dan saya akan membuat demikian.

Hanya saya ingin memohon kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dan terutamanya pihak-pihak eksekutif bahawa walaupun kami sedia maklum bahawa proses-proses kajian kebolehlaksanaan, DEIA sedia ada dan pada pendapat saya cadangan usul yang diberikan oleh YB. Pulau Betong itu adalah tidak lah perlu. Namun harap pihak eksekutif akan menititberat dan memberi perhatian kepada kajian kebolehlaksanaan dan DEIA kerana memang telah timbul persoalan tapi saya rasa pada masa kini tanpa diperhalusi lagi melalui Jawatankuasa Kira-kira kami belum dapat membuat keputusan sama ada perlu dibuat semula dan diusahakan lagi.

Saya rasa setiap orang mengambil berat proses-proses mekanisme tidak akan menjadi masalah. Bersentuhan dengan itu, saya ingin membangkitkan tentang tambakan laut di sebelah Gurney Drive, saya rasa tambakan laut di tempat-tempat lain ada isunya yang berbeza. Sejak bermulanya pada saya masalah di Gurney Drive ia adalah tempat tumpuan orang awam dan bagi saya apa-apa perancangan di kawasan itu haruslah ada peluang diberi kepada orang awam memberi cadangan atau maklum balas. Jadi saya rasa secara kesimpulan saya memohon walaupun saya berasa usul yang diberi oleh YB. Pulau Betong adalah tidak perlu, tapi saya juga memohon daripada pihak eksekutif agar *regress security* ini diberi ke atas kajian-kajian kebolehlaksanaan dan *detail environment assessment* dan saya berharap melalui Jawatankuasa Kira-Kira kami boleh menghentikan *scope of work specification term of reference* apa yang diberikan dan yang dibahaskan. Terima kasih.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Ahli-ahli Yang Berhormat.

#### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan iaitu kata daripada prinsip. Secara prinsipnya bahawa memang dari portfolio saya iaitu Alam Sekitar. Kita sentiasa memantau dan telitikan semua-semua projek yang berkenaan dengan DEIA. Dan apabila usul ini datang dari YB. Pulau Betong dan disokong oleh YB. Telok Ayer Tawar, memang ini ada udang di sebalik batu kerana apabila kita semak di sini, pada tahun 2004 hingga 2007 memang kedua-dua Yang Berhormat ada di sini. Satu seorang EXCO, seorang *backbenchers*. EXCO telah meluluskan *middle bank*. Walaupun dia tahu di *middle bank* ada *sea grass bed*. Dia tahu, bukan dia tak tahu. Selain itu dia akan mengatakan dia tak tahu.

Kedua, bila saya buat bantahan, cara untuk *sea reclamation*, untuk NBCT. Di sini, ura-ura di sini tetapi tidak ada dengar atau sokongan atau ulasan daripada YB. Telok Ayer Tawar sebagai seorang EXCO baik pun daripada YB. Pulau Betong yang duduk belakang saya pada masa itu. Mereka buat senyap sahaja dan di dalam Dewan yang mulai kita telah dengar macam mana dia buat dan apabila mereka mencadangkan ini. Ini adalah satu usul tidak percaya kepada kakitangan kerajaan baik pun daripada Kerajaan Negeri, baik pun daripada Kerajaan Pusat. Kerana ini semua kena teliti bukan daripada Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Pusat terlibat, agensi-agensi Kerajaan Pusat terlibat.

Usul ini adalah satu insaf *to the integrity of the government servant*. Usul ini apabila dicadangkan dan disokong oleh kedua ini. It is a insaf *to the principle, where are your principle?* Oleh yang demikian, saya tidak mahu panjang *of the principle, this is the principle* dan saya tolak usul ini.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Air Putih.

### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya nak mengambil dalam usul ini, kerana saya rasa ini adalah satu usul yang tidak ikhlas, yang bermotif politik kerana niat usul ini ialah untuk memaksa pihak Kerajaan Negeri untuk membelakangkan konsesi-konsesi yang telah diberikan oleh Barisan Nasional dan terpaksa dipersetujui oleh pihak Kerajaan Negeri. Kita kena ingat bahawa E&O dan Tanjung Pinang, The Light, IJM ia semua diluluskan oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional dan suka tak suka, mahu tak mahu ia terpaksa diterima oleh *as a government* iaitu kerajaan kemudian, kerajaan selepas ini. Kalau kita lihat isi kandungan usul ini bahawa semua projek yang melibatkan tambakan laut mestilah dibentang semula. Sungguhpun ia telah dibentang semula untuk pendengaran di bawah peruntukan-peruntukan sedia di bawah Akta Alam Sekitar dan juga Akta Perancangan Bandar Dan Desa. Seakan-akan bahawa kita membelakangkan konsesi yang dipersetujui sendiri oleh Yang Berhormat sendiri. Macam mana ini boleh berlaku? Ini adalah sesuatu yang tidak berprinsip langsung dan seperti yang disebut tadi bahawa ia memang bermotif politik, berniat untuk memerangkap Kerajaan Negeri. Sekiranya kita meluluskan ini kita kena mengkaji semua, yang sudah pun diluluskan oleh Barisan Nasional sendiri terpaksa diterima dan sekiranya tidak dibenarkan maka kita kena atau terpaksa membayar pampasan bukan setakat berpuluh-puluh, beratus-ratus juga ringgit.

YB. Pulau Betong pun tahu bahawa dalam aspek tambakan laut ia terikat dengan Undang-Undang Nasional kita tidak boleh lari daripada Undang-Undang Nasional. Apa-apa usul yang kita luluskan hari ini kalau ia bercanggah dengan Undang-undang Kebangsaan maka ia tidak laku sama sekali kerana kita adalah dibawah sistem pemerintahan Persekutuan. Setuju tak? Setuju tak? Jangan main-main dalam perkara ini. Setuju dan oleh kerana kita di bawah sistem Persekutuan, maka sekiranya kita cuba membelakangkannya, bukan sahaja kita boleh kena saman kita akan dikenakan tindakan dan juga terpaksa bayar pampasan.

Ini satu realiti yang kita hadapi kecuali YB. Pulau Betong boleh dapat satu jaminan daripada Kerajaan Persekutuan bahawa sebarang ganti rugi akan dibayar oleh Kerajaan Pusat Barisan Nasional yang mencetuskan konsesi tambakan laut ini. Berani tak? Jangan main-main dalam perkara ini. Berani tak? Kita terpaksa menerima tambakan laut yang diluluskan oleh anda semasa YB. Telok Ayer Tawar adalah EXCO. Tahun 2004, Projek IJM diluluskan, adakah Yang Berhormat masa Ahli EXCO, EXCO. Diluluskan dan kalau kita lihat intipati isi kandungan kontrak secara amnya ialah dijual RM20 sekaki persegi. Adakah ini adil kepada rakyat Pulau Pinang? Harga yang begitu rendah berbanding dengan harga pasaran. Ini apa yang kita sebut tambakan laut yang diberikan untuk kroni-kroni supaya mereka boleh jadi kaya.



Ini berbanding dengan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan. Ia kita berikan tambakan laut, kita terpaksa kita terdesak. Apa jalan lain lagi. Kita bayar tiap-tiap tahun kepada Kerajaan Pusat RM6.3 billion. Tak ada projek pun. Apa sumber kewangan yang kita ada? Buat transport master plan, Y.A.B. Perdana Menteri telah janjikan nak buat LRT. Mana LRT? Bukan satu kali beliau janji, dua (2) kali, tiga (3) kali tapi semua omong-omong kosong saja. 9,999 rumah kos rendah dekat kawasan saya, janji pun sehingga sekarang tinggal janji saja. Itulah nilai janji Barisan Nasional dan sekarang nak buat usul sedemikian, sampai boleh mengelirukan YB. Tanjung Bunga sokong kerana isu alam sekitar, nampak cantik isu alam sekitar siapa yang membenarkan konsesi tambakan laut ini.

Kalau YB. Tanjung Bunga terperangkap menyokong mereka yang cetuskan tambakan laut ini. Saya nak ucapkan dan syabas bahawa anda berjaya. *You are the one, you are the culprit and yet you one to be the hero.* Saya tidak akan benarkan Barisan Nasional yang merupakan persalah dalam kes ini, nak jadi hero tambakan laut. Jangan harap kita lawan pembohongan sedemikian. Jangan main-main dengan isu ini. Ini perkara serius. Kalau kita benarkan apa yang berlaku dikaji semula Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan jadi bangkrap. Kita sekarang hadapi realiti ini tiap-tiap hari. Skandal tanah masih belum selesai. Betapa banyak skandal tanah yang kita kena hadapi yang dicituskan oleh Kerajaan Barisan Nasional dulu. Tan Hak Ju hanya salah satu (1) saja. Ada banyak kes lagi yang saya belum bongkarkan lagi yang melibatkan jumlah yang begitu besar sampai LA kita tiap-tiap malam kena kerja kuat kena lawan dekat mahkamah tentang skandal-skandal tanah di bawah Barisan Nasional.

Sekarang nak buat usul ini. Semua kaji semula kerana pertahankan alam sekitar. Lihat siapa yang luluskan tambakan laut sedemikian. *Middle bank* di bawah Rancangan Struktur Pulau Pinang. Kita belum luluskan lagi, kita buat kajian seperti yang ditetapkan di bawah Rancangan Struktur Pulau Pinang. Belum lulus lagi tapi tentu ada pihak-pihak yang menentang kita benarkan. Menentanglah, ini adalah hak demokrasi tapi kita belum luluskan lagi kerana kita nak buat kajian ini dulu. Tapi siapa yang luluskan tambakan laut di bawah Rancangan Struktur Pulau Pinang, tidak lain tidak bukan Barisan Nasional YB. Pulau Betong sendiri apabila menjadi Ahli Kerajaan Barisan Nasional. Itulah fakta dan hakikatnya. Itulah sebabnya saya lihat usul sedemikian, saya rasa itu adalah semata-mata satu permainan politik. *Are you going to apologize for approving the reclamation project?* Berani tak minta maaf, berani tak akui anda salah bila meluluskan tambakan laut ini? Berani tak? Kerana masa itu anda YB. Pulau Betong, YB. Telok Ayer Tawar, YB. Pinang Tunggal ada. Yang lain-lain saya rasa masa itu belum jadi Yang Berhormat sebelum tahun 2008. *Would you made up .....(dengan izin) an apologize for proving this reclamation project, don't pretending,* jangan pura-pura di sini. Anda meluluskan, menyokong kelulusan projek tambakan laut ini.

Sekarang bila kita menghadapi keadaan sedemikian, apa boleh buat? Apa boleh buat? Kita terpaksa terima, sekiranya usul diluluskan ia akan diambil tindakan kerana kita terikat dengan Undang-Undang Persekutuan dan undang-undang Persekutuan semua peruntukan berkaitan dengan pendengaran awam, bantahan, DEIA semua telah pun termaktub dalam undang-undang yang sedia ada. Saya harap dalam isu ini memang parti lawan akan mainkan politiknya sungguh pun mereka yang mulakan kelulusan projek-projek tambakan laut ini dan kita mengkaji cadangan-cadangan yang dibuat kerana kita mahu masalah kesesakan lalu lintas diatasi di Pulau Pinang. Macam mana

kita boleh atasi masalah kesesakan lalu lintas tanpa *transport master plan*. Bila *transport master plan* yang kita rancang memerlukan pelaburan dana kewangan yang begitu besar dan Kerajaan Pusat tak mahu bantu sama sekali. Apakah ada jalan lain? Kita buat ini bukan untuk menjadi satu (1) dua (2) orang kaya, bukan untuk buat kroni kaya tetapi untuk masa depan anak-anak kita. Kalau ada pilihan tentu kita boleh elak, kita elak. Tetapi tak ada pilihan. Macam mana pula?

Saya harap YB. Pulau Betong boleh fikir masak-masak. Usul ini kita kena bentang semula. Yang telah lulus kena bentang semula ini adalah impaknya. Menidakkan undang-undang, menidakkan apa yang telah diluluskan akhirnya Kerajaan Negeri kena bayar pampasan. Macam mana kita nak bayar? Adakah ini perangkap untuk kita jadi bankrap. Tidak, kita tidak akan benarkannya. Saya harap bahawa Dewan yang mulia ini jangan terperangkap dengan permainan politik yang agak lincin ini, licik, ya betul. Begitu licik ini. Nampaknya indah khabar dari rupa lah. Nampaknya macam mempertahankan alam sekitar, tidak. Semuanya telah termaktub dalam undang-undang yang sedia ada. Yang penting ialah impak negatifnya. Kalau kita lihat hanya semata-mata dalam alam sekitar kita pula lihat juga dari segi peruntukan undang-undang. Tapi pengasasnya, pengasasnya tidak ikhlas kerana anda Yang Berhormat, saya minta maaf, saya kena terus terang. *You are part of the problem, you are part of the problem, you created this*. Itu yang saya hendak tekankan dan saya berharap Dewan yang mulia ini jangan kita terikat dengan permainan politik ini. Kita tolak usul oleh mereka yang membuat atau meluluskan konsesi tambakan laut tanpa manfaat kepada kepentingan awam hanya untuk kroni-kroni tertentu. Jangan lupa Tanjung Pinang diluluskan dengan harga berapa? RM1.00 sekaki persegi. Dahsyat sama sekali. Kalau 90-an YB. Ketua Pembangkang masa itu ada RM1.00 kah? Tak kan masa itu RM1.00....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Masa Francis Light....(gangguan)....(ketawa).

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ya, saya setuju dengan YB. Padang Kota, Francis Light mungkin RM1.00 kaki persegi. Ada lagi Rayston. Tadi YB. Bayan Lepas sebut tentang nelayan. Macam air mata boleh keluar. Tapi adakah YB. Bayan Lepas tahu Rayston diberikan kelulusan tambakan laut berapa? 1,700 lebih ekar, tak ada nelayan dekat SPU kah? Ada nelayan dak dekat SPU? Telok Ayer Tawar, ada nelayan dak? Ada. Sekarang tahu ini angkara siapa? Ini semua angkara parti anda sendiri. Saya tak salahkan YB. Bayan Lepas, masa itu Bayan Lepas belum jadi Yang Berhormat lagi. Tapi yang tiga-tiga di depan ini, mereka adalah yang bertanggungjawab. Tak boleh lari daripada tanggungjawab khususnya yang jadi Ahli EXCO. So janganlah jadi hero dalam perkara, janganlah cuba jadi hero alam sekitar. Masa itu tak sebut pun, tak lepas dari bibir pun alam sekitar.

YB. Seberang Jaya pun sudah sebut, kalau kita lihat daripada pengeluaran tangkapan ikan sudah naik, naik berapa? Naik. Kita akan ikut DEIA yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Pusat. Kita akan ikut apa yang ditetapkan oleh BMF, tapi jangan cuba cacatkan, jangan cuba sabotaj kewangan Kerajaan Negeri. Saya harap sungguhpun saya faham ada isu-isu yang penting. Saya faham dan itulah sebab Kerajaan Negeri selalu bagi kebebasan. Tapi saya harap jangan terperangkap dengan permainan UMNO

ini kerana ia tidak ikhlas. Jangan kita di Pakatan Harapan berdiri bersama dengan UMNO, BN sudah tak dak dah. UMNO ada. Jangan kita berdiri bersama UMNO, jangan kita berdiri dengan UMNO yang menyebabkan krisis ekonomi kita. Kalau inilah akibatnya *you would have to pay the price*. Berdiri bersama dengan UMNO, ingat baik-baik. Itulah yang saya hendak sampaikan. Saya harap Yang Berhormat bolehlah jawab sama ada rela minta maaf kalau betul-betul ikhlas membentangkan usul ini. Relu minta maaf kerana masa itu juga sokong kelulusan tambakan laut. Sekian, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan dalam sesi penggulungan. Saya minta Ahli YB. Pulau Betong, gulung.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Jantung saya berdegup degap, takut melihat wajah, melihat reaksi Air Putih berhujah. Mukanya merah bersemangat, suaranya keras macam nak telan kita, silap-silap boleh lari...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kita tak pura-pura.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kalau ada *award* saya boleh bagi sebagai pelakon terbaik kepada Y.A.B. Air Putih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kita tak pura-pura.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pulau Betong, sila teruskan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Okey, saya teruskan dengan penggulungan saya. *First thing* saya nak maklumkan kepada Air Putih dan Dewan, saya tiada ada niat mensabotaj, saya tiada ada niat untuk mencatitkan dan saya bukan *part of the problem*, okey.

Yang kedua, sepertimana kata YB. Ketua Pembangkang kita tidak berhasrat untuk membantah sebarang pembangunan, tidak. Kita terima pembangunan tetapi kita mahu kepastian bahawa apa yang kita hendak dilaksanakan akan membawa lebih kebaikan kepada negeri dan alam sekitar. STP2, STP1 telah pun dilaksanakan dan telah pun ditandatangani tak salah saya penghujung tahun 90-an lama dah dan saya tidak terlibat pada masa itu. Walau bagaimanapun, saya tertarik apa yang dicakapkan oleh YB. Air Itam yang mengatakan bahawasanya ada legal mekanisme perundangan. Kita buat DEIA dulu, pasal dulu sebelum kita buat dan kita paparkan kepada *public* untuk melihatnya.

Lepas itu baru kita buat projek. Betul saya bersetuju memang itu ada dan telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kita tak lari daripada itu, undang-undang tetap undang-undang dan kita ikut apa yang telah pun diputuskan, dibentangkan oleh DEIA yang diputuskan oleh DEIA untuk kita buat sebelum kita laksanakan projek itu. Telah pun kita ikut dan sebagainya.

Apa yang disebutkan oleh YB. Seri Delima sebagai ada tujuan politik. Saya nak bagi tahu pada YB. Seri Delima yang dibuat oleh saya tanpa tujuan politik tetapi meletakkan kemasyarakatan rakyat dan Pulau Pinang. Itu tujuan saya. Tidak semestinya ada isu-isu lain seperti yang disebutkan oleh YB. Seri Delima. Isu ini penting kerana ianya suara hati masyarakat Pulau Pinang dan anak-anak Pulau Pinang lebih-lebih lagi mereka yang cari makan dengan bekerja sebagai nelayan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajai):**

Saya minta laluan sikit saja Yang Berhormat, sikit saja. Sikit saja Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tak bagi. YB. Padang Kota kata penambakan laut ini bukanlah isu yang baru, isu yang lama, betul. Bahkan bentuk Pulau Pinang dulu dengan hari ini memang jauh berbeza. Jauh berbeza, dulu muka *shape* dia bukan seperti *turtle* tapi hari ni dah macam *turtle* dan mungkin akan berubah lagi. Memang itu diperlukan dan itu tujuan kita buat *reclamation* untuk membuat Jelutong Expressway dan hari ini dapat dinikmati oleh rakyat Pulau Pinang. Kita buat Bayan Lepas, Bayan Baru, kilang-kilang tumbuh bagai cendawan. Nikmat dia untuk orang Pulau Pinang juga. Kita buat benda yang perlu. Butterworth *red tape* untuk Butterworth dan sebagainya. Cuma yang menyebabkan saya buat isu ini adalah kerana dalam *PAC Meeting* apabila kita membincangkan tentang isu terowong dan lebuh raya melihat cara pelaksanaannya diberikan kepada Zennith Konsensi itu mereka menjalankan kerja-kerja kajian kebolehpelaksanaan, *detail design* yang telah pun hampir siap tetapi DEIA masih belum siap.

Jika sekiranya jawapan yang saya dapat, jika sekiranya DEIA tidak diluluskan maknanya perkara ini tidak akan dilaksanakan. Tetapi pembayaran telah pun dibuat. Sebab itu saya mengesyorkan supaya terlebih dahulu dibuat DEIA menggunakan duit kerajaan selepas dipamerkan mendapat kelulusan dan dilaksanakan. Bererti bergantung kepada keputusan DEIA. Itu tujuan usul. Kita tidak perlu memberi contohnya macam membuat projek untuk *transport master plan* RM27 billion, besar. Tentunya tanah yang akan dilibatkan bukannya sedikit, mungkin besar, mungkin beberapa pulau-pulau buatan manusia di situ. RFP diberikan untuk buat kajian. Itu pun Yang Berhormat tetap tak mengaku pada mula-mulanya apabila ditanya oleh surat khabar. Tak tahu apa yang berlaku ditapak sehinggalah disahkan oleh YB. Padang Kota ada sebenarnya kerja-kerja yang dilaksana, dibuat oleh pihak yang mendapat konsesi itu. Mereka buat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Mana ada cakap?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kajian dibuat. YB. Padang Kota mengaku ada kajian dibuat. Tetapi mereka turun ke tapak apabila mereka tanya kepada CAP mengenai isu ini, apa pula tak boleh dah. Dalam surat khabar ada. Saya boleh sebutkan tarikh-tarikh dalam hujah saya dalam perbahasan saya. Jadi apa yang saya mahu adalah Yang Berhormat supaya Kerajaan Negeri memberikan duit sendiri untuk membuat DEIA itu dan selepas daripada itu... (gangguan), bagi saya habis dulu. Barulah dipanggil RFP untuk cadangan-cadangan. Bukan nak menafikan. Ini yang saya minta dan telah pun saya sebut. Seperti mana kata YB. Sungai Puyu saya agak memandang kepada kakitangan kerajaan, tidak sekali-kali. Saya menyebut tentang kuasa mestilah mengandungi kesemua jabatan yang saya sebutkan tadi. Sebab apa, sebab saya menghargai mereka.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Minta jalan. Saya tidak tahu sama ada YB. Pulau Betong sedar atau tidak bahawa bila kita rangkakan itu perjanjian, ia berpandukan kepada konsesi yang diluluskan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Kita ikut rangka konsep yang sama. So di sini saya harap bahawa YB. Pulau Betong kalau kerangka *frame work the contractor*, kerangka konsep ini tidak betul, adakah ini bermakna kerangka MRT RM53 billion pun tak betul? Kerana kita ikut formula sama dan yang telah pun disahkan oleh Syarikat Perakauan Antarabangsa (KPNG). Kita pakai syarikat perakaunan antarabangsa untuk pastikan ia ikut piawaian-piawaian antarabangsa kerana kita tak mahu sebarang salah laku. Kita mahu pastikan ia telus. Saya harap jangan cuba cakap bahawa tentang itu DEIA. Suruh DEIA buat mereka bertanggungjawab kena kos DEIA. Tapi kalau kita sebut tentang *feasibility study* yang telah dilakukan ia berpandukan apa yang diputuskan oleh Kerajaan Pusat. Adakah YB. Pulau Betong sedar tentang perkara ini? YB. Pulau Betong bukanlah seorang biasa. Anda adalah seorang *surveyor* bertauliah. Anda kena faham. Yang Berhormat tentu faham tentang perkara ini. Mengapa nak putar belitkan. *Let stick to fact.*

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Y.A.B. Air Putih, kerana fahamlah saya terkejut apabila dibentang dalam *PAC meeting, design* dah siap, okey. Kajian pelaksanaan dah siap, yuran dah bayar tapi DEIA masih belum siap.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ia masih dijalankan.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Saya boleh bantu walaupun Bagan Jermal yang bertanggungjawab...(gangguan). *Final design* yang dikatakan siap adalah untuk tiga *road project* di mana DEIA tidak diperlukan. DEIA diperlukan untuk terowong, terowong baru buat *feasibility study*, tak berkaitan langsung. *Final design* untuk *road project* yang tak perlukan DEIA. Apa salah dia?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Okey, DEIA untuk terowong buat bila?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

...(gangguan). Belum buat. Sekarang kita buat jalan dulu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tetapi konsensi telah pun diberikan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Berkaitan dengan jalan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya cakap, itulah, dalam usul saya ini, dalam usul saya mengatakan bahawasanya sebelum konsensi ditandatangani mesti ada DEIA dulu dengan menggunakan bon kerajaan. Bukan dimaksudkan dalam RFP.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

DEIA untuk terowong, terowong belum mula....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terowong satu contoh. Tetapi yang ditambahkan untuk, itu satu contoh yang lain.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

*DEIA for road project.*

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

No untuk tambakan laut itu, Batu Maung, Permatang Damar Laut, di Batu Maung.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tak ada. Kita tak pernah beri kelulusan. Ini adalah satu cadangan atau syor oleh pihak tertentu. Siapa-siapa boleh buat itu pembentangan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Betul, sebab itu saya kata usul saya mudah saja.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kita kena betulkan kerana Yang Berhormat tak faham tentang itu projek tiga (3) jalan raya dan satu terowong. Kena faham. Ini tiada kaitan dengan DEIA. Yang Berhormat telah keliru. Ini yang kita betulkan. *So that why we say you are the part of the problem.*

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Usul saya, saya minta supaya sebelum, saya ulangi cukup mudah, faham ini. Selaras dengan nilai pentadbiran Kerajaan Negeri yang menekankan Cekap, Akauntabiliti dan Telus, maka semua projek konsesi yang melibatkan penambakan laut untuk mewujudkan tanah tebus guna bagi tujuan pembangunan sebagai gantian atau pertukaran bagi menampung kos projek pembangunan infrastruktur asas atau projek pengangkutan awam atau apa-apa tujuan pembangunan hendaklah dibentangkan untuk pendengaran awam terlebih dahulu. Salah dekat mana semua ini? Tak salah... (gangguan). *Very clear* dan saya mengharap usul ...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

*You want to redo but it's in contract.*

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya faham Yang Amat Berhormat itu kontrak, sebab itu saya buat usul ini, okey. Saya mahu supaya menangguhkan semua rancangan penambakan laut bagi mewujudkan tanah tebus guna supaya satu kajian terperinci dalam supaya dalam impak alam sekitar, impak sosial akibat daripada cadangan penambakan laut di seluruh Pulau Pinang dibuat dan membatalkan semua rancangan sekiranya ia memberi kesan negatif.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Di sini menangguh termasuk yang sedia ada yang telah diluluskan oleh Kerajaan BN sendiri. Tak akan tak faham bahasa menangguh, menangguh semua rancangan penambakan laut. Tak akan Yang Berhormat tak faham Bahasa Malaysia.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tunggu DEIA *report* dulu.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

DEIA report telah lama dibuat. Kita kena ikut Akta Alam Sekitar dan Akta Perancangan dan Desa, tentu ada buat DEIA. Tapi sekarang anda minta ia dibuat semula, kenapa nak buat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya kata sebarang rancangan yang baru.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Menangguh semua rancangan penambakan laut baru bagi mewujudkan bagi... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang baru, yang baru. Yang lepas, lepaslah, yang baru.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tambakan laut yang kita hendak luluskan ialah yang baru. Tak akan tak faham.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya kata penambakan yang baru.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pulau Betong guna masa ini untuk gulung dan buat penjelasan terhadap isu ini.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya tetap mengatakan bahawa inilah usul saya supaya kerajaan mempertimbangkan, saya tahu usul ini adalah daripada Barisan Nasional. Memang sukar untuk orang nak sokong sebab kami sedikit. Sebab itu apabila Tanjung Bunga cakap, Y.A.B. Air Putih jangan merendahkan dia.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dia tak sokong, tak sokong. Dia tak sokong pun.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Mohamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat nak pakai hansard sekarang kah? Saya dengar dia kata sokong. Tapi usul yang ..(gangguan) bukan masalah sokong ataupun tidak, yang penting adalah saya mahukan supaya Kerajaan Negeri mempertimbangkan usul ini kerana bagi semua projek baru, *B.A.R.U* (mengeja ayat) minta supaya dibuat kajian terperinci dahulu sebelum di *award*, sebelum dibuat RFP.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Okey, yang pertama kalau Yang Berhormat rasa itu tidak merangkumi tambakan laut yang telah pun diluluskan konsesinya. Itu Yang Berhormat maksudkan?



**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Ya.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tapi yang baru kita kena buat DEIA. Itu ialah keperluan undang-undang. Tak masuk akal.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Inilah yang saya maksudkan ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Itu lah saya sebutkan tak perlukan usul ini kerana ia memang peruntukan undang-undang. Apa perbezaan dengan undang-undang yang sedia ada. Kesemua tambakan laut yang dijalankan dia mesti mendapat kelulusan DEIA. Bila saya lihat ini, saya lihat bahawa yang mula-mula itulah sebabnya anda ingin lihat nak me *review*, mengkaji semula semua projek tambakan laut yang belum bermula kerana kalau yang baru.... (gangguan)...

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat nak buka hansard sekarang? Saya dengar kata sokong tetapi usul Yang Berhormat Dato Speaker bukan masalah sokong ataupun tidak yang penting saya mahukan Kerajaan Negeri mempertimbangkan usul ini kerana bagi semua projek baru minta supaya dibuat kajian terperinci dahulu sebelum diaward sebelum dibuat RFP.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang pertama kalau Yang Berhormat rasa itu tidak merangkumi tambakan laut yang telah pun diluluskan konsesinya. Itu Yang Berhormat maksudkan? Tetapi yang baru kita kena buat DEIA. Itu ialah keperluan undang-undang ini tidak masuk akal. Itulah yang saya sebut tak perlukan usul ini kerana ini memang peruntukan undang-undang apa perbezaan undang-undang sedia ada.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Amat Berhormat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Apa bezanya. Sebut tambakan boleh dijalankan mesti mendapat kelulusan EIA. Bila saya lihat ini bahawa yang mula-mula itulah sebabnya anda dilihat nak *review* dan mengkaji semula nak tengok semua projek tambakan laut lama yang belum bermula kerana kalau yang baru tak masuk akal.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang baru.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tak masuk akal Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kenapa tak masuk akal pula.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tak masuk akal kerana semua tambakan laut mesti melalau proses DEIA itu undang-undang kita buat apa usul untuk mengecualikan DEIA tak boleh pakai kita kena buat DEIA. Yang Berhormat tak faham?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Fahamlah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tetapi dengan ini tak perlu ada usul sedemikian. Kerana ini adalah keperluan undang-undang.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya tidak akan menarik usul ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya tidak minta Yang Berhormat menarik usul ini, saya cakap usul ini Yang Berhormat tak faham kerana sudah memang ada dalam undang-undang tak perlu ada usul ini.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Okey Yang Berhormat. Saya nak gulung, cukup.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Satu sahaja.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Cukup. Yang Berhormat. Apabila Ahli Kawasan Bagan Dalam mengemukakan laporan PAC, saya bantah kerana masih belum dikaji sepenuhnya dalam laporan itu. Termasuklah isu tentang DEIA dan sebagainya, itu satu....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya cakap tak perlu DEIA, itu bukan terowong.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat Air Putih saya bercakap tentang laporan yang dibuat struktur itu, dalam itu ada elemen DEIA betul tak betul?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tapi itu belum mula apa DEIA.?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Itu saya cakap antara sebab untuk mengenal pasti, faham tak?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Boleh tak beri penjelasan mengenai DEIA....(gangguan)

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kalau tak payah kita teruskan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat tak faham.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya tetap dengan usul saya mengatakan bahawasanya: "Selaras dengan nilai pentadbiran Kerajaan Negeri yang menekankan Cekap, Akauntabiliti, Telus (C.A.T) maka semua projek dan atau konsesi yang melibatkan projek penambakkan laut untuk mewujudkan tanah tebus guna tanah atau tebus guna bagi tujuan pembangunan sebagai gantian atau pertukaran bagi menampung kos projek infrastruktur asas atau projek perkhidmatan awam atau apa-apa tujuan pembangunan hendaklah dibenteng untuk pendengaran awam terlebih dahulu sebelum dimuktamadkan. Menangguh semua perancangan penambakan laut baru bagi mewujudkan tanah tebus guna sehingga satu kajian tanah terperinci sehingga Kajian Impak Alam Sekitar serta Kajian Impak Sosial akibat cadangan tambakan laut di seluruh Negeri Pulau Pinang dibuat dan membatalkan semua rancangan tersebut sekiranya ianya memberi kesan yang negatif." Yang Berhormat Dato' Speaker, Peraturan 114 saya minta untuk dibahagi.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada sokongan? Ada sokongan. Berdiri sekejap.

**Ahli Kawasan Teluk Ayer Tawar (YB. Dato Hajah Jahara Binti Hamid):**

Nanti Dato' Speaker, saya menyokong..

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah kita hadapi adalah usul daripada Yang Berhormat Kawasan Pulau Betong “Bahawasanya Dewan Yang Mulia membuat satu ketetapan untuk mengarahkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bahagian 'A' selaras dengan Nilai Pentadbiran Kerajaan Negeri yang menekankan 'Cekap, Akauntabiliti, Telus' maka semua projek konsesi yang melibatkan penambakkan laut untuk mewujudkan tanah tebus guna bagi tujuan pembangunan sebagai gantian atau pertukaran bagi menampung kos projek pembangunan infrastruktur asas atau projek pengangkutan awam atau apa-apa tujuan pembangunan hendaklah dibentangkan untuk pendengaran awam terlebih dahulu sebelum dimuktamadkan”.

“Bahagian 'B' menengguh semua rancangan penambakkan laut baru bagi mewujudkan tanah tebus guna sehingga satu kajian terperinci serta Kajian Impak Alam Sekitar serta Kajian Impak Sosial akibat daripada cadangan penambakkan laut di seluruh Negeri Pulau Pinang dibuat dan membatalkan semua rancangan tersebut sekiranya memberi kesan yang negatif”.

Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun proses pengundian itu dikemukakan untuk diundi secara berbahagi dan telah pun ada sokongan maka Dewan akan mengundi dengan cara dibahagikan.

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, nama Ahli-ahli Yang Berhormat akan dipanggil mengikut kawasan Yang Berhormat yang bersetuju sila nyatakan “Ya.” Ahli Yang Berhormat tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak.” Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak hendak mengundi sila nyatakan “Tidak mengundi.” Saya mulakan dengan Ahli Kawasan Air Putih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tuan Yang di-Pertua. “Tidak.”

**Setiausaha:**

Ahli kawasan Pantai Jerejak.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang di-Pertua. “Tidak.”

**Setiausaha:**

Ahli Kawasan Perai.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Sungai Bakap (YB. Maktar Bin Hj. Shapee):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

“Tidak Mengundi.”

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dengan sebulat suara. “Tidak.”

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

“Tidak undi.”

**Setiausaha:**

“Tidak mengundi.”

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

“Tidak mengundi.”

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

“Tidak.”

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

“Tidak mengundi.”

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

“Tidak mengundi.”

**Ahli kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

“Sokong.”

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

“Ya.”

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato Haji Mahmud Bin Zakaria):**

“Ya.”

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

“Ya.”

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):**

“Ya.”

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

“Ya.”

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

“Ya.”

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

“Ya.”

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat keputusan terhadap usul adalah seperti berikut:

“Ya”	=	10
“Tidak bersetuju”	=	23
“Tidak mengundi	=	5
		-----
Jumlah	=	38
		=====

Usul dipersetujui.

Silap-silap. Usul tidak dipersetujui. Maaf, maaf.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat Dato Speaker, sila ulangi semula.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Usul tidak dipersetujui...(gangguan)

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta tolong ulangi semula yang berkecuali.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Kira semua, sana ada “10.”

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta tolong ulangi semula yang berkecuali.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Ya”	=	10
“Tidak Bersetuju”	=	23



“Tidak Mengundi” = 5

Keseluruhan = 38

Maka usul tidak dipersetujui oleh Dewan dan ditolak.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang di-Pertua saya menyokong.

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan dan usul telah mendapat sokongan. Sebelum itu terdapat satu notis ucapan penangguhan di bawah Peraturan 29 daripada Ahli Kawasan Machang Bubuk.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan YB. Kawasan Machang Bubuk untuk memberi ucapan penangguhan selama tidak lebih daripada 7½ minit.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Tajuk ucapan penangguhan saya adalah berkenaan Kerajaan Negeri perlu mengambil tindakan proaktif serta berkesan untuk mencegah kejadian jerebu yang berulang setiap tahun. Masalah jerebu bukan baru untuk Negara kita setiap tahun khasnya pada musim kemarau maka seluruh Negara kita akan terjejas dengan masalah jerebu. Impak buruk jerebu telah mengancam Negara malahan kesihatan rakyat di seluruh Malaysia. Rakyat terpaksa menanggung kos yang tinggi akibat daripada jerebu hasil pertanian dan perikanan berkurangan akibat nelayan tidak dapat keluar ke laut atau tanaman juga terjejas. Masalah kesesakan nafas dan penyakit respirasi, sekolah ditutup malahan penerbangan terjejas.

Namun Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri yang tidak menunjukkan usaha bersungguh-sungguh dalam menangani masalah jerebu daripada punca. Selain daripada mengedar topeng muka kepada rakyat, membuat seruan agar kurangkan aktiviti di luar pintu, mengadakan solat hajat agar hujan turun dan jerebu dan mengharapkan jerebu hilang secepat mungkin. Wakil Kerajaan Negeri juga telah menghantar memorandum kepada Kerajaan Indonesia untuk membuat bantahan dan cadangan untuk menangani masalah jerebu.

Namun demikian ke semua usaha adalah *deactive* serta tidak dapat memberi satu kesan yang positif dalam menangani jerebu yang senantiasa berulang, setiap tahun

rakyat begitu tidak berdaya atau *health less* dengan izinnya apabila berdepan dengan masalah jerebu mereka tertanya-tanya apa yang boleh dilakukan dalam masa pendek atau jangka masa panjang sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri yang mewakili rakyat apa yang boleh kita buat selain daripada keluar kenyataan media, mengedar *face mask* ataupun menghantar memorandum kepada Kerajaan Indonesia.

Bayangkan sampai hari ini Kerajaan Malaysia masih belum lagi meluluskan menguatkuasakan Akta Jerebu Rentas Sempadan yang amat penting untuk membanteras pembakaran terbuka serta mengambil tindakan undang-undang kepada sesiapa yang terlibat dalam kebakaran hutan di Indonesia. Di manakah iltizam politik atau *political wheel* Kerajaan Persekutuan dalam mencegah kebakaran dari terus berlaku. Sementara kita menunggu Kerajaan Persekutuan untuk membentangkan dan meluluskan rang undang-undang pencemaran jerebu rentas sempadan di Parlimen syarikat-syarikat ladang besar daripada Malaysia yang menjalankan aktiviti pembakaran hutan di Indonesia perlu diambil tindakan undang-undang malahan produk mereka perlu *off shelf* di pasaran seperti apa yang dijalankan oleh Kerajaan Singapura atas syarikat yang berasal daripada Singapura.

Tindakan undang-undang serta hukuman yang berat perlu diambil ke atas syarikat ladang besar di Malaysia agar membendung mereka terus menjalankan pembakaran secara terbuka. Saya percaya *political will* yang kuat untuk merealisasikan *cleaner, greener, safer, healthier Penang* akan mendorong Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil tindakan proaktif dan lebih agresif seterusnya menjadi teladan kepada negeri-negeri yang lain dan juga mendesak kerajaan Malaysia, Singapura, Indonesia harus segera terjemahkan perjanjian ASEAN mengenai pencemaran jerebu rentas sempadan supaya bernafas udara segar semula setiap tahun.

Dakwaan ke atas syarikat peladangan milikan Malaysia atas membakar ladang-ladang yang mencetuskan masalah jerebu pernah dicadangkan oleh saudara Ahli Kawasan Padang Kota, saudara Ahli Kawasan Bagan Jermal saudara Ahli Kawasan Sungai Puyu, saudara daripada Ahli Kawasan Batu Lancang serta saudara, saudari daripada Ahli Kawasan Padang Lalang yang telah pernah menghantar memorandum sejak Konsulat Indonesia Pulau Pinang pada 15 Ogos 2005 adalah sangat bernas sekali dan masa telah lepas 10 tahun wakil rakyat yang mengambil prihatin pada masa tersebut dan sekarang juga telah menjadi barisan EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Memandangkan penghantaran memorandum memang sukar untuk mendapat perjanjian dan jaminan yang menyakinkan daripada Negara Indonesia saya berpendapat Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak boleh lagi teragak-agak untuk mengambil tindakan yang drastik yang menepati keperluan serta merta semua rakyat untuk menyedut udara segar dan bersih setiap hari. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab kita perlu memastikan keadaan kesihatan rakyat sentiasa terjamin dan terjaga.

Sebagai wakil rakyat tidak kira kita dari parti Pemerintah atau Pembangkang di Pulau Pinang, kita perlu mengkaji atau mengubah undang-undang seperti apa yang kita pernah buat di DUN Pulau Pinang ini seperti Enakmen Kebebasan Maklumat dan lain-lain. Data-data tentang masalah jerebu termasuk kes rawatan akibat jerebu, kesan buruk ke atas pertanian dan lain-lain yang telah perlu direkodkan dan diambil tindakan oleh Pihak Berkuasa dengan usaha daripada pelbagai pihak saya yakin kita akan berjaya

menamatkan pembakaran hutan dan masalah jerebu yang telah merosakkan alam semula jadi yang mengakibatkan perubahan cuaca dan mengganggu kehidupan harian kita selama 18 tahun. Dengan ini sekian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dipersilakan Yang Berhormat beri ucapan balas.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Ya, ada banyak telah diperjelaskan dan apa yang diucap akan diambil perhatian. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kerjasama semua sepanjang perjalanan persidangan Dewan ini dengan ini Dewan ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

***Dewan ditangguhkan pada jam 10.00 malam.***